

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

---

### **1.1 Latar Belakang Masalah Kajian**

#### **1.1.1 Peperangan**

Dunia seringkali diancam dengan pergaduhan dan peperangan, sama ada peperangan antarabangsa, negara, agama, etnik, suku kaum, bahkan wujud juga peperangan yang berlaku antara anak-beranak dan kaum keluarga. Perang yang dimaksudkan adalah satu pertempuran ataupun dalam erti kata lain merupakan perjuangan (jihad). Kenyataan ini turut di perakui oleh Sun Tzu dalam karyanya yang menyatakan bahawa peperangan itu adalah urusan negara yang penting untuk menentukan kelangsungan hidup atau kemusnahan sesebuah negara, maka setiap jenis peperangan itu perlu diselidiki terlebih dahulu matlamatnya.<sup>1</sup> Di samping itu, perang juga sering dianggap oleh sekalian manusia bahawa ia merupakan satu perbalahan yang melibatkan penggunaan senjata sehingga mampu mengancam nyawa antara sesama umat manusia.<sup>2</sup> Ini menunjukkan bahawa penggunaan senjata merupakan elemen penting dalam sebuah peperangan.

Perang merupakan salah satu daripada kegiatan manusia kerana ia meliputi pelbagai sudut kehidupan. Peredaran zaman serta berkembangnya sesebuah tamadun telah menuntut seluruh daya upaya manusia untuk berjuang mempertahankan negara terutamanya dalam peperangan. Ini kerana pada masa kini perang merupakan satu

---

<sup>1</sup> Saputra, Lyndon, (2002), Sun Tzu the Art of Warfare, Batam : Lucky Publisher, hlmn 8

<sup>2</sup> Kamus Dewan Bahasa (*Edisi Keempat*), (2007), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , hlmn 1178

masalah yang sangat besar, rumit dalam sebuah kehidupan, bangsa dan negara. Bahkan Tun Dr. Mahathir Muhammad juga ada mengemukakan pandangannya bahawa kecekapan dan kebijaksanaan seseorang mampu membunuh pihak lawannya dan seharusnya pada masa kini manusia perlu memahami bahawa peperangan itu merupakan satu jenayah, malah ia akan memberi satu implikasi yang amat dahsyat. Masyarakat juga perlu tahu bahawa perang masa kini tidak lagi hanya bergantung kepada pihak tentera untuk menentang musuh, bahkan ia melibatkan orang awam untuk bersama-sama memperjuangkan hak.<sup>3</sup> Oleh itu, peperangan perlu dibanteras daripada kehidupan manusia dan jika perang itu digunakan sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah, maka sudah pasti dunia bukan lagi tempat untuk mencari keamanan dan manusia akan terus hidup dalam kegelapan.

Agenda politik lazimnya menjadi punca utama dalam tercetusnya peperangan. Bahkan mampu menentukan tahap peperangan yang akan dilaksanakan<sup>4</sup> untuk memastikan kepentingan sesetengah pihak itu dicapai. Perang juga dijadikan sebagai salah satu cara untuk memadamkan kemampuan pihak musuh secara keseluruhan. Oleh itu, untuk memastikan matlamat itu tercapai perlu kepada beberapa elemen yang dikira amat penting dan perlu dititikberatkan. Antaranya seperti penglibatan individu dan institusi yang terlatih, berbekalkan senjata dan perkapalan yang mantap serta strategi yang terancang. Akan tetapi, jika tujuan perang itu bersifat lebih sempit, maka secara tidak langsung seluruh tindakan perang itu akan memusnahkan diri sendiri.<sup>5</sup> Ini kerana semangat perjuangan dalam peperangan itu merupakan satu azam untuk berjuang bermati-matian.

---

<sup>3</sup> Wan Rosli Abd Majid, Norhanizah Ismail, (2006), “*Harapan Bagi Keamanan Dunia*” dalam Majalah Kefahaman Islam VISI, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Hlmn 39

<sup>4</sup> Clausewitz, Carl von, (1976), *On War*, ed., Michael Howard and Peter Paret, jil. 3, Princeton : Princeton University Press.

<sup>5</sup> Clausewitz turut menyatakan pandangan beliau berhubungkait dengan peperangan. Lihat Soeharto , Nyoman Mastra, (1982) *Capita Selecta Masalah Pertahanan*, Jakarta : Alumni Sekolah Tinggi Teknologi TNI, hlmn 64 .

Sementara dari konteks Islam pula, sesungguhnya pertelingkahan, peperangan tidak digalakkan sama sekali dalam agama Islam, malah Islam menyeru kepada keamanan, keselamatan di antara sesama manusia sejak dari zaman Adam sehingga akhir usia dunia. Sebagaimana dalam Firman Allah yang bermaksud :

“Janganlah kamu bercerai-berai sebab kamu akan lemah dan lenyaplah kekuatan”.

Surah al-Anfal (8) : 46

Ini menunjukkan bahawa dalam Islam sama sekali tidak berminat untuk bertempur dan semestinya apabila timbul sesuatu masalah yang meruncing, pasti ada jalan yang terbaik untuk berdamai, sama ada dengan bermusyawarah atau seumpamanya.

Biarpun sedemikian, adakalanya dalam Islam turut memerlukan kepada peperangan, pertelingkahan untuk menjaga dasar-dasar perdamaian, persaudaraan yang diajarkan oleh Allah swt supaya dapat bersatu padu dan jangan sampai wujudnya kekeliruan dan penganiayaan terhadap orang lain.<sup>6</sup> Tambahan itu, jika dilihat perang itu dari sudut pandangan Islam, perang dianggap sebagai satu jihad iaitu jihad melawan musuh untuk menentang segala kerosakan, kekufuran dan kezaliman.<sup>7</sup> Malah, perlu difahami jihad itu bukan semata-mata untuk melawan musuh akan tetapi untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan hidup untuk merealisasikan keesaan kepada Allah, di samping mempertahankan keadilan, kebenaran dan hak di sisi Allah swt.

Melihat kepada konteks sejarah pula, elemen pertempuran, pertahanan dan keselamatan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengannya. Buktinya sesebuah tamadun itu mampu bertahan dengan kukuh melalui peperangan. Begitu juga dengan

---

<sup>6</sup> Syed Ahmad Semat, (1987), *Cerita Peperangan dan Perdamaian dalam Zaman Nabi Muhammad s.a.w*, Singapura : Penerbitan Pustaka Nasional Pte Ltd, hlmn 127

<sup>7</sup> Md. Akhir Yaacob, (1996), *Kaedah Jihad dan Perlaksanaannya*, Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, hlmn 1

senjata, peranannya sangat jelas apabila dikaitkan dengan perang. Hal ini selari dengan pengertiannya yang bermaksud peralatan yang direka khas dengan tujuan utama untuk mempertahankan diri dari serangan musuh atau menyerang musuh, malah sebagai peralatan dalam kehidupan sehari-hari.<sup>8</sup>

Realitinya perang sering disebut sebagai alasan kemunduran serta kemerosotan negara dan dianggap sebagai faktor negatif dalam perkembangan masyarakat. Namun jika diteliti, peperangan juga merupakan satu unsur kemakmuran negara melalui tahap perkembangan teknologi dalam penciptaan senjata. Ini jelas dapat digambarkan melalui keperluan alat senjata, perkapalan tersebut bagi sesebuah negara yang memerlukannya sekiranya menghadapi pertempuran. Sememangnya kemunduran itu akan dapat disaksikan pada negara yang mengalami peperangan tapi dalam masa yang sama, ia membantu negara jiran untuk memperolehi keuntungan serta manfaat daripada penjualan senjata, perahu, sampan dan sebagainya untuk memenuhi tuntutan negara lain ketika menghadapi peperangan. Misalnya di Riau, dapat dikenal pasti wujudnya penciptaan bedil secara sendiri.

---

“... Apabila gaduh dikatakan sahaja haluan penjajah itu supaya lekas membantu, dan ubat bedil pun membuat sendiri berkoyan-koyan. Maka lalu sendawa-sendawa di dalam Riau, demikian lagi peluru-peluru membuat juga...”<sup>9</sup>

---

Memandangkan dalam kehidupan sering dihantui dengan fenomena perang sejak zaman berzaman, malah banyak pula dicatatkan dalam teks-teks sejarah Melayu lama. Maka adalah lebih baik dan amat berguna sekiranya penyelidik cuba membuat satu kajian yang baru tentang gambaran siri peperangan yang nyata wujud dalam mana-mana teks sejarah, misalnya *Tuhfat al-Nafis*. Berbeza dengan kebanyakkan penulisan yang lebih menekankan tentang peperangan yang melibatkan campurtangan kuasa

<sup>8</sup> Hanizah bt. Jonoh, Mohd Fauzi bin Sukimi, Abdul Jabar Mohd Ridi (1997), *Senjata-Senjata di Zaman Kesultanan Melayu Johor*, Johor : Yayasan Warisan Johor dan Bosshouse Sdn Bhd, hlmn 19

<sup>9</sup> Virgina Matheson Hooker (ed), (1998), *Karya Agung : Tuhfat al-Nafis* (f.168), Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 179

Eropah, misalnya perang dunia dan sebagainya. Hal ini kerana teks sejarah merupakan salah satu sumber kajian yang amat menarik jika dihayati dan difahami, bahkan sesuai dijadikan sumber rujukan terutamanya dalam mengkaji alam Melayu.

Teks *Tuhfat al-Nafis* adalah salah satu sumber sejarah yang kompleks, canggih dan boleh dipercayai berbanding dengan karya-karya lain yang ditulis sebelum abad kedua puluh. Karya Raja Ali Haji Ahmad ini juga dikenali sebagai *Encyclopedia of Malaya Life* kerana banyak memaparkan tentang perihal kehidupan manusia, terutamanya hal-hal yang berkisarkan tentang peristiwa perang yang berlaku di antara orang Melayu umumnya, dan orang Bugis khasnya. Teks ini didapati menggunakan tarikh yang tepat dan sumber rujukan tertentu untuk menghasilkan teks ini.<sup>10</sup> Terdapat lebih daripada sepuluh buah peristiwa perang yang dicatatkan dalam teks, maka disebabkan itu penyelidik menjadikan teks tersebut sebagai bahan utama untuk menjalankan analisis berkaitan dengan subjek perang yang bertajuk “Peperangan dalam Historiografi Johor : Kajian terhadap Karya *Tuhfat al-Nafis*”.

---

### **1.1.2 Tuhfat al-Nafis.**

*Tuhfat al-Nafis (Hadiah yang berharga)* merupakan salah satu daripada karya Melayu klasik yang sering mendapat perhatian dan dikaji oleh segenap lapisan masyarakat. Hal ini terbukti apabila wujudnya pelbagai kajian lapangan, bahan rujukan yang telah diterbitkan oleh para cendiakawan, ilmuan, mahasiswa sendiri untuk mendedahkan keistimewaan yang terdapat pada karya tersebut. Walau bagaimanapun, perang yang merupakan satu subjek penting dalam memastikan kewujudan dan kekuatan sesebuah negara, jarang sekali dikaji oleh segenap lapisan masyarakat berdasarkan kepada teks-teks tersebut. Malah, subjek perang seringkali dikaji

---

<sup>10</sup> Mohd Yusof Ibrahim, Mahayudin Yahaya, (1988), *Sejarawan dan Pensejarahan*, hlmn 250

berasaskan kepada sumber sejarah barat, antaranya dari sumber koleksi John Bastone yang banyak memaparkan tentang senjata, dasar-dasar strategi, kubu-kubu pertahanan dan sebagainya. Hal demikian berlaku kerana terdapat pendapat yang mempertikaikan keupayaan manuskrip Melayu dalam memperlihatkan kesahihan sejarah yang di sebabkan oleh kewujudan elemen-elemen mitos, magis dan seumpamanya.<sup>11</sup> Masalah ini yang sering dianggap sebagai punca teks-teks Melayu sukar diterima oleh sesetengah pihak sebagai bahan ilmiah.

Namun penyelidik percaya, peredaran masa mampu mengubah pemikiran dan mentaliti masyarakat orang Melayu untuk melakukan kajian tentang pelbagai aspek berdasarkan teks-teks Melayu lama, khususnya *Tuhfat al-Nafis*. Ini kerana karya tersebut merupakan kemuncak kegembilangan dalam historiografi Johor yang mewakili tradisi orang Bugis Johor. Terdapat dua lagi teks lain dalam historiografi Johor, iaitu Peringatan Sejarah Johor yang mewakili tradisi orang Melayu Johor dan Hikayat Siak, mewakili tradisi Minangkabau. Penulisan sejarah tersebut amat penting sebagai satu sumber sejarah yang kompleks berdasarkan kepada sejarah yang mewakili pelbagai zaman. Analisis perbandingan dan tekstologi berdasarkan pelbagai teks dapat membantu masyarakat supaya lebih memahami situasi sejarah yang nyata dan keadaan masyarakat Melayu dalam pelbagai zaman.<sup>12</sup>

## 1.2 Perumusan Masalah Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, maka dapatlah dirumuskan bahawa masalah yang menjadi objek kajian ini ialah :

---

<sup>11</sup> Mardiana Nordin, (2008), *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*, Johor : Yayasan Warisan Johor, hlmn 11

<sup>12</sup> Denisova, T., *Konsep Kemakmuran Negara dalam Historiografi Melayu Islam (kurun ke 13 hingga ke 19)* dalam Simposium Warisan dan Tamadun Islam, Kuala Lumpur : Universiti Malaya (28-29 Disember 2009)

1. Bagaimana Tuhfat al-Nafis diangkat sebagai sumber sejarah yang penting terutamanya dalam pengkajian Alam Melayu?
2. Apakah itu peperangan dan elemen yang diperlukan dalam perang secara umum?
3. Apakah punca sebenar yang menyebabkan berlakunya peperangan seperti yang dirakamkan dalam teks Tuhfat al-Nafis ?
4. Siapakah yang terlibat dan apakah alat kelengkapan yang digunakan dalam siri peperangan yang dicatatkan dalam teks Tuhfat al- Nafis karangan Raja Ali Haji?
5. Apakah strategi yang dirancang dan dilaksanakan dalam peperangan yang nyata wujud dalam teks Tuhfat al-Nafis?

### **1.3    Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif seperti berikut :-

1. Untuk mengenal pasti konsep peperangan dan beberapa elemen yang diperlukan dalam peperangan. .
2. Untuk menganalisis punca-punca wujudnya pertelingkahan, penglibatan individu atau kumpulan dalam perang, alat kelengkapan serta strategi yang disusun dan digambarkan dalam siri peperangan yang dirakamkan dalam naskhah Tuhfat al-Nafis.

3. Untuk menilai kesesuaian konsep serta elemen peperangan terhadap naskhah Tuhfat al-Nafis.

#### **1.4 Kepentingan Kajian :**

Penulis mendapati terdapat beberapa kepentingan dalam menjalankan kajian ini, iaitu :

1. Kajian yang bersifat analisis terhadap gambaran peperangan yang berlaku dan ternyata wujud dalam karya Tuhfat al- Nafis belum pernah dikupas dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak.
2. Mengangkat martabat keunggulan teks Tuhfat al-Nafis sebagai sumber sejarah Melayu yang boleh dipercayai dan sesuai digunakan oleh generasi akan datang terutamanya dalam pengkajian Alam Melayu.
3. Melihat sejauhmana keberkesanan fungsi senjata dan perkапalan itu sendiri ketika mengiringi sebuah peperangan yang jelas wujud dalam teks Tuhfat al-Nafis.
4. Memberi kesedaran di kalangan masyarakat masa kini bahawa dengan sikap kepimpinan dan ciri-ciri akhlak yang negatif mampu mencetuskan peperangan.

5. Mengambil ikhtibar dari segi strategi yang telah dirancang dan dibina supaya secara tidak langsung, negara dapat mengukuhkan dan menambaik sistem pertahanan negara
6. Mengenali para pejuang dan peranannya dalam memberi perlindungan dan keamanan kepada negara, sekaligus dapat mengetahui perbezaan di antara institusi yang ditubuhkan pada masa dahulu dan kini.
7. Mengambil ikhtibar dari kesan dan pengaruh peperangan itu sendiri terhadap masyarakat supaya lebih berfikiran terbuka untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan.

### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian perlu ditetapkan terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang kajian atau penyelidikan agar ia tidak terkeluar dari garis panduan dan lingkungan tajuk yang ingin dikaji. Oleh kerana kajian ini melibatkan kajian teks, maka penumpuan akan diberikan kepada teks *Tuhfat al-Nafis* dalam bentuk versi panjang yang dikarang oleh Raja Ali Haji. Seterusnya, memberikan tumpuan terhadap gambaran peperangan yang nyata wujud dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

Kajian ini juga akan memfokuskan siapakah yang terlibat dalam peperangan tersebut, berserta dengan bentuk strategi yang diaplikasikan. Bahkan segala jenis pengangkutan dan peralatan perang terutamanya senjata orang Melayu yang telah digunakan turut dikaji, di samping meneliti punca yang menyebabkan berlakunya peperangan yang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

## **1.6 Sorotan Perpustakaan**

Menjalankan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian penyelidik merupakan satu item yang begitu penting untuk menambahbaik atau mencari kesinambungan terhadap setiap kajian yang bakal dikaji. Di samping itu, memberi peluang kepada penyelidik untuk mengetahui sejauhmana tahap pencapaian kajian-kajian lepas dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan agama khususnya. Lazimnya penyelidik akan menyorot beberapa buah rujukan yang dikira berautoriti sama ada berbentuk dokumen bertulis, makalah-makalah tertentu dan sebarang kajian berbentuk ilmiah, terutamanya tesis dan disertasi.

Peperangan merupakan satu kegiatan yang sering terjadi dalam kehidupan manusia akibat daripada sikap atau tabiat manusia itu sendiri untuk mencapai kepuasan dan keinginan dalam kehidupan. Memandangkan perang sering menjadi isu dan punca kepada kelangsungan hidup atau kemusnahan negara, maka isu ini sering dikaji dari pelbagai sudut dan elemen oleh para ilmuan dan sejarawan khususnya. Walau bagaimanapun didapati penyelidikan tentang peperangan berasaskan kepada teks Melayu lama, khususnya *Tuhfat al-Nafis* tidak pernah dikaji oleh mana-mana pihak, cuma penyelidik telah menemui satu penyelidikan yang temanya hampir sama iaitu menyentuh tentang “peperangan orang Melayu abad ke 19 berdasarkan kepada Hikayat Pahang”<sup>13</sup>. Ia merupakan satu penyelidikan tahun 2003 yang dijalankan oleh Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. Penyelidikan ilmiah tersebut ada mengemukakan tentang sebab atau tema peperangan yang dicatatkan dalam teks. Seterusnya dalam kajian ini ada membuat penilaian terhadap bentuk-bentuk peperangan, dan peranan tokoh-tokoh

---

<sup>13</sup> Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, (2003/04), *Peperangan Melayu Abad ke19 : Penilitian berdasarkan Hikayat Pahang*, Latihan Ilmiah B.A, Universiti Malaya : Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial

tertentu yang terlibat dalam perang. Selain daripada itu, elemen-elemen perang seperti penggunaan senjata dalam peperangan turut diperincangkan dalam kajian.

Kajian beliau amat berguna bagi penyelidik kerana ia memberi gambaran awal berkaitan dengan data-data dan elemen-elemen yang diperlukan untuk memberi gambaran yang jelas tentang peperangan seperti yang dinyatakan sebelumnya. Walaupun penyelidikan ilmiah ini menjelaskan tentang peperangan Melayu, namun ia tidak menggunakan *Tuhfat al-Nafis* sebagai sumber kajian utama dalam membuat penilitian dan analisis kajian. Hal ini menunjukkan ada perbezaan di antara kajian penyelidik yang bakal dihasilkan dengan kajian lepas.

Penulisan para ilmuwan berkaitan dengan peperangan, ternyata banyak sekali ditemui dalam pelbagai sumber, bahkan subjek perang sering ditulis dari pelbagai sudut, umpamanya seperti punca peperangan, individu atau organisasi ketenteraan yang terlibat dalam perang, jenis alat kelengkapan perang (senjata, kapal) dan juga bentuk-bentuk strategi perang. Hasil daripada kutipan data ini serba sedikit dapat membantu penyelidik untuk memperolehi maklumat dan juga idea untuk menyempurnakan kajian, di samping memberi kemudahan kepada penyelidik untuk lebih memberikan penekanan kepada item-item tertentu sahaja.

Hasil daripada kutipan data yang diperolehi tentang elemen peperangan ini, maka dapatlah penyelidik merujuk beberapa buah buku yang dikira begitu penting untuk membantu penyelidik dalam pengkajiannya, terutama dalam membincangkan peperangan secara umum yang terdiri dari pelbagai elemen supaya penyelidik lebih mudah untuk memfokuskan item apa yang perlu diberi penekanan dalam membuat analisis kajian.

### **Tema Peperangan : Punca, Konsep dan strategi perang**

#### **1. Seni Ketenteraan Sun Tzu<sup>14</sup>**

Buku Seni Ketenteraan Sun Tzu yang ditulis oleh Sun Tzu sendiri, sekitar tahun 475M, kemudian diterjemahkan oleh Yap Sin Tian merupakan sebuah naskhah yang membantu dapatan data mengenai peperangan secara umum bagi bab ketiga. Karya tersebut merupakan sebuah naskhah ketenteraan klasik yang berunsur falsafah Sun Tzu dan menjadi salah sebuah buku ketenteraan yang terpenting di dunia. Terdiri daripada 13 bab berkenaan dengan seni ketenteraan China klasik, misalnya strategi kemaraan, pergerakan tentera, pengintipan dan sebagainya. Di samping itu, karya tersebut juga menjelaskan tentang konsep peperangan dan beberapa teori berkaitan hal peperangan serta kaedah yang bijak dalam mengendalikan peperangan melalui kemahiran anggota ketenteraan. Meskipun karya ini lebih membincangkan tentang ketenteraan China, akan tetapi ia telah mengetengahkan banyak perkara yang menjadi sebahagian penting dalam peperangan Melayu.

#### **2. Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia : Satu Telahan Awal<sup>15</sup>**

Kajian ini ada merujuk kepada kertas kerja persidangan yang ditulis oleh Muhd Yusoff Hashim tentang peperangan Melayu juga. Meskipun penulisan tersebut tidak menyentuh tentang peperangan yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis*, namun ia perlu dirujuk kerana padanya ada dijelaskan tentang pelbagai aspek peperangan secara umum yang merangkumi jenis-jenis peperangan, sebab akibat, kepimpinan dan sebagainya.

---

<sup>14</sup> Sun Tzu, (1992) *Seni Ketenteraan*, Kuala Lumpur : The Association of Sun Tzi Knowledge Malaysia (TASK)

<sup>15</sup> Muhamad Yusuf Hashim , *Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia : Satu Telahan Awal*, Kertas kerja Persidangan Antarabangsa mengenai Tamadun Melayu ( 11-13 November 1986)

Malah ada juga dinyatakan tentang penggunaan sumber rujukan yang terdiri dari manuskrip Melayu dan sumber Eropah supaya saling melengkapi. Justeru, penyelidik merujuk kepada penulisan ini kerana serba sedikit ianya telah memberi banyak kefahaman tentang topik kajian serta pencambahan idea baru dalam penyelidikan.

### ***Tema Senjata***

Dalam peperangan tidak lengkap apabila serangan dilancarkan tanpa senjata kerana senjata merupakan salah satu elemen penting yang diperlukan oleh para pahlawan untuk menyerang pihak musuh atau melindungi diri. Penulisan tentang senjata telah banyak ditemui di beberapa buah perpustakaan dan hasil daripada dapatan sumber tersebut, kajian ini dapat menggarap beberapa maklumat yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Antaranya, buku keris dan senjata-senjata pendek<sup>16</sup>, senjata-senjata pada zaman kesultanan Melayu Johor<sup>17</sup> dan *keris and other Malay weapons*<sup>18</sup>. Ternyata karya penulisan ini banyak menerangkan tentang senjata tradisi masyarakat Melayu terutamanya, bahkan padanya juga ada disebutkan pembahagian jenis-jenis senjata mengikut fungsinya. Di samping itu, pengarang juga ada menerangkan tentang fungsi senjata dan kaedah menggunakan di kalangan masyarakat. Sesungguhnya penulisan karya ini telah menjelaskan beberapa persoalan kajian dari aspek peralatan perang, di mana ia dapat dijadikan sebagai panduan untuk memahami tentang persenjataan walaupun penulisan karya ini tidak membincangkan tentang fungsi senjata yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis*.

---

<sup>16</sup> Shahrum Yub (1967), *Keris dan Senjata- Senjata Pendek*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>17</sup> Hanizah bt. Jonoh, Mohd Fauzi bin Sukimi, et.al., (1997), *Senjata- Senjata di Zaman Kesultanan Melayu Johor*, Johor : Yayasan Warisan Johor dan Bosshouse Sdn Bhd

<sup>18</sup> Gardner, G.B, (1936), *Keris and Other Malay Weapons*, Singapore : Progresive Publishing Company

### **Tema Perkapalan**

Berdasarkan kepada tinjauan yang dibuat di beberapa buah perpustakaan, penyelidik telah menemui beberapa buah rujukan dan kertas kerja yang dikira bersesuaian untuk dijadikan sebagai maklumat tambahan mengenai perkapalan. Kapal merupakan alat pengangkutan yang turut digunakan dalam peperangan selain daripada kegiatan perdagangan. Berdasarkan kepada data yang diperolehi, ternyata penyelidik ada merujuk kepada kertas kerja yang dibentangkan oleh Ahmad Jelani Halimi<sup>19</sup> di Seminar *on Malaysia History From Dutch Sources*. Penekanan yang diberi lebih kepada jenis perkapalan yang digunakan dalam pelbagai bidang, antaranya sebagai alat pengangkutan ketika berdagang dan peperangan yang berlaku di Selat Melaka. Kajian ini sangat menarik kerana ia menyumbang serba sedikit maklumat berkaitan dengan salah satu elemen perang dalam penyelidikan ini walaupun kajian ini tidak berasaskan kepada teks *Tuhfat al-Nafis*. Begitu juga dengan buku “*The Prahu : Traditional Sailing Boat of Indonesia*”<sup>20</sup>, penyelidik ada merujuk kepada karya tersebut untuk mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis perkapalan dan fungsinya, bahkan secara tidak langsung perkapalan tersebut ada digunakan dalam peperangan orang Melayu dan Bugis khasnya.

### **Tema Tuhfat al-Nafis**

*Tuhfat al-Nafis* merupakan karya agung yang kompleks dan didapati banyak kajian dan penulisan yang menjurus kepada sejarah teks *Tuhfat al-Nafis* itu sendiri. Bahkan penyelidik juga dapat menemukan beberapa kajian lain berbentuk tesis,

---

<sup>19</sup> Ahmad Jelani Halimi, *Perkapalan dan Perdagangan Melayu dengan Melaka pada separuh kedua abad ke18*, Kertas Kerja Seminar on Malaysia History From Dutch Sources (23-25 Oktober 2001)

<sup>20</sup> Adrian Horridge, (1981), *The Prahu, Traditional Sailing Boat of Indonesia*, Kuala Lumpur : Oxford University Press

disertasi dan kertas kerja yang menjadikan *Tuhfat al-Nafis* sebagai data kajian dalam membuat penyelidikan.

1. Idea Sejarah Melayu : Kajian berdasarkan teks sejarah Melayu, misa Melayu dan *Tuhfat al-Nafis*<sup>21</sup>

Dr. Arbaiyah Mohd Noor ada membuat satu penyelidikan yang menggunakan *Tuhfat al-Nafis* sebagai sumber utama dalam pengkajiannya. Idea sejarah Melayu : kajian berdasarkan teks sejarah Melayu, misa Melayu dan *Tuhfat al-Nafis* ada menjelaskan tentang idea dan konsep sejarah yang dinilai dalam ketiga-tiga teks tersebut. Terdapat satu bab khas yang menerangkan tentang latar belakang teks *Tuhfat al-Nafis* dan juga pengarangnya. Meskipun tesis ini tidak menceritakan tentang elemen peperangan tetapi dari sudut lain, kajian ini perlu dirujuk untuk memahami sejarah latar belakang teks.

2. Politik kerajaan Johor, 1718-1862 : Kajian berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis*<sup>22</sup>

Ternyata dalam disertasi yang dikaji oleh sarjana, Mardiana Nordin ini ada menyentuh tentang sesuatu subjek mengikut pengamatan dan penelitian terhadap teks Melayu lama. Kajian ini menyampaikan maklumat berkaitan dengan teks untuk melihat sejauhmana gambaran sejarah boleh dinyatakan bertepatan dengan tajuk yang dibincangkan. Menerusi pembacaan yang dibuat, ternyata tesis ini menjurus kepada agenda politik negeri Johor antara tahun 1718-1862, ketika itu telah berlakunya persaingan kuasa dan diplomasi. Di samping itu, terdapat isu lain yang menyentuh tentang persoalan perang dan motif peperangan berdasarkan kepada *Tuhfat al-Nafis*, walau bagaimanapun calon

---

<sup>21</sup> Arba'iyah Mohd Noor, (2007) , *Idea Sejarah Melayu : Kajian berdasarkan teks Sejarah Melayu, Misa Melayu dan Tuhfat al-Nafis*, Tesis Ph.D, Universiti Malaya : Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

<sup>22</sup> Mardiana Nordin, (1999), *Politik Kerajaan Johor, 1718-1862 : Kajian berdasarkan Teks Tuhfat al-Nafis*, Disertasi M.A , Universiti Malaya : Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

lebih menekankan agenda politik adalah penyebab utama berlakunya perang. Secara keseluruhannya, tesis ini dapat membantu penyelidik untuk memahami dengan lebih baik tentang satu daripada persoalan kajian penyelidik. Bahkan apa yang penyelidik akan paparkan dalam disertasi ini nanti bukanlah sekadar merungkai motif perang disebabkan oleh sentimen politik sahaja, akan tetapi dari pelbagai sudut umpamanya disebabkan oleh faktor ekonomi, masalah sosial masyarakat dan sebagainya.

### 3. Kajian terhadap gambaran senjata orang Melayu dalam karya *Tuhfat al-Nafis*.<sup>23</sup>

Penyelidikan ilmiah ini merupakan satu kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk memberi gambaran tentang penggunaan senjata yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Kajian ini membincangkan tentang kepelbagaiannya jenis senjata yang meliputi asal-usulnya, fungsi dan kaedah penggunaannya. Justeru itu, penyelidik ada merujuk kepada kajian ini walaupun hanya memfokuskan kepada penggunaan senjata semata-mata, namun secara tidak langsung penyelidikan ilmiah ini telah memudahkan penyelidik untuk mengutip maklumat dan membuat analisa kajian bagi menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Oleh yang demikian, penyelidik dapat merumuskan bahawa merujuk kepada kajian-kajian lepas adalah salah satu kaedah untuk mendapatkan input-input penting daripada kajian tersebut dan memastikan kajian baru yang bakal dihasilkan mampu bersaing dan pergi dengan lebih jauh lagi.

## 1.7 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan satu kerangka pengetahuan dan teknik yang berkait dengan proses penelitian ilmiah dalam suatu disiplin.<sup>24</sup> Istilah ini berasal dari 2

---

<sup>23</sup> Norain Ismail (2009) *Kajian terhadap Gambaran Senjata Orang Melayu dalam Karya Tuhfat al-Nafis*, Penyelidikan Ilmiah B.A , Universiti Malaya : Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam.

<sup>24</sup> Jack, C.Piano, Robert E. Riggs, Helenan S.Robin, (1982) *Dictionary of Analytical Political* , Jakarta : CV Rajawali, hlmn 126

perkataan yang berasal dari Yunani, iaitu metod dan logos. Metod merupakan satu cara atau jalan. Ia merupakan satu kaedah yang meletakkan sesuatu agar bersesuaian dengan tajuk kajian. Sementara logos pula bererti ilmu.<sup>25</sup> Oleh yang demikian, perkataan metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang cara untuk membuat penyelidikan.

Beberapa penyelidikan atau metode telah dipilih dalam usaha untuk mengumpul data atau maklumat bagi menyempurnakan kajian ini. Berikut ialah metode-metode yang digunakan oleh penyelidik di dalam kajian :

- 1) Metode Pengumpulan Data
- 2) Metode Analisa Data
- 3) Metode Perbandingan

### **1.7.1 Metode Pengumpulan data**

Dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini, penulis mendapatkan maklumat dan data dengan menggunakan beberapa kaedah berikut :-

#### **a) Kajian Perpustakaan.**

Pengumpulan bahan dan penelitian data merupakan satu proses awal yang begitu penting untuk mendapatkan idea permasalahan kajian. Metode ini juga digunakan untuk memperolehi beberapa maklumat dari sumber primer seperti teks Melayu lama (manuskrip) dan seumpamanya. Di samping itu, kaedah ini juga digunakan untuk mengumpul data dari sumber sekunder seperti buku yang diterbitkan, jurnal, disertasi, tesis, dan keratan akhbar. Dengan menggunakan kepelbagai sumber tersebut, penyelidik dapat mengumpul dan mengutip data untuk memastikan setiap kandungan bab diisi dengan maklumat yang bertepatan dan bersesuaian dengan penyelidikan ini.

---

<sup>25</sup> Koentjaraningrat (1986), *Metode- Metode Penilitian Masyarakat*, Jakarta : PT Gramadie, hlmn 7

Melalui kaedah ini juga, pengkajian telah dilakukan dengan mengenalpasti dan mengunjungi beberapa perpustakaan untuk mendapatkan sebarang maklumat, data dan bahan dari sumber primer dan sekunder bagi menyempurnakan disertasi ini. Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan kepada penyelidik ialah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Bibliotheca Alexandriana (Maktabah Iskandariah), Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam, Yayasan Warisan Johor Dewan Bahasa dan Pustaka serta Arkib Negara.

i) **Metod Historis**

Metod Historis ialah satu metod yang menyelusuri sejarah perkembangan sesuatu subjek. Dalam kajian ini penyelidik memerlukan kepada metod historis dalam bab dua untuk mengetahui sejarah asal-usul negeri Johor, sejarah berlakunya peristiwa perang yang berlaku di Johor khasnya serta latar belakang sebuah naskhah teks lama iaitu *Tuhfat al-Nafis*, di samping mengenali asal-usul pengarang teks tersebut. Seterusnya metod ini digunakan dalam bab tiga untuk memberi gambaran secara umum berkaitan dengan peperangan yang merangkumi elemen ketenteraan dan jenis kelengkapan perang seperti senjata dan pengangkutan yang digunakan ketika berperang.

ii) **Metod Dokumentasi**

Metod Dokumentasi merupakan satu kaedah untuk mengumpul data dengan mengkaji pelbagai dokumen atau maklumat yang berkaitan dengan skop kajian. Dokumen yang di maksudkan ialah mana-mana bahan bertulis yang mengandungi

maklumat mengenai subjek yang hendak dikaji dan lazimnya ciri-ciri teks tersebut akan dikekalkan seperti bahan-bahan di arkib seperti memorial, surat perjanjian, manuskrip, dokumen rasmi kerajaan dan seumpamanya. Penggunaan metod ini amat penting kepada pengkaji untuk memperoleh maklumat berdasarkan kepada sumber primer dan ternyata penerbitan teks *Tuhfat al-Nafis* telah dijadikan sebagai sumber utama kerana memiliki maklumat yang bertepatan dengan penyelidikan kajian tersebut.

### **iii) Metod Penelitian Teks**

Metod ini merupakan satu kaedah yang memerlukan pengamatan secara langsung dengan memberikan pertanyaan terhadap objek bidang kajian, sekaligus penyelidik akan membuat penelitian terhadap kandungan teks *Tuhfat al-Nafis*. Penelitian yang dimaksudkan adalah membuat analisis berkaitan dengan pelbagai gambaran peristiwa peperangan yang berlaku dan ternyata wujud dalam teks *Tuhfat al-Nafis* tersebut. Metod ini digunakan dalam bab 4.

#### **1.7.2 Metode Analisis Data**

##### **1) Metod Deduktif**

Metod deduktif merupakan cara untuk membina satu teori atau merumuskan suatu gagasan pemikiran tentang fenomena yang dikaji. Oleh itu, penyelidik perlu menganalisis data dengan menggunakan kaedah tekstologi dari segi kandungannya sebagai kritikan dalaman dan menggunakan kaedah klasifikasi data-data tersebut untuk menghasilkan data yang lebih berbentuk khusus daripada maklumat-maklumat yang diperolehi dalam bentuk umum.

## **2) Metode Induktif**

Metode Induktif merupakan kaedah menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari yang bersifat khusus kepada umum. Ia boleh digunakan dengan cara menumpukan beberapa istilah yang digunakan untuk menerangkan maksud dan intipati istilah tersebut seterusnya membuat kesimpulan umum.

## **3) Metode Komparatif**

Metode ini digunakan dalam proses membuat analisis kajian sama ada data yang diperolehi mempunyai persamaan atau perbezaan di dalam penyelidikan ini. Di samping itu penggunaan metod ini diperlukan dalam membuat analisis kajian terhadap elemen-elemen perang seperti organisasi ketenteraan dan alat kelengkapan yang digunakan dalam peperangan. Justeru metod ini digunakan untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi data yang diperolehi oleh penyelidik.

## **1.8 Sistematika Penulisan**

Dalam membincangkan tajuk kajian ini, penyelidik telah membahagikan kajian ini kepada 5 bab. **Bab 1**, berkenaan dengan latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif serta kepentingan kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan dan sorotan perpustakaan.

**Bab 2**, penyelidik menjelaskan tentang sejarah teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai karya Historiografi Johor yang mewakili tradisi orang Bugis. Aliran utama dan ciri-ciri khas yang terdapat dalam Historiografi Johor. Disamping itu, penyelidik akan

menyatakan tentang Raja Ali Haji selaku pengarang teks *Tuhfat al-Nafis* dari sudut biografinya serta peranan dan sumbangannya terutama dalam penulisan karya.

**Bab 3,** Membincangkan tentang gambaran peperangan secara umum, termasuk puncanya dan strategi yang lazimnya digunakan sebagai salah satu cara untuk memastikan objektif perang tercapai. Di samping itu, turut menjelaskan individu yang terlibat dalam peperangan yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan organisasi, jenis perkapalan dan peralatan senjata yang menjadi sebahagian daripada alat kelengkapan perang yang penting. Tidak ketinggalan turut dinyatakan juga peranan dan fungsi alat kelengkapan tersebut selain digunakan dalam peperangan sahaja.

**Bab 4,** penyelidik akan memfokuskan terhadap analisis gambaran peristiwa perang yang nyata dirakamkan *dalam Tuhfat al-Nafis* dengan mengklasifikasikan subjek kepada beberapa item utama supaya analisis yang bakal dilakukan lebih mudah difahami dan hasilnya lebih sistematis. Berikut merupakan item yang akan dikenalpasti melalui pengamatan dan penelitian yang akan dibuat berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis* untuk memastikan objektif kajian tercapai, ia adalah : punca peperangan, organisasi ketenteraan, alat kelengkapan perang (perkapalan dan senjata) , strategi atau taktik peperangan.

**Bab 5,** merupakan bab terakhir untuk penyelidik membuat kesimpulan dan penutup. Dalam bab ini, penyelidik juga akan memuatkan beberapa cadangan serta saranan terhadap generasi masa kini betapa pentingnya untuk mengetahui sejarah dan rentetan sebuah kehidupan terutamanya pertempuran yang melibatkan antara sesama kaum.

---

## BAB 2

### TUHFAT AL-NAFIS : SUMBER HISTORIOGRAFI JOHOR

---

Bab ini akan mengupas beberapa peristiwa penting berkaitan dengan sejarah negeri Johor yang secara umumnya merupakan subjek utama bagi memahami Kerajaan Johor pada awal kemunculannya sehingga melahirkan historiografi Johor yang amat penting dalam pensejarahan Melayu. Selain itu penyelidik akan menyingkap secara ringkas mengenai peribadi seorang pengarang karya agung *Tuhfat al-Nafis* beserta dengan sumbangannya kepada warisan dan sejarah Melayu. Sehubungan dengan itu, satu daripada hasil kejayaan beliau dalam bidang penulisan sejarah Melayu akan dijelaskan secara umum, berikutan kerana karya yang dihasilkan merupakan sumber utama yang menjadi tunjang kepada kajian ini, iaitu *Tuhfat al-Nafis*.

#### 2.1 Sejarah Latar Belakang Negeri Johor

Negeri Johor mengikut sejarah awalnya telah wujud sebelum tahun 1500 M dengan bukti adanya penghuni di beberapa tempat dalam kawasan Johor. Menurut sejarah awal negeri Johor, asal-usul nama negeri ini agak menarik iaitu dikenali sebagai “Ujung Tanah” yang membawa maksud kedudukannya betul- betul terletak di bahagian hujung tanah Semenanjung Tanah Melayu.<sup>26</sup> Manakala, mengikut sejarah Syair Jawa “*Nagara kertagama*” yang dikarang oleh Prapancha pada tahun 1365 M telah mencatatkan beberapa nama tempat di Tanah Melayu yang berada di bawah kuasa

---

<sup>26</sup> Asmad (1987), *Johor*, Melaka : Associated Educational Distributors (M) Sdn bhd, hlmn 7

pemerintahan Raja Hayam Wuruk dan Mangkabumi Pateh Aria Gajah Mada<sup>27</sup>, antaranya seperti “Hujong Medini” yang dipercayai merupakan negeri Johor pada hari ini.<sup>28</sup> Berdasarkan penulisan awal juga, Johor juga pernah dikenali sebagai Ta-na (Gerini), Jantana atau Santana.

Di samping itu, Johor juga turut dikenali sebagai Sayong yang merupakan sebuah tempat yang terletak di tepi Sungai Johor. Hal ini diperkatakan dalam sejarah Melayu, pada tahun ke 14 M apabila Singapura berada di bawah pemerintahan Raja Seri Rana Wira Kerma ada menyebut sebuah tempat yang bernama Sayong, dan ia dipercayai merupakan sebuah tempat di hujung Sungai Johor. Kota Sayong ini juga dikatakan tidak pernah dibinasakan atau diserang oleh mana-mana pihak kerana kedudukannya di tebing sungai yang sempit, serta menyukarkan kapal-kapal perang untuk mendarat.<sup>29</sup>

R.O Winstedt ada menggunakan istilah “*Wurawari*”<sup>30</sup> dalam penulisannya berkenaan sejarah negeri Johor seperti yang tercatat pada prasasti batu dalam Bahasa Sanskrit dan Jawa bertarikh tahun 1006 M, padanya ada disebutkan tentang bencana yang dibawa oleh Wururawi ke atas tanah Jawa. Dari catatan itu dapatlah disimpulkan bahawa sejarah penempatan di Johor telah wujud semenjak awal tahun 1000 M lagi.

Bermulanya istilah negeri Johor ini juga dikatakan apabila Raja Suran pernah menakluk “Ganggayu”<sup>31</sup> yang merupakan kerajaan Johor lama yang dibina dari Kota Batu Hitam, yang terletak di hulu Sungai Johor. Ganggayu juga pernah dikaitkan

<sup>27</sup> Raja Hayam Wuruk, Mangkabumi Pateh Aria Gajah Mada merupakan pemerintah Majapahit.

<sup>28</sup> Buyong Adil, (1971), *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 2

<sup>29</sup> Kamarudin Ab. Razak (1998), *Peninggalan Sejarah di Persisiran Sungai Johor*, Johor Bahru : Yayasan Warisan Johor, hlmn 84.

<sup>30</sup> *Wurawari* iaitu perkataan Jawa yang membawa maksud air jernih.

<sup>31</sup> Dikatakan digunakan sebagai nama untuk Johor sebelum tahun 1450.

dengan nama “Galuh”<sup>32</sup> yang sama pula maksudnya dengan perkataan Arab iaitu Jauhar beerti permata.<sup>33</sup> Bagaimanapun negeri yang dianggap sebagai permata ini, lama kelamaan ia disesuaikan dengan sebutan lidah orang Melayu iaitu Johor. Sejarah awal Johor juga turut dikenali sebagai “Klang Kio” dalam bahasa Siam yang bermaksud Kota Permata<sup>34</sup> dan dipercayai Raja Chulan merupakan pemerintah yang memiliki kuasa pada wilayah-wilayah yang besar sehingga banyak kerajaan di Timur tunduk di bawah kuasanya.

Johor pernah juga dikenali dengan nama Tanah Hujung Benua. Hal ini disebabkan oleh kedudukan lokasi Johor yang terletak di hujung selatan sekali dalam benua Asia. Oleh sebab itu, Ujung Tanah ini kemudiannya dikenali sebagai Johor. Nama “Johor” ini diperolehi daripada istilah “Jauhar” yang diambil dari istilah Arab yang bermaksud permata, intan atau berlian. Sehingga saat ini, ejaan rasmi bagi Johor dalam tulisan jawi adalah ‘jim-wau-ha-ro’. Jika dieja dengan huruf ‘jim-wau’ berbaris mati di hadapannya bunyinya ‘jo’ ( ج ), dan huruf ‘ha-ro’ berbaris mati di hadapan ‘hor’ ( ه ), bunyiya adalah Johor. Tetapi jika dieja huruf ‘jim wau’ berbaris mati di hadapan ‘jo’ ( ج ), dan ‘ha-ro’ berbaris mati di atas ‘har’ ( ه ) bunyinya adalah ‘Jauhar’.<sup>35</sup> Melihat kepada catatan-catatan tersebut, jelaslah bahawa sebelum terbentuknya zaman Kesultanan Johor, terdapat beberapa tempat di kawasan Johor yang pernah didiami oleh manusia. Oleh yang demikian, sejarah negeri Johor dikatakan telah wujud lama sebelum tahun 1500 M lagi dengan pelbagai nama dan gelaran. Hal ini lebih jelas dapat dilihat pada keterangan Haji Buyong Adil yang mengatakan bahawa :

---

<sup>32</sup> Galuh iaitu Perkataan Jawa yang bermaksud Permata. Lihat Zakiah Hanum, (1989), *Asal-Usul Negeri-Negeri di Malaysia*, Kuala Lumpur : Times Book International, hlmn 5

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlmn 5

<sup>34</sup> Nordin Hussin, *Sejarah Kerajaan Johor : Evolusi , Transformasi dan Metamorfosis dari Sebuah Kerajaan Johor Moden* , Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Sejarah dan Warisan Empayar Johor-Riau 2010”, Johor Bahru : Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor (5- 7 November 2010) hlmn 24

<sup>35</sup> Negeri Jauhar @ Johor, [theearlymalaydoctors.blogspot.com/2007/sejarahjohor.htm](http://theearlymalaydoctors.blogspot.com/2007/sejarahjohor.htm) - 23 ogos 2009.

“Zuriat keturunan daripada orang Melayu- Purba itulah yang sekarang masih terdapat di Pulau Singapura, Pantai Laut negeri Johor dan di Kepulauan Riau-Lingga. Mereka ini dikenali sebagai orang laut atau orang Selat”.

Sesungguhnya, ketika berlakunya kemasuhan kerajaan Singapura pada akhir abad ke-14 M, mereka adalah di antara individu yang meninggalkan Singapura dan berhijrah ke kampung di tepi Sungai Johor dan di Pantai Laut di bahagian selatan negeri Johor.<sup>36</sup>

Oleh itu jelaslah di sini bahawa negeri Johor dalam sejarah awalnya dikenali dengan pelbagai nama, malah semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat beberapa buah tempat dalam negeri Johor yang berada di bawah kuasa dan taklukannya. Hakikatnya, lembaran baru negeri Johor semuanya bermula selepas Melaka dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511 M, dan dari situ terbentuknya Kesultanan Melayu Johor yang bermula pada tahun 1529 M di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Jalil Riayat Shah.<sup>37</sup>

Sesungguhnya, sejarah dan kejayaan orang Melayu Melaka dikenali secara meluas dan begitu dihargai kerana sebahagian daripada tradisinya dan tokoh-tokoh serta pemerintah dari istana Melaka yang agung. Bahkan orang Melayu Melaka juga telah menyediakan satu pelabuhan bagi pertukaran barang di antara saudagar-saudagar lain seperti China, India dan orang Eropah. Walau bagaimanapun, Melaka telah jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511M dan ini telah menyebabkan berlakunya penghijrahan ke hujung Semenanjung di kalangan Sultan dan para pengantinya. Daripada situ, mereka mula berikhtiar dan berusaha untuk merampas kembali kota Melaka<sup>38</sup> dan menarik kembali pedagang-pedagang luar dengan membina sebuah pelabuhan di

---

<sup>36</sup> Buyong Adil, (1980), *Sejarah Singapura*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 6

<sup>37</sup> Kamarudin Ab. Razak (1998), *op.cit*, hlmn 2

<sup>38</sup> Roselan Abd. Malik, Asmi Yusoff, (1998), *Johor Darul Takzim*, Selangor : Penerbit Prisma Sdn Bhd, hlmn 3

kawasan Sungai Johor namun kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Selatan Semenanjung telah diserang lagi oleh angkatan Portugis dari Melaka dan Aceh.

Sungguhpun begitu, pada tahun 1641 M Belanda telah berjaya menyingkirkan Portugis dari Melaka dan bagi membalas jasa yang telah diberikan oleh Johor, satu perjanjian telah dilakukan bagi melindungi Johor dari ancaman dan serangan seterusnya. Akhirnya, kerajaan Johor menjadi makmur pada abad ke 17 M dan mula berkembang maju melalui perdagangan dengan para pedagang luar. Seterusnya, peperangan kembali lagi secara berturut-turut dengan Jambi di dalam separuh kedua abad ke 17 M dan kesannya, urusan perdagangan di Johor mula terganggu buat sementara waktu.<sup>39</sup> Namun menjelangnya akhir abad ke 17 M, satu dimensi baru telah ditambah ke dalam siasah di kawasan Selat apabila ramainya kumpulan Bugis dan Minangkabau berhijrah ke Semenanjung. Kebetulan pula dewasa itu merupakan zaman ketidakstabilan di dalam pemerintahan Johor, Bendahara telah ditabalkan menjadi raja bagi menggantikan Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor yang terbunu (1699 M).

Pada tahun 1718 M, pertikaian politik di dalam kerajaan Johor berlaku apabila Raja Kecik, putera dari Siak datang menyerang Johor dan mengaku dirinya sebagai putera Sultan Mahmud yang berpura-pura untuk menuntut hak kerajaan yang disokong oleh Minangkabau. Oleh yang demikian, satu serbuan secara mengejut juga telah di buat ketika itu untuk menawan Johor, dan akhirnya Sultan Abdul Jalil diturunkan pangkatnya kepada kedudukan asalnya sebagai bendahara oleh Raja Kecik.<sup>40</sup> Manakala, pegawai-pegawai istana yang lain turut terkorban dalam serangan tersebut dan ada yang berhijrah ke Melaka, Pahang dan Terengganu. Begitu juga dengan Sultan Abdul Jalil yang tinggal tidak lama dengan Raja Kecik telah pun melarikan dirinya bersama ahli

<sup>39</sup> Andaya, L.Y (1975), *The Kingdom of Johor 1641-1728*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, hlmn 38

<sup>40</sup> Zulfadzli Mat Rawi, (2006), *Pahlawan Johor*, Selangor : Pustaka Cahaya Intelek, hlmn 21

keluarganya ke pantai Timur Semenanjung. Ketidaksefahaman di antara Sultan Abdul Jalil dengan orang-orang besar dan hulubalang di Terengganu telah menyebabkan baginda berpindah sehingga pada satu ketika, Sultan Abdul Jalil telah dipelawa pulang ke Johor untuk dilantik sebagai bendahara semula. Meskipun demikian, ketika dalam perjalanan akhirnya baginda telah dibunuh oleh satu angkatan gerakan yang dihantar oleh Raja Kecik pada tahun 1721 M.<sup>41</sup>

Perang saudara yang berlaku telah menyebabkan kuasa Bugis masuk ke dalam istana dan kerajaan Melayu, bahkan sekaligus memberi kesan kepada konsep kedaulatan dan konflik di antara Melayu dan Bugis. Usaha yang kuat telah dilakukan oleh Raja Kecik dan orang Melayu untuk mengusir kuasa Bugis, namun usahanya gagal (1721M) bahkan telah membawa kepada penyatuan di antara dua rumpun Melayu (Bugis dan Melayu). Kerajaan Johor semakin berkembang maju melalui usaha orang Bugis, sementara orang tempatan dan Raja Kecik pula sedang rancak membuka sebuah penempatan di kawasan-kawasan Linggi yang kaya dengan bijih timah. Lalu orang Bugis mengekorinya kerana merasakan akan beroleh kejayaan. Ternyata mereka benar dan akhirnya Raja Kecik berundur ke Siak. Dari saat itu Raja Sulaiman (1722 M) telah bertekad untuk menewaskan Raja Kecik dengan mendapatkan bantuan daripada Opu-Opu Bugis Lima Bersaudara.<sup>42</sup> Mereka ialah Daeng Merewah, Daeng Parani, Daeng Menabung, Daeng Celak dan Daeng Kemasi (4 Oktober 1722 bersamaan 22 Zulhijjah 1134).

Sekembalinya Raja Sulaiman, anak kepada Sultan Abdul Jalil (1699 M) ke Riau telah mengukuhkan semula dinasti Bendahara. Bahkan beliau dilantik oleh Opu-Opu Bugis sebagai sultan dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722 M) dan

---

<sup>41</sup> *Tuhfat al-Nafīs, Naskhah Terengganu*, hlmn 41

<sup>42</sup> *ibid*, hlmn 23

bagi membala perlindungan suku Bugis ke atas kerajaannya, baginda telah melantik seorang dari mereka sebagai Yang Dipertuan Muda<sup>43</sup>. Sesungguhnya pelbagai usaha telah dilakukan oleh beliau untuk menarik semula para pedagang ke Riau dengan terus menerus mengawal perairan daripada terus diancam sehingga mangkatnya Raja Kecik pada tahun 1740 M.

Apabila Yamtuan Muda Bugis (Daeng Marewah) yang pertama telah mangkat (1728 M), maka jawatan tersebut telah beralih kepada adiknya (Daeng Chelak) yang berkahwin dengan saudara perempuan Sultan Bugis. Ini menunjukkan bahawa kuasa Bugis akan berada kekal di Riau dan seterusnya dapat mengambil alih semula jawatan rasmi yang mereka pegang selama ini. Oleh itu, orang-orang besar bangsa Melayu telah berpaling kepada Sultan Terengganu untuk memperoleh bantuan bagi menghalau Bugis dan dari saat itu sering kali berlakunya ketegangan dan permusuhan di antara keduanya. Selain daripada itu, mereka juga turut merayu kepada Belanda di Melaka untuk memberikan pertolongan, akan tetapi telah menjadi dasar orang Belanda yang mana mereka tidak akan terlibat dalam campur tangan politik.<sup>44</sup>

Serangan Bugis yang kedua telah berlaku disebabkan atas rangsangan oleh pertikaian mengenai peraturan perdagangan. Selepas serangan tersebut, Belanda telah membuat satu perjanjian dengan Sultan Melayu Riau dengan menyatakan bahawa Sultan adalah di bawah lindungan Syarikat Hindia Timur Belanda<sup>45</sup> dan wilayahnya pula adalah dipajak kepadanya. Malah, Belanda turut meletakkan agen yang tetap di Tanjung Pinang iaitu Pelabuhan Riau. Memandangkan agen tersebut bersikap

<sup>43</sup> YDPM merupakan jawatan baru yang telah diwujudkan kedalam kerajaan Johor dan jawatan ini hanya diberikan kepada suku Bugis dan keturunannya sahaja. Lihat Mardiana Nordin, (2008), *op.cit*, hlmn 24

<sup>44</sup> Virginie Matheson, (ed), (1997), *Op.cit*, hlmn xviii

<sup>45</sup> Dikenali juga sebagai VOC (Vereengde Oost-Indische Compagnie), merupakan hasil ciptaan sebuah negara dagang (Belanda) yang baru muncul dan kemudiannya menjadi landasan untuk memperluaskan usaha dan perjuangan bangsa pedagang di kawasan Timur. Lihat Leonard Y. Andaya, (1987) *Kerajaan Johor 1641-1728 : Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 39

melampau, maka Sultan telah meminta sekumpulan lanun menghalaunya. Oleh sebab mereka mengetahui Belanda akan bertindak balas, maka orang Melayu dan Bugis telah meninggalkan Riau dan Sultan pula telah menubuhkan kembali istananya di Pulau Lingga, manakala orang Bugis pula berpecah ke Selangor dan Pantai Barat Kalimantan.

Seterusnya pada tahun 1875 M, Inggeris telah mengambil alih Melaka dari Belanda dan mengiktiraf Sultan Riau Lingga sebagai raja yang merdeka, manakala Riau pula diletakkan semula ke taraf daulat yang sebenar. Pada tahun 1800 M, Yamtuan Muda Raja Ali (1784-1805 M) dan pengikutnya orang Bugis kembali semula ke Riau dan memerintah di situ. Sekembalinya mereka ke Riau telah cuba dihalangi oleh Engku Muda sehingga berlakunya perkelahian tetapi ia mampu ditangani apabila satu sumpah setia telah dibuat antara orang Melayu dan Bugis.

Menjelang abad ke 19 M, satu era baru telah terbentuk di Riau Lingga. Kini bebas dari segala pertelingkahan, wujud hubungan antara negeri-negeri lain yang semakin erat, kehidupan kebudayaan dan agama pula semakin subur di Riau, bahkan pemimpin juga kian berminat dalam soal agama dan pengajian Islam seiring dengan minatnya terhadap bidang kesusastraan dan Sejarah Melayu. Pada tahun 1850an, Sultan Mahmud Lingga dikatakan mula mengabaikan tanggungjawabnya dalam pentadbiran. Di situ telah timbul satu krisis yang mana Sultan Mahmud tidak mahu melantik seorang pengganti apabila Yamtuan Muda telah mangkat, bahkan sama sekali tidak mengendahkan permintaan Bugis dan Belanda untuk menyelesaikan masalah ini.<sup>46</sup> Oleh sebab itu, beliau telah diturunkan takhta oleh pihak Belanda pada tahun 1857 M dan memberikan kejutan kepada kedua-dua pihak Melayu dan Bugis. Kesannya, berlakulah campur tangan Eropah di dalam hal ehwal tradisional dalam negeri,

---

<sup>46</sup> Virgina Matheson, (ed), (1997), *Op.cit*, hlmn xx

ditambah pula dengan penyebaran kebudayaan Eropah yang sangat nyata khususnya di Singapura. Demikian serba sedikit sejarah negeri Johor bermula dari zaman Kesultanan Melayu “Sultan Mahmud” (1641 – 1721).

### **Johor : Perkembangan dan Kemajuan**

Kerajaan Johor, antara kerajaan yang tertua dalam rentetan sejarah kerajaan Melayu dan merupakan antara negeri yang unik berbanding dengan negeri-negeri yang ada di Tanah Melayu. Keunikannya terletak pada kejayaan kerajaan Johor dalam mengekalkan kemerdekaannya lebih lama berbanding dengan negeri lain daripada penjajahan British. Meskipun diakui bahawa kedudukannya berhampiran dengan pusat pentadbiran British namun Johor juga mampu mencapai kedudukan yang tinggi serta pembangunan ekonomi yang membanggakan.

Sesungguhnya pelbagai cabaran dan usaha yang dilakukan oleh kerajaan Johor sehingga berjaya melahirkan perubahan yang begitu jelas dari segi penguasaan wilayah dan tanah jajahan takluknya, pemerintahan dan pentadbiran kerajaan, serta sejarah ekonomi, politik dan sosial. Menelusuri sejarah awal Johor, ternyata kerajaan Johor merupakan sebuah kerajaan maritim yang berteraskan kepada aspek perdagangan sebagai sumber ekonominya. Hal ini kerana lokasinya yang strategik dan terletak di penghujung semenanjung tanah Melayu yang menjadi jalan laluan perkapalan dunia untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan perkapalan.

Johor sering menjadi tempat persinggahan dan pelabuhan kerajaan asing, namun pelbagai cabaran dan dugaan turut datang dari luar untuk menghancurkan kerajaan Johor melalui usaha peperangan. Berbekalkan kekuatan dan pertahanan yang

kuat dari pihak kepimpinan kerajaan, ternyata kedaulatan kerajaan Johor dapat diperkuuhkan dan kekuatan ekonomi serta perdagangan terus mendasarinya. Hal ini telah meningkatkan lagi jati diri mereka sebagai anak Johor demi mempertahankan warisan peradaban Melayu.

Usaha yang dibuat oleh Belanda untuk mewujudkan hubungan dagangan dengan kerajaan Melayu (Johor) telah tercapai apabila termeterainya perjanjian di antara Belanda dan kerajaan Johor pada abad ke 16 M . Ini dibuat kerana untuk menghalau kuasa Portugis daripada terus menguasai perdagangan bijih timah, kain kapas dan sebagainya, sekaligus meletakkan Johor sebagai pusat perdagangan dunia yang terkenal, malah dapat memastikan aliran perdagangan berjalan dengan lancar melalui Selat Melaka dan pengutipan barang tertentu yang diperlukan oleh pihak Belanda.<sup>47</sup> Ini menunjukkan bahawa perubahan besar telah berlaku ke atas dunia Melayu sehingga dapat menguasai sepenuhnya perdagangan bersama-sama dengan Belanda melalui usahanya, penubuhan Syarikat Hindia Timur Belanda.

Evolusi tersebut tidak bertahan lama bila mana suku kaum Bugis cuba mengkhianati perjanjian yang telah termeterai di antara kerajaan Johor dengan Belanda (1748 M). Bahkan dengan sikap kepimpinan Raja Haji yang mementingkan diri juga telah menyebabkan kemusnahan Johor sebagai pusat dagangan yang menjadi nadi ekonomi kerajaan Johor ketika itu. Sedangkan jika difahami rentetan sejarah Johor dengan Belanda, ternyata banyak usaha yang telah dibuat bersama terutamanya untuk memajukan ekonomi kerajaan Johor melalui sektor perdagangan.

---

<sup>47</sup> Leonard Y. Andaya,(1987), *op.cit*, hlmn 19

Meskipun kerajaan Johor dilanda masalah seperti itu, namun orang Melayu sentiasa berusaha keras untuk mengusir kuasa Bugis dari Johor. Walau bagaimanapun, usaha mereka gagal dan berubah kepada penyatuan dua rumpun (Melayu dan Bugis). Ternyata kehancuran kekuasaan kerajaan Johor (Melayu dan Bugis) tidak menjadikan mereka terus berdiam diri, akan tetapi sentiasa mencari peluang dan mengumpul usaha serta tenaga untuk kembali bangkit membangunkan kerajaan Johor. Ternyata benar dan jelas bahawa kekuatan perdagangan terus kukuh dalam kerajaan Johor dengan bantuan suku kaum Bugis. Selama ini, kuasa perdagangan sepenuhnya berada di tangan hak orang Melayu, namun hadirnya orang-orang Bugis yang datang dari Pulau Sulawesi ke Selat Melaka juga telah berjaya mengawal dan menguasai perdagangan di dunia Melayu.

Menjelang abad ke 20, kerajaan Johor berada dalam zaman keemasan dengan perubahan yang begitu ketara ketika berada di bawah kepimpinan Sultan Abu Bakar (1866 M). Pelbagai usaha telah dilakukan oleh beliau untuk memajukan negeri Johor sehingga digelar sebagai bapa Moden.<sup>48</sup> Antaranya dengan menjadikan Johor sebagai sebuah kerajaan yang maju daripada aspek perdagangan, pengangkutan semata-mata kepada kerajaan Johor moden yang berteraskan kepada perdagangan, pertanian, perladangan, pembangunan, perindustrian dan sebagainya. Tidak kurang hebatnya turut menjadi pusat penyebaran ilmu pengetahuan, ekonomi dan bidang sosial masyarakat Melayu Johor ketika itu. Sesungguhnya ciri-ciri lama tersebut turut membantu era masa kini untuk membentuk Johor sebagai sebuah panorama bandaraya yang menarik dan unik serta pesat membangun, malah kini sedang mengalami proses perkembangan yang lebih mencabar untuk memiliki kedudukan yang lebih bertaraf tinggi.

---

<sup>48</sup> Shafiee Ahmad, Sulaiman Zakaria, (1992), *Bandar-Bandar Ibu Negeri dan Diraja*, Kuala Lumpur : Buku Must Sdn. Bhd, hlmn 19

## **2.2 Historiografi Johor**

Johor merupakan sebuah negeri Melayu yang telah berkembang pesat sejak abad ke 19 sehingga abad ke 20 M, bahkan sehingga sampai ke akhirnya ia mampu mengekalkan kemerdekaannya. Terdapat pelbagai unsur tamadun Melayu yang penting telah terbentuk di Johor, malah ciri-ciri khas yang merujuk kepada proses perkembangan sejarah masyarakat Melayu juga sudah mula memperlihatkan diri secara sepenuhnya. Selain itu, Johor juga telah memperkenalkan sistem kerajaan dan cara pemerintahan yang bersifat tradisional. Begitu juga dengan cara pemikiran Islam dan hukum syariat sudah mula berkembang dan dilaksanakan secara sempurna.

Johor juga pernah dianggap sebagai “Zaman Keemasan” dalam tamadun Melayu kerana pernah menjadi pusat penyebaran Islam dan ilmu pengetahuan yang begitu terkenal. Malah telah muncul ramai para cendekiawan dan golongan ahli ulama’ yang hebat di sana. Terdapat pelbagai bidang ilmu di sana sama ada ilmu agama, mahupun akademik yang sudah berkembang secara meluas. Johor juga telah melahirkan ramai sasterawan yang terkenal, sekaligus dapat memperluaskan lagi bidang penulisan dengan begitu pesat. Hasil daripada kesedaran masyarakat Melayu untuk memaparkan asal-usul mereka, menjaga kepentingan keluarga masing-masing, menjelaskan segala aktiviti yang mereka lakukan, maka satu inisiatif telah diambil untuk menghasilkan penulisan sejarah di Johor. Ia berperanan untuk merakamkan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan sejarah negeri Johor, kerajaan, masyarakat serta perkembangannya untuk dipaparkan kepada generasi pada masa akan datang.

Historiografi Johor merupakan penulisan sejarah Johor yang menggambarkan tahap baru dalam kefahaman Islam mengikut pandangan masyarakat Melayu. Ia meliputi pelbagai tradisi dan setiap daripadanya mewakili etnik tertentu, seperti :

- i) Peringatan Sejarah Negeri Johor, mewakili tradisi Melayu Johor
- ii) Tuhfat al-Nafis, mewakili tradisi orang Bugis
- iii) Hikayat Siak, mewakili tradisi Siak-Minangkabau

Turut dipaparkan juga tentang kepentingan etnik masing-masing dan peristiwa sejarah Johor yang digambarkan mengikut pandangan bangsa masing-masing (patron-patronnya).<sup>49</sup> Oleh itu jika diteliti, kesemua karya tersebut mempunyai perkaitan di antara satu sama lain dalam menghasilkan penulisan sejarah Johor.

Karya-karya historiografi Johor merupakan sumber sejarah yang amat penting untuk memahami, menghayati dan membina kembali sejarah perkembangan masyarakat Melayu. Berikut adalah :

### **1. *Peringatan Sejarah Negeri Johor***

“*Peringatan Sejarah Negeri Johor*” merupakan teks penulisan yang mewakili tradisi orang Melayu Johor. Dihasilkan pada pertengahan kurun ke 18 M, namun pengarangnya masih belum lagi dapat dikenalpasti. Bentuk penulisan ini terdiri daripada himpunan beberapa dokumen dan kisah yang menyentuh tentang riwayat hidup Sultan Sulaiman Badr al-Alam Shah (1699-1760 M). Merupakan karya penting kerana dokumen serta tarikh-tarikh yang dinyatakan padanya adalah tepat dan ia turut dipersetujui oleh para pengkaji sejarah selepas membuat perbandingan dengan sumber-sumber Belanda. Terkini hanya 2 buah naskhah dari teks ini : (1) Naskhah KL 24B yang

---

<sup>49</sup> Andaya, L.Y, (1987), *Op.cit*, hlmn 14

disimpan dalam Perpustakaan Universiti Leiden, dalam koleksi H.K. von Klinkert. Disalin pada tahun 1863-1866 M di Riau. (2) Naskhah Von de Wall 196 yang tersimpan di Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia, Jakarta sejak tahun 1873 M yang disalin pada tahun 1855 dan 1873 M. Kedua-dua naskhah tersebut telah digunakan oleh E.U Kratz untuk menyiapkan penulisannya dalam terbitan yang pertama pada tahun 1973 M. Diterbitkan dalam bahasa Jerman yang bertajuk “*Eine Malaische Quelle zur Geschichte Johors im 18. Jahrhundert*”<sup>50</sup>

## 2. *Hikayat Siak*<sup>51</sup>

“*Hikayat Siak*” merupakan teks penulisan sejarah yang mewakili tradisi orang Minangkabau-Siak Johor. Menurut kolofon dalam salah satu naskhahnya, teks ini dirawikan oleh Tengku Said pada tahun 1272 H/ 1855 M atas arahan Tuan Fandarwola Esti; Residen Komisi di Sikudana. Naratifnya hampir menjangkau satu period sejarah yang panjang, bermula pada zaman sebelum kerajaan Melaka kurun ke 15 M sehingga pada pertengahan kurun ke-19 M. Keistimewaan yang terdapat padanya, tidak dinyatakan unsur mitos anak kembar serta perkahwinan suci yang berkaitan dengan anak ajaib tetapi wujud unsur mitos tradisional dalam cerita kehamilan Raja Kecil.

## 3. *Tuhfat al-Nafis*

“*Tuhfat al-Nafis*” merupakan naskhah yang terdiri daripada dua buah karya yang mempunyai judul yang sama. Lazimnya, karya ini dianggap oleh para sejarawan

---

<sup>50</sup> Ertinya ialah Peringatan Sejarah Negeri Johor, sumber sejarah Melayu Johor kurun ke 18 m.

<sup>51</sup> Terdapat hanya empat buah naskhah daripada teks Hikayat Siak yang telah diterbitkan : (1) Naskhah yang tersimpan dalam koleksi Muzium Pusat Jakarta yang berjudul Raja-Raja Melayu. Kodnya W. 191 ; M 1,44. Teksnya berhuruf Arab/ Jawi. Disalin pada 23 Safar- 8 Rabiuulakhir 1271 H/1856M. (2) Naskhah lain yang tersimpan dalam koleksi Royal Asiatic Society London yang berjudul Sejarah Raja-Raja Melayu. Kod Mal. 138. Dikatalogkan oleh M.C Rickles dan P.Voorhoeve dalam katalognya berkaitan naskhah Melayu yang terdapat di Great Britain. (3) Dua buah naskhah lagi dari teks yang sama iaitu dalam koleksi Perpustakaan Universiti Bibliotheek, Leidenn. Kedua-duanya diberikan kod Cod. Or. 6342 dan kod. Cod. Or. 7304. Memiliki tajuk yang sama iaitu Sejarah Raja-Raja Melayu . Naskhah pertama bertulisan jawi yang telah bertaip. Naskhah yang kedua dalam bentuk ortografi tangan tulisan jawi. Pernah digunakan oleh Mohd Yusoff Hashim sebagai teks induk untuk menghasilkan karya “Hikayat Siak”. Dirawikan oleh Tengku Said. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1992).

sebagai dua versi daripada satu karangan. Sememangnya, kedua-duanya terjadi dalam waktu yang hampir sama – pada pertengahan abad ke 19 M dan tempat yang sama- di Pulau Penyengat (Kepulauan Riau-Lingga). Kedua-duanya juga mewakili tradisi penulisan orang Bugis dalam Historiografi Johor. Teks yang pendek mempunyai 88 000 kata, karangan Raja Ahmad bin Raja Haji (1779-1879). Teks yang panjang mempunyai 126 000 kata, karangan anaknya- Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1809-1872). Teks dalam versi pendek terdapat dalam sebuah naskhah yang tersimpan dalam perpustakaan *Koninklijk Institut voor Taal- Land en Volkenkunde di Leiden*. Disalin pada tahun 1896 di Pulau Penyengat. Manakala teks yang terdiri dari versi panjang<sup>52</sup> ditemui dalam 5 buah naskhah.

Sesungguhnya, teks tersebut merupakan satu sumber sejarah yang lengkap berasaskan kepada sejarah yang mewakili pelbagai zaman. Analisis perbandingan dan tekstologi dari pelbagai teks dapat membantu masyarakat kini supaya lebih memahami situasi sejarah yang nyata dan keadaan masyarakat Melayu lampau dalam pelbagai zaman.<sup>53</sup>

---

<sup>52</sup>Teks dalam versi panjang wujud dalam 5 naskhah : (1) Naskhah Maxwell 2MS, tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Disalin pada bulan mac 1890 di Selangor oleh residen Selangor- Sir William Maxwell. Ciri fizikal kurang baik jika dibandingkan dengan naskhah Von Hasselt. Pernah digunakan oleh R.O Winstedt (1932) & V. Matheson (1982). (2) Naskhah R.O Winstedt dilaksanakan dalam bentuk litograp pada tahun 1923 dari naskhah yang lebih lama. Bentuk hampir sama dengan naskhah Maxwell. Berhuruf jawi. Pernah digunakan di semua edisi “ Tuhaft al-Nafis”. (3) Naskhah dalam koleksi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang berjudul Sejarah Raja-Raja Melayu dan Bugis. Hampir sama dengan naskhah Maxwell tetapi ciri-ciri fizikalnya kelihatan lebih baik. Bertulisan jawi. Pernah digunakan dalam edisi Virgina Matheson. (4) Naskhah yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden sejak tahun 1954, dikatalogkan oleh Teuku Iskandar. Berhuruf Jawi. Pernah digunakan dalam edisi Virgina Matheson tahun 1991. (5) Naskhah Terengganu. Terdapat di dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1986). Disalin pada tahun 1886 di Terengganu. Memiliki ciri fizikal yang baik dan berhuruf Jawi. Belum diterbitkan lagi.

<sup>53</sup> Denisova. T., *Op.cit.*

## 2.3 Tuhfat al-Nafis

### Latar belakang Tuhfat al- Nafis

Karya agung *Tuhfat al-Nafis* merupakan teks Melayu lama yang paling kompleks dan canggih di antara semua karya Melayu yang dikarang sebelum abad kedua puluh. Kenyataan tersebut turut disokong oleh R.O Winstedt yang menganggap karya ini sebagai karya pensejarahan yang terpenting selepas Sejarah Melayu yang telah diperbaiki oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612 M.<sup>54</sup> Wajarlah ia diterima pakai dan digunakan sebagai suatu sumber sejarah yang penting, terutamanya bagi sejarah Empayar Johor-Riau. Atas hakikat ini juga, R.J Wilkinson telah menggunakannya sebagai sumber rujukan bagi mengkaji sejarah serta masalah bangsa Melayu.

*Tuhfat al-Nafis* dikarang oleh Raja Ali Haji pada 3 Sya'aban, tahun 1283 H/ 1866 M. Walau bagaimanapun, menurut satu pandangan daripada sebuah manuskrip *Tuhfat al-Nafis* kepunyaan Sir William Maxwell yang tersimpan di Perpustakaan *The Royal Society London*, menyatakan bahawa *Tuhfat al-Nafis* dimulai oleh Raja Haji Ahmad, kemudian diteruskan dan diselesaikan oleh Raja Ali Haji.<sup>55</sup> Sesungguhnya, karya ini meriwayatkan tentang sejarah raja-raja Melayu dan Bugis dan ia dianggap sebagai sumber sejarah yang terpenting dalam Kesusastraan Melayu selepas Sejarah Melayu.

Ternyata dalam judul *Tuhfat al-Nafis* terdapat dua buah karya yang mempunyai judul yang sama. Lazimnya, karya ini dianggap oleh sejarawan sebagai dua versi daripada satu karangan. Oleh sebab itu, kedua-duanya dikatakan telah terhasil dalam waktu yang sama, iaitu pada pertengahan abad ke 19 M, dan di tempat yang sama di

<sup>54</sup> R.O Windstedt, (1991), *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur : J.M.B.R.A.S, hlmn 165

<sup>55</sup> Liaw Yock Fang (1993), *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*, Jakarta : Penerbit Erlangga, hlmn 134

Pulau Penyengat. Selain itu, kedua-dua versi tersebut mewakili tradisi suku kaum Bugis dalam historiografi Johor. Biarpun demikian selepas dikaji dan diselidiki, ternyata terdapat beberapa perbezaan di antara keduanya dari sudut tekstologi dan historiografi.<sup>56</sup>

Dari sudut bilangan patah perkataan, teks dalam versi pendek terdiri daripada 88 ribu patah perkataan, sementara dalam versi panjang pula terdiri daripada 126 ribu patah perkataan. Begitu juga dengan penulis teks iaitu Raja Ahmad bin Raja Haji (1779-1879 M) selaku pengarang teks versi pendek, sementara teks yang panjang pula telah dikarang oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1809-1872 M). Selain itu terdapat juga perbezaan dari segi isi kandungannya iaitu dalam teks versi panjang ada dinyatakan penggunaan sumber dari Al- Quran dan karya-karya tokoh Islam, kemudian ditambah pula dengan peringatan peribadi oleh Raja Ali Haji dan penasihatnya kepada para pembaca dan murid-muridnya tentang cara kehidupan yang sebenar dan ikhlas, serta penggunaan senjata dan jenis perkapan dalam teks tersebut. Sesungguhnya, isi kandungan bagi setiap teks tersebut mempunyai ciri khas yang tertentu dan ini membuktikan bahawa kedua-dua versi teks *Tuhfat al-Nafis* tersebut merupakan dua buah karya yang tersendiri, bahkan bukan dua versi daripada satu karangan yang sama.

Terdapat enam buah naskhah manuskrip *Tuhfat al-Nafis* yang telah ditemui dan dikenal pasti dalam bentuk versi pendek dan panjang, berikut adalah :<sup>57</sup>

1. Manuskip Versi *Tuhfat al-Nafis* yang lebih pendek (karya Raja Ahmad). Manuskip tersebut telah disalin pada tahun 1896 sebagai hadiah kenangan kepada A.L van Hasselt, Residen Belanda Riau yang akan bersara. Ia disalin daripada teks yang berada dalam simpanan Yang

---

<sup>56</sup> Denisova, T.A. (1995) *Op.cit*, hlmn 35

<sup>57</sup> Virginie Matheson Hooker (ed), (1998), *op.cit*, hlmn xxx

Dipertuan Muda Riau pada waktu itu. Pada tahun 1903 van Hasselt telah menghadiahkan manuskrip tersebut kepada *Koninklijk Institut voor Taal, Land-en Volkenkunde de Leiden, Nederland*. Manuskrip tersebut KITLV Or. 69 (sebelum ini disebut HS630). Dikatalog oleh Dr. Ph. S. van Ronkel, BKI 1980 : 207. Tidak mempunyai judul, bertulisan Jawi. Tarikh asal : 17 Rejab 1283. Tarikh dan tempat penyalinan : 8 Sya'aban 1313, Penyengat oleh Ali ibn al-Marhum Raja Haji Muhammad, di Riau. Pemilik kitab : A.L van Hasselt.

2. Versi *Tuhfat al-Nafis* yang lebih panjang (versi Raja Ali Haji yang diterbitkan dalam buku ini) dikekalkan dalam lima buah manuskrip. Manuskrip yang telah diterbitkan ialah manuskrip Johor, kepada Sir Richard Winstedt. Manuskrip tersebut bercetak dalam tulisan jawi, diterbitkan dalam *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Jilid 10, Bahagian 2, 1932, hlmn 1-320 dengan judul “*A Malay History of Riau and Johore*”. Tarikh asal tidak dinyatakan, tarikh penyalinan pada 19 Jamadilawal 1342 (28 Disember 1923). Pemilik : Tengku Fatimah, puteri Sultan Abu Bakar, Johor.
3. Sebuah manuskrip lain diwasiatkan oleh Dr. A. Rinkes<sup>58</sup> kepada Perpustakaan Universiti Leiden (Nederland) pada tahun 1954. Manuskrip itu diberi nombor katalog Cod. Or. 8545. Berkemungkinan manuskrip tersebut ditawarkan kepadanya oleh sebab orang sedar akan minatnya terhadap teks Melayu. Tarikh asal dan penyalin tidak dapat ditemui, namun tarikh penyalinannya pada 13 Rejab, Ahad 1283. Terdapat 5 cap

---

<sup>58</sup> Dr. A. Rinkles adalah ketua Balai Pustaka di Betawi dari tahun 1917 hingga 1927

(stamps) pada halaman akhir manuskrip ini bertulisan Jawi : “Baginda Marah Ajung Jaqsa di a-w-l-y-h-l-y” dan dalam tulisan rumi : “Adjunct Djaksa Olehleh”.

4. Pusat Dokumentasi Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur juga memiliki satu salinan Tuhfat al-Nafis yang bernombor katalog MS 87. Judulnya, Sejarah Raja- Raja Melayu dan Bugis. Tarikh asal ialah 17 Rejab, Ahad 1283 M . Tarikh dan tempat penyalinan tidak dinyatakan. Manuskrip ini dibeli oleh Dewan Bahasa dan Pustaka daripada Raja Aziz bin Raja Kassim pada 18 Julai 1957. Kertasnya ada watermark dengan tarikh 1877, dan ia dianggap sebagai manuskrip yang cukup tua.
5. Royal Asiatic Society London, Maxwell 2. Dikatalogkan oleh Dr. P.Voorhoeve, JRAS April 1963 : 68 dan Ricklefs dan Voorhoeve 1977 : 143. Tiada judul dan bertulisan jawi. Tarikh asal pada 17 Rejab 1282, tarikh dan tempat penyalinan : 15 Rejab 1307, Kelang. Disalin oleh Syamsuddin bin Imam Musa, Larut. Pemilik : Tuan William Edward Maxwell C.M.G.
6. Pada tahun 1986 sebuah manuskrip lagi ditemui oleh Y.M. Tengku Ismail bin Tengku Su, di Terengganu. Manuskrip itu disalin oleh Haji Abdul Rahman bin Encik Long pada bulan April 1901 dan manuskrip tersebut tersimpan di Istana diraja Terengganu dan menjadi pusaka yang diwariskan oleh Sultan Zainal Abidin III kepada puteranya, Sultan Muhammad.

Terdapat 5 buah terbitan manuskrip *Tuhfat al-Nafis* yang telah ditemui, berikut adalah :

1. R.O Winstedt, Malay Text of Tuhfat al-Nafis in Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society (*JMBRAS*), vol 10, part 2, 1932.
2. Tuhfat al-Nafis : Sejarah Melayu dan Bugis, editor Encik Munir Ali, Singapura, 1965.
3. Tuhfat al-Nafis, Raja Ali Haji dan Raja Haji Ahmad editor Virgina Matheson, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.
4. Tuhfat al- Nafis : Sejarah Melayu- Islam, Virgina Matheson, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1961.
5. Karya Agung Tuhfat al- Nafis, karangan Raja Ali Haji editor Virgina Matheson Hooker, Kuala Lumpur : Terbitan Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

### **Sinopsis Kandungan.**

Menyorot isi kandungan teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata ia meliputi dua bahagian yang terdiri daripada peristiwa sejarah yang berlaku sebelum zaman Raja Ali Haji, sementara yang kedua adalah mengenai kegiatan orang Bugis sejak kira-kira abad ke17 M serta peristiwa sejarah yang berlaku semasa hidup Raja Ali Haji sehinggalah kira-kira pertengahan tahun 1860 M iaitu apabila penulisan beliau selesai diusahakan. Pada bahagian yang pertama, terdapat latar belakang kepada isi kandungan yang menghuraikan hubungan sosiopolitik di antara kaum kerabat di raja Melayu dengan Bugis khususnya dalam Empayar Johor-Riau dan seluruh jajahan takluknya. Bahkan, ia

turut menyaksikan kegiatan putera-putera dan keturunan Bugis yang terkenal di tempat-tempat lain, misalnya seperti di Kalimantan, Terengganu, Kedah dan Sumatera.<sup>59</sup>

Biarpun demikian, bahagian awal tersebut hanyalah merupakan gambaran ringkas yang dipetik dari kitab *Sulalatus Salatin*, karya Tun Seri Lanang. Ia lebih tertumpu kepada meriwayatkan salasilah raja-raja yang memerintah Empayar Melayu Melaka, dan seterusnya keturunan mereka yang kemudiannya menjadi Sultan dalam Empayar Johor sehingga salasilah itu berakhir dengan terbunuhnya Sultan Mahmud mangkat dijulang oleh Laksamana Megat Seri Rama pada tahun 1699 M.

*Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya yang turut menceritakan tentang Salasilah Melayu dan Bugis serta keturunan raja. Menonjolkan bangsa Bugis melalui lima Opu bersaudara, iaitu Opu Dahing Parani, Opu Dahing Menambun, Opu Dahing Marewah, Opu Dahing Celak, Opu Dahing Kemasi. Mereka ialah dari keturunan Opu la Mandusila yang dikatakan sebagai orang Bugis yang mempunyai keturunan dari Nabi Sulaiman.

Di samping itu, terdapat juga cerita mengenai sejarah Melaka dan sultannya dalam bahagian dua yang dimulakan dengan kemangkatan Sultan Mahmud dan bagaimana pula munculnya Raja Kecik yang dikatakan pewaris Sultan Mahmud yang ingin mengambil alih semula takhta kejaraan Johor dari Sultan Abdul Jalil. Maka dari situ, Sultan Abdul Jalil mula meminta bantuan dari orang Bugis, lalu datanglah Opu-opu lima bersaudara tersebut dari luwuk.

Seterusnya dalam *Tuhfat al-Nafis* ada menceritakan tentang kemunculan Raja Kecik, asal usulnya dan kelebihan yang membuktikan dia adalah pewaris sultan.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup> Mohd Yusof Ibrahim, Mahayudin Yahaya, (1988), *Sejarawan dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 250

Sesungguhnya, beliau telah menghantar menterinya ke Johor untuk memujuk rakyat dengan berkata :

“ Sekarang ini adalah ia hendak ke Johor, hendak mengambil pesakanya menjadi raja. Maka barang siapa rakyat yang tiada mau mengikut, nanti ditimpa Daulat Marhum Mangkat Dijulang, tiada selamat sampai Mangkat Dijulang itu, mendapatlah ia kurnia daripada Raja Kecik . Raja Kecik telah menyediakan dengan beberapa kayu, kain yang baik akan persalinan jenang batin itu apalagi raja Negara kepada anak cucunya. Syahadan barang siapa yang menyertai anak Marhum Magsyahadan apabila mendengar segala rakyat akan perkataan suruhan Raja Kecik itu, maka menjawablah mereka “Silakanlah Raja Kecik datang ke Johor, saya semua akan menyertai.”<sup>61</sup>

Dengan segala tipu muslihat Raja Kecik, maka Sultan Abdul Jalil telah menyerah diri kepada Raja Kecik dan mengahwinkan anaknya kepada Raja Kecik. Pada ketika itu seolah-olah negeri Johor telah mempunyai dua orang raja. Orang Bugis yang mendengar berita ini mula merasa hairan bagaimana negeri Johor yang dikira hebat dengan mudah dapat ditewaskan, lalu mereka ke sana dan setelah tiba di Johor, Raja Kecik telah menjamu tetamunya seperti adat biasanya. Ketika itu anak perempuan (Tengku Tengah) kepada Sultan Abdul Jalil merasa marah kerana ayahnya hendak dijadikan bendahara kembali, dan semestinya hal ini akan membawa malu kepada keluarganya.<sup>62</sup> Oleh itu, ia telah meminta pertolongan dari lima opu bersaudara untuk menebus kembali maruah keluarga mereka, maka ia telah berkahwin dengan Opu Dahing Parani dan telah berjanji kepada isterinya akan memberikan bantuan. Ketika itu Opu Dahing Parani meminta izin pulang ke Siantan, padahal tujuannya adalah untuk menyiapkan kelengkapan berperang menyerang Raja Kecik.

---

<sup>60</sup> Hikayat Siak di dalamnya ada juga menceritakan tentang Raja Kecik bermula dari kelahirannya serta kemangkatan ayahnya dan pengembaraannya ke seluruh alam Melayu.

<sup>61</sup> Virgina Matheson (ed), (1997), *op.cit*, hlmn 48

<sup>62</sup> *Ibid*, hlmn 50

Pelbagai fitnah yang telah berlaku sehingga menimbulkan rasa kemarahan dari isteri Raja Kecik, dalam masa yang sama beliau telah dibawa lari oleh Tengku Tengah. Oleh sebab itu, telah berlaku perbalahan di antara Sultan Abdul Jalil dan Raja Kecik. Segala bala tentera orang-orang Bugis yang diketuai oleh Opu Dahing Parani pun datang menyerang, dalam serangan ini Raja Kecik telah mengalami kekalahan, akan tetapi Sultan Abdul Jalil telah mati di tikar sembahyang atas tindakan orang-orang Raja Kecik. Seterusnya, banyak lagi kisah-kisah yang menarik telah diceritakan dalam *Tuhfat al-Nafis* sehingga akhir kesudahan sejarah Melayu Bugis ini. (Sila Rujuk Lampiran 3)

Secara keseluruhannya *Tuhfat al-Nafis* memiliki keistimewaan yang tersendiri, konsepsi sejarah teks ini jauh lebih mendalam dan luas daripada teks Melayu yang lain. Teks ini terdiri daripada dua bab. Bab pertama memberi gambaran menyeluruh tentang salasilah yang merupakan rangka untuk penceritaan yang kompleks dengan menghuraikan hubungan yang rapat antara raja-raja dan melalui ikatan perkahwinan yang mengaitkan orang Riau dengan Kedah, Perak, Terengganu, Siak, Kalimantan dan akhirnya dengan Singapura, Pahang dan Johor. Manakala bagi bab yang kedua, menceritakan kisah raja-raja Melayu serta Bugis dan kepada segala anak-anak mereka itu.<sup>63</sup>

Sementara dari segi jangka waktu, karya ini melingkungi jangka masa yang agak panjang selama kira-kira seribu tahun, iaitu bermula dari zaman raja Melayu yang asal; Seri Teri Buana yang turun ke Bukit Seguntang dan akhirnya membuka kerajaan di Temasik (Singapura) sehinggalah kepada zaman Temenggong Abu Bakar yang kemudiannya menjadi Sultan Johor.<sup>64</sup> Manakala dari segi kronologi, *Tuhfat al-Nafis*

---

<sup>63</sup> Virgina Matheson Hooker (ed), (1998), *op.cit*, hlmn xiv

<sup>64</sup> Mohd Yusof Ibrahim, Mahayudin Yahaya, (1988), *op.cit*, hlmn 250

meliputi peristiwa dari abad ke 17 M sehingga abad pertengahan abad ke 19 M, malah dipaparkan juga latar belakang peristiwa itu mulai zaman Srivijaya dan Melaka.

Dari segi geografi pula, *Tuhfat al-Nafis* meliputi peristiwa di perkarian semua kerajaan Melayu di Semenanjung Melayu dan Kepulauan Riau-Lingga (termasuk Singapura), Siak (Sumatera Timur), di Kalimantan Barat, di Sulawesi Selatan dan terdapat juga rujukan kepada beberapa peristiwa di Betawi (sekarang Jakarta).

Hakikatnya juga, *Tuhfat al-Nafis* telah diterima sebagai karya pensejarahan. Ini kerana padanya ada dimuatkan ciri-ciri pensejarahan yang boleh dilihat dari sudut kaedahnya, cara penulisan serta penyelidikannya dan terdapat juga beberapa ciri umum seperti penggunaan tarikh yang tepat, sumber rujukan yang secara lumrahnya dapat membezakan *Tuhfat al-Nafis* daripada hasil karya yang bukan sejarah.<sup>65</sup>

Ternyata dalam T.N, Raja Ali Haji telah memuatkan penggunaan tarikh yang tepat, bahkan adakalanya menyertakan hari, bulan, tahun pada setiap kali waktu berlakunya sesuatu peristiwa. Baginya, penggunaan tarikh ini akan menempatkan peristiwa yang dikajinya berada dalam posisi yang lebih meyakinkan dirinya dan juga para pembacanya, biarpun ia bukan suatu tuntutan yang mutlak dalam pengkajian sejarah. Mengenai kesedaran penggunaan tarikh yang tepat bukanlah sesuatu yang baru bagi Raja Ali Haji, kerana ia merupakan sesuatu yang diwarisi daripada kebiasaan para golongan di raja Bugis dalam menulis catatan harian mengenai peristiwa penting yang berlaku di sekitar mereka.<sup>66</sup>

---

<sup>65</sup> *Ibid.*, hlmn 253

<sup>66</sup> *Ibid.*, hlmn 254

Raja Ali Haji turut menjelaskan sumber-sumber sejarah yang telah digunakan bagi menghasilkan karya *Tuhfat al-Nafis* dengan beranggapan bahawa cara sedemikian dapat mengetahui serta memaparkan kebenaran sejarah itu agar tidak menimbulkan keraguan atau kekeliruan dan sekiranya beliau terpaksa menceritakan perkara-perkara yang berupa lagenda atau mitos, maka istilah seperti konon, siarah, kata setengah kaul akan digunakan dalam karya ini.

Kesimpulannya, Karya *Tuhfat al-Nafis* adalah sebuah karya yang dihasilkan oleh sekelompok masyarakat yang mempunyai kesedaran untuk menerangkan peristiwa-peristiwa masa lalu orang Melayu umumnya, dan orang Bugis khasnya. Malah, ia juga merupakan sebuah karya yang mampu menggabungkan cerita daripada pelbagai kumpulan dan berkembang luas sehingga mampu merentasi ruang dan waktu. Sesungguhnya *Tuhfat al-Nafis* selayaknya dianggap sebagai teks Melayu yang menarik dan luar biasa kerana padanya banyak membicarakan tentang kehidupan manusia.

#### **2.4 Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1804 -1872 M)**

Secara hakikatnya, pengaruh tradisi pensejarahan dan penulisan seawal abad ke 17 M itu masih lagi dirasakan sehingga kurun ke 19 M, malah tradisi tersebut turut mempengaruhi hasil-hasil karya pensejarahan Melayu yang telah dihasilkan pada abad ke 19 M. Hal ini berlaku adalah disebabkan kerana beberapa perkara; pertamanya, kerana tiada berlaku perubahan yang besar dalam sistem pendidikan dan politik Melayu khususnya sebelum penguasaan Inggeris secara agresif di Tanah Melayu. Keduanya, adalah kerana pusat pendidikan dan pusat perkembangan ilmu itu tersendiri masih bertempat di perkarangan istana. Oleh sebab itu, lazimnya tokoh-tokoh tersebut, termasuklah para sejarawan itu sendiri terdiri daripada orang-orang istana, bangsawan,

atau pun mempunyai pertalian yang rapat dengan keluarga di raja. Seterusnya, adalah di sebabkan oleh penghasilan karya pada abad ke 17 M, dengan kemantapan, keunggulan dan kepentingan yang terdapat dalam karya pensejarahan Melayu tersebut telah mengangkatnya sebagai sebuah rujukan yang terbaik.

Biarpun demikian, pada abad ke 19 M berlaku juga perubahan khususnya dalam pensejarahan dan antara tokoh yang telah membawa kepada perubahan tersebut ialah Raja Ali Haji yang berasal dari Riau. Beliau memiliki keistimewaan yang tersendiri terutamanya jika ditinjau daripada penulisannya, dan antara karyanya yang terunggul ialah *Tuhfat al-Nafis*.

### Riwayat Hidup

Pada awal abad ke 19 M telah lahir seorang pengarang kesusastraan Melayu yang sering bergiat aktif dalam melakukan kegiatannya di Pulau Penyegat. Beliau yang di maksudkan adalah Raja Ali Haji yang merupakan seorang pujangga, ulama', sejarawan, tokoh intelektual dalam dunia klasik dan turut berkecimpung dalam menyusun sejarah orang Bugis di Melayu dan hubungannya dengan raja-raja Melayu.

Tengku Haji Ali al-Haj bin Tengku Haji Ahmad bin Raja Haji asy-Syahidu fi Sabilillah bin Upu Daeng Celak atau lebih dikenali dengan gelaran Raja Ali Haji merupakan orang yang terkemuka dan terkenal pada zamannya. Beliau dilahirkan pada tahun 1809 M di Pulau Penyengat<sup>67</sup>, Riau dari keluarga bangsawan Riau keturunan Bugis. Walau bagaimanapun tahun tersebut bukan menjadi tahun kelahirannya yang

---

<sup>67</sup> Pulau Penyengat merupakan sebuah pulau yang terpenting di lingkungan Kepulauan Riau yang juga dikenali sebagai Pulau Segantang Lada.

sebenar, akan tetapi jika dihitung pada tarikh-tarikh yang terdapat dalam manuskrip *Tuhfat al-Nafis*, besar kemungkinan beliau dilahirkan pada tahun 1809 M.<sup>68</sup>

Beliau berasal dari keturunan Opu Daing Bugis lima bersaudara yang merebut kekuasaan di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera serta orang yang memainkan peranan penting dalam pergolakan politik di Kepulauan Melayu dalam kurun ke 18 M dan 19 M.<sup>69</sup> Untuk pengetahuan, beliau juga dikenali dengan gelaran Engku Haji Tua, ialah cucu kepada Raja Haji iaitu pahlawan Melayu/ Bugis yang terbilang yang mati akibat berperang dengan Belanda bagi menguasai Melaka pada tahun 1784 M.<sup>70</sup> Demikianlah Raja Ali Haji adalah salah seorang daripada keturunan keluarga yang terbilang.

Raja Ali Haji dibesarkan dalam keluarga bangsawan yang berpengaruh dan melayakkannya bergaul dengan golongan istana pada saat itu. Keadaan tersebut telah memudahkan beliau untuk mendapatkan serta merujuk bahan-bahan kajiannya yang terdapat di istana. Malah sejak dari kecil lagi, beliau telah dibesarkan dan dididik dalam suasana yang mementingkan ilmu pengetahuan. Oleh kerana, bapanya Raja Ahmad memegang peranan penting dalam perkembangan politik di Johor Riau dan merupakan utusan rasmi Yamtuan Muda Raja Jaafar yang sering kali dikirimkan ke Betawi untuk berunding dengan Gabenor Jeneral Belanda.<sup>71</sup> Beliau seringkali mengikuti perjalanan ayahnya ke pelbagai daerah untuk berdagang dan sebagainya. Malah, beliau juga diberi kesempatan untuk mendapatkan ilmu dengan cara mengikut ayahnya bersama-sama ke Betawi, ke Mekah untuk menunaikan haji. Di sana, beliau telah mempelajari kitab *Tariq*

<sup>68</sup> Mohamad Daud Mohamad (1987), *Tokoh- Tokoh Sastera Melayu Klasik*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 146

<sup>69</sup> *Ibid.*, hlmn 132

<sup>70</sup> Mohd Yusof Ibrahim, Mahayudin Yahaya, (1988), *op.cit*, hlmn 247.

<sup>71</sup> Virginie Matheson (ed), (1997), *op.cit*, hlmn xxii

*Muhammadiyyah, Fara'id* dan sebagainya dari seorang ulama' besar ‘‘, Syeikh Daud b Abdullah al-Fatani’’.

Selain itu, Raja Ali Haji juga berkesempatan pergi ke Kaherah untuk mencari pengalaman dan mendalami lagi ilmu agamanya. Berbekalkan ilmiah dan kesusasteraan yang dimilikinya serta minatnya dalam bidang politik telah menjadikan beliau seorang yang cukup hebat dalam usia yang begitu muda, bahkan seringkali diminta fatwanya dan menjadi pembimbing bagi guru-guru agama di Riau. Di samping itu, beliau juga turut dikenali sebagai seorang tokoh yang terkenal sebelum awal abad ke 20 M, baik di kalangan sasterawan dan cendiakawan<sup>72</sup> melalui beberapa penulisan karyanya .

Raja Ali Haji juga merupakan seorang yang mahir dalam berbahasa Arab, berpengetahuan dalam bidang agama, namun ia juga mampu menguasai politik dan banyak berbakti kepada bangsa Melayu. Bahkan beliau juga adalah seorang yang berpendirian teguh dalam lingkungan kebudayaan Melayu dan amat mempertahankan nilai-nilai Melayu biarpun dalam kehidupannya sering bercampur gaul dengan para sarjana dan pembesar barat. Tambahan itu, beliau juga merupakan seorang manusia yang menghargai dan menghormati nilai-nilai peradaban barat, akan tetapi beliau merasakan nilai tersebut tidak selari dengan budaya dan masyarakat Melayu.<sup>73</sup>

## **Peranan & Sumbangannya**

Sikap Raja Ali Haji saling tak tumpah seperti ayahnya. Bakat dan pengalaman yang diperolehinya telah melayakkan beliau menjadi seorang guru, Perdana Menteri, pakar undang-undang, penasihat agama serta berpengaruh kuat kepada Yamtuan Muda

---

<sup>72</sup> Mohamad Daud Mohamad (1987), *op.cit*, hlmn 133

<sup>73</sup> *Ibid*, hlmn 139

Riau (Raja Ali). Malah beliau juga telah dapat menghasilkan beberapa buah penulisan mengenai sejarah, agama, politik, bahasa/nahu, kesusasteraan, dan antara yang uniknya beliau telah melahirkan satu sejarah bangsa Melayu yang hebat.

Selain menjadi seorang guru dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu saraf, nahu, usuluddin, tasawuf dan fiqh, beliau juga telah berusaha meningkatkan lagi Pulau Penyengat sebagai Pusat Kebudayaan Melayu dan Pusat Pengetahuan Islam. Melihat kepada kemahirannya dalam pelbagai cabang ilmu, sama ada berpengetahuan dalam selok-belok nahu Melayu dan juga bentuk persuratan Melayu, beliau telah disarankan oleh Yamtuan Muda untuk mengarang kitab nahu dalam bahasa Melayu<sup>74</sup> dan beberapa buah karya lain seperti *Bustanul Katibin Lis-subyanil-Muta'alimi*, kitab salasilah Melayu dan Bugis lama dan sekalian raja-rajanya. Tambahan itu, menjadi seorang yang berkebolehan sebagai ketua penasihat hal ehwal agama, guru agama dan ulama' di Pulau Penyengat telah meletakkan diri beliau sebagai seorang pendiri golongan para cendekiawan di Pulau Penyengat. Ini kerana ramai yang bercita-cita ingin mendalami agama Islam khususnya serta tertarik dengan sikap dan cara Raja Ali Haji.

Ketahuilah bukan mudah untuk menjadi seorang pengarang yang terkenal dan seharusnya mereka yang sedemikian perlu diberi penghargaan terutamanya hasil usaha dari orang Melayu sendiri, umpamanya seperti Raja Ali Haji. Terdapat pelbagai karya yang telah dihasilkan oleh beliau, yang terawal daripadanya seperti<sup>75</sup> “Gurindam Dua Belas” (1847 M) dan “*Bustan al-Katibin*” (1851 M) sebagai latihan untuk kanak-kanak membaiki nahu Melayu dengan menggunakan konsep dan istilah bahasa Arab. Dalam tahun 1857 M, beliau ada mengarang kitab “*Thamarat al-Muhimmah Difayah li al-Umara wa al-Kubara wa li ahl al-Mahkamah*” iaitu satu tritis untuk para pemerintah

<sup>74</sup> Virginie Matheson Hooker (1991), *Tuhfat al-Nafis : Sejarah Melayu - Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 38

<sup>75</sup> Virginie Matheson (ed), (1997), *Op.cit*, hlmn xxiii

supaya berkelakuan dan mentadbir kerajaan dengan cara yang betul. “Silsilah Melayu dan Bugis” yang telah siap dikarang pada tahun 1865 M dan beberapa buah karya lain.

Seterusnya, pada tahun 1858 M, beliau telah menghasilkan sebuah kamus yang dikenali sebagai Kitab Pengetahuan Bahasa yang disusun pada tahun 1858 M. Ia merupakan sejenis ensiklopedia yang mengandungi pengetahuan umum serta pandangan beliau sendiri tentang perkataan yang dinyatakan dalam kamus tersebut. Di samping itu, kitab ini turut menjelaskan tentang sikap orang Melayu yang gemar merosakkan bahasanya sendiri, misalnya penggunaan istilah “kasi” untuk “beri”, bahkan cuba mengupas tentang sikap orang Melayu yang suka mencemarkan adat istiadatnya sendiri.<sup>76</sup>

Antara karya beliau yang terkenal ialah *Tuhfat al-Nafis* (Hadiyah yang Bernilai) yang meriwayatkan tentang sejarah raja- raja Melayu dan Bugis. Ia dikarang pada bulan Sya’aban tahun 1228 H/ 1865 M dan dianggap sebagai kitab sejarah yang paling penting dalam Kesusastraan Melayu selepas Sejarah Melayu. Raja Ahmad selaku ayahnya merupakan penulis asal karya ini dalam bentuk versi pendek, kemudian Raja Ali Haji telah menggunakan karya ayahnya sebagai asas dan seterusnya beliau menulis karya baru dalam bentuk versi panjang dengan menggunakan tajuk yang sama. Sesungguhnya, karya tersebut merupakan warisan yang sangat berharga bagi sejarah Sumatera, Kalimantan dan Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kepada latar belakang kebudayaannya dan taraf ilmu pengetahuan serta pendidikannya, beliau juga telah menyumbangkan kemajuan dalam bentuk penulisan sejarah jika dibandingkan dengan pengarang- pengarang sejarah sebelumnya. Karyanya akan dijelaskan sumber-sumbernya dengan teliti dan dikurangkan unsur-unsur

---

<sup>76</sup> Mohamad Daud Mohamad (1987), *Op.cit*, hlmn 135.

mitos.<sup>77</sup> Meskipun adakalanya beliau terpaksa memaparkan unsur-unsur lagenda dan mitos tersebut, lazimnya beliau akan menggunakan istilah konon, siarah, kata setengah kaul dan sebagainya dalam penulisan karya tersebut. Seterusnya, setiap maklumat dalam karyanya akan diiringi dengan penggunaan tarikh yang tepat, malah disertakan pula bulan, hari dan waktu yang menunjukkan kerapkali berlakunya sesuatu peristiwa yang dikaji.<sup>78</sup>

Raja Ali Haji meninggal dunia lebih kurang dalam tahun 1872 M, dan ayahnya Raja Ahmad hidup lebih lama daripada beliau dan dipercayai Raja Ahmad meninggal dunia beberapa tahun kemudian, dalam lingkungan tahun 1878 M. Makam Raja Ali Haji dikatakan terletak bersebelahan dengan makam bonda saudaranya Engku Puteri.<sup>79</sup> Hakikatnya, bakat beliau dalam bidang kesusasteraan ini tidak hanya terbatas padanya, namun di warisi oleh keturunannya seperti anaknya, Raja Hassan yang mengarang Syair Burung Unggas, adik perempuannya Raja Kalthum yang mengubah Syair Saudagar Bodoh dan seorang lagi adiknya, Safiah yang mencipta Syair Kumbang Mengindera. Kecenderungan beliau dalam bidang agama juga turut diwarisi oleh cucunya iaitu Raja Abdullah, anak kepada Raja Hasan. Ini dapat dilihat pada bakat beliau yang mahir dalam bahasa Arab, ilmu agama, termasuk juga ilmu sihir. Dipercayai juga bahawa Raja Abdullah telah mempusakai perpustakaan Raja Ali Haji kerana beliau memiliki koleksi terbesar manuskrip mengenai Penyengat, yang mana kebanyakan daripadanya telah musnah dalam kebakaran pada tahun 1923M.<sup>80</sup>

---

<sup>77</sup> Andaya, L.Y, (1987), *Op.cit*, hlmn 8

<sup>78</sup> Teuku Iskandar (1995), *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Brunei : Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei, hlmn 557

<sup>79</sup> Virginia Matheson (1991), *Op.cit* , hlmn 58

<sup>80</sup> Raja Hamzah Yunus ada menyatakan bahawa dalam situasi kebakaran itu, Raja Abdullah cuba menyelamatkan buku karya beliau sahaja dan tidak sempat menyelamatkan barang lain yang telah dimilikinya.

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa Raja Ali Haji merupakan seorang ahli sejarah yang dapat dilihat melalui sumbangannya dalam bentuk penulisan karya, khususnya *Tuhfat al-Nafis*. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang pujangga yang dikenali sebagai tokoh intelektual dalam dunia klasik, bahkan seorang yang berpengaruh dalam memberi inspirasi serta dorongan intelektual kepada istana, negara dan yang paling jelas, beliau berasal dari sebuah keluarga yang sememangnya berbakat dalam bidang sastera. Sesungguhnya, Raja Ali Haji dan Raja Ahmad merupakan seorang tokoh yang melahirkan satu sejarah bangsa Melayu yang unik melalui gabungan bakat dan pengalaman yang diperolehi oleh mereka.

---

## **BAB 3**

### **PEPERANGAN: PUNCA, STRATEGI, ALAT KELENGKAPAN DAN ORGANISASI KETENTERAAN**

---

#### **3.1 Peperangan**

Peperangan adalah satu pertikaian di antara kumpulan-kumpulan pesaing dengan menggunakan taktik kekerasan, termasuk pemberontakan bersenjata dan perang saudara. Ia bersifat konflik yang terancang untuk mencapai objektif tertentu dan dikatakan bermulanya peperangan ini dengan munculnya manusia bertamadun. Pandangan positif berkaitan dengan perang dapat dilihat untuk mencapai kemajuan manusia seperti dalam bidang teknologi dan industri, manakala dari sudut negatif perang adalah punca kemerosotan dan kejatuhan sesuatu tamadun manusia.<sup>81</sup>

Jelas bahawa perang itu tidak akan berlaku dengan sendirinya, akan tetapi didorong oleh perasaan seseorang individu yang melampau, umpamanya lahir golongan penjajah yang mempunyai nafsu untuk menjajah negeri yang lemah bagi mendapatkan kuasa dan harta.<sup>82</sup> Ini menunjukkan bahawa sikap manusia itu mampu merangsang kepada kemasuhan dunia, seperti yang disebutkan dalam *Surah al-Baqarah, ayat 30* yang bermaksud :

“...Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi” Mereka

berkata : “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu

---

<sup>81</sup> Toynbee, Arnold J., (1987), *A Study of History*, New York : Oxford University Press, hlmn 6

<sup>82</sup> Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri (2006), *Perspektif Islam Terhadap Peperangan*, Selangor : Darul Fuqaha Enterprise, hlmn 71

orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah...”

Surah Al-Baqarah (1) : 30

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa sesungguhnya sejak azali lagi, manusia telah diciptakan oleh Allah s.w.t untuk membuat kehancuran di muka bumi dengan lahirnya sikap iri hati, hasad dengki, tamak sesama sendiri, sehingga sampai satu saat manusia tidak mampu lagi mengawal diri mereka secara rasional, lalu menyebabkan berlakunya pertempuran untuk mencapai kepentingan dan kehendak masing-masing.

### 3.1.1 Perang : Definisi dan Konsepnya

Sejarah kehidupan manusia memperlihatkan kerakusan manusia menakluk dunia sehingga tercetusnya peperangan. Peperangan demi peperangan sering berlaku di atas muka bumi sehingga akhirnya perang itu berjaya merampas segala kebahagiaan, ketenangan dan kedamaian seseorang yang bergelar insan.

Perang merupakan satu institusi masyarakat yang dilihat sebagai satu budaya dan peraturan hidup.<sup>83</sup> Sementara dalam istilah Inggeris, perang ialah *war* yang membawa maksud sebagai *open armed conflict* antara negara atau kerajaan, atau antara pihak-pihak kerajaan itu sendiri yang dilakukan oleh pihak musuh.<sup>84</sup> Lantaran itu, jelaslah menunjukkan perang berpunca dari satu titik konflik<sup>85</sup>, sama ada konflik itu berupa kecil ataupun besar. Selagi konflik tersebut tidak mampu dilerakan, mahupun diredakan, maka selagi itulah perang akan terus berlarutan dari semasa ke semasa. Ini

<sup>83</sup> Henry Holbert, (1971) *Primitive War its Practice and Concepts*, Columbia : University of South Carolina Press, hlmn v

<sup>84</sup> Muhammad Yusof Hashim, (1993), *op.cit*, hlmn 188

<sup>85</sup> Konflik bermaksud menghadapi fahaman yang bertentangan atau pertembungan kepentingan, prinsip, idea atau program yang menyatakan kebanyakkan interaksi yang berlaku di kalangan atau di antara sistem politik. Lihat Jack, C. Plano, Robert E. Rggs, Helenan S. Robin, (1982), *Dictionary of Political Analysis*, hlmn 40

kerana konflik mempunyai pelbagai ragam manifestasinya dan bagi konflik yang serius, mampu mengancam kestabilan masyarakat dan menggoyahkan keadaan negara dari pelbagai sudut seperti ekonomi dan politik khasnya sehingga mampu mencetuskan perperangan. Namun punca terjadinya perang itu tetap bersangkut-paut dengan keperluan atau kehendak pihak-pihak yang mencetuskan konflik tersebut.<sup>86</sup>

Perang juga merupakan satu aktiviti yang menjangkau tempoh masa yang agak panjang, dan lazimnya ramai di kalangan manusia itu sering menganggap bahawa perperangan ini merupakan satu siri kempen tentera yang berlaku sekurang-kurangnya di antara dua belah pihak yang melibatkan satu pertikaian mengenai pelbagai isu, misalnya kedaulatan. Hal ini turut diperakui oleh Oppenheim yang berpendapat bahawa perang adalah pertempuran yang terjadi antara dua buah negara atau lebih dengan tujuan untuk mengalahkan pihak lawan dan kepentingan sendiri.

Istilah perperangan itu berasal daripada kosa kata “perang” yang bererti perkelahian, pertempuran dengan menggunakan pelbagai jenis macam senjata antara negeri dengan negeri lain, ataupun suatu perperangan yang berlaku antara dalam negeri yang sama di panggil “perang saudara”. Sementara perperangan pula bermaksud suatu perjuangan atau sebaliknya yakni pertempuran.<sup>87</sup> Kenyataan tersebut turut disokong oleh Sun Tzu yang menggambarkan bahawa perperangan adalah urusan negara yang penting untuk menentukan kelangsungan hidup atau kebinasaan sesebuah negara, maka matlamat perperangan itu perlu diselidiki terlebih dahulu.

Sejarah bermulanya perang seiring dengan kewujudan manusia dan menjadi sebahagian daripada perilaku semula jadi manusia. Hal tersebut turut diperakui oleh Ibn

<sup>86</sup> Sahlan Mohd Saman, (2000), *Novel Perang dalam Kesusastraan Malaysia, Indonesia dan Filipina : Satu Perbandingan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 1

<sup>87</sup> Kamus Dewan Bahasa, edisi Keempat (2007), op.cit, hlmn 1178

Khaldun dengan menyifatkan perang itu sebagai naluri atau tabiat hidup manusia dan tercetus akibat sifat perkauman yang menebal dan gemar bermusuhan di antara satu sama lain.<sup>88</sup> Bahkan jika dilihat secara teori, perang merupakan satu konflik terancang bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu dan lazimnya ia dianggap sebagai faktor negatif kepada perkembangan masyarakat, malahan sering dijadikan sebagai alasan kepada kemerosotan negara, kemunduran ekonomi, serta kemerosotan sesebuah tamadun akibat dari perselisihan atau perebutan sempadan dan sebagainya.<sup>89</sup>

Namun hakikatnya peperangan juga mampu menggerakkan kemajuan manusia seperti dalam bidang teknologi dengan mencipta pelbagai jenis alat kelengkapan perang yang terdiri daripada senjata dan juga perkапalan, malah dari segi aspek lain ia juga menjadi satu cara untuk memperolehi dan meningkatkan sumber ekonomi negara. Buktinya dapat dilihat di Johor, terdapat kemudahan perkапalan yang disediakan untuk mengangkat, memunggah barang dagangan dari pelabuhan ke kapal yang menyebabkan ramai saudagar berdagang di Johor dan ekonomi Johor semakin teguh dan menyebabkan negeri Johor menjadi kukuh.<sup>90</sup> Bukti lain yang berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis* :

“... Ada kira-kira empat hari, tiada yang berketewasan kerana negeri Kedah pada masa itu tengah makmur kaya, cukup ubat pelurunya, beberapa kapal dan keci yang di dalam sungai Kedah itu serta orangnya pun ramai dan makanannya sehari-hari tiada kurang, negerinya pun besar lagi berhulu, dan dapat makanan dari hulu...”<sup>91</sup>

Selain daripada itu, penggunaan senjata mempunyai hubungan yang rapat dengan elemen peperangan selari dengan pengertiannya, iaitu peralatan yang direka dengan tujuan utama untuk mempertahankan diri dari serangan musuh atau menyerang

---

<sup>88</sup> Ibn Khaldun, Abdul Rahman, (1969), *al-Tarikh*, Beirut : Muassasah Jammal, hlmn 226.

<sup>89</sup> Mahdi Shuid, Saliza Saad, (2007), *Sejarah Tamadun Dunia*, Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd, hlmn 380

<sup>90</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, Zainal Abidin Borhan, (1994), *Johor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur Persatuan Muzium Malaysia, hlmn xix

<sup>91</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.201), hlmn 216

musuh, malah sebagai peralatan dalam kehidupan sehari-hari.<sup>92</sup> Begitu juga dengan peranan dan fungsinya yang jelas sebagai alat kelengkapan untuk berperang, berkelahi, selain dari menjadi barang dagangan atau anugerah, hadiah sesama kerajaan dalam hubungan politik.

Hakikatnya, kemelut manusia dalam menghadapi peperangan semakin berleluasa sejak zaman berzaman, malah terdapat pula pelbagai jenis peperangan yang melibatkan negeri-negeri Melayu yang telah dicatatkan dalam hikayat Sejarah. Menurut Muhammad Yusof Hashim, jenis peperangan yang melibatkan negeri-negeri Melayu ini dapat dibahagikan kepada kriteria utama<sup>93</sup> iaitu perang antarabangsa, perang antara negeri, peperangan dalam negeri (perang saudara) dan pemberontakan dalam negeri.

Sementara Manus Midlarsky pula telah mengkategorikan perang bentuk moden kepada beberapa bahagian iaitu perang yang berbentuk normatif, koersif, regional, dan teritorial.<sup>94</sup>

- i) Perang normatif adalah jenis perang yang terjadi disebabkan ada beberapa negara yang terlibat secara mendadak telah mewujudkan perubahan dasar kerajaan di peringkat antarabangsa.
- ii) Perang koersif berlaku sama seperti perang normatif cuma ia tidak melibatkan perubahan dasar diperingkat antarabangsa tetapi setakat di dalam negeri atau paling luas di peringkat wilayah sahaja.
- iii) Perang regional dapat digambarkan dalam pola yang lebih kecil. Ia berpunca kerana berlakunya perubahan dasar kerajaan bagi sesebuah kawasan atau negeri.

---

<sup>92</sup> Hanizah bt. Jonoh, Mohd Fauzi bin Sukimi, *et.al.*, (1997), *op.cit*, hlmn 19

<sup>93</sup> Muhammad Yusof Hashim, (1993), *op.cit*, hlmn 193

<sup>94</sup> Manus. I Midlarsky (1975) *On War : Political Violence in the International System*, New York : The Free Press, hlmn 12

- iv) Perang teritorial terjadi disebabkan oleh perubahan sempadan sesebuah wilayah atau negeri kerana tidak ada persefahaman atau kesepakatan di antara dua pihak.

Menurut pandangan William T. Pomeroy pula, beliau telah mengklasifikasikan perang kepada tiga kategori iaitu perang dunia, perang sivil dan perang pembebasan.<sup>95</sup>

- i) Perang dunia melibatkan banyak kuasa politik dan negara, matlamatnya adalah untuk menakluk sesebuah negara atau pasaran ekonomi. Peperangan jenis ini dianggap tidak adil kerana ia memberi kesan penaklukan dan penindasan terhadap negara yang lemah dan sumber ekonomi yang kecil. Lazimnya kuasa penjajah akan memaksa bangsa yang terjajah supaya menuruti segala kehendak dan kemahuan yang meliputi semua aspek sama ada politik, ekonomi, sosial dan budaya. Maka disebabkan itu, bangsa yang dijajah tidak mampu untuk mempertahankan identiti dan integritinya.
- ii) Perang sivil (*bush-war*) adalah perang yang hanya melibatkan suatu lingkungan geografi yang terhad, akan tetapi penglibatan bala tentera diperlukan juga, iaitu golongan penuntut keadilan.
- iii) Perang pembebasan atau dikenali sebagai perang kemerdekaan merupakan perang untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan. Perang jenis ini merupakan satu kesedaran atau kebangkitan bangsa yang terjajah untuk menghapuskan segala penindasan yang sekian lama dirasai sama ada dari segi fizikal atau mental.

---

<sup>95</sup>William T. Pomeroy, “*War and the Conquest for National Power*” (dlm) D.G Pruitt dan R.C Syche, eds. *Theory and Research of the Cause of War*. New Jersey : Prentice Hall. Hlmn 35

### **3.1.2 Konsep Peperangan dalam Islam**

Perang dalam konteks Islam merupakan satu tindakan yang tidak digalakkan sama sekali, malah Islam sendiri lebih menyeru kepada keamanan, kesejahteraan, keselamatan antara sesama manusia, tidak kira antara muslim sesama muslim, mahupun antara muslim dengan bukan muslim. Ini kerana ia sinonim dengan pengertian Islam itu sendiri yang bermaksud sejahtera, selamat.<sup>96</sup> Bahkan Islam itu adalah agama yang diturunkan oleh Allah kepada manusia yang asal-usulnya tetap sama daripada tanah biarpun berlainan agama.<sup>97</sup> Ini menunjukkan bahawa dalam Islam sama sekali tidak berminat untuk merancang ke arah pertempuran, peperangan, malah apa yang cuba dipraktikkan dalam Islam apabila timbulnya sesuatu masalah yang meruncing, pasti ada jalan yang terbaik untuk berdamai, sama ada dengan bermusyawarah atau seumpamanya. Meskipun yang sedemikian, adakalanya dalam Islam turut memerlukan kepada peperangan untuk menjaga dasar-dasar perdamaian, persaudaraan yang diajarkan oleh Allah swt supaya dapat bersatu padu dan jangan sampai timbulnya kekeliruan dan penganiayaan terhadap orang lain.<sup>98</sup> Seperti firman Allah s.w.t yang bermaksud :

“Di izinkan berperang kepada orang- orang yang diperangi sebab mereka teraniaya dan sesungguhnya Allah berkuasa untuk menolong mereka.”

Surah al-Haj (22 ) : 39

Bahkan matlamat perang dalam Islam juga bukan sekadar mencari kekuatan atau kelemahan diri, akan tetapi ia bertujuan untuk meletakkan agama Allah di tempat yang

<sup>96</sup> Ashgar Ali Emgineer, (1999), *Asal-Usul dan Perkembangan Islam*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar, hlmn 3

<sup>97</sup> Syed Ahmad Semat, (1987), *op.cit*, hlmn 13

<sup>98</sup> Ali, Jaafar Abdul Salam, *Ahlaqiat al-Harbu fi Sirah al-Nabawiyah*, Disertasi M.A, Egypt : University of Cairo, hlmn 67

tinggi, manakala matlamat yang lain hanya sekadar pecahan daripada tujuan utama tersebut.<sup>99</sup>

Konsep perjuangan, peperangan yang dibawa oleh Islam juga boleh dilihat sebagai satu jihad yang bermula dari pembinaan diri sendiri sebagai seorang manusia yang bercita-cita untuk menjadi asas kepada pembinaan masyarakat dan negara yang kukuh. Konsep jihad dalam bentuk ‘melawan musuh’ tidaklah bermaksud untuk memusuhi dan memerangi sesiapa, tetapi jihad dalam konteks ini lebih menjurus kepada mempertahankan diri daripada serangan musuh, menghapuskan kezaliman, dan memastikan keadilan dapat ditegakkan.<sup>100</sup>

Hakikatnya, konsep jihad ini juga memperlihatkan satu objektif yang tinggi, merangkumi ruang lingkup yang luas dan tidak terbatas dalam menghadapi musuh secara zahir semata-mata, tetapi secara sepadu dihalakan kepada musuh yang nyata dan tersebunyi dan mencakupi persediaan untuk membina kekuatan pertahanan serta kreativiti dalam menegakkan kebenaran.

### **3.1.3 Konsep Perang dalam karya Tuhfat al-Nafis**

Melihat kepada konteks sejarah pula, peperangan menjadi salah satu ciri sejarah yang utama dalam pembentukan tamadun manusia. Bahkan, elemen pertempuran, pertahanan dan keselamatan mempunyai hubungan yang sangat erat di antara satu sama lain. Setiap daripada siri peperangan tersebut mempunyai sejarah dan matlamat tertentu. Ini kerana terdapat pelbagai bukti yang menunjukkan bahawa peperangan sering menjadi faktor pembentukan kerangka tamadun manusia dan memberi kesan kepada sosiopolitik, ekonomi dan perubahan sejarah masyarakat dunia

---

<sup>99</sup> Anah Nen, (1996), *Peperangan Menurut Perspektif Islam*, Latihan Ilmiah B.A, Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam, hlmn 13

<sup>100</sup> \_\_\_\_\_, (2006) *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlmn 264

Peperangan juga merupakan satu subjek yang sentiasa dimaklumkan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Jika dilihat pada tradisi penulisan ini, aspek peperangan tidak dapat dipisahkan sama sekali dan menjadi satu topik yang amat penting terhadap pembentukan dan pengukuhan sesebuah kerajaan, malah bertindak sebagai pembentuk kepada corak kehidupan masyarakat serta kemakmuran sesebuah kerajaan.<sup>101</sup> Buktinya dalam *Tuhfat al-Nafis*, pengarang banyak memperkatakan tentang peperangan yang berlaku di kalangan orang Melayu, Bugis dan Siak bagi mengukuhkan dasar perluasan sesebuah kerajaan, pangkat serta mempengaruhi perkembangan politik sesebuah kerajaan. Malah dijadikan sebagai wadah untuk menjaga kepentingan maruah suku kaum dan mengangkat kehebatan masing-masing.

Meskipun pada abad ke 17 dan 18 M aktiviti perdagangan kian bergiat aktif di kepulauan Riau, namun peperangan tetap berterusan menerusi pengaruh yang dibawa daripada kuasa-kuasa Barat ke Alam Melayu. Hal ini disebabkan oleh kuasa-kuasa Barat yang bercita-cita untuk menjajah dan menakluk kawasan di Kepulauan Melayu, bahkan adakalanya penglibatan mereka dalam peperangan juga diperlukan kerana memiliki alat kelengkapan yang hebat dan ketenteraan yang ramai. Kuasa Eropah mempunyai pusat pelabuhan yang terkenal di Betawi dan Melaka, situasi ini akan menyebabkan kuasa-kuasa Barat keluar masuk ke Alam Melayu untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Masalah percukaian dan hutang sering menjadi motif berlakunya peperangan diantara Orang Bugis, Melayu dan Eropah. Kenyataan tersebut tidak dapat dinafikan lagi apabila ada penemuan maklumat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata faktor ekonomi turut menyumbang kepada berlakunya perang, seperti ketidak adilan dalam pembahagiaan harta, cukai, hutang, rampasan harta dan bijih timah, rompakan daripada para lanun dan seumpamanya.

---

<sup>101</sup> Muhammad Yusoff Hashim, (1993), *Op.cit*, hlmn 188.

Di samping itu, *Tuhfat al-Nafis* juga turut mencatatkan lebih daripada sepuluh siri peperangan kerana pada ketika itu perang merupakan satu gejala politik yang didominasi oleh golongan istana. Meskipun penglibatan para pembesar lebih ketara dalam peperangan, namun mereka turut dibantu oleh institusi tertentu seperti tentera, serdadu, askar, juak-juak dan sebagainya. Jelaslah disini, bahawa peperangan yang berlaku pada ketika itu mendapat kerjasama yang baik di antara golongan yang berjawatan tinggi dengan rakyat tempatan. Hal ini bertepatan dengan kehendak Islam yang melambangkan bahawa golongan pemimpin itu lebih berhak membuat keputusan dalam melancarkan serangan. Ternyata dalam peperangan memerlukan kepada alat kelengkapan perang yang terdiri daripada senjata mahupun perkапalan. Ia merupakan satu keperluan asas yang amat diperlukan kerana secara tidak langsung dapat memudahkan serangan berjalan dengan lebih lancar, malahan menjadi alat pertahanan diri yang penting daripada ancaman pihak musuh. Begitu juga dengan perkапalan, meskipun dalam teks *Tuhfat al-Nafis* banyak mencatatkan tentang penggunaan kapal dalam pelbagai bidang namun ternyata penonjolannya dalam perang lebih dominan.

Selain mempunyai ahli ketenteraan yang hebat dan juga alat kelengkapan yang mantap dalam pertempuran, perancangan dan penyusunan strategi juga perlu diambil kira. Strategi yang akan disusun perlu bersesuaian dengan keadaan persekitaran dan mempunyai matlamat yang tertentu sebagai langkah awal agar serangan tidak bertindak secara melulu atau tanpa objektif. Oleh yang demikian, strategi menjadi aspek yang amat penting seperti yang dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis*, sama ada strategi tersebut bersifat defensif atau pun ofensif.

Secara kesuluruhannya, konsep peperangan dalam *Tuhfat al-Nafis* ini menekankan kepada lima elemen utama untuk memastikan serangan yang dijalankan berjalan dengan lancar, umpamanya seperti penglibatan individu atau kumpulan dalam

pertempuran, alat kelengkapan perang yang terdiri daripada senjata dan perkапalan. Selain itu, turut dicatatkan tentang penggunaan strategi perang untuk memastikan matlamat perang dapat dicapai menerusi elemen-elemen ini. Sebagai makluman, perang itu merupakan satu aktiviti yang berhubungkait dalam bidang pembangunan tamadun. Oleh yang demikian elemen dan logistik perang perlu dinyatakan dalam pengkajian supaya lebih jelas gambaran tentang subjek peperangan.

### **3.1.4 Fasa Peperangan**

Peperangan melibatkan dua belah pihak yang bertujuan untuk menakluki kawasan, negara atau sebagainya secara fizikal. Terdapat dua fasa peperangan yang sering diaplikasikan ketika berperang, iaitu serangan ofensif dan serangan defensif. Serangan ofensif lebih cenderung untuk mencapai matlamat secara langsung dengan memastikan kehancuran berpihak kepada angkatan bersenjata musuh. Sedangkan serangan defensif pula merupakan salah satu cara untuk sesebuah negara mengambil jalan bagi mempertahankan kemerdekaan dengan cara menyekat diri untuk bersaing dengan musuh dalam kegiatan perang yang telah diaturkan dengan tujuan tertentu.<sup>102</sup>

#### **i- Serangan Ofensif**

Ofensif adalah serangan yang bersifat lebih agresif ketika berperang berbanding defensif yang bersifat pertahanan, pengunduran. Ini kerana serangan ofensif ini merupakan satu daya usaha yang tinggi untuk terus memburu pihak musuh dan mendapatkan keputusan yang positif. Tindakan ini sememangnya merupakan cara yang efektif dalam peperangan, berbanding dengan sikap defensif yang hanya digunakan untuk sementara selama mana segala kelengkapan belum memadai.<sup>103</sup>

---

<sup>102</sup> Clausewitz, *On War*, vol III, London : Routledge & Kegan Paul, hlmn 215

<sup>103</sup> Soeharto, Nyoman Mastra, (1982), *Op.cit*, hlmn 131

Sesungguhnya, asas utama serangan ini bertujuan untuk menuntut seluruh upaya demi mencapai dan mempertahankan tujuan yang jelas dan utama. Antaranya dapat memberi peluang untuk memperoleh kemenangan, sekaligus dapat menewaskan pihak musuh. Di samping itu, operasi ofensif ini dijalankan untuk memastikan kedudukan, kekuatan dan kelemahan musuh dalam perang.<sup>104</sup> Selain itu, merampas kedudukan utama pihak musuh dan menghalang musuh daripada mendapat pelbagai kemudahan. Antara jenis gerakan ofensif adalah kemaraan untuk bertempur, serangan serta merta, serangan yang dirancang dan penyerbuan.

#### **ii- Serangan Defensif**

Defensif pula pertahanan yang bertujuan bukan untuk menewaskan musuh semata-mata tetapi mempertahankan kedudukan dan bentuk pertahanan yang dibuat dengan lebih agresif dan ofensif. Sistem pertahanan ini bertujuan untuk menewaskan musuh di atas kawasan yang dipilih. Selain itu menghalang pihak musuh dari memasuki kawasan yang penting, bahkan dapat menjimatkan masa untuk mendapatkan keadaan yang sesuai untuk berperang serta mengelakkan daripada mendapat kekalahan yang sangat teruk. Antara jenis-jenis operasi defensif adalah pertahanan kawasan, pengunduran, pergerakan melalui kedudukan belakang dan penyatuan setempat.

### **3.2 Punca Peperangan**

Manusia seringkali dirundung dengan pelbagai masalah sama ada dalam komuniti yang kecil atau dalam komponen masyarakat yang lebih besar. Ini semuanya

---

<sup>104</sup> *Ibid*, hlmn 132

berpunca oleh faktor ekonomi, perluasan kuasa, politik, budaya dan juga sosial.<sup>105</sup> Hakikatnya fenomena ini bukanlah sesuatu yang baru kerana sejak zaman Adam dan Hawa lagi telah bermulanya satu pertelingkahan di antara anak-anaknya, akibat daripada rasa ketidak puashatian mereka yang terpaksa berkahwin secara pertukaran bersilang sehingga membawa kepada kematian. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa konflik diri, masyarakat atau negara yang tidak mampu dileraiakan, mampu mewujudkan kegiatan perang.

Dari sudut perspektif sejarah, perang itu terjadi atas perilaku semula jadi manusia itu sendiri,<sup>106</sup> yakni tindakan manusia yang berlawanan dengan kehendak manusia lain demi kesejahteraan yang telah dicapainya. Namun pada era masa kini manusia terus membenarkan kewujudan perang sebagai sesuatu yang tidak di benci sedangkan mereka sedar bercanggah dengan keamanan, keharmonian, bahkan akan memberi kesan negatif kepada masyarakat sekeliling semata-mata untuk kepentingan diri sendiri. Malah mereka juga beranggapan bahawa perang sebagai suatu “*regrettable necessity rather than something desirable in itself*”<sup>107</sup>. Maka jelaslah bahawa mereka yang menerima peperangan ini adalah golongan manusia yang tidak berusaha untuk mencari jalan keluar bagi meleraikan persengketaan tersebut. Oleh kerana tiada inisiatif yang diambil untuk menyekat peperangan dari terus berlaku, maka segala bentuk kelaparan, kesengsaraan, kepenatan, keganasan, ketakutan terpaksa ditanggung oleh masyarakat setempat dalam jangka masa yang agak panjang.

Erich Fromm menjelaskan perang sebagai alat bagi manusia untuk mencapai sesuatu maksud yang cukup besar, terancang dan melibatkan pemimpin di peringkat

<sup>105</sup> R. Dale Given, Martin A. Nettleship, eds. (1976), *Discussion on War and Human Aggression*. The Hague : Mouton, hlmn 5

<sup>106</sup> M. Nicholson, (1970), *Conflict Analysis*. London: English Universities, hlmn 1

<sup>107</sup> S.L Washburn, (1966), *Conflict in Primate Society* (in) S. de Reuck dan J.Knight, eds. *Conflict in Society*, London J.A Churcill.

tinggi pada sesebuah negara.<sup>108</sup> Begitu juga dengan Robert Ardrey, beliau menyimpulkan bahawa perang sebagai “*an innate human quality*”<sup>109</sup> yang pasti tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia itu sendiri. Inilah perilaku manusia yang aneh, gemar berperang, berbunuh-bunuhan, bencikan kedamaian walaupun puncanya kecil. Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa peperangan merupakan satu ancaman yang dihasilkan oleh tindakan manusia yang tidak menginginkan keamanan dan kedamaian. Malah ianya juga merupakan satu sistem pertahanan dan ketahanan bagi sesebuah negara untuk memelihara kedaulatan sesebuah negara daripada diserang oleh pihak musuh. Kewujudannya disebabkan oleh beberapa aspek sama ada ia secara nyata, mahupun tersirat.

Sesungguhnya, Islam tidak memerlukan kepada peperangan jika tidak kena pada tempatnya, bahkan mengamalkan konsep jihad dalam mencari keamanan dan keadilan. Peperangan perlu ada kepimpinan, ideologi dan organisasi yang menjadi asas penting supaya peperangan yang dijalankan mampu digerakkan dengan lancar, tanpa berlaku sebarang masalah ataupun kucar-kacir.

### **3.3      Strategi Peperangan**

Strategi peperangan merupakan satu kempen peperangan yang merangkumi konsep perang, penggunaan kuasa tentera, alat-alat senjata, logistik (pentadbiran) serta membayangkan unsur perancangan untuk pencapaian objektif atau sasaran peperangan dengan berkesan. Strategi pada dasarnya adalah satu seni dan sains peperangan yang menentukan bahawa kemenangan atau kekalahan adalah bergantung kepada perlaksanaannya. Malah ia juga dianggap sebagai kebijaksanaan dalam mengendalikan

---

<sup>108</sup> Erich Fromm, (1974), *The Anatomy of Human Destructiveness*, London : Jonathan Cape, hlmn 4.

<sup>109</sup> Adrey,Robert. (1969) *African Genesis*.New York : Dell, hlmn 225

peperangan. Tambahan itu, strategi juga akan menentukan taktik-taktik peperangan yang digunakan seperti taktik pertahanan, perikatan, tentera, penyerangan, pengepungan dan sebagainya. Manakala taktik pula lebih merujuk kepada tindakan di medan perang atau pertempuran, bahkan dikira sebagai satu cara atau kaedah untuk melaksanakan sesuatu.

Perancangan strategi dan taktik dalam peperangan perlu ada dan ia seharusnya berdasarkan kepada objektif-objektif peperangan. Antaranya ialah mempertahankan sesuatu sasaran yang strategik, melambatkan kemaraan tentera musuh, mengatasi sesuatu halangan atau dengan tujuan untuk memperkuuhkan kedudukan. Strategi juga sentiasa berubah mengikut perkembangan terkini, keadaan geografi, kekuatan dan saiz tentera musuh.<sup>110</sup> Bahkan, pembentukan strategi juga terdorong oleh keadaan musuh melalui semangat mereka, kekuatan dan keupayaannya untuk meneruskan peperangan. Di samping tertakluk kepada sokongan logistik termasuklah dari segi bekalan peralatan, pengangkutan, kemudahan serta perkhidmatan peribadi.

### **3.3.1 Strategi dan matlamatnya**

Peredaran zaman dan berkembangnya sebuah tamadun itu juga telah menuntut seluruh upaya dan tenaga masyarakat untuk mempertahankan negara ketika menghadapi peperangan. Ini kerana peperangan itu dianggap salah satu cara untuk memperlihatkan muncul atau lenyapnya sesebuah negara serta tamadun. Biarpun demikian, perang juga dikira sebagai satu masalah yang sangat membimbangkan dalam kehidupan masyarakat kerana kesannya yang berpanjangan terhadap masyarakat. Oleh sebab itu, kebijaksanaan dan pertimbangan akal amat diperlukan dalam perlaksanaan perang dengan mempunyai

---

<sup>110</sup> Kenyataan tersebut turut diperakui oleh Clausewitz, beliau menyatakan bahawa strategi itu bersifat normatif , tertakluk kepada perubahan yang mengawal kemunculan, kelengkapan senjata dan penggunaan tentera.

tujuan yang jelas, di samping memerlukan kepada khidmat dan sumbangan daripada para pejuang.

Strategi merupakan keseluruhan keputusan keadaan yang menetapkan suatu tindakan yang harus dijalankan untuk menghadapi setiap keadaan yang mungkin terjadi, di samping untuk meningkatkan tahap keyakinan seseorang dalam menghadapi setiap sesuatu yang berkemungkinan akan berlaku pada masa akan datang.<sup>111</sup> Ini bererti strategi memperhitungkan semua situasi yang mungkin dihadapi pada setiap waktu pada masa hadapan dengan memperlengkapan segala persiapan, serta memilih tindakan yang bijak untuk menghadapi realisasi dari setiap kemungkinan tersebut. Strategi juga secara tidak langsung dapat mengajar seseorang tentang penggunaan senjata dalam pertempuran.

Strategi mempunyai pelbagai takrifan tetapi tidak mempunyai definisi yang spesifik. Bahkan istilah tersebut sering digunakan secara meluas sebagai doktrin kepada pelbagai negara atau institusi tentera terutamanya. Secara umum, strategi adalah suatu seni merancang dan mengatur untuk memperdayakan musuh atau dianggap sebagai kebijaksanaan dalam mengendalikan sebuah perang khasnya.<sup>112</sup> Selain itu, strategi juga dikenali sebagai ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan segala tindak-tanduk perang atau rancangan yang teratur yang memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai matlamat atau kejayaan.<sup>113</sup>

Menurut kebanyakan istilah saintifik pula, perkataan strategi dalam bahasa Perancis dikenali sebagai *strategie*, sementara dalam bahasa Itali disebut sebagai

---

<sup>111</sup> Daoed Joesoef, (1973), *Pertahanan, Keamanan dan Strategi Nasional*, Jakarta : Yayasan Proklamasi, hlmn 61

<sup>112</sup> Mahdi Shuid, Saliza Saad, (2007), *Op.cit*, hlmn 99

<sup>113</sup> Kamus Dewan, edisi Keempat, (2007), *Op.cit*, hlmn 1525

*strategia* yang berasal dari perkataan Greek iaitu *strategos*, *strategike epistome* (pengetahuan am), atau *strategon sophia* (kebijaksanaan umum). Ini menunjukkan bahawa pembentukan strategi telah diaplikasikan sejak awal zaman lagi, iaitu pada zaman Greek (abad ke 4 SM), orang Greek sering menggunakan taktik sebagai lambang sebuah kumpulan yang mempunyai pengetahuan dalam mengendalikan perang, <sup>114</sup> bermula dari segi bekalan sehingga kepada seni pertuturan nasihat.

Marxis, seorang ahli falsafah juga turut mengemukakan pandangan yang sama bahawa strategi itu bergantung atas dasar pengalaman tentera dengan mengkaji keadaan dan kemahirannya, potensi ekonomi dan dasar politik serta moral sesebuah negara. Ini kerana secara tidak langsung, supaya dapat menambah kemungkinan dan kesan kejayaan yang diingini serta mengelakkan daripada kemunduran. Malah strategi juga dikatakan salah satu cara untuk mengkaji keadaan dan ciri-ciri perang yang akan berlaku, kaedah persediaan dan pengendalian, perkhidmatan tentera dan juga memerlukan kepada asas sokongan material, teknikal serta kepimpinan perang. Dalam masa yang sama, bijak dalam menyediakan serta menyelenggarakan pasukan tentera untuk menghadapi pertempuran<sup>115</sup>, sinonim dengan matlamat strategi itu sendiri untuk melahirkan sebuah gerakan yang bijak dalam mengendalikan sebuah perang mengikut anggaran yang dijangkakan.

Jelaslah bahwasanya strategi itu memiliki pengertian yang universal tetapi berdasarkan takrif preskritif, kebiasaannya strategi lebih merujuk kepada sains dan seni menggunakan kuasa politik, ekonomi, psikologi dan tentera dalam sesebuah negara atau sekumpulan negara untuk mendapatkan sokongan maksimum bagi dasar-dasar yang

---

<sup>114</sup> Edward N. Luttwak, (1995), *Strategi : Logik Peperangan dan Keamanan*, Murugesu Pathmanathan (terj), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 213

<sup>115</sup> Sokolovskii, Vasilli Danilovich, (1975), *Soviet Military Strategy*, New York : Crane , Russak, hlmn 11

digunakan dalam keamanan atau peperangan. Oleh itu, setiap perancangan dan pengarahan yang dibuat dalam mengendalikan sebuah peperangan perlu mempunyai matlamat serta objektif utama. Strategi juga bukan hanya sekadar sebagai satu elemen yang mudah diaplikasikan dalam peperangan, bahkan ia perlu kepada suatu konsep perancangan dan pengaturan pusat yang menyeluruh sehingga dapat membawanya sampai kepada tujuan yang telah ditetapkan. Lazimnya perlaksanaan perang dilakukan untuk menewaskan musuh dengan memberikan kejutan dari segenap arah,<sup>116</sup> misalnya dengan strategi ia mampu meletakkan musuh berada dalam posisi yang sulit, dan adakah juga pihak musuh terpaksa melakukan pengunduran kerana diasak oleh kemaraan pihak penyerang dan sebagainya.

Tambahan itu, susunan strategi yang sistematik juga mampu mengganggu pergerakan pihak musuh dan mengepung serta memaksa musuh untuk menghadapi pertempuran dalam keadaan yang tidak sepatutnya dan memberikan keuntungan baginya. Jelaslah disini, bahawa tujuan strategi dibuat adalah sebagai satu alternatif kepada musuh supaya melanjutkan pertempuran tanpa harapan atau menyerah sama sekali dan secara hakikatnya strategi itu menjadi unsur penting yang dapat mempengaruhi hasil peperangan tersebut. Kesimpulannya, strategi merupakan satu pembentukan dan perlaksanaan yang dimulai dengan langkah persiapan pertama sehingga pada tahap klimaks, pencapaiannya akan dapat dilihat dalam sesebuah peristiwa perang sama ada secara berkesan atau sebaliknya. Sesungguhnya, rancangan atau perhitungan yang dibuat secara teliti akan mendatangkan kemenangan.

---

<sup>116</sup> Soeharto, Nyoman Mastra, (1982), *Op.cit*, hlmn 43

### **3.3.2 Jenis-Jenis Strategi Peperangan**

Strategi adalah satu bentuk perancangan yang luar biasa untuk mengetahui tentang karakter pihak lawan dan sekutunya, malah strategi juga dikira sebagai satu kebijaksanaan dalam mengendalikan sesebuah peperangan untuk menyelesaikan segala konflik atau kestabilan masyarakat majmuk. Sementara, taktik pula merupakan cara perlaksanaan terhadap strategi yang dirancang di medan perang. Pelbagai teknik yang akan dirancang sebelum dan saat berlakunya peperangan sebagai persiapan awal untuk menyerang musuh dan perlu diketahui bahawa berusaha untuk mencapai kemenangan semata-mata dalam setiap pertempuran bukanlah satu bentuk strategi yang baik, sebaliknya menewaskan musuh tanpa menggunakan kekerasan adalah cara yang terbaik.

Pernyataan ini turut diperakui oleh Sun Tzu<sup>117</sup>, di mana beliau menyatakan bahawa:<sup>118</sup>

“Cara menyerang yang baik sekali adalah menawan musuh dengan muslihat. Cara baik yang berikutnya ialah menewaskan musuh dengan diplomasi. Seterusnya, cara menewaskan musuh ialah peperangan. Cara yang merugikan sekali ialah mengepung kubu pertahanan musuh. Hal ini kerana ia akan mengambil jangka waktu yang panjang untuk menyediakan senjata dan terpaksa mendirikan kubu sebelum tembok itu dipanjang”.

Menurut buku ‘*Art of War*’ juga ada menjelaskan bahawa setiap prinsip atau strategi perang perlu difahami dan diselidiki terlebih dahulu untuk mencapai kemenangan. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil sebelum bermulanya peperangan sebagai persiapan awal. Antara strategi, taktik dan prinsip yang kebiasaannya menjadi tarikan dalam setiap peperangan adalah terdiri daripada taktik pertahanan, pengepungan kubu pertahanan, tentera penyerangan, muslihat perang, mengambil kesempatan, penyerbuan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, strategi

---

<sup>117</sup> Sun Tzu merupakan seorang jeneral kerajaan Wu. Beliau pernah berjaya mengalahkan negeri Chu yang kuat, menawan Ying dan berjaya menggugat dua buah kerajaan iaitu Qi dan Jin.

<sup>118</sup> Yap Sin Tian,(1986) *Op.cit*, hlmn 28

yang dirancang adakalanya perlu diubah mengikut keadaan persekitaran, kekuatan dan kuantiti tentera musuh.

Untuk memastikan matlamat perang itu tercapai, ada banyak perkara yang perlu dipertimbangkan dan dititikberatkan untuk menghadapi pertempuran, antaranya bekalan keperluan, kelengkapan dan strategi yang disusun. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tugas mempertahankan negara bukan sekadar terletak di bahu angkatan tentera, akan tetapi perlu diambil kira dari pelbagai sudut kerana keamanan negara belum tentu terjamin selamanya dengan kekuatan tentera semata-mata. Sesungguhnya strategi ketenteraan itu dibentuk berdasarkan kepada lima elemen utama, iaitu elemen moral dan psikologi. Jumlah dan kekuatan organisasi ketenteraan serta keadaan situasi dalam menghalang dan mencapai matlamatnya. Selain daripada itu bentuk muka bumi sesuatu tempat dan saluran bekalan yang mencukupi perlu diambil kira juga untuk membina strategi yang baik.<sup>119</sup> Berikut merupakan antara strategi dan taktik peperangan yang diketahui secara umum melalui pelbagai cara:

#### i. **Strategi penyerangan secara terus**

Menyerang musuh adalah satu tindakan yang sewajarnya dipertimbangkan terlebih dahulu untuk memastikan peperangan berjalan dengan lancar. Ia perlu mengetahui dan mengenal pasti kadar jumlah bilangan tentera yang turut serta dalam peperangan, dan jika sekiranya bilangan tentera lebih ramai adalah digalakkan untuk melakukan serangan. Manakala jika bilangan tentera berkurangan, seeloknya gunakan taktik pertahanan ketika berperang.<sup>120</sup>

---

<sup>119</sup> Nurzahida Murgani (1994) *Konsep Jihad : Satu Tinjauan Mengenai Hubungannya dengan Strategi Ketenteraan dalam Islam*. Latihan Ilmiah B.A, Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam, hlmn 85

<sup>120</sup> Yap Sin Tian, (1986), *Op.cit*, hlmn 29

Sesungguhnya, taktik menyerang musuh ini seharusnya dilakukan sebelum pihak musuh bersedia dan sebaiknya serangan dilakukan ketika musuh tidak menyedari kehadiran pihak lawan. Oleh itu, rancangan atau perhitungan yang teliti akan mendatangkan kemenangan. Pertempuran kebiasaannya berlaku dalam satu jangka waktu yang amat panjang dan cara untuk mengurangkan tempoh tersebut adalah dengan melancarkan serangan ke atas musuh secara terus. Ini kerana dapat menjamin kebajikan rakyat dan keselamatan negara.

Sementara, kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku ketika melancarkan serangan adalah memerintah tentera mara ke hadapan atau berundur tidak kena pada waktunya. Biarpun begitu, terdapat beberapa cara yang harus diambil kira jika melancarkan serangan, iaitu jika kekuatan tentera melebihi 10 kali ganda daripada pihak lawan, maka cara terbaik adalah mengepung mereka. Keduanya, jika kekuatan tentera melebihi lima kali ganda daripada pihak lawan, maka seharusnya berperanglah. Cara yang ketiga pula, sekiranya kekuatan tentera dua kali ganda daripada pihak lawan, maka pisahkan mereka. Seterusnya, jika kekuatan tentera setara dengan pihak musuh, bertempur adalah cara yang sepatutnya untuk dilakukan. Akhir sekali, jika kekuatan kita tidak setara seperti pihak lawan, maka hindarilah untuk berperang dengan mereka.<sup>121</sup> Ini memperlihatkan bahawa bilangan dan kekuatan tentera memainkan peranan dan pengaruh terhadap strategi yang dirancang.

## **ii. Strategi pengepungan**

Pengepungan merupakan strategi yang sering digunakan dalam peperangan sejak dahulu lagi. Hal ini terbukti apabila dalam *Tuhfat al-Nafis* yang dikarang pada abad ke 18 M ada menyatakan strategi ini digunakan dalam peperangan iaitu :

---

<sup>121</sup> Yap Sian Tian, (1986), *Op.cit*, hlmn 29

“... dan orang Terengganu pun berlarianlah dengan leming bercabut beberkas-berkas pergila ia ke rumah Engku Tun Wangsa itu, riuh rendah, mengata, “Kepung! Kepung ! itu dia! Maka bekejar dan berhambat-hambatanlah orang Terengganu itu...”<sup>122</sup>

Namun hakikatnya menurut Sun Tzu, beliau berpendapat bahawa strategi ini merupakan satu langkah yang terlalu merugikan. Hal ini kerana kepungan tersebut akan mengambil tempoh masa yang lama dalam peperangan dan ini akan mengakibatkan semangat dan tenaga tentera semakin berkurangan dan lesu. Kebiasaannya mengepung kubu pertahanan akan mengambil masa berbulan-bulan untuk menyediakan bekalan dan memastikan senjata berada di setiap sudut kepungan. Oleh itu, cara yang terbaik untuk menewaskan musuh adalah melalui muslihat perang, tidak sama sekali dengan cara perkepungan. Walau bagaimanapun, ada juga pandangan lain yang menyatakan bahawa strategi ini seharusnya digunakan untuk menghancurkan semangat dan kekuatan pertahanan musuh di sesuatu tempat yang strategik.

### **iii. Strategi mengatur posisi yang strategik**

Bilangan tentera dalam pertempuran turut mempengaruhi situasi dalam peperangan. Biarpun demikian, ramai atau sedikit tidak menjadi satu masalah yang besar. Ini kerana dalam peperangan, perkara yang perlu difokuskan adalah memusatkan kekuatan bertempur pada tempat dan waktu yang tepat. Bagi menjamin kemenangan diperolehi di medan peperangan, ketua (jeneral) seharusnya perlu bertindak dengan lebih efektif untuk menyusun posisi ketenteraannya, bahkan bijak dalam membahagikan tentera kepada beberapa komposisi mengikut peranan masing-masing.<sup>123</sup> Misalnya seperti membahagikan tentera laut untuk mengawal di laut, sementara tentera darat pula dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sebagai tentera simpanan dan tentera biasa.

---

<sup>122</sup> Tuhfat al-Nafis (f.134) hlmn 141

<sup>123</sup> Samuel B. Griffith, (1963), *Sun Tzu, The Art of War*, London : Oxford University Press, hlmn 90

Keadaan ini dapat diibaratkan seperti arus air yang deras yang dapat menggerakkan batu-bata kerana kekuatan daya penolakannya ataupun seperti seekor helang yang dapat menyambar mangsanya kerana menggunakan masa dengan tepat.

Oleh itu selaku pemimpin, perlu peka dan bijak dalam mengatur strategi dan memberi arahan ketika bertempur. Asas ini penting bagi menjamin seluruh usaha dan upaya yang dipusatkan dapat mencapai tujuan bersama. Sesungguhnya sekumpulan angkatan tentera itu dapat digunakan kekuatannya dengan baik ketika bertempur melalui perpaduan usaha di bawah pimpinan seorang ketua yang bertanggungjawab.

#### **iv. Strategi pertahanan membina kubu**

Pertahanan merupakan perihal mempertahankan, membela dan menjaga keamanan dan keselamatan.<sup>124</sup> Ia juga merujuk kepada persediaan kelengkapan, persenjataan dan ketenteraan untuk mengekalkan kedaulatan negara dan kebajikan rakyat daripada ancaman dari dalam dan luar negeri. Adapun taktik pertahanan ini merupakan taktik yang diguna pakai dalam perang dengan matlamat tidak ditewaskan. Ia lebih sesuai diaplikasikan apabila bilangan askar tidak terlalu ramai agar dapat memelihara dan melindungi keselamatan tenteranya dengan baik, di samping dapat menyembunyikan tentera di kawasan yang berkemungkinan mustahil untuk dikesan oleh pihak musuh.<sup>125</sup>

Pertahanan biasanya dilakukan dalam perang untuk mematahkan serangan musuh dengan pelbagai cara dari kedudukan yang strategik. Lazimnya pembinaan kubu dipilih sebagai cara mempertahankan serangan untuk mengekalkan status quo. Kubu dibina lazimnya berdasarkan kepada pengetahuan tradisi Melayu, yang perlu mengambil

---

<sup>124</sup> Kamus Dewan Bahasa, edisi Keempat, (2007), *Op.cit*, hlmn 1568

<sup>125</sup> Yap Sin Tian, (1986), *op.cit*, hlmn 31

kira tempat yang strategik seperti di lereng-lereng bukit, gunung atau sekurang-kurangnya kubu dibina dengan diliputi lapisan tanah pada bahagian luarnya dan dikelilingi oleh parit-parit. Adakalanya juga ranjau ditanam di bahagian luar untuk menyukarkan pihak musuh untuk menghampiri kubu.<sup>126</sup> Namun demikian, selain diperbuat daripada timbunan tanah, terdapat juga benteng-benteng pertahanan yang dibina daripada batu, konkrit, batu bata yang diturap kapur,<sup>127</sup> umpamanya seperti pembinaan tembok besar yang dibina dengan tujuan untuk melindungi sempadan daripada serangan musuh. Secara keseluruhannya strategi ini sering dirancang untuk memperkuuhkan kedudukan supaya sasaran lebih mudah dicapai.

#### v. Mengambil kesempatan.

Taktik mengambil kesempatan ke atas pihak musuh banyak diguna pakai dalam pertempuran dengan cara untuk mengelakkan bertempur langsung dengan musuh yang berkeyakinan tinggi. Tindakan ini boleh digunakan ketika sesuatu pasukan mengalami kepenatan akibat kelewatan tiba di medan perang. Dengan tindakan sedemikian, mengambil kesempatan untuk menyerang pihak musuh amat digalakkan. Hal ini sekaligus dapat menewaskan musuh dengan lebih mudah dan lancar. Sesungguhnya, taktik tersebut amat berguna bagi pihak yang lemah semasa bertempur dengan musuh yang lebih kuat.

Di samping itu, seseorang yang pakar dalam peperangan juga perlu bijak menyusun strategi dengan memastikan pihak musuh melalui suatu perjalanan yang lebih jauh dan merbahaya. Selain itu, harus berikhtiar untuk melaparkan pihak musuh sekiranya mereka banyak bekalan ketika hendak bertempur. Hal ini dapat

<sup>126</sup> Gullick, J.M. (1978), *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 194

<sup>127</sup> Abdul Halim Nasir, (1993), *Kota-Kota Melayu*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, hlmn 46

mengurangkan tenaga pihak musuh, sekaligus melemahkan kekuatan anggota tentera tersebut.<sup>128</sup> Kesimpulannya dapatlah disimpulkan bahawa pasukan tentera perlu bijak untuk merancang dan mengambil kesempatan sewaktu musuh dalam kepenatan, seharusnya juga perlu menunggu dan mencipta peluang pada masa yang sesuai untuk bertempur.

#### **vi. Muslihat perang**

Menipu musuh dengan pelbagai muslihat adalah suatu perkara yang mendarangkan manfaat kepada pihak tertentu jika diaplikasikan dalam pertempuran. Taktik ini memperingatkan sesuatu pasukan supaya lebih berhati-hati dari terpedaya dengan tipu muslihat musuh. Misalnya jangan terburu-buru mengejar musuh yang berpura-pura lari, berkemungkinan ini satu muslihat yang sering digunakan untuk menyerang dengan lebih bijak dan tersusun.

Taktik ini seharusnya perlu diguna pakai dalam peperangan, bahkan Sun Zi sendiri ada menegaskan dalam karyanya bahawa cara tipu muslihat ini amat penting dalam peperangan.<sup>129</sup> Padanya, bagi pasukan tentera yang kuat seharusnya diperdayakan dengan muslihat melalui cara mengatur perjalanan yang berliku-liku agar mereka kelihatan kurang berdaya sekaligus melemahkan pihak lawan dan memudahkan pihak lain memperolehi kejayaan.

#### **ix. Pengintipan**

Pengintipan merupakan satu taktik yang dikira penting dalam peperangan, pergerakan dan tindakan sekumpulan tentera. Di samping itu, taktik ini sering

---

<sup>128</sup> Samuel B. Griffith, (1963), *Op.cit*, hlmn 96

<sup>129</sup> Yap Sian Tian, (1986), *Op.cit*, hlmn 11

digunakan untuk memperolehi maklumat dari pihak musuhnya dengan terlebih dahulu. Menurut karya Sun Tzu, terdapat lima jenis pengintip yang beliau kira dapat memberi kesan yang mengagumkan dan dapat membantu seorang pemerintah untuk mengetahui maklumat tentang musuh. Mereka terdiri daripada pengintip tempatan, pengintip dalam, pengintip dua pihak, pengintip maut dan pengintip utusan.<sup>130</sup>

Pengintip tempatan terdiri daripada penduduk negeri musuh, manakala pengintip dalam merujuk kepada pegawai-pegawai musuh yang tidak berpuas hati dengan negerinya sendiri. Bagi pengintip musuh yang pernah diutuskan untuk tujuan pengintipan dikenali sebagai pengintip dua pihak. Seterusnya pengintip maut pula adalah pengintip musuh yang diberikan maklumat palsu melalui seseorang yang tidak dapat diketahui namanya. Manakala pengintip utusan pula adalah pengintip yang menyamar sebagai utusan bertujuan mengumpul maklumat rahsia dan kembali semua membuat laporan. Kelima-lima jenis pengintip ini semuanya mempunyai tujuan yang sama untuk memperolehi maklumat dari pihak musuh dan melalui cara ini juga dapat membantu untuk memperolehi kemenangan dalam pertempuran. Tambahan itu, taktik ini juga sering digunakan sebelum berperang dengan meletakkan habuan atau ganjaran kepada pihak tertentu supaya belot terhadap ahli gerakannya.

## **x. Kemaraan**

Setiap peperangan mempunyai tujuan tertentu, antaranya bertujuan untuk menewaskan musuh dengan mewujudkan pelbagai kemungkinan serta kekuatan dari segi kelengkapan serta strateginya. Oleh itu, antara taktik yang akan dilakukan ketika berperang berdasarkan kepada strategi yang biasanya dirancang adalah dengan

---

<sup>130</sup> *Ibid*, hlmn 65

memusatkan keupayaan dan kekuatan secara maksimum untuk menentang pihak musuh, maka dengan itu ia akan menyebabkan musuh berada dalam posisi yang sulit, dan secara tidak langsung pihak musuh juga terpaksa melakukan pengunduran kerana diasak oleh kemaraan pihak penyerang dan sebagainya. Sesungguhnya taktik ini seeloknya diguna pakai untuk memberi tekanan kepada pihak musuh dan mengekalkan inisiatif sesebuah peperangan. Bahkan dapat mengurangkan tindakbalas serta objektif peperangan itu berjaya ditawan dengan lebih efisyen.

## **Kesimpulan**

Peperangan merupakan lumrah hidup dan ia tetap wujud selagi mana manusia berada di muka bumi ini. Malah pada zaman Nabi Muhammad SAW juga telah berlaku pertempuran yang dianggap sebagai jihad fisabilillah bagi menegakkan kebenaran, menentang kezaliman. Adapun peperangan yang wujud dalam kehidupan manusia terdiri daripada pelbagai matlamat sama ada untuk menuntut keadilan dan kebenaran atau sebaliknya. Biarpun demikian, lazimnya matlamat itu akan dicapai seiring dengan usaha yang dibuat melalui pelbagai jenis strategi yang telah dirancang. Kebijaksanaan seorang pemimpin juga diperlukan dalam pertempuran. Ini kerana setiap pemerintah perlu bertanggungjawab dia atas setiap pimpinannya dan pasukan tentera tidak akan bertindak selagi tidak mendapat arahan dari pihak atasan. Apa yang jelas, bertindak awal dalam merangka dan menyusun strategi merupakan satu langkah yang tepat agar ramalan dapat ditentukan sama ada pihak tertentu akan mengalami kemenangan atau sebaliknya, yakni kekalahan dalam peperangan.

### **3.4 Para peserta dan organisasi ketenteraan**

Peperangan lazimnya melibatkan seluruh rakyat tanpa mengira status seseorang dalam sesebuah masyarakat. Namun untuk memastikan kemenangan diraih bagi setiap pihak, maka organisasi ketenteraan perlu ditubuhkan sebagai dasar kekuatan dalam setiap peperangan. Sesungguhnya sejarah ketenteraan dan kepahlawanan masyarakat Melayu khususnya di Tanah Melayu telah wujud pada zaman Kerajaan Melaka lagi. Namun dari segi struktur organisasi, persenjataan, perkapalan serta kepakarannya tidaklah sehebat tentera masa kini. Biarpun demikian, tidak dapat dinafikan kehebatan, kewibawaan, ketangkasan bermain senjata di kalangan angkatan tentera Melayu dalam menghadapi pertempuran. Ini kerana masakan banyak kawasan-kawasan dan negara yang telah dapat dipertahankan dan dikuasai oleh orang Melayu dalam beberapa peristiwa perang seperti yang dicatatkan dalam teks-teks Melayu, antaranya *Tuhfat al-Nafis*.

Organisasi merupakan suatu kelompok sosial yang mempunyai beberapa jenis struktur yang dirancang untuk mencapai tujuan bersama.<sup>131</sup> Dalam organisasi ketenteraan pula adalah merujuk kepada jenis tentera, strategi dan taktik yang digunakan di medan peperangan, di samping logistik serta teknologi khususnya aspek persenjataan dan pengangkutan. Hal tersebut amat penting dalam menentukan kejayaan atau kekalahan dalam sesuatu peperangan. Ini kerana dalam sebuah pertempuran itu, hal-hal tersebut mesti diberi perhatian kerana ia merupakan faktor yang akan menentukan keupayaan atau kekuatan sesebuah angkatan ketenteraan.<sup>132</sup>

---

<sup>131</sup> Jack, C. Plano, Robert E. Riggs, eds. (1982), *Dictionary of Political Analysis*, Jakarta: CV. Rajawali, hlmn 138

<sup>132</sup> Mahdi Shuid, Saliza Saad, (2007), *Op.cit*, hlmn 115

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengklasifikasikan mereka yang terlibat dalam peperangan kepada 2 kategori:-

- i) Individual- lebih merujuk kepada jawatan seseorang seperti sultan, bendahara, laksamana, Yang Dipertuan Muda, gabenor dan sebagainya. Dalam kategori ini juga penulis lebih menumpukan kepada jawatan yang dipegang oleh suku Melayu dan suku Bugis dalam Institusi Kesultanan Johor.
- ii) Berkumpulan- terdiri daripada mana-mana pertubuhan seperti tentera, rejimen, serdadu, juak-juak dan askar. Tambahan itu, dalam kategori ini juga ada diselitkan tentang keterlibatan rakyat tempatan dalam perang sama ada terdiri daripada orang Bugis, Kedah, Minangkabau, Johor dan sebagainya yang dikira sebagai pasukan sukarelawan.

Sesungguhnya mereka ini secara tidak langsung akan turut serta dalam pertempuran demi menjaga keamanan rakyat dan mempertahankan negara, di bawah kawalan pemerintahan komandan. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa setiap peperangan bukan sekadar hanya melibatkan anggota berpasukan sahaja seperti antara sesama tentera, akan tetapi ia juga memerlukan khidmat orang awam, seluruh rakyat tempatan kerana setiap apa yang diperjuangkan adalah untuk kepentingan bersama. Ini kerana sebagai manusia sentiasa menginginkan kesejahteraan dan keamanan dalam kehidupan, terutamanya bagi seorang Muslim yang memerlukan kedamaian dan ketenangan untuk mengabdikan diri kepada Allah Ta'ala dan menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini.

### **3.4.1 Bentuk organisasi ketenteraan.**

#### a) Kategori Individu.

Individu di sini merujuk kepada jawatan seseorang, yang mana mereka ini terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perang. Individu yang dimaksudkan juga memiliki kuasa dan peranan dalam sebuah kerajaan seperti bendahara, penghulu bendahari, temenggung dan laksamana atau kadi. Di samping itu, mereka juga antara pemimpin yang bersama-sama sultan dan rakyat dalam menentang musuh serta memberi perlindungan kepada rakyat dan negara.<sup>133</sup> Dalam kategori ini, ia lebih tertumpu kepada jawatan yang dipegang oleh suku Melayu; sultan, bendahara, laksamana, temenggung dan jawatan yang dipegang oleh suku Bugis seperti Yang diPertuan Muda (YDPM), Raja Tua, Datuk Suliwatang dan Datuk Punggawa di dalam menerajui institusi kesultanan Johor.

#### ***Sistem Pentadbiran Kerajaan Johor.***

Institusi Kesultanan Johor di bawah Dinasti Bendahara bermula pada hujung abad ke-17M. Dinasti Bendahara berasal dari susur galur keturunan daripada Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV yang memerintah dari tahun 1699 hingga 1718 M. Beliau merupakan pengasas Johor yang menggantikan kepimpinan bapanya, iaitu Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Sultan Abdul Jalil memiliki seorang putera yang dikenali sebagai Raja Sulaiman, beliau telah dilantik menjadi sultan kerajaan Johor (1722 M) sehinggalah kepimpinan tersebut diteruskan oleh sekutunya.<sup>134</sup> Walau bagaimanapun, pentadbiran kerajaan Johor akhirnya jatuh ke tangan Temenggung Ibrahim dan

---

<sup>133</sup> Leonard Y. Andaya (1975), *op.cit*, hlmn 39

<sup>134</sup> Mardiana Nordin, (2008), *op.cit*, hlmn 48

keturunannya. Anaknya Temenggung Abu Bakar merupakan Temenggung pertama yang menyandang gelaran Sultan. Namun jika diselidiki, secara hakikatnya keluarga Bendahara dan keluarga Temenggung terdiri daripada keturunan yang sama. Ini kerana susur galur keluarga Temenggung berasal dari keturunan Sultan Abdul Jalil IV, yang merupakan Sultan pertama dari Dinasti Bendahara.


Hakikatnya, kerajaan Johor juga telah mengamalkan sistem pembesar empat lipatan<sup>135</sup> yang diterajui oleh Sultan sendiri. Menurut Begbie, ketika pemerintahan di bawah kepimpinan Sultan Mahmud III, baginda telah dibantu oleh lapan orang menteri atau pembesar kerajaan tertinggi.<sup>136</sup> Empat daripadanya terdiri daripada keturunan Melayu, iaitu bendahara, temenggung, Raja Indera Bongsu (Penghulu bendahari) dan Laksamana. Sementara empat lagi terdiri daripada keturunan Bugis iaitu Yang diPertuan Muda (YDPM), Raja Tua, Suliwatang dan Datuk Punggawa. Jelas di sini menunjukkan bahawa kerajaan Johor juga turut menggunakan Undang-Undang Melaka dalam sistem pentadbirannya, di samping membahagikan peranan dan tanggungjawab yang setara antara suku Melayu dan suku Bugis. Berikut merupakan gambar rajah bagi sistem pembesar empat lipatan yang turut diaplikasikan dalam pemerintahan kerajaan Johor :

---

<sup>135</sup> Sistem Pembesar Empat Lipatan ; merupakan sistem hierarki yang diamalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka pada awalnya. Namun kebanyakkan negeri-negeri Melayu juga turut mewarisi sistem politik ini, antara lain ialah Perak, Kedah, dan Pahang. Lazimnya, secara tidak langsung negeri tersebut juga akan menerima pakai undang-undang Melaka dalam sistem pentadbiran mereka. Hal ini menunjukkan bahawa sistem pembesar empat lipatan ini begitu penting dalam menyusun gelaran, jawatan dan pemerintahan dalam pentadbiran sebuah kerajaan.

<sup>136</sup> P.J Begbie, (1997), *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, hlmn 286

Rajah 3.1 : Sistem Pembesar Empat Lipatan



( Sumber : Mardiana Nordin (2008) Politik Kerajaan Johor 1718-1862 )

Sesungguhnya, kredibiliti dan peranan yang telah dimainkan oleh para pembesar dapat membantu dalam memelihara perpaduan negeri daripada ancaman musuh, menjamin kestabilan serta kelancaran dalam sebuah pemerintahan, selain daripada menjadi tunjang di bawah institusi raja-raja Melayu yang berdaulat. Bahkan jika dilihat pada peranan orang Bugis dalam bidang pemerintahan, terdapat pelbagai sumbangan yang telah diperkenalkannya sama ada dari sudut strategi, cara, taktik dalam politik, pelayaran, ketenteraan mahupun diplomasi. Bahkan mereka juga turut berperanan sebagai penasihat Sultan dalam bidang politik.<sup>137</sup> Ini menunjukkan bahawa kedatangan orang Bugis dalam Instistusi Kesultanan Melayu telah memberikan pengaruh yang besar dalam meningkatkan dan memperkuuhkan pemerintahan sehingga mampu untuk membangunkan kerajaan kesultanan Melayu yang cemerlang.

<sup>137</sup> Syarif Ibrahim Alqadri (2002), *Pengaruh Bugis dalam Pembinaan Dunia Melayu* (dalam) Abdul Latif Abu Bakar & Othman putih (Eds), *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*, Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995 pada 26-28 Mei 1995 di Melaka, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 356.

## **Peranan Jawatan**

### **i- Sultan / Raja**

Kerajaan merupakan badan yang diberi kuasa untuk menguruskan pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara luar. Pada zaman dahulu, terbentuknya sebuah kerajaan itu apabila adanya Raja/ Sultan. Dalam institusi kesultanan Melayu, Sultan menduduki tempat tertinggi dalam pemerintahan dan pentadbiran di negeri masing-masing. Hakikatnya, konsep Sultan yang wujud dalam masyarakat Melayu dipengaruhi oleh unsur Hindu. Namun selepas kedatangan Islam, institusi kesultanan telah dibentuk bagi menggantikan sistem beraja yang berteraskan pengaruh Hindu. Pada zaman kerajaan awal, raja digelar `devaraja', iaitu raja yang memerintah dianggap luhur dan suci. Selepas kedatangan Islam konsep devaraja (raja Tuhan) telah diubah suai dengan ajaran Islam yang menyatakan bahawa raja adalah bayangan Allah ataupun Sultan Zilullah di muka bumi ini sebagai mencerminkan peranan penting yang dipertanggungjawabkan atas kuasa mereka sebagai ketua bagi umat Islam dalam kesultanan.<sup>138</sup> Gelaran `Sultan' juga telah digunakan dan dianggap sebagai Amirul-Mukminin (bererti pemimpin orang mukmin).<sup>139</sup>

Raja atau sultan mempunyai kuasa dan kewibawaan dalam menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negeri serta seluruh jajahan takluknya. Bahkan mempunyai kuasa mutlak terhadap rakyatnya dan setiap rakyat perlu bertanggungjawab untuk mentaati sultan mereka. Ini kerana raja adalah lambang atau simbol keagungan

---

<sup>138</sup> Suzana Othman, Tun (2002), *Institusi Bendahara; Permata Melayu Yang Hilang*, Kuala Lumpur : Pustaka BSM Enterprise, hlmn 31

<sup>139</sup> A. Aziz Deraman, (2005), *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 50.

orang Melayu, bahkan raja juga dipercayai mempunyai daulat yang diwarisi secara turun-temurun melalui jurai keturunnanya.

Sebagai seorang pemimpin, sultan juga dianggap sebagai “pelindung kerajaan yang menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat, malah berperanan sebagai benteng kepada segala kezaliman, kelemahan dan kemusnahan”.<sup>140</sup> Sabda Rasulullah SAW ada menegaskan bahawa;

“Sultan itu bayangan Allah di dunia. Siapa yang memuliakan mereka, maka Allah akan memuliakannya dan siapa yang menghina mereka, maka Allah akan menghinanya”

Maksudnya di sini, jelaslah bahawa Allah mempertahankan manusia itu daripada kezaliman dan penganiayaan menerusi perantaraan pemimpin. Ini kerana tanpa pemimpin, nescaya keadaan akan menjadi gusar dan huru-hara, malah rakyat sendiri akan hidup menderita.

Walau bagaimanapun, ketika berlakunya peperangan lazimnya Sultan tidak akan ikut serta, hanya sekadar memberikan arahan dan menyerahkan tugas tersebut kepada pimpinan yang lain, misalnya Bendahara.<sup>141</sup> Namun dalam hal peperangan, semuanya memainkan peranan yang sama bagi menjaga kepentingan rakyat dan keamanan negara.

Kredibiliti dan peranan Sultan dalam menerajui pucuk kepimpinan kerajaan sebenarnya membuktikan Institusi Kesultanan amat penting dalam sebuah pentadbiran. Biarpun kedudukan Sultan berada di tahap yang tinggi, namun kehadiran para pembesar sebagai penasihat Sultan dalam melaksanakan pentadbiran kerajaan amat diperlukan dalam menerajui sebuah kepimpinan yang sebenar .

---

<sup>140</sup> Nurhanisah Bahtiyar, (2009), *Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Relevannya dengan Doktrin Ketatanegaraan Islam*, Jakarta : Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Hlmn 19

<sup>141</sup> Mahdi Shuid, Saliza Saad, (2007), *Op.cit*, hlmn 114

## ii- Bendahara

Institusi Bendahara merupakan sebuah institusi yang telah mewarnai corak pemerintahan tradisi Melayu sejak zaman kerajaan Melaka pada awal abad ke15M lagi. Ia berperanan dalam memerintah dan memberi kebajikan kepada rakyat, bahkan bertanggungjawab sebagai penabal raja, pengatur, penetap dan penjaga adat Raja-Raja Melayu, sekaligus melayakkan dirinya menjadi pemangku bagi raja yang masih kecil. Jika mengikut adat Melayu lama, bendahara boleh dinaikkan takhta sekiranya raja yang mangkat tidak meninggalkan sebarang waris.<sup>142</sup> Hal ini berlaku kerana bendahara dan sultan adalah dari satu jurai salasilah keturunan yang sama. Jawatan bendahara juga telah diletakkan pada kedudukan yang utama selepas raja dalam tradisi pentadbiran Melayu, ia merupakan penghulu bagi sekalian pembesar negeri. Hal ni turut diperakui dalam Hikayat Johor serta Pahang yang menyebut :

“ Bahawa dengan sa-sunggohnya bendahara itu ibarat tangan kanan Sultan, temenggung itu ibarat tangan kiri Sultan...”

Oleh yang demikian, ketahuilah bahawa institusi Kesultanan dan institusi Bendahara mempunyai hubungan yang amat rapat, saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain. Selain bertanggungjawab terhadap raja-raja, selaku bendahara ia juga berperanan dalam “menguruskan keselamatan dalam negeri dan mengawal kebajikan masyarakat dan angkatan tentera”.<sup>143</sup> Hal ini secara tidak langsung menggambarkan bendahara akan turut serta dalam perperangan yang kebiasaannya bertindak selaku ketua dalam angkatan. Di samping memelihara hukum syariat dan adat istiadat serta diberikan kuasa untuk menjalankan hukuman ke atas pihak yang bersalah.

---

<sup>142</sup> Suzana Othman, Tun, (2006), *Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja*, Kuala Lumpur : Media Satria Sdn Bhd

<sup>143</sup> Carl A.Trocki, (1979), *Prince of Pirates*, Singapore : Singapore University Press Pte Ltd, hlmn 5

Kesimpulannya, jawatan bendahara boleh disifatkan sebagai “separuh raja, separuh pembesar” yang menyebabkan kedudukan bendahara setaraf dengan raja. Walau bagaimanapun, beliau tetap berperanan sebagai hamba Melayu yang taat pada sultannya. Oleh kerana akrabnya hubungan antara bendahara dan sultan, tingginya kedudukan bendahara berbanding para pembesar yang lain, maka sultan tidak teragak-agak untuk menuntut kekerasan, keberanian, ketegasan bendahara untuk menangani ancaman musuh- musuh negara.

### **iii. Laksamana**

Laksamana merupakan pembesar negeri yang berperanan dalam bidang angkatan tentera, kepolisan dan keselamatan negeri dalam sistem pentadbiran kesultanan Melaka. Di samping itu, beliau juga turut menjaga keamanan di kawasan perairan dan bertanggungjawab dalam bidang perdagangan, sehingga jawatan ini diibaratkan sebagai ketua angkatan laut.<sup>144</sup> Kebanyakkannya laksamana juga akan mengetuai peperangan, menjaga segala urusan kapal, kelengkapan senjata dan para hulubalang. Namun peranan laksamana dalam *Tuhfat al-Nafis* telah disangkal dengan meletakkan bahawa YDPM sebagai ketua bagi ekspedisi keselamatan.<sup>145</sup> Kenyataan ini dapat dilihat dalam peristiwa-peristiwa perang abad ke 18M yang berlaku di dalam dan di luar negeri.

### **iv. Temenggung**

Temenggung merupakan jawatan ketiga yang utama selepas bendahara dalam sistem pemerintahan beraja. Jawatan ini bertanggungjawab untuk mencari penjenayah dan melaksanakan hukuman ke atas rakyat yang membuat jenayah atau kesalahan. Hal ini kerana untuk memastikan tidak wujudnya penindasan dan kezaliman di dalam sesebuah

---

<sup>144</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *op.cit*, hlmn 107

<sup>145</sup> Mardiana Nordin, (2008), *Op.cit*, Hlmn 67

kawasan, mahupun negeri.<sup>146</sup> Ini menunjukkan temenggung adalah seorang yang bersifat adil, jujur dalam melaksanakan hukuman serta menitikberatkan kebijakan serta keamanan rakyat.

Temenggung perlu memainkan peranan pentng terhadap rakyat atau masyarakat, bandar, dan kelasi, tentera laut di dalam kawasan taklukan serta pengaruhnya. Selari dengan pandangan Winstedt yang menyatakan bahawa temenggung merupakan menteri yang berkuasa dalam mempertahankan daerahnya dan menjaga keamanan bagi setiap masyarakat. Selain daripada itu, menurut sejarah Melaka juga ada menjelaskan tentang peranan temenggung. Ini dapat dilihat bahawa di Melaka, Temenggung Tun Mutahir merupakan seorang yang bertanggungjawab di dalam majlis perbandaran, bahkan berkuasa dalam mempertahankan bandarnya sehingga beliau digelar sebagai datuk Bandar.

#### v- **Yang Dipertuan Muda (YDPM)**

YDPM merupakan jawatan baru di dalam kerajaan Johor yang dipelopori oleh suku Bugis yang datang dari sebelah timur Kepulauan Melayu, iaitu Luwuk. Daeng Marewah atau dikenali dengan gelaran Kelana Jaya Putera adalah merupakan YDPM kerajaan Johor yang pertama sekali dilantik. Kemunculan jawatan YDPM ini adalah untuk memperlihatkan satu bentuk pemerintahan yang secara tidak langsung berkuasa di belakang sultan. Bahkan memiliki tanggungjawab yang lebih besar berbanding dengan para pembesar yang lain di dalam kerajaan dan adakalanya melangkaui peranan sultan itu sendiri.<sup>147</sup> Ini jelas membuktikan yang mana jawatan Yam Tuan Muda rata-rata akan memonopoli segala kuasa untuk kepentingan politik sukunya dan menjadi penguasa Johor yang sebenar.

---

<sup>146</sup> Carl A.Trocki, (1979), *Op.cit*, hlmn 5

<sup>147</sup> Mardiana Nordin, (2008), *Op.cit*, Hlmn 62

Tambahan itu, setiap keputusan dan segala hal politik akan dikuasai oleh jawatan ini serta suku Bugis. Hal ini turut diperakui oleh Timothy J. Moy, bahawa beliau menggambarkan YDPM dalam *Tuhfat* sebagai teraju utama dalam polisi pentadbiran, perdagangan, keselamatan dan pertahanan kerajaan.<sup>148</sup> Oleh sebab itu, Yang dipertuan Muda juga di ibaratkan sebagai bendahara dalam pemerintahan kesultanan Melayu. Ini kerana secara tidak langsung jawatan tersebut telah menggugat peranan bendahara yang dahulunya merupakan tunjang utama kerajaan.

Sesungguhnya implikasi yang diterima dari jawatan tersebut dalam pentadbiran kerajaan Johor telah menyebabkan sumber tenaga orang laut tidak diperlukan lagi dalam dinasti bendahara. Peranan mereka semakin lumpuh dan tidak seperti dahulu lagi, sultan sering bergantung kepada tenaga orang laut kerana ketaatannya kepada sultan-sultan Melaka- Johor yang berdaulat. Begitu juga di kalangan para pembesar negeri akan mengalami masalah yang sama. Bahkan, dinasti bendahara juga terpaksa akur kepada kekuatan tentera, taktik dan strategi politik serta kemahiran yang dimainkan oleh orang Bugis dalam pelbagai bidang. Ini kerana Yam Tuan Muda merupakan seorang yang kuat serta berpengaruh, dan selalu bersedia untuk menyiapkan orang-orangnya untuk berperang dengan sesiapa sahaja yang berani menentangnya.<sup>149</sup> Sesungguhnya sistem politik kerajaan Johor telah melahirkan satu konsep kerajaan yang baru dalam dinasti bendahara di bawah penaung orang Bugis. Biarpun demikian, ia tidak menjaskankan kepimpinan institusi Kesultanan Johor, malah membantu dalam mengekalkan kerajaan.

---

<sup>148</sup> Timothy J. Moy, (1976), 'The Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Order : A Study in Political Legitimation', Kuala Lumpur : University Malaya, hlmn 8

<sup>149</sup> Suzana Othman, Tun., (2002), *Op.cit*, hlmn56.

### **iii- Raja Tua (Raja Tuha)**

Raja Tua merupakan antara jawatan utama yang disandang oleh suku Bugis dalam kerajaan Johor. Daeng Menampuk merupakan orang pertama yang menjawat jawatan ini dan ia bermula seiring dengan kedatangan YDPM. Menurut Tuhfat dalam teksnya<sup>150</sup>:

“ ...Kemudian tiada beberapa antaranya maka Daeng Menampuk pun digelar oleh Yang Dipertuan Muda serta baginda Sultan Sulaiman Raja Tua, yakni yang memerintahkan pekerjaan di bawah perintah Yang Di Pertuan Muda...”

Sesungguhnya pelbagai peranan yang telah dimainkan oleh Raja Tua selaku menjadi orang penting dalam kerajaan Johor. Buktinya dalam Tuhfat al-Nafis ada menyatakan Raja Tua sebagai ketua angkatan perang Johor. Selain itu, dikatakan juga beliau telah belot kepada Bugis dan menyokong suku Melayu untuk menentang YDPM dengan tujuan untuk mengambil alih serta merampas kedudukan YDPM. Di samping itu, Raja Tua juga merupakan orang yang berperanan dalam membentuk perjanjian dengan Belanda (1784). Oleh sebab itu, Raja Tuha juga dikenali sebagai pahlawan terbilang orang Bugis. Meskipun demikian, berdasarkan kepada analisis teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata sebutan tentang peranan Raja Tuha tidak begitu menonjol, namun beliau juga tidak terlepas daripada menyertai beberapa peristiwa perang yang ada dinyatakan dalam teks tersebut.

### **iv- Punggawa**

Punggawa adalah satu istilah yang melambangkan kedudukan yang tinggi dan berautoriti bagi orang Bugis. Punggawa atau lebih dikenali sebagai “*master shipbuilder*” merupakan gelaran bagi seorang ketua yang bertanggungjawab dalam

---

<sup>150</sup> *Tuhfat al-Nafis, Naskhah Terengganu*, hlmn 50

bersama-sama mencipta dan menghasilkan sebuah kapal.<sup>151</sup> Gelaran ini digunakan untuk merujuk kepada pihak yang menguruskan sesuatu termasuk mengupah tenaga kerja lain, para pemimpin dan pengusaha. Di samping itu, punggawa juga sering mendedahkan dan menerangkan cara mereka dan mencipta kapal kepada pemilik kapal tersebut. Adalah menjadi satu kebiasaan bagi punggawa untuk mengupah orang tertentu, terutamanya jurubina yang mempunyai kaitan dengan ciptaan kapal untuk bersama-sama menyiapkan binaan kapal tersebut.

Kesimpulannya di sini, dapatlah dirumuskan bahawa jawatan tersebut selain berperanan dalam hal ehwal pentadbiran, secara tidak langsung mereka turut terlibat dalam aktiviti perang cuma setelah diteliti masing-masing mempunyai peranan yang tertentu. Bermula daripada Sultan yang merupakan ketua pimpinan dalam pentadbiran, beliau lazimnya tidak bersama-sama dalam menyertai pertempuran meskipun dilantik menjadi ketua tentera, namun hanya bertindak di belakang tadbir dalam memberi arahan dalam melancarkan serangan.

Sementara bendahara pula berperanan sebagai ketua angkatan ketenteraan yang dilantik oleh raja sendiri. Ini kerana kedudukannya yang tinggi berbanding para pembesar yang lain. Maka jelaslah bahawa bendahara turut terlibat dalam peperangan untuk menangani ancaman musuh negara. Laksamana pula dilantik menjadi ketua angkatan laut untuk mengawal keselamatan dalam negeri. Mereka bertindak dalam menguruskan kelengkapan senjata dan perkapalan serta menyediakan hulubalang. Seterusnya temenggung juga bersama-sama menyertai peperangan dengan memastikan keamanan diperolehi dan kezaliman dijauhi.

---

<sup>151</sup> Gene Ammarell (1999) *Bugis Navigation*, USA : Yale University Southeast Asia Studies, hlmn 201

## **b) Kategori Berkumpulan**

Kumpulan bermaksud kelompok, beberapa orang (pertubuhan, pasukan) yang dianggap sebagai satu kelompok atau gabungan kerana mempunyai tugas atau sesuatu kecenderungan.<sup>152</sup> Lazimnya di dalam perang, berkumpulan begitu sinonim dengan sebuah organisasi yang ditubuhkan seperti angkatan tentera, askar, lanun-lanun, juak-juak dan sebagainya. Setiap organisasi tersebut, mereka akan diberikan tugas mengikut jawatan dan pangkat masing-masing. Oleh itu, setiap daripada mereka perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai peneraju utama dalam menewaskan pihak lawan demi kepentingan rakyat dan negara.

Melihat kepada *Tuhfat al-Nafis*, di dapati ada keterlibatan pasukan sukarelawan yang terdiri daripada orang-orang awam, rakyat tempatan dalam beberapa peristiwa perang dalam dan luar negeri. Misalnya seperti orang Minangkabau, Johor, Kedah, Siak, Bugis dan sebagainya. Mereka ini bertindak sama ada sebagai penyerang utama atau sekadar memberi bantuan kepada pihak lain yang memerlukan khidmat mereka untuk bersama-sama bertempur demi mencapai matlamat tertentu. Buktinya dapat dilihat pada orang-orang Banjar, Sampit, Mendawai diperlukan yang menghulurkan bantuan kepada Sultan Banjar dalam perang saudara itu dengan tujuan untuk merebut kuasa dan kawasan.<sup>153</sup>

### **i- Tentera / Askar**

Askar atau tentera merupakan satu gelaran bagi pasukan yang dilatih untuk berperang atau lebih dikenali sebagai orang yang menjadi anggota angkatan perang.<sup>154</sup> Menurut dari beberapa sumber, dipercayai bahawa tentera dapat dibahagikan kepada

---

<sup>152</sup> Kamus Dewan Bahasa (edisi Keempat), (2007), *Op.cit*, hlmn 848

<sup>153</sup> *Tuhfat al-Nafis*, (f.58), hlmn 61

<sup>154</sup> Kamus Dewan Bahasa, edisi keempat (2007) *Op.cit*, hlmn 1657

tiga cabang yang terdiri daripada tentera darat, tentera laut dan tentera udara.<sup>155</sup>

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, didapati penglibatan tentera udara tidak disebutkan dalam kegiatan perang, berbeza dengan tentera darat dan laut yang begitu menonjol peranannya dalam peperangan. Ini berkemungkinan di sebabkan oleh kerana tidak wujudnya lagi pengangkutan udara pada ketika itu.

Terdapat juga angkatan serdadu yang merupakan nama lain bagi askar, walau bagaimanapun peranannya tetap sama seperti askar dan tentera yang merupakan benteng pertahanan negara. Selain itu, angkatan ini juga merupakan pasukan yang terlibat secara langsung dalam mempertahankan rakyat dan negara daripada pencerobohan dan penganas baik dari dalam, maupun dari luar kawasan. Tambahan, berdasarkan kepada pengamatan yang dibuat dalam beberapa peristiwa perang yang nyata wujud dalam *Tuhfat al-Nafis*, didapati telah wujud juga penubuhan angkatan Rejimen Askar Melayu yang merupakan sebuah pasukan bersenjata yang dianggotai oleh anak watannya sendiri. Tambahan penubuhan angkatan rejimen ini telah menggabungkan unsur-unsur tradisi yang wujud dalam masyarakat Melayu<sup>156</sup> seperti pemakaian songkok dan penggunaan senjata-senjata tradisi dalam peperangan.

Sesungguhnya, keamanan yang wujud secara langsung daripada pertubuhan-pertubuhan tersebut telah melahirkan kestabilan negara yang memungkinkan pembangunan, merangsangkan ekonomi, kemakmuran, keamanan serta kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Oleh itu, organisasi ketenteraan yang hebat perlu dibentuk dengan merancang strategi yang mantap demi melahirkan keamanan dan ketenteraman rakyat dan negara.

<sup>155</sup> Syed Othman Syed Omar, (1999), *Tentera Malaysia dalam Era Konfrontasi*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, hlmn 33

<sup>156</sup> Syed Othman Syed Omar, (2005), *Rejimen Askar Melayu Diraja 1933-1968*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlmn x.

Lanun merupakan antara individu yang terlibat dalam perang seperti yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis*, cuma istilah ‘lanun’ tidak merujuk kepada kegiatan merompak di laut, akan tetapi lebih merujuk kepada suku kaum yang datang dari Tempusuk bagi membantu Sultan Mahmud menghalau Belanda dari Riau pada tahun 1781.<sup>157</sup>

Istilah lanun bermaksud perompak laut atau bajak laut. Melanun pula seperti merompak. Dalam bahasa Inggeris, lanun disebut sebagai *pirates* atau *piracy* (melanun),<sup>158</sup> iaitu perompakan di laut oleh sebuah perahu terhadap perahu lain tanpa kuasa pemerintah dan untuk kepentingan peribadi. Manakala dalam istilah Melayu lama, perkataan lanun masih belum lagi diguna pakai, bahkan ia mula dikenali sebagai perompak laut selepas abad ke-19M. Ini kerana pada tahun sebelumnya, segala kegiatan merompak, mengambil harta orang secara kekerasan hanya dipanggil sebagai perompak, bukan lanun. Menurut undang-undang British pula, merompak adalah satu kegiatan yang merampas hak orang lain secara paksaan untuk kepentingan sendiri, berbeza dengan lanun yang juga merompak tetapi di kawasan laut.<sup>159</sup>

Perompak laut digelar sebagai lanun berasal daripada perkataan Iranun<sup>160</sup> atau Illanun yang merupakan penduduk asal di Selatan Filipina. Puak ini begitu terkenal sebagai pengembara laut pada abad ke 18M. Ketika mereka menjalankan pengembalaan, secara tidak langsung mereka juga menjalankan kegiatan merompak di

<sup>157</sup> Virginia Matheson, (1982), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur :Fajar Bakti Sdn Bhd, hlmn 221

<sup>158</sup> Joyce M. Hawkins, (2008), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Selangor : Oxford Fajar Sdn Bhd, hlmn 302

<sup>159</sup> Rubin A.P, (1974), *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlmn 10

<sup>160</sup> Iranun/ Illanun bermaksud “berkasih-kasihan” yang berlawanan dengan maksud “lanun-perompak laut”. Lihat Datu Bandira Datu Alang, (1992), *Iranun*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 1

kawasan laut dan berani melakukan serangan untuk mendapatkan harta dan hamba abdi.

<sup>161</sup> Oleh sebab itu, perompak laut dikenali sebagai lanun di kalangan masyarakat Melayu kerana istilah tersebut begitu sinonim dengan kegiatan puak Iranun atau Illanun yang gemar melakukan rompakan di laut.

Sesungguhnya, fenomena melanun ini sudah dikenali sejak bermulanya aktiviti perdagangan dan pelayaran di laut lagi. Kapal-kapal yang pada asalnya bertemu sesama kapal yang lain atas urusan berdagang telah berubah menjadi rompakan atau lanun kerana memperolehi barang dagangan secara paksaan. Oleh kerana barang tersebut diperolehi secara kekerasan, maka kegiatan itu dikenali sebagai perlanunan bukan perdagangan. Selain itu, penduduk tempatan juga adakalanya terpaksa akur untuk menjadi lanun kerana tiada mata pencarian, terutamanya selepas orang Barat mula menguasai Nusantara.<sup>162</sup> Memandangkan perdagangan di kawasan Nusantara semakin meluas, usaha melanun juga semakin meningkat melalui hasil galakan dari para pemimpin untuk mencari keuntungan dan kekayaan. Oleh yang demikian, berkemungkinan dalam teks-teks Melayu lama seperti *Hikayat Siak*, *Tuhfat al-Nafis* tidak memperlihatkan bahawa melanun merupakan kegiatan yang hina, bahkan menceritakannya sebagai satu aktiviti biasa bagi pembesar-pembesar Melayu.<sup>163</sup>

Secara kesimpulannya, melanun merupakan satu kegiatan yang tidak sihat dan secara hakikatnya kegiatan ini akan memberi implikasi yang negatif ke atas rakyat sehingga mampu membawa kepada ancaman perang akibat rasa ketidakpuashatian antara sesama pihak.

<sup>161</sup> Ahmad Jelani (2000) *Lanun, Pedagang atau Penguatkuasa : Kes Perlanunan di Wilayah Johor Riau sebelum abad ke 19 M* (dalam) Jurnal Warisan Johor , Johor : Yayasan Warisan Johor , hlmn 50

<sup>162</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn 198

<sup>163</sup> Ibid, hlmn 204

### **iii- Orang Laut**

Orang laut merupakan tunjang utama dalam kerajaan Melayu Melaka- Johor. Orang Celebes atau lebih dikenali sebagai orang laut merupakan kumpulan manusia yang menetap di dalam perahu dan mengamalkan cara hidup secara nomadik.<sup>164</sup> Di samping itu, mereka juga sering menjalankan kegiatan sehari-hari dengan mengumpul hasil-hasil hutan dan laut seperti kerang dan siput laut.<sup>165</sup> Sesungguhnya, mereka ini terdiri daripada pelbagai suku, bahkan terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa di kalangan mereka ada yang dipilih menjadi pegawai istana. Peredaran masa telah menjadikan golongan ini lebih bersifat agresif dan tahan lasak, bahkan mempunyai kemahiran dalam mencipta kapal dan berpengetahuan luas tentang jalan-jalan laut.

Berdasarkan rentetan sejarah jatuhnya Melaka ke tangan Portugis, orang laut dikatakan masih memberi taat setianya kepada institusi kesultanan Melaka. Bahkan Orang Laut juga telah menduduki hierarki keempat dalam struktur pemerintahan kerajaan Johor yang bertanggungjawab dalam memainkan peranan sebagai pendayung sultan, pengutus surat dan tukang angkut air serta kayu api di istana.<sup>166</sup> Selain itu, mereka sentiasa berusaha mengukuhkan hubungan dengan sultan dengan menjadi hulubalang, panglima, bentara dan pendayung raja. Ini telah memperlihatkan bahawa hubungan Sultan dengan orang laut saling memerlukan sebagai lambang hubungan yang simbiotik.

Dari sudut ketenteraan, orang laut memberikan inspirasi dan kekuatan kepada sultan dengan menjadi hulubalang yang lebih ramai dari orang Melayu sebelum abad

<sup>164</sup> David E. Sopher , (1964), *The Sea Nomads : A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia*, Singapura : National Museum of Singapore, hlmn 89

<sup>165</sup> Leonard Y. Andaya, (1975), *Op.cit*, hlmn 44

<sup>166</sup> Zainal Abidin Borhan (1984), “*Peranan Orang Laut di Selat Melaka : Satu Catatan Awal*”, *Sejarah di Selat Melaka*, Melaka : Persatuan Sejarah Cawangan Melaka, hlmn 74-77

ke sembilan belas. Bahkan diperhebatkan lagi dengan penggunaan lancang, perahu, meriam, lela, rentaka, senapang dan seumpamanya. Berdasarkan kepada pengamatan yang dibuat dalam *Tuhfat al-Nafis*, terdapat beberapa pernyataan yang menunjukkan orang laut turut bertanggungjawab dalam kegiatan perang. Hal ini dapat dilihat pada teks<sup>167</sup> :

“... maka apabila sudah mustaib sekaliannya itu maka raja laut pun datang ke Penyengat, serta dengan segala orang besar-besarnya dan orang di darat, dan orang laut iaitu raja laut serta orang kapal perang. Membawa alat kerajaan itu naik ke darat dan raja laut...”

Ini menunjukkan jelas bahawa orang laut juga merupakan sebahagian daripada anggota ketenteraan yang turut terlibat dalam kegiatan perang. Meskipun demikian, selepas dinasti bendahara mengambil alih peranan institusi kesultanan, peranan orang Laut semakin berkurangan sehingga adakalanya mereka tidak diperlukan lagi.

Secara keseluruhannya, keamanan yang wujud akan melahirkan negara yang stabil, memungkinkan pembangunan, bahkan mampu merangsang kekayaan, kemakmuran serta kesejahteraan kepada negara dan rakyat. Walau bagaimanapun keamanan tidak akan berlaku dengan sendirinya tanpa pengorbanan nyawa, pancaindera, anggota serta darah keahlian tentera yang jitu. Oleh itu, penghargaan perlu diberikan kepada mereka dan sebagai generasi baru, seharusnya perlu diambil iktibar dan memperingati jasa serta pengorbanan mereka yang bertungkus-lumus mempertahankan rakyat dan negara dari terus dijajah.

### **3.5 Senjata dan Perkapalan**

Setiap peperangan memerlukan kepada seorang pelaku yang bertindak sebagai pejuang yang akan memberi perlindungan kepada rakyat dan mempertahankan sesebuah kawasan, wilayah mahupun negeri. Biarpun demikian, peperangan tidak dapat

---

<sup>167</sup> Tuhfat al-Nafis (f. 335), hlmn 363

diteruskan tanpa adanya senjata, pengangkutan dan perkapan sebagai alat kelengkapan untuk mempertahankan diri dan menentang serangan musuh. Sebagaimana dalam pepatah orang Melayu, tidak lengkap bagi orang Melayu apabila keluar sahaja dari rumah tanpa bersenjata. Ini kerana fungsinya yang pelbagai, sama ada digunakan dalam kehidupan seharian atau dalam perangnya.

Dalam teori perang ada menyebutkan bahawa alat kelengkapan seperti keris, tombak, lembing, kapal, penjab dan sebagainya merupakan perkara asas dalam memaparkan kemakmuran sesebuah negara. Di samping itu, alat kelengkapan yang terdiri daripada senjata dan perkapan juga dapat meningkatkan sumber ekonomi negara melalui penciptaannya yang digunakan dalam kehidupan seharian sebagai alat kelengkapan perang, kemajuan dalam kegiatan bercucuk tanam, menternak binatang, bahkan turut dijadikan sebagai barang pertukaran dagangan atau bingkisan hadiah.

Pada dasarnya, alat kelengkapan perang dapat diklasifikasikan kepada dua keperluan utama, iaitu :

- i) Senjata terdiri daripada 2 bentuk senjata iaitu **senjata ofensif**, seperti lembing, tombak, termasuklah senjata api yang memerlukan kepada ubat peledak, peluru seperti meriam, senapang, pistol dan **senjata defensif** yang bersifat perlindungan seperti perisai, topi, besi, pelindung leher.
- ii) Perkapalan terdiri daripada sampan, kapal, jong dan seumpamanya yang lazimnya akan digunakan ketika dalam perang.

### 3.5.1 Senjata

Senjata merupakan warisan turun temurun yang cukup kaya dari segi nilai sejarah, budaya, puitika dan estetikanya. Berdasarkan kepada definisi yang

diperolehi,<sup>168</sup> ternyata senjata mempunyai kaitan dengan elemen pertempuran, pertahanan dan keselamatan. Oleh sebab itu senjata diguna pakai dalam peperangan terutamanya ketika dalam operasi ofensif<sup>169</sup>, malah dikira sebagai sebahagian daripada alat kelengkapan yang penting ketika menghadapi peperangan.

Hakikatnya penggunaan senjata dapat dilihat sejak awal zaman lagi (Paleolitik), di mana manusia dikatakan telah mempunyai kemahiran dalam mencipta pisau batu yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari untuk memotong, menghiris, di samping untuk mempertahankan diri. Sehingga saat ini, meskipun ia menjadi satu warisan tetapi senjata sentiasa mendapat tempat dan dikenali oleh masyarakat, bahkan dicipta mengikut keperluan seseorang individu terutamanya di kalangan pihak tertentu yang sentiasa berusaha untuk menundukkan musuhnya bagi memastikan matlamatnya tercapai. Sesungguhnya, setiap hasil seni yang dilahirkan melambangkan kehalusan nilai budaya sesuatu bangsa itu sendiri.<sup>170</sup> Oleh itu, pancaran budaya sesuatu bangsa dapatlah dilihat dengan nyata pada hasil seninya antaranya melalui penciptaan senjata.

## **Jenis-jenis Senjata**

### **i. SENJATA OFENSIF**

Senjata berbentuk ofensif<sup>171</sup> merupakan senjata yang lazimnya digunakan untuk menewaskan musuh dengan cara yang lebih agresif ketika berperang, bahkan dapat merampas kedudukan utama pihak musuh dan menghalang musuh dari mendapat pelbagai kemudahan dan kemenangan melalui kemaraan untuk bertempur, serangan

---

<sup>168</sup> Menurut Kamus Dewan, senjata bermaksud alat yang digunakan untuk berperang atau berkelahi.

<sup>169</sup> *Ofensif* ialah istilah yang merujuk kepada serangan, pertempuran dengan musuh bagi memastikan kedudukan kekuatan atau kelemahan musuh dalam peperangan..

<sup>170</sup> Hanizah Jonoh, *et.al.*, (1997), *Op.cit*, hlmn 19

<sup>171</sup> Ketenteraan India juga turut menggunakan senjata berbentuk ofensif seperti lembing, busar panah dan kapak ketika dalam peperangan.

secara serta merta di medan peperangan dan sebagainya. Sesungguhnya, senjata orang Melayu dapat dikategorikan sebagai senjata ofensif kerana ketangkasannya dalam menyerang musuh dan bertempur di medan peperangan.

### **Jenis-Jenis Senjata Ofensif Melayu**

Budaya penggunaan senjata sememangnya telah menjadi satu tradisi sejak turun-temurun, bahkan telah menjadi satu keperluan dalam melakukan sebarang kegiatan dalam kehidupan sehari-hari terutamanya ketika menghadapi peperangan. Secara amnya, senjata yang sering digunakan oleh orang Melayu adalah senjata pendek atau senjata tikam seperti badik, jambiah, tumbuk lada dan sebagainya. Namun begitu dengan adanya pengaruh dari masyarakat dan budaya luar, maka masyarakat Melayu telah mengenali bentuk senjata yang lain seperti penggunaan meriam dan senapang.<sup>172</sup>

Penghijrahan kelompok Melayu dari satu kawasan ke kawasan yang lain sedikit sebanyak turut mempengaruhi corak dan reka bentuk yang ada pada senjata tradisional ketika itu. Bahkan peredaran zaman juga telah mengubah citarasa orang Melayu untuk menggunakan senjata tersebut mengikut kesesuaian fungsi serta peranannya dalam rumpun masyarakat Melayu. Oleh itu, senjata ofensif dapatlah diklasifikasikan kepada dua komponen yang terdiri daripada senjata sejuk dan senjata api. Senjata sejuk lebih merujuk kepada jenis-jenis senjata pendek, senjata panjang, senjata tempur jarak jauh. Manakala senjata api pula terdiri daripada senjata yang memerlukan ubat peledak seperti pistol, senapang, meriam, lela, rentaka dan sebagainya.<sup>173</sup>

---

<sup>172</sup> Hanizah bt Jonoh, *et.al.*, (1987), *Op.cit*, hlmn 20

<sup>173</sup> Norain bt Ismail (2009), *Op.cit*, hlmn 20

a) **SENJATA PENDEK / SENJATA TIKAM**

i) **KERIS**

Sewajarnya, setiap individu dalam masyarakat Melayu khususnya perlu mengenali keris. Ini kerana keris adalah milik dan warisan budaya orang Melayu, bahkan merupakan senjata kebangsaan Melayu yang dipercayai telah digunakan secara meluas sejak lebih 600 tahun dahulu di Kepulauan Melayu. Kenyataan ini turut diperakui oleh pengkaji Barat, antaranya Edward Frey yang menyatakan bahawa keris melambangkan budaya yang terpenting bagi masyarakat Melayu.<sup>174</sup> Secara umum, keris merupakan senjata tajam yang digunakan untuk mempertahankan diri terutamanya dalam pertarungan dan ia dipercayai berasal dari Majapahit (Jawa) kerana terdapat satu ukiran keris yang telah dihasilkan kira-kira 800 M yang lalu di Candi Borobudur.<sup>175</sup> Teori tersebut turut disokong oleh sarjana barat yang menjelaskan bahawa keris pertama berasal dari Majapahit yang pada asalnya hanya diperbuat daripada sengat ikan pari dengan dibungkuskan pangkalnya sebagai tempat pemegang, maka dari sini tercetusnya idea untuk mencipta sebilah keris.<sup>176</sup>

Selain itu, Stamford Raffles juga ada menyatakan tentang sebuah gambar yang menunjukkan lambang orang sedang membuat keris di Candi Suku, Jawa pada 1361-1362 M. Sementara, John Crawford pula berpendapat bahawa gambaran tersebut hanya menggambarkan orang-orang sedang membuat pedang dan lembing.<sup>177</sup> Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa keris telah dicipta di alam Melayu sejak awal abad ke 14

---

<sup>174</sup> Hashim bin Mohd Nor, (2004), *Keris : Peranannya dalam Masyarakat Melayu Brunei*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlmn 12

<sup>175</sup> Shahrum Yub (1967), *op.cit*, hlmn 1

<sup>176</sup> Gardner, G.B (1936) *Keris and Other Malay Weapons*, Singapore : Progresive Publishing Company.

<sup>177</sup> Hanizah Jonoh, Mohd Fauzi Sukimi, *et.al.*, (1997), *Op.cit*, hlmn 21

M lagi. Malah, didapati bahawa keris telah digunakan sebagai senjata umum di alam Melayu sebelum lahirnya kesultanan Melaka dalam tahun 1400 M.

### **Fungsi keris**

Orang Melayu dahulu kalanya memang terkenal dengan kepakaran, kehalusan seninya dalam mencipta sebilah keris. Oleh sebab itu, keris memiliki 3 bahagian utama yang terdiri daripada “hulu” yang dilekatkan pada mata keris dengan menggunakan pelekat daripada damar dan minyak. Hulu keris diperbuat daripada emas dan perak, namun mengikut adat Melayu hanya kerabat diraja sahaja yang boleh menggunakan keris yang berhulukan emas.

Keduanya, “mata keris” yang diperbuat daripada pelbagai campuran logam jenis keras dan lembut. Terbahagi kepada jenis lurus dan jenis berlok (berkeluk-keluk), dimana mata keris berlok lebih telap berbanding yang lurus. Lazimnya, lok keris mewakili jumlah yang ganjil iaitu 3, 5, 7, 9 dan setiap daripadanya mewakili darjah seseorang, misalnya keris berlok sembilan dikhatuskan buat raja atau pemerintah. Akhirnya, “sarung keris” yang merupakan antara bahagian penting untuk memelihara badan keris. Terdiri dari tiga bahagian iaitu sampir yang merupakan bahagian atas sarung keris dan menyerupai bentuk sampan. Keduanya, badan keris yang dipengaruhi oleh bentuk matanya dan kegunaannya. Terakhir, bahagian buntutnya yang terdiri daripada empat jenis bentuk yang berlainan rupa, iaitu tempurung, bujur sirih, bujur sangkar dan mata kapak. Kesimpulannya, sebilah keris yang lengkap haruslah memiliki ciri-ciri tersebut, dengan keunikian dan fungsinya, maka tidaklah menjadi hairan bahawa keris tetap menjadi kemegahan orang Melayu.

Berbalik kepada pengertiannya iaitu senjata yang tajam, pada asalnya keris sememangnya dicipta untuk digunakan untuk mempertahankan diri dan secara tidak langsung keris mempunyai kombinasi yang amat rapat dengan elemen pertahanan atau bela diri. Oleh sebab itu, keris dijadikan sebagai alat pertahanan tradisi orang Melayu khasnya pada zaman dahulu.<sup>178</sup> Di samping itu, pernah suatu ketika dahulu keris turut menjadi alat pelengkap bagi pakaian lelaki Melayu. Ia sering dibawa kemana sahaja oleh semua lapisan masyarakat sama ada dari golongan rakyat sehingga kepada golongan bangsawan dan raja. Sebagaimana orang Melayu beranggapan bahawa semakin tinggi darjah seseorang, semakin tinggi nilai keris yang dipakainya. Sesungguhnya, hal sedemikian telah menunjukkan betapa pentingnya sebilah keris terutamanya bagi orang Melayu pada zaman dahulu sebagai alat untuk mempertahankan diri dari musuh serta menjadi alat kelengkapan bagi orang Melayu.

Selain menjadi alat kemegahan orang Melayu, ia juga turut menjadi lambang kerajaan Melayu sejak zaman pra-Islam dan kerajaan Melayu Islam seperti kerajaan Funan, Champa, Langkasuka, Kedah Tua dan selain daripadanya serta menjadi sebahagian daripada unsur penting dalam adat istiadat bangsa dan negara. Umpamanya dalam upacara perkahwinan dalam masyarakat Semenanjung Tanah Melayu, keris menjadi sebahagian daripada alat kelengkapan pengantin lelaki yang dapat menggambarkan ciri-ciri pakaian tradisional masyarakat Melayu.<sup>179</sup> Tambahan itu, keris juga terkenal dengan kuasa sakti dan tuah darjatnya, malah kepelbagaiannya rupa bentuknya juga telah mewakili kebudayaan penduduk di Kepulauan Melayu. Misalnya keris Taming Sari telah menjadi simbol utama dalam kerajaan Melayu Melaka kerana ketangkasannya dalam melawan musuh. Untuk makluman, keris Taming Sari

---

<sup>178</sup> Hashim Mohd Nor (2004), *Op.cit*, hlmn 57

<sup>179</sup> *Ibid*, hlmn 26

merupakan hadiah yang telah diberikan oleh Raja Majapahit kepada Hang Tuah Setelah beliau mengalahkan pahlawan Jawa yang bernama “Taming Sari”.

Kesimpulannya, keris merupakan alat senjata yang memainkan peranan penting dalam mempertahankan diri, bahkan istimewanya keris kerana menjadi lambang kedaulatan raja- raja Melayu dan rakyatnya pada zaman dahulu. Ini kerana untuk menciptanya perlu kepada kaedah-kaedah tertentu dan diperbuat daripada besi-besi yang terpilih sahaja. Sesungguhnya keris juga sering dikaitkan dengan unsur kuasa, sakti dan magis, misalnya wujud cerita keris yang mampu terbang mencari musuh. Walau bagaimanapun, pada era masa kini keris jarang digunakan sama sekali tetapi hanya sekadar menjadi hiasan, hadiah, lambang kepada sesebuah institusi atau dipakai di hari persandingan. Namun demikian ia tetap dikenali oleh orang ramai kerana keunikan yang terdapat pada objek itu sendiri dan kehebatannya yang jelas sama sekali pada mata kerisnya.

## ii) **BADIK**

Badik adalah sejenis senjata pendek tradisional yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Secara umumnya, terdapat 3 jenis variasi badik yang utama, iaitu Badik Sulawesi, Badik Jawa dan Badik Sumatera. Badik mempunyai sebelah mata yang tajam dan lurus serta melengkung ke atas yang hampir sama dengan tumbuk lada cuma lurus dan tidak berkeluk. Di kalangan masyarakat Melayu, badik juga dikenali sebagai parang. Ini kerana badik mempunyai mata yang tajam di satu bahagian dan memiliki bahagian belakang yang tebal di satu bahagian yang bermula satu pertiga dari pangkalnya dan meruncing tirus ke hujung.

Badik dikatakan telah wujud sejak zaman penciptaan keris lagi, malah ada yang percaya bahawa badik telah wujud lebih awal lagi. Badik berasal dari tanah Melayu dan menjadi semakin berkembang setelah Tanah Melayu menjadi jajahan pihak Inggeris. Pada masa itu pihak Inggeris berasa bimbang kerana orang Melayu amat mempercayai rahsia yang wujud pada keris yang mampu membangkitkan semangat. Oleh sebab itu, pihak Inggeris telah menurunkan perintah supaya orang Melayu tidak lagi menggunakan keris tetapi hanya boleh menggunakan senjata lain sebagai alat kehidupan seharian.<sup>180</sup> Maka daripada situ, timbul kemahiran di kalangan orang-orang Melayu untuk menempa senjata-senjata pendek seperti badik dengan lebih banyak lagi.

### **Fungsi badik**

Badik merupakan senjata yang sering digunakan dalam kegiatan sehari-hari seperti menyembelih, memotong daging dan buah<sup>181</sup>. Malahan, badik juga dianggap sebagai senjata yang memiliki azimat untuk mempertahankan diri kerana kebanyakan senjata badik ini ditempa mengikut kaedah-kaedah tertentu seperti ketandaan dan sebagainya. Tambahan itu, badik juga turut menjadi alat perhiasan bagi pengantin lelaki untuk menggantikan keris. Bagi kaum wanita di Kelantan, senjata-senjata pendek seperti badik dan pisau adalah merupakan senjata sulit untuk mempertahankan diri apabila terdesak.<sup>182</sup> Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini penggunaan senjata badik semakin berkurangan.

---

<sup>180</sup> Yusman Ayob, Roslan Abdul Malek, (1995), *Senjata dan Alat Tradisional*, Selangor : Penerbit Prisma Sdn Bhd, hlmn 14

<sup>181</sup> Shahrum Yub (1967), *Op.cit*, hlmn 42

<sup>182</sup> Zakaria Abdullah, (2007), *Op.cit*, hlmn 12

### **iii) JAMBIAH**

Jambiah adalah sejenis senjata pendek yang berasal dari negara Timur Tengah, bahkan ia sering menjadi tumpuan orang ramai kerana penggunaannya yang begitu pesat di negeri-negeri Melayu. Senjata ini memiliki keistimewaan dari segi bentuk matanya yang bongkok, sementara hulu dan sarungnya dihiasi dengan salutan emas atau perak sebagai lambang keunikan dan keindahan seninya.

#### **Fungsi Jambiah**

Hakikatnya, jambiah menjadi terkenal dan amat digeruni kerana cara tikamannya yang mampu menyebabkan segala isi perut seseorang mangsa keluar terburai, bahkan jika tikaman tersebut terkena pada leher, kebarangkalian leher tersebut akan putus. Oleh sebab itu, senjata ini amat sesuai untuk digunakan sebagai alat untuk mempertahankan diri dari musuh. Selain itu, terdapat juga pandangan lain yang memperkatakan bahawa amat sukar bagi musuh untuk mengelakkan dirinya dari tikaman jambiah melalui cara penggunaannya yang menekan dan mengebar mengikut alunan bentuk antara kedua-dua belah matanya.

### **iv) LAWI AYAM**

Lawi ayam merupakan sejenis pisau yang melengkung seperti kerambit. Ia memiliki bentuk mata yang hampir bongkok cuma bongkoknya separuh bulatan melengkung dan memiliki mata yang tajam seperti jambiah. Panjang bilah mata lawi ayam ialah di antara 4  $\frac{3}{4}$  hingga 12 inci, sementara lebarnya pula di antara 15 / 16 inci

hingga 1 1/16 inci. Terdapat bentuk hulu lawi ayam yang berhulu melengkung di hujungnya seperti nombor 9, lazimnya ia diperbuat daripada kayu atau tanduk yang berlubang.<sup>183</sup> Manakala bagi sarungnya pula diperbuat daripada kayu dan, kemudian diperkemaskan dengan simpai rotan yang ditempatkan dengan jarak perantaraan yang sama.

### **Fungsi Lawi Ayam**

Lawi ayam dikenali sebagai senjata tikam yang berfungsi untuk mempertahankan diri, malah ia sering digunakan oleh orang-orang kampung atau desa dalam pekerjaan sehari-hari. Istimewanya lawi ayam ini juga sebagai alat perlindungan diri bagi wanita dari diperkosa. Teori ini turut disokong oleh sejarawan lain, yang mana lazimnya kaum wanita di Jawa khususnya gemar membawa lawi ayam yang bersaiz lebih kecil sebagai alat pertahanan diri.

### **v) TUMBUK LADA**

Tumbuk Lada, sejenis senjata tajam seperti badik atau pisau<sup>184</sup> yang berasal dari Sumatera. Ia dianggap penting kerana sering digunakan oleh para pembesar negeri misalnya di Negeri Sembilan, ia menjadi senjata utama dalam majlis adat istiadat dan merupakan salah satu elemen pelengkap bagi pakaian rasmi di raja. Tumbuk lada mula menjadi terkenal di kalangan masyarakat Melayu di kepulauan Nusantara atas faktor perdagangan dari Sumatera, peralatan ini dijadikan sebagai pertukaran barang dagangan di kalangan para pedagang di Nusantara dengan pedagang dari Sumatera.<sup>185</sup>

---

<sup>183</sup> Shahrum Yub (1967), *Op.cit*, hlmn 105

<sup>184</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1731

<sup>185</sup> Hanizah Jonoh, *et al.* (1997), *Op.cit*, hlmn 27

Asal usul istilah tumbuk lada bermula daripada bentuk hulunya yang menyerupai alat menumbuk lada. Namun begitu wujud pendapat lain yang menyatakan bahawa tumbuk lada pada asalnya dikenali sebagai tumbuk dada kerana ia merupakan senjata untuk menikam di bahagian dada,<sup>186</sup> biarpun demikian istilah tersebut telah digantikan dengan nama tumbuk lada kerana ia mampu memberi tusukan yang menyakitkan dan pedih ibarat seperti termakan lada.

### **Fungsi Tumbuk Lada**

Menjadi satu kelaziman bahawa tumbuk lada menjadi alat penting di kalangan para pembesar negeri. Bahkan menjadi elemen lengkap dalam berpakaian kerana ia mudah untuk dibawa ke mana- mana sebagai alat perlindungan diri, malah ia juga turut digunakan dalam perperangan. Hal ini terbukti dalam catatan sejarah perperangan Johor bahawa senjata ini ada digunakan dalam siri perperangan ketika itu. Selain daripada itu, dikatakan juga bahawa penggunaan tumbuk lada juga tidak terlepas dalam aspek seni mempertahankan diri iaitu dalam seni silat sendeng (mengiring).

## **b) SENJATA PANJANG**

### **i) GOLOK**

Golok adalah sejenis parang yang mempunyai mata yang agak panjang daripada biasa dan matanya diasah melengkung sedikit berbanding parang biasa. Menurut seorang pakar pembuat golok, golok ialah parang yang mempunyai sarung, sementara yang tidak bersarung dinamakan parang. Golok terdiri dari beberapa jenis yang dapat diklasifikasikan mengikut tempat, iaitu Golok Perak, Golok Jawi Pekan, Golok Bugis<sup>187</sup>

---

<sup>186</sup> Gardner, G.B, (1936), *op.cit*, hlmn 23

<sup>187</sup> “Misteri dan Kesaktian”. *Pameran Senjata Tradisional*, Kuala Lumpur : Muzium Negara, (16 Januari 2009).

## **Fungsi Golok**

Golok merupakan alat penting dalam kehidupan masyarakat yang sering digunakan untuk memotong atau mengerat pelbagai benda terutamanya ketika berada di dalam hutan, menyembelih binatang dan sebagainya. Selain daripada itu, ia juga digunakan dengan tujuan untuk berperang atau kegunaan peribadi seseorang. Namun pada masa kini, senjata tersebut hanya disimpan menjadi senjata warisan atau digunakan untuk mengawal keselamatan ahli keluarga.

### **ii) PARANG**

Parang merupakan sejenis pisau besar, golok dan jenis-jenisnya termasuklah parang belitung, parang cencong, parang lading, parang puting dan sebagainya.<sup>188</sup> Kenyataan tersebut turut dipersetujui apabila Don. F. Draeger ada menyatakan dalam karyanya berkaitan dengan parang, iaitu :

*“a cleaver-type knife with blades ranging from ten to thirty six inches in length. The cutting edge is straight or nearly so, and the blade is broadest and heaviest at the tip, the reverse edge is also quite straight but has a rather blunt contour which brings it to the tip at a slant.”<sup>189</sup>*

Ini jelas menunjukkan bahawa parang itu terdiri daripada jenis golok yang mempunyai bentuk seakan-akan mirip golok, malah sering diguna pakai dalam kehidupan seharian .

Pada Zaman Logam (kira-kira 25 000 tahun lalu), parang telah mula dicipta seperti peralatan yang lain, namun bentuknya dijangka lebih awal daripada masa tersebut. Hal ini berdasarkan kepada penemuan peralatan daripada batu yang telah ditajamkan, diasah dan dikikir pada zaman Neolitik. Ketika itu, peralatan tersebut

---

<sup>188</sup>Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1140

<sup>189</sup> Don. F. Draeger (1972) *Weapon and The Fighting Arts of the Indon Archipelago*, Japan : Charles E. Tuttle Company, hlmn 18

dicipta adalah untuk memburu, memotong, mengerat, melepas kulit binatang dan bercucuk tanam.<sup>190</sup>

Pada umumnya terdapat pelbagai bentuk parang di alam Melayu, ia dapat dibuktikan dari kesusastraan Melayu yang bertulis seperti *Tuhfat al-Nafis*. Berdasarkan hikayat tersebut, senjata seperti parang merupakan senjata penting dan digambarkan ketika itu sebagai senjata untuk menghukum seseorang dengan cara penyembelihan.<sup>191</sup>

Begini juga dalam sejarah Melayu ada disebutkan jenis-jenis parang tertentu seperti parang puting, golok sunda. Dalam teks penglipurlara seperti “*Hikayat Awang Sulung Merah Muda dan Malim Demam*”, terdapat juga penggunaan perkataan memarang. Memarang di sini bukan merujuk kepada parang tetapi menggunakan senjata lain seperti pedang.<sup>192</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa fungsi parang seperti senjata lain (pedang) dan bentuk parang ini dipercayai berkemungkinan berasal dari bentuk pedang. Ini kerana bentuk pedang amat mempengaruhi fungsi dan nama jenis-jenis parang berkenaan.

## Fungsi Parang

Parang sering digunakan oleh orang kampung sebagai alat kehidupan sehari-hari untuk melindungi diri, menebas, mencantas dahan-dahan, menyembelih binatang, memotong dan seumpamanya, bahkan ia turut dikenali sebagai senjata pembunuhan yang amat digeruni oleh orang ramai. Selain itu, terdapat juga parang yang khusus digunakan dalam aktiviti penanaman padi seperti parang penebas, parang penggelik, parang tekin,

---

<sup>190</sup> *Ibid*, hlmn 16

<sup>191</sup> Virgina Matheson Hooker (ed), (1998), *op.cit*, hlmn 189

<sup>192</sup> Saaudah Hamdin (2001), “*Parang dalam Masyarakat Melayu Kampung Muara Tuang : Kajian Tentang Jenis, Fungsi dan Kepercayaan*”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Sosio Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlmn 18

parang candong dan sebagainya. Misalnya seperti parang penggelik,<sup>193</sup> yang berfungsi untuk menggali anak padi dalam aktiviti penanaman padi. Bentuknya yang kecil dan ringan serta bahagian hujung matanya yang lebar memudahkan ia digunakan dalam kerja menggali padi, anak-anak padi yang masih muda akan digali dan dipindahkan ke tapak sawah yang telah dibersihkan.

### iii) LEMBING & TOMBAK

Sejak zaman prasejarah lagi, lembing sering digunakan sebagai alat untuk memburu atau pertarungan. Ia merupakan sejenis senjata pelancaran berhulu panjang dan bermata besi yang runcing dan boleh diradakkan atau dibaling. Adapun, ia diperbuat daripada batang nibung yang dikenali sebagai seligi<sup>194</sup>. Semakin hari penggunaannya semakin meluas sehingga menjadi alat untuk membunuh sesama manusia dan sebagai keperluan untuk mempertahankan diri sehingga pada kurun ke 18 M. Bahkan turut digunakan di dalam adat istiadat dan upacara perarakan.<sup>195</sup>

Begitu juga dengan tombak yang merupakan antara senjata yang hampir sama bentuknya seperti lembing. Tombak merupakan senjata yang mula-mula digunakan untuk peperangan. Pada umumnya terdapat beberapa jenis bentuk tombak seperti tombak Naga, tombak Kujang, tombak Asmat, tombak Banyak Angkeram Jawa. Sementara jenis tombak yang didapati di Semenanjung Tanah Melayu pula lazimnya mempunyai mata yang kecil tetapi lebar dan panjangnya sekitar antara 1.5 m hingga 2m.

---

<sup>193</sup> *Ibid*, hlmn 47

<sup>194</sup> Seligi ialah sejenis senjata yang hampir menyerupai lembing iaitu panjang dan runcing pada hujungnya. Ia dihasilkan daripada ruyung, nibung dan sebarang kayu yang lurus.

<sup>195</sup> Zakaria Abdullah (2007), *Rahsia Keris dan Senjata-Senjata Warisan Melayu*, Kelantan : D Warisan Darul Naim, hlmn 13

## Fungsi Tombak

Tombak antara senjata yang cukup terkenal pada suatu ketika dahulu. Ia merupakan senjata yang bermata dan bergagang panjang dengan ukuran panjangnya yang bersamaan dengan 12 kaki atau 3.6 cm.<sup>196</sup> Bahkan, mempunyai peranan yang agak luar biasa sehingga mampu digunakan untuk melawan musuh, bertempur dan mampu mengenakan sasaran dalam jarak yang agak jauh dengan tepat. Tambahan pula mengikut pandangan masyarakat Melayu, jika sekiranya senjata itu mempunyai keramat, kebiasaannya musuh tidak akan dapat lari dan terlepas daripada lancaran lembing atau tombak tersebut.

Penggunaan tombak lazimnya digunakan dengan cara meradak dan menjadi bahan untuk merejam pada zaman dahulu. Bahkan pada zaman dahulu juga, senjata ini digunakan untuk berburu dan mempertahankan diri dari binatang buas. Selain daripada itu, tidak ketinggalan pentingnya tombak sehingga kini sebagai alat istiadat di raja, misalnya seperti tombak berambu yang merupakan antara jenis tombak yang sering digunakan dalam adat istiadat istana.<sup>197</sup>

Begitu juga dengan lembing yang merupakan senjata yang berfungsi sebagai alat untuk mempertahankan diri dan berburu binatang. Misalnya pada zaman Rasulullah sendiri ada menggunakan lembing ketika melakukan penyerbuan ke atas sesuatu benteng atau tembok-tembok pertahanan.<sup>198</sup> Biarpun demikian, lembing kini lebih senang digunakan dalam adat istiadat di istana dan mempunyai batang yang dihias dengan perak.

---

<sup>196</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1705

<sup>197</sup> Mohd Zainudin Hj Abdullah , Mohd Shahrim Senik (2007), *Op.cit*, hlmn 261

<sup>198</sup> Subhi al-Saleh, (1986), *Sistem Sosial dan Pertahanan dalam Islam*, (terj) Osman Khalid, Kuala Lumpur :Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlmn 72

#### **iv) KELEWANG**

Kelewang merupakan sejenis senjata parang panjang yang bilahnya melengkung dan adakalanya muncungnya dibengkokkan ke bawah bagi paruh burung. Berasal dari Indonesia dan antara kawasan yang sering menggunakan senjata ini ialah Sumatera Barat, Aceh dan Bali. Di Semenanjung, kelewang amat popular di negeri sebelah utara seperti di Perlis, Kedah dan Kelantan. Hakikatnya, kelewang juga dikenali dengan pelbagai nama, umpamanya seperti di Sarawak ia dikenali sebagai parang panjang, di Kelantan pula disebut sebagai golok jambu atau kelewang Kelantan, manakala di Eropah pula ia dikenali sebagai *bastard sword*.<sup>199</sup>

#### **Fungsi Kelewang**

Kelewang merupakan senjata yang seusia dengan parang, iaitu mula terkenal pada akhir kurun ke 18. Namun sehingga kini ia masih lagi digunakan sebagai alat untuk menyerang dan mempertahankan diri, malah ada yang disimpan sebagai senjata warisan.<sup>200</sup> Selain daripada itu, ia juga digunakan untuk menebas tetapi hanya terbatas untuk menebas ranting, dahan anak kayu atau akar yang berjuntai merintangi lorong.<sup>201</sup>

#### **v) PEDANG**

Pedang merupakan senjata yang panjang bilahnya dan biasanya tirus di hujungnya dan tajam.<sup>202</sup> Terdiri dari pelbagai jenis termasuklah pedang jenawi, pedang cembul, pedang ekor pari, pedang lurus atau serunai, pedang bertupai, pedang rajawali

<sup>199</sup> Hanizah bt Jonoh, *et al.* (1997), *Op.cit*, hlmn 29

<sup>200</sup> Zakaria Abdullah (2007), *Op.cit*, hlmn 18

<sup>201</sup> Yusman Ayob, Roslan Abd Malek (1995), *Op.cit*, hlmn 39

<sup>202</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1157

dan sebagainya. Menurut sejarah, pedang tidak dapat dikenalpasti berasal daripada mana, namun dipercayai kebanyakannya berasal dari Kepulauan Melayu, Pulau Sumatera dan Jawa, bahkan dikatakan berkembang seiring dengan ketamadunan bangsa.

Hakikatnya dalam rumpun Melayu terdapat juga pedang Portugis, Belanda, British dan Jepun yang ditinggalkan oleh mereka tatkala berlakunya zaman penjajahan. Walau bagaimanapun, senjata pedang yang bercirikan India dan Parsi juga turut banyak ditemui. Menurut Gardner, terdapat dua kategori pedang yang berunsurkan ciri seni pertukangan India yang menjadi inspirasi kepada orang Melayu untuk menghasilkan pedang, iaitu Pedang Chenangkas dan Shamsir.<sup>203</sup> Padanya terdapat sedikit perbezaan dari segi bentuknya iaitu “Pedang Chenangkas” berbentuk lurus dan memiliki mata yang sama tebal secara keseluruhannya, sebaliknya “Pedang Shamsir” pula berbentuk melengkung dan memberi potongan yang sangat kuat.

### **Fungsi Pedang**

Pedang merupakan senjata yang begitu popular dan menjadi amat penting di kalangan masyarakat Melayu dahulu kala. Hakikatnya pedang bukan hanya khusus digunakan oleh orang Melayu sahaja, akan tetapi ia turut digunakan oleh semua bangsa di dunia. Bagaimanapun pedang orang Melayu boleh dikenali pada seni hulu dan sarungnya yang melengkung, ringan dan mempunyai satu mata, bahkan sudah semestinya para pejuang Islam pada dulunya amat memerlukan kepada jenis pedang sedemikian ketika berperang kerana ia menepati kehendak para pejuang ketika itu.<sup>204</sup> Begitu juga dengan pedang yang wujud di negara lain, ia dapat dikenalpasti dari segi bentuk rupa hulu dan sarungnya yang mengikut budaya tersendiri, umpamanya seperti

---

<sup>203</sup> G.B. Gardner (1936), *Op.cit*, hlmn 23

<sup>204</sup> Unsel Yucel (1993), *Pedang- Pedang Islam dan Tukangnya*, (terj) Usman Khalid, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn xii

pedang Cina, Timur Tengah, Eropah dan sebagainya yang boleh dilihat dan dikenali berdasarkan budayanya.<sup>205</sup> Oleh itu, setiap bangsa mempunyai hak untuk memiliki pedang tanpa dipertikaikan lagi.

Sejak dahulu lagi, pedang juga sering digunakan dengan begitu meluas sebagai alat untuk memancung, libasan atau tikaman, malah ia juga berperanan dalam perang, penyerangan dan untuk mempertahankan diri. Walau bagaimanapun, penggunaan pedang dalam masyarakat Melayu lebih umum digunakan sebagai alat kebesaran diraja dalam adat istiadat pertabalan sultan atau raja dan diwarisi secara turun-temurun.<sup>206</sup>

**c) SENJATA TEMPUR JARAK JAUH**

**i) ANAK PANAH DAN BUSAR**

Panah dan busar merupakan antara senjata yang paling primitif dan dari segi penggunaannya memang begitu meluas dengan tujuan untuk berburu terutamanya. Ia terdiri daripada anak panah dan ibu panah (busar). Senjata ini juga sering dikaitkan sebagai senjata tempur jarak jauh kerana mempunyai kekuatan dalam menikam mangsa dari jarak yang jauh dengan menggunakan cara atau kaedah yang tepat.

Menurut sejarah awal penggunaannya, busar dan anak panah ini telah digunakan sejak zaman pra sejarah lagi. Malah, ketika perang pada zaman Rasulullah dahulu ada dicatatkan juga penggunaan senjata ini oleh anggota ketenteraan Islam. Busar panah ketika itu diperbuat daripada kayu yang keras, lalu dibengkokkan dengan hanya

---

<sup>205</sup> Zakaria Abdullah (2007), *Op.cit*, hlmn 14

<sup>206</sup> *Ibid*, hlmn 14

menekannya sahaja. Kemudian, kedua-dua hujungnya diikat dengan menggunakan tali yang diperbuat daripada kulit.<sup>207</sup>

Di Nusantara pula, penggunaannya telah dapat dikesan sejak 50 tahun yang lalu khususnya oleh orang- orang asli di Malaysia dan masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak sebagai senjata perburuan. Di samping itu, penggunaan anak panah juga ada dikaitkan dengan pembukaan negeri Perak. Ceritanya bermula apabila seorang putera raja melancarkan sebilah anak panah perak (Indera Sakti). Lalu panah itu terjatuh ke atas sebuah pulau, maka pulau itu dinamakan Indera Sakti dan negeri di sekitarnya dinamakan Perak.<sup>208</sup>

## ii) **SUMPITAN**

Sumpitan adalah sejenis senjata berburu yang digunakan oleh masyarakat peribumi di Kepulauan Borneo dan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang digunakan untuk berburu burung dan binatang seperti lotong, pelanduk. Selain daripada itu, ia juga digunakan untuk membunuh mangsa dari jarak yang agak jauh. Hakikatnya, terdapat perbezaan di antara sumpitan di Kepulauan Borneo dan Semenanjung, iaitu sumpitan orang asli Semenanjung menggunakan buluh, manakala peribumi Borneo menggunakan kayu.

Kebiasaanannya panjang sumpitan antara 6 hingga 8 kaki. Ia diperbuat daripada buluh yang lurus dan beruas panjang. Lazimnya, batang sumpit diukir dengan motif tradisional seperti pucuk rebung atau geometri yang mempamerkan kesenian orang asli. Sementara damak sumpitan pula biasanya diperbuat daripada buluh dan disapukan getah

---

<sup>207</sup> Subhi al-Saleh, (1986), *Op.cit*, hlmn 74

<sup>208</sup> "Misteri dan Kesaktian". Pameran Senjata Tradisional. Kuala Lumpur : Muzium Negara. (20 Februari 2009)

ipoh sebagai racun.<sup>209</sup> Hakikatnya, mata damak kecil dan ringan, ia juga dilengkapi empulur iaitu penyumbat dihulu sumpit yang membolehkan anak damak dimasukkan ke dalam batang sumpit. Seterusnya, pada bahagian hujung damak akan dicelupkan dengan racun getah ipoh yang boleh mengakibatkan kematian. Biarpun demikian, terdapat juga jenis sumpit yang dipasangkan besi tajam di bahagian hujung supaya dapat digunakan sebagai lembing.<sup>210</sup>

**iv) BALING- BALING**

Baling-baling merupakan sejenis senjata besi yang diikat berantai dan di hujungnya mempunyai mata besi yang runcing dan tajam. Ia dikatakan berasal dari China dan digunakan oleh pahlawan ketika di medan perang. Senjata ini akan dipusing dengan kuat sebelum dibaling. Memerlukan kepada seseorang yang berbadan tegap dan kuat untuk membalingnya agar boleh dibaling dengan jauh kerana senjata ini agak kuat.

**c) SENJATA API**

**i) SENAPANG**

Senapang merupakan sejenis senjata yang berlaras dan berpeluru, tetapi lebih besar dan panjang daripada pistol dan lebih kecil serta pendek dari meriam.<sup>211</sup> Ia terdiri dari pelbagai jenis yang lazimnya diimport dari luar negara dan diguna pakai oleh orang Melayu seperti senapang batu, senapang kembar, senapang perdiul, senapang kepok, senapang kulai, senapang terakul, senapang bedil pemuras atau mulut berkecubong dan

---

<sup>209</sup> *Ibid.*

<sup>210</sup> Mohd Zainudin Hj Abdullah ,Mohd Shahrim Senik (2007), *Op.cit*, hlmn 160

<sup>211</sup> Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1444.

bedil istinggar.<sup>212</sup> Kebiasaannya orang Melayu hanya membuat larasnya sahaja dengan menggunakan batang besi atau dengan melubangi besi tersebut.

Kebanyakkan model senapang yang ada menyerupai jenis-jenis senapang dari Eropah sebelum tahun 1600. Peterum (*cartridges*) dibuat dari pelbagai bahan buluh. Penggalah atau kulit bedil (*powder flasks*) pula diperbuat daripada biji-bijian besar, labu kecil dan juga dari elemen susu getah seperti getah perca. Serbuk senapang dihasilkan dari banyak tempat, antaranya di Minangkabau. Serbuk-serbuk ini diperbuat daripada belerang, mitre, arang dan nitrat yang dijumpai dalam gua-gua, akan tetapi kebanyakannya diperolehi dari tahi lembu. Manakala belerang pula didapati dari gunung-gunung berapi.<sup>213</sup>

## ii) PISTOL

Pistol merupakan senjata api yang boleh ditembak dengan hanya menggunakan sebelah tangan sahaja. Menurut Kamus Dewan, pistol adalah senjata api yang berlaras pendek dan kecil.<sup>214</sup> Istilah pistol mula digunakan untuk membezakan senjata api yang dipegang pada abad ke 18. Pada abad ke 15, pistol dulunya dikenali sebagai sebilah pisau kecil yang mampu disembunyikan di dalam pakaian.

Pistol terdiri daripada beberapa jenis, antaranya seperti *Revolver*, *Flintlock*, pistol automatik dan pistol mesin. Pistol jenis *Revolver* adalah sejenis senjata api yang menggunakan kebuk atau silinder peluru yang berputar mengikut lawan pusingan jam atau sebaliknya. Penggunaannya lebih mudah dan ada kalanya lebih pantas jika dibandingkan dengan pistol automatik. Sementara, pistol automatik ialah pistol yang memiliki laras dan menggunakan kurung peluru yang digabungkan dengan laras.<sup>215</sup>

<sup>212</sup> *Istinggar* ialah sejenis senapang kuno, bunyinya seperti kacang direndang.

<sup>213</sup> Gardner, G.B. (1936), *op.cit*, hlmn 18

<sup>214</sup> *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), *Op.cit*, hlmn 1216

<sup>215</sup> *Pistol*, <http://merriam-webster.com>- 10 Mac 2009.

Pistol ini menggantikan *revolver* yang lazimnya akan digunakan oleh tentera dan polis pada zaman moden. Ia juga memiliki kapasiti peluru yang besar hingga 20 butir pada saiz-saiz tertentu.

Bagi pistol jenis *Flintlock* pula, ia telah diperkenalkan sejak abad ke 16 lagi. Sistemnya bersifat sederhana, apabila pengetuk menghentamkannya, maka percikkan api akan muncul dan gas akan menolak bebola peluru. Berbeza dengan jenis pistol mesin yang memiliki kemampuan menembak secara semburan penuh. Walau bagaimanapun, jenis pistol ini sukar untuk dikawal dan mempunyai kurang daya ketepatan.

### iii) MERIAM

Apabila kita menyentuh soal peperangan, apa yang tergambar dalam fikiran manusia ialah penglibatan dalam penggunaan alat-alat senjata umpamanya seperti meriam. Meriam menurut Kamus Dewan bermaksud senjata api yang lebih besar daripada senapang.<sup>216</sup> Kebiasaannya juga, perkataan meriam dan bedil itu merujuk kepada sejenis alat senjata dalam seni peperangan yang seiring digunakan secara silih berganti, kadangkala kedua-duanya digunakan dalam satu ayat bagi menggambarkan sesuatu peristiwa. Sebenarnya, meriam dan bedil adalah dari satu jenis yang sama, akan tetapi terdapat beberapa ciri-ciri khas yang membezakan antara keduanya.

Meriam berasal dari perkataan *Mary* yang merupakan nama timangan untuk selaras meriam terkenal yang digunakan oleh orang Eropah apabila datang untuk menjajah orang Timur.<sup>217</sup> Senjata ini menggunakan peluru seberat enam paun atau lebih yang diperbuat daripada besi atau batu. Malah, mempunyai ragam hias yang

---

<sup>216</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1025

<sup>217</sup> Yusman Ayob, Roslan Abd Malek (1995), *Op.cit*, hlmn 30

menyerupai sepasang ikan lumba-lumba yang dipercayai telah ditiru dari model meriam Belanda dan Sepanyol yang diletakkan di sebelah atas belantan meriam. Ia juga berfungsi bagi tujuan memudahkan untuk mengangkatnya ke dalam kapal ataupun ke kubu.

### **Jenis-Jenis Meriam**

Meriam adalah antara alat senjata yang sering digunakan sehingga ke hari ini. Meskipun zaman ketika mana ia digunakan telah lama dan begitu jauh ditinggalkan oleh masa, namun ia masih lagi disimpan di muzium-muzium sebagai warisan sejarah atau hanya menjadi hiasan di rumah orang kenamaan atau kota-kota bersejarah. Ternyata dalam sejarah dan kebudayaan Melayu Nusantara, meriam dapat dipecahkan kepada 4 kategori yang utama iaitu meriam besi, lela, rentaka dan ekor lotong.

### **LELA**

Lela merupakan sejenis senjata meriam yang kecil dan mempunyai bentuk yang panjang dalam ukurannya lebih kurang 100 cm. Saiznya yang kecil membolehkan ia mudah untuk dibawa ke mana- mana, malah meriam lela ini mampu meledakkan pelurunya sehauh 400 m.

Namanya “Lela” diambil daripada judul sebuah cerita klasik “Laila Majnun”. Namun demikian, nama ini hanya diberikan kepada senjata yang berlaras panjang. Manakala senjata yang berlaras pendek dikenali sebagai tomong. Senjata ini digunakan pada perahu-perahu besar semasa bertempur dan kebiasaannya ditempatkan pada sudut kubu dan di dinding kubu kerana gara-gara meniru cara penggunaan oleh orang Eropah

lama.<sup>218</sup> Lazimnya ia diperbuat daripada besi dan tembaga, bahkan pada bahagian badannya akan dihiasi dengan pelbagai motif seperti awan larat, pucuk rebung, sulur kacang dan motif haiwan seperti buaya, katak dan sebagainya.

## **RENTAKA**

Rentaka juga merupakan adik-beradik kepada senjata meriam, ia bersifat lebih kecil lagi berbanding lela. Biasanya diperbuat daripada besi. Ia mudah dibawa ke mana-mana kerana saiznya yang ringan, dengan cara mengangkat bahagian pemegangnya yang berupa motif yang ditimbulkan pada tangan batang rentaka. Bentuk rentaka lazimnya lebih mudah dan ringkas kerana tidak mempunyai banyak motif menarik yang diperlihatkan melainkan sedikit ukiran sekitar pemegang di tengah badannya.<sup>219</sup>

## **EKOR LOTONG**

Terdapat sejenis lagi meriam yang dikenali sebagai ekor lotong, ia mempunyai saiz yang hampir serupa dengan lela tetapi terdapat sedikit perbezaan dari segi bentuk dekorasi yang terdapat padanya. Ia mudah dikenali kerana terdapat unjuran pada bahagian buntut meriam yang dibuat seolah-olah seperti ekor haiwan lotong. Terdapat juga pelbagai bentuk meriam ekor lotong, sama ada yang berbentuk lurus seperti lela, rentaka dan tidak kurang pula ada yang berbentuk membulat di bahagian belakang seperti meriam besi. Manakala, hiasan pada badannya menyerupai seperti yang terdapat pada lela dan dekorasinya agak menarik dengan hiasan dari bentuk- bentuk geometrik (moden) dan terdapat sedikit kerawang Melayu (tradisional) yang menghiasi badannya.<sup>220</sup>

---

<sup>218</sup> *Ibid*, hlmn 3

<sup>219</sup> Mohd Zainudin Hj Abdullah, Mohd Shahrim Senik (2007), *Op.cit*, hlmn 163

<sup>220</sup> *Ibid*, hlmn 165

## **MERIAM BESI**

Meriam besi pula merupakan sejenis meriam yang berasal dari perkataan ‘*Mary*’. Meriam besi jarang mempunyai hiasan, jika ada sekalipun bentuknya lebih ringkas. Ia berupa seperti ikan lumba-lumba, kuda laut ataupun berbentuk kelopak daun yang diremai telinga. Meriam besi lazimnya berfungsi untuk memudahkan penggunanya, sama ada dialihkan ke dalam kapal ataupun ke kubu-kubu pertahanan.

Dalam sejarah telah terbukti tentang kepintaran masyarakat Melayu pada zaman lampau dalam menghasilkan sejenis alat daripada logam yang dikenali dengan *Gendang Dong-so'n* yang mewakili Zaman Logam. Ternyata kemampuan ini telah dikaitkan dengan kemahiran dalam mencipta meriam. Desakan daripada penggunaan bahan-bahan logam, maka dipercayai telah banyak peralatan yang dihasilkan untuk digunakan dalam keperluan harian dan daripada sini juga telah timbulnya kepandaian orang Melayu zaman dahulu dalam membuat senjata seperti meriam.

Menurut sekalian para pengkaji, meriam Melayu dipercayai berasal dari Jawa, Brunei, Minangkabau dan Aceh. Namun selepas itu Terengganu dan Johor dipercayai telah berjaya mengeluarkan meriam yang bermutu tinggi.<sup>221</sup> Sementara, Linehan pula mengatakan pada tahun 1600 M, Pahang merupakan negeri yang paling terbaik menghasilkan meriam.<sup>222</sup>

Menjelang akhir abad ke 19 M, cara dan teknologi pembuatan meriam mula mengalami perubahan dan mencapai kemajuan yang pesat. Kaedah penggunaannya juga semakin jauh berubah, tidak sebagaimana bedil-bedil lama yang digunakan selama

---

<sup>221</sup> Yusman Ayob, Roslan Abd Malek (1995), *Op.cit*, hlmn 30

<sup>222</sup> Linehan, W., (1936), *History of Pahang*, Jilid 14, bhg. 2, JMBRAS, hlmn 50

beberapa abad yang lalu, ia tidak mencapai kemajuan dari aspek teknologi persenjataan. Pada waktu yang sama, para penjajah Inggeris telah mencampuri hal-hal pentadbiran di Semenanjung Melayu namun ia telah ditentang oleh orang-orang Melayu. Ketika itu orang Melayu yang han1`ya menggunakan meriam-meriam kecil lama mula tertewas dengan senjata-senjata canggih yang digunakan oleh Barat. Maka berakhirnya abad ke 19 M, sekali gus telah menamatkan juga sejarah penggunaan meriam lama buatan Barat dan bedil-bedil lama buatan Melayu jenis lela, rentaka, ekor lotong dengan penggunaan peluru besinya atau batu.

## ii. **SENJATA DEFENSIF**

Setiap kali untuk menghadapi perang, perkara utama yang perlu dilihat, antaranya adalah keperluan senjata. Ini kerana ia menjadi pelengkap bagi setiap pejuang untuk menewaskan musuh dan sebagai alat pertahanan diri bagi setiap individu. Selain memiliki senjata berbentuk ofensif dalam pertempuran, senjata jenis defensif juga diperlukan. Senjata ini lebih sinonim kepada senjata yang bersifat pertahanan dan perlindungan diri. Antaranya terdiri daripada perisai, topi besi, pelindung leher, sarung menembak dan pakaian pelindung bahan termasuk baju atau seluar besi.

Alat senjata yang berbentuk sedemikian amat diperlukan ketika berperang supaya bentuk pertahanan menjadi lebih agresif dan difensif. Malah sebagai salah satu cara untuk melindungi diri terutamanya apabila berlakunya kemaraan tentera di dalam perang. Sebagai makluman, maklumat berkaitan dengan senjata defensif sukar diperolehi. Oleh yang demikian, penyelidik akan menjelaskan secara umum dan ringkas berkaitan dengan jenis-jenis senjata berbentuk pertahanan.

## **Jenis-Jenis Senjata Defensif**

### **i) Baju zirah**

Baju zirah adalah pakaian seragam yang digunakan dengan tujuan untuk memberi perlindungan terhadap serangan senjata ketika dalam pertempuran khasnya. Penggunaannya telah dikenal pasti sejak sebelum Islam lagi. Lazimnya, baju zirah ini akan digandingkan bersama-sama dengan penggunaan perisai, pelindung kepala<sup>223</sup>, panah sebagai pelengkap untuk mempertahankan diri ketika berperang.

Tamadun awal dunia telah memperlihatkan penggunaan baju zirah apabila pada zaman tamadun India, organisasi ketenteraannya telah menggunakan rantai besi, baju besi, topi pelindung sebagai senjata defensif yang merupakan sebahagian daripada peralatan perang ketika menghadapi peperangan. Begitu juga pada zaman Rasulullah s.a.w sendiri, kebiasaannya setiap daripada peperangan yang dihadapi ketika itu mereka akan menggunakan baju besi sebagai senjata pertahanan. Misalnya dalam perang Hunain, Rasulullah pernah meminjam baju besi dari Safwan ibn Umayyah dengan menukar sebahagian daripada alat senjatanya untuk melindungi para sahabat. Terdapat pelbagai jenis baju besi ketika itu, yang umumnya dikenali sebagai ‘*Sabigha*’ dan ‘*Batra*’, ia selesa digunakan oleh pasukan askar berkuda.<sup>224</sup> Antara jenis lain ialah *Zardiyyat Sabila, Jawshan, Jahaz Aynah* dan sebagainya.

Sementara di Nusantara pula, penggunaan baju zirah tidak begitu menggalakkan kerana kekurangan besi di sekitar daerahnya. Oleh yang demikian, perisai atau keris

---

<sup>223</sup> Pelindung kepala (helmet) dalam bahasa Arab dikenali sebagai ‘*Bayda*’ yang bermaksud sebiji telur. Lihat rujukan, (1991) *Weapons of the Islamic World : Swords and Armour*, Riyadh Saudi Arabia : King Faisal Foundation Center, hlmn 32

<sup>224</sup> *Ibid*, hlmn 34

lebih mendapat perhatian untuk digunakan dalam pertempuran. Walau bagaimanapun, penciptaannya mula kelihatan jelas apabila baju zirah mula diperbuat daripada logam yang dibentuk sesuai dengan tubuh badan dan memerlukan kepada kepingan logam yang sangat banyak sehingga menjadikan kulitnya semakin menebal dengan besi. Oleh yang demikian, baju zirah sehingga kini dikenali sebagai baju besi dengan jalinan rantai-rantai besi. Namun demikian, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa baju zirah bukan sekadar dibuat mengikut ketebalannya sahaja akan tetapi diperbuat daripada beberapa lapisan kain linen yang direndam untuk mendapatkan sepasang kain yang keras dan tebal. Kemudian diselitkan dengan jalinan rantai untuk mendapatkan hasil yang lebih fleksibel. Rantai besi ini diperbuat daripada gabungan cincin-cincin besi yang disambungkan sehingga menjadi baju zirah.<sup>225</sup>

Seterusnya, terdapat juga baju zirah yang diperbuat daripada potongan logam yang berbentuk segi empat atau segi lima. Lalu dijahit secara bertindih di antara satu sama lain sehingga kelihatan seperti bersisik. Baju jenis ini sering mendapat perhatian terutamanya pada zaman Romawi kerana baju tersebut menawarkan perlindungan yang amat baik terhadap serangan senjata tumpul.

Di samping itu terdapat juga jenis baju zirah yang dibentuk menyerupai otot dada dan perut, dimana ia juga dikenali dengan nama baju zirah Yunani Klasik. Selain itu, terdapat juga baju lain yang dikenali sebagai “*Lorica Segmentata*”. Ia terdiri daripada kepingan logam yang panjang untuk menutupi dada, perut dan bahu. Lazimnya jenis baju zirah ini digunakan oleh ketua tertinggi dan bangsawan Yunani dan Romawi sebagai perlindungan diri.<sup>226</sup>

---

<sup>225</sup> Baju Zirah, <http://id.wikipedia.org> - 22 mac 2010

<sup>226</sup> *Ibid*

Dipercuryai juga bahawa baju ini telah diperbuat dari kepingan besi yang lurus. Dimana, baju besi ini mempunyai dua bentuk<sup>227</sup> yang terdiri daripada jenis yang labuh, iaitu yang menutupi seluruh badan hingga ke kaki, bahkan disertakan dengan penutup muka dan pelindung kepala (topi pelindung). Sementara jenis yang kedua pula terdiri daripada jenis yang singkat, iaitu tidak mempunyai lengan dan panjangnya pula hanya sampai paras lutut sahaja.

## ii) Perisai

Perisai merupakan salah satu daripada jenis senjata pertahanan yang digunakan ketika berlaku serangan daripada sebarang senjata. Ia juga dikenali dengan nama lain, iaitu penyangga. Cara menggunakan perisai adalah dengan menggunakan tangan sebelah kiri, sementara tangan sebelah kanan pula untuk memegang serta menghayun senjata lain. Lazimnya perisai akan digunakan bersama-sama dengan senjata jenis panjang, seperti pedang, parang dan sebagainya. Perisai mempunyai fungsi yang pelbagai, antaranya sebagai alat perlindungan dan pertahanan diri ketika menghadapi serangan daripada pihak musuh. Bahkan perisai juga sering digunakan untuk menahan diri dari ancaman pelbagai senjata tajam terutamanya tombak dan pedang.

Perisai berasal daripada barat, kemudian diambil dan dibawa masuk ke Nusantara secara langsung. Sesetengah pendapat ada mengatakan bahawa perisai dibawa masuk ke Nusantara oleh para saudagar dan pengembara atau melalui para penjajah ke alam Melayu. Peredaran zaman dan perubahan tempat telah menjadikan perisai diubahsuai mengikut kehendak masyarakat tempatan ketika itu. Perisai masyarakat Melayu berbentuk bulat, bersaiz kecil dan mempunyai garis pusatnya yang

---

<sup>227</sup> Subhi al-saleh (1986), *Op.cit*, hlmn 69

berukuran lebih kurang 11 inci. Kebanyakkannya bahan-bahan yang digunakan untuk mencipta perisai bersifat lebih ringan dan nipis, dan ia diperbuat daripada bahan seperti kayu, kulit, logam dan rotan.<sup>228</sup>

## Kesimpulan

Hakikatnya peperangan masih menjadi agenda utama dalam kehidupan seharian, bahkan ramai yang tidak menginginkannya ia sering kali berlaku. Namun walau bagaimanapun ia telah menjadi lumrah alam sejak azali lagi. Dalam peperangan, pihak yang terlibat pasti akan sentiasa berusaha untuk menundukkan lawannya dengan mencipta pelbagai peralatan senjata yang canggih, misalnya seperti meriam, senapang, keris, tombak dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa peralatan senjata dan kepelbagaiannya jenis perkапalan menjadi satu elemen yang penting untuk menjadikan sesebuah peperangan itu berjalan dengan lancar.

Istimewanya fungsi dan peranan alat kelengkapan perang tersebut sebenarnya bukan sekadar untuk mempertahankan diri dan negara sahaja. Bahkan dapat membantu meningkatkan sumber ekonomi negara melalui daya cipta manusia yang mencipta alat tersebut. Malah, ia juga dapat mengeratkan hubungan dengan pihak lain melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan dengan menjadikan senjata dan perkапalan tersebut sebagai barang dagangan. Sekaligus menjadi lambang kemakmuran dan keamanan sesebuah negara.

Begitulah demikian peranan senjata dalam sejarah dan Kebudayaan Melayu. Dulu menjadi tunjang, tapi kini samar sekali kedengaran dentumannya bahkan kebanyakkannya hanya menghiasi perkarangan-perkarangan istana, kubu-kubu

---

<sup>228</sup> Hanizah Jonoh, *et.al.*, (1997), *Op.cit*, hlmn 37

pertahanan, menjadi koleksi muzium dan sebagainya. Bilangannya juga kian berkurangan, umpamanya meriam kerana ada di antaranya yang dileburkan dan banyak pula daripadanya yang mengalami kereputan kerana dibiarkan sekian lama dengan begitu sahaja. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah diambil terhadap senjata khasnya untuk memeliharanya dengan rapi, tertib dan menjadikannya sebahagian daripada koleksi muzium lambang warisan kegembilangan purba kala.

### **3.5.2 Perkapalan**

Masyarakat Melayu hakikatnya merupakan pelayar yang sangat handal sesuai dengan bentuk muka bumi yang didiami oleh mereka. Jenis perkapalan, pelayaran seperti perahu, sampan terutamanya banyak dihasilkan oleh orang Melayu dengan ciri-ciri yang unik mengikut kepelbagaian fungsinya. Hakikatnya penciptaan teknologi perkapalan ini memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia, antaranya untuk berdagang, menjalankan hubungan diplomatik, perluasan kuasa melalui jalan peperangan terutamanya. Oleh sebab itu, penyelidik akan menerangkan secara ringkas berkaitan dengan sejarah penciptaan teknologi perkapalan, ciri-ciri, serta jenis-jenis perahu, sampan yang digunakan oleh orang Melayu, Bugis, pihak Inggeris dalam siri peperangan yang nyata wujud, khususnya dalam *Tuhfat al-Nafis*.

#### **Sejarah Perkapalan.**

Kapal merupakan salah satu daripada pelbagai kemudahan, teknologi yang sedia ada untuk digunakan dalam pelbagai bidang, khasnya dalam aspek perdagangan untuk mengangkat muatan, menangkap ikan, melanun dan turut digunakan ketika berperang. Melihat kepada sejarah, sejak abad pertama lagi kapal telah banyak digunakan di jalan

laut yang merupakan jalan yang sering digunakan untuk ke pelabuhan di Nusantara. Malah, menurut sumber China pula ada tercatat tentang kehadiran kapal-kapal Melayu (Kun-lun po/bo)<sup>229</sup> di pelabuhan tenggara China pada abad pertama.<sup>230</sup> Didapati ketika itu, kapal tersebut telah membawa sekumpulan Buddha dalam perjalanan ke Srivijaya dan India. Di samping itu, kapal-kapal itu juga dikatakan terdiri daripada saiz yang besar sehingga mampu membawa kargo seberat antara 250 hingga 1000 tan dan penumpang seramai 600-700 orang.

Pada abad ke 18 pula, telah kelihatan pelbagai jenis perahu dan kapal digunakan dalam aktiviti perdagangan. Pada masa itu, perahu tempatan yang sebahagian besarnya merupakan perahu kecil yang jarang sekali membawa lebih 20 anak perahu begitu penting peranannya. Perahu-perahu inilah yang banyak memainkan peranan untuk membekalkan barang dagangan ke pelabuhan *core*<sup>231</sup> yang merupakan pusat kegiatan ekonomi seperti Melaka. Sesungguhnya, pada abad ini telah dilabelkan sebagai zaman pancaroba bagi negeri-negeri Melayu, pelbagai ancaman yang telah dialami dikalangan mereka seperti berlakunya perang saudara, pemberontakan, ancaman dari luar seperti lanun, rompakan dan sebagainya. Hal ini telah memberi kesan yang begitu mendukacitakan sehingga menyebabkan negeri Melayu mengalami masalah dan tidak mempunyai kerajaan yang stabil pada ketika itu. Misalnya di Johor selepas Sultan Mahmud mangkat telah berlaku pergolakan, campur tangan orang Minangkabau di Johor Riau dan juga Bugis sewaktu Raja Kecil cuba ingin menuntut takhta kerajaan

---

<sup>229</sup> Kun Lun bo/ po merupakan sebuah kapal laut yang bersaiz besar dan sangat laju. Dipercayai bahawa kapal tersebut mampu menampung seramai lebih daripada 1000 orang , selain daripada kargo. Terdiri daripada kapal yang tidak mempunyai sebarang besi yang digunakan untuk mengikat komponen tertentu, mempunyai beberapa lapisan papan. Kemudian dipasangkan tiang yang tinggi beserta layarnya supaya mudah bergerak ditiup angina. Ini kerana kapal tersebut tidak mampu digerakkan dengan kekuatan tenaga manusia. Lihat *Tamadun Melayu*, jilid 1, (1993), hlmn 179

<sup>230</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn 2

<sup>231</sup> Core merupakan sebuah pusat kegiatan ekonomi- sebuah tempat pengumpulan modal- sebuah tempat perdagangan dapat diasaskan- pusat jaringan pengangkutan dan sebagainya. Lihat W. Kirk (1990), “*South East Asia in the Colonial Period ; Cores and Peripheries in Development Processes*”, dlm Denis Dwyer, *South East Asia Development: Geographical Perspective*, New York : Longman Scientific and Technical, hlmn 15

Johor.<sup>232</sup> Biarpun demikian, kadar penggunaan perkapan dalam aktiviti peperangan dan juga perdagangan semakin meningkat di Selat Melaka sehingga pada abad ke 19. Walau bagaimanapun hal tersebut hanya sementara terutamanya apabila termeterainya perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 M.<sup>233</sup>

Justeru itu, kapal-kapal orang Melayu yang didapati pada abad itu lazimnya bersaiz kecil, bahkan muatan yang dibawa tidak melebihi 20 tan, berbeza sama sekali dengan kapal-kapal yang ada dicatatkan dalam sumber sejarah China. Kapal tersebut memiliki bentuk dan saiz yang agak besar dan terdiri daripada lima hingga sepuluh awak kapal, malah berupaya membawa antara 600- 1000 orang dalam sebuah kapal.<sup>234</sup> Terdapat perbezaan yang begitu ketara dari segi saiz kapal, misalnya seperti pencalang, padowakang<sup>235</sup> kerana ia mampu membawa awak kapal antara 20 hingga 30 orang. Sungguhpun demikian, penglibatan jong dalam perkapan dan perdagangan telah kelihatan pada abad tersebut dan kebanyakannya jong yang dibina adalah bersaiz besar, sehingga mampu membawa 1000 orang dan 1000 tan muatan.

A. Reid ada menjelaskan bahawa bentuk kapal orang Melayu yang wujud pada abad ke 17-18 adalah bersaiz kecil, bahkan mempunyai lunas jenis lesung yang sama seperti kapal-kapal yang lain. Tambahan itu, kulit (badan) kapal itu akan dibina dengan pasak kayu, dimana papannya akan dicantumkan kepada lunas dan disusun secara bertingkat-tingkat. Tidak ada penggunaan paku besi atau bingkai padanya. Selain itu, bentuk buritan dan haluannya juga sama iaitu menajam.<sup>236</sup> Dikatakan juga perahu jenis ini banyak digunakan dalam peperangan di Johor. Selain itu, jenis perahu ketika itu juga

<sup>232</sup> Matlob, Zam Ismail, (2002), *Imbasan Peristiwa Bersejarah Johor*, Johor : Yayasan Warisan Johor, hlmn 38

<sup>233</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn xxi

<sup>234</sup> *Ibid*, hlmn 13

<sup>235</sup> Padowakang merupakan sejenis kapal Bugis yang terkenal di Selat Melaka dan ia sering digunakan oleh orang Melayu.

<sup>236</sup> Ahmad Jelani Halimi (2006), *Op.cit*, hlmn 157

hampir kesemuanya menggunakan dua batang kemudi yang berbentuk dayung serta menggunakan layar berbentuk segi empat bujur (layar tanjung).

Di samping berperanan dalam aspek perdagangan dan digunakan dalam kehidupan seharian untuk mengangkut dan mendagangkan hasil tempatan serta mengagihkan barang yang diimport melalui pelabuhan tertentu, segala jenis kapal dan juga perahu turut digunakan dalam peperangan sebagai sebahagian daripada alat kelengkapan ketika berperang. Pada abad ke 18, hampir semua negeri Melayu mengalami peperangan, misalnya di Acheh, Johor, Selangor, Kedah, Siak dan sebagainya. Bahkan, situasi ini juga telah menjadi bertambah buruk apabila ada campur tangan dari pihak Barat. Implikasi dari peperangan tersebut telah mengundang pembaziran bagi sesebuah negara. Ini kerana wang yang sepatutnya digunakan untuk meningkatkan bidang perkapalan dan perdagangan telah digunakan sebagai modal untuk membeli alat kelengkapan perang, terutamanya alat senjata dan kapal.<sup>237</sup> Manakala dari sudut keuntungan pula dapat diperolehi melalui penciptaan dan dari hasil jualannya untuk membawa muatan dan senjata ketika berperang. Hal ini sekaligus, dapat meningkatkan sumber ekonomi dan kemakmuran bagi sesebuah negeri.

### **Jenis-Jenis Perkapalan**

Kapal merupakan bahtera atau perahu besar yang mempunyai geladak.<sup>238</sup> terdapat pelbagai jenis kapal dan perahu yang dicipta dan digunakan oleh orang Melayu pada abad ke 17 dan 18 M. Hakikatnya kapal-kapal Melayu yang wujud pada abad tersebut kelihatan lebih kecil dan beratnya tidak melebihi 20 tan. Kebiasaannya juga, kapal-kapal ini hanya membawa antara lima hingga sepuluh awak kapal, berbeza sama

---

<sup>237</sup> *Ibid.* hlmn 268

<sup>238</sup> Kamus Dewan, edisi Keempat, (2007), *Op.cit*, hlmn 672

sekali dengan kapal yang besaiz besar yang mempunyai antara 20 hingga 30 orang anak kapal.

Sesungguhnya perahu orang Melayu begitu terkenal dengan kepelbagaiannya jenis dan rupa bentuknya, terutamanya pada abad ke 18 M. Antara nama jenis perahu orang Melayu yang terkenal adalah seperti perahu, sampan, gurab, balang, jalur<sup>239</sup> dan kelulus. Manakala kapal, jong dan bahtera antara perahu orang Melayu yang terbesar. Perahu cialup, baluk dan banting pula antara perahu yang terkenal pada abad ke 18 M sebagai kapal dagang. Sementara kakap, lancing dan penjajab, baluk terkenal sebagai kapal perang pada ketika itu.<sup>240</sup> Hal ini kerana kebanyakkan perahu dagang orang Melayu pada abad ke 18-19 M ada dilengkapi dengan pelbagai senjata seperti meriam dan lela.

Di samping itu juga, telah wujud jenis perahu Melayu yang diubahsuai mengikut model barat, antaranya seperti kici, sekoci, *bark*, *slup*, *brigantin* dan *scheepje*. Meskipun pada ketika itu terdapat kapal model barat yang dinakhodai oleh nakhoda Melayu. Sesungguhnya, jenis-jenis kapal ini dapat dilihat perbezaannya dari segi saiz, bentuk, rangka dan fungsinya, bukan pada tiangnya, tali-temali atau layarnya.

#### a. Perahu Haluan Katop

Perahu haluan katop yang lazimnya diperbuat daripada kayu cengal, merupakan sebuah perahu yang seakan-akan menyerupai perahu setok, akan tetapi saiznya lebih besar. Ia digunakan untuk membawa muatan barang-barang dari suatu tempat ke suatu tempat, ibarat seperti menjalankan aktiviti perdagangan. Di samping itu, perahu ini juga menjadi alat pengangkutan air yang terpenting di kuala sungai atau di kawasan pesisiran

<sup>239</sup> Jalur, dipercayai adalah sejenis perahu yang terawal dibuat di kalangan masyarakat Melayu. Diperbuat daripada sebatang kayu yang dibelah dua, dikorek pada bahagian tengahnya dan dibentuk seperti perahu.

<sup>240</sup> Ibid, hlmn 158

pantai, malah ia sering digunakan pada musim banjir.<sup>241</sup> Perahu ini memiliki saiz berukuran 12 kaki panjang dan empat kaki lebar serta dua kaki tinggi. Tambahan itu, permukaan dibahagian perutnya lebih besar dan lebar, sementara haluan dan buritannya adalah curam.<sup>242</sup> Seterusnya pada bahagian linggi pula lazimnya akan dipasang setelah perahu hampir siap dibina.

### b. Perahu Sekoci

Istilah sekoci berasal dari bahasa Belanda iaitu “*schuitje*” yang bermaksud perahu kecil. Namun pada abad ke 19, perahu sekoci dibina mengikut *western style* dan ukuran saiznya lebih besar, malah ukuran panjangnya antara 9m hingga 12m.<sup>243</sup> Sementara lebar bukaan di bahagian tengahnya antara 0.5m hingga 1.5m. Selain itu, sekoci juga memiliki buritan kapalnya yang tersendiri dan di bahagian belakangnya pula akan dipasangkan kemudi. Pada bentuk haluan kepalanya, biasanya dibina secara tegak<sup>244</sup> dan kepala linggi pula biasanya akan dilepaskan sedikit dari birai butirnya setinggi 23cm hingga 25cm. Sekoci juga dikatakan terdiri daripada sekoci bentuk kepala pendek, sekoci kepala panjang dan sekoci buatan barat.

Di kalangan masyarakat Melayu, khasnya para nelayan sering menggunakan perahu ini untuk mencandat sotong dan menangkap ikan di kawasan persisiran pantai. Malah, ia sering digunakan dikawasan laut yang luas kerana sekoci mampu menahan daripada ledakan ombak dan gelombang ketika mengharungi lautan. Ini kerana pada bahagian bawahnya mempunyai bentuk asas yang berbentuk V dan mempunyai haluan

<sup>241</sup> Rozaini Jusoh, (2002), *Op.cit*, hlmn 29

<sup>242</sup> Khamis Hj. Abas, (2004), *Melaka dalam Dunia Maritim*, Malaca: Malaca Museum Corporation, hlmn 67

<sup>243</sup> Adrian Horridge, (1981), *op.cit*, hlmn 59

<sup>244</sup> *Ibid*, hlmn 59

yang tajam (tirus).<sup>245</sup> Disamping itu, perahu ini juga digunakan sebagai kenderaan di air, menangkap ikan disungai, menyeberangi sungai dan membawa barang keperluan. Hal tersebut memperlihatkan sekoci sesuai untuk digunakan ketika berperang. Menurut kepercayaan orang Melayu, sekoci biasanya memiliki dekorasi dan ukiran imej pada haluan kapalnya dalam bentuk kepala burung.<sup>246</sup>

### c. Perahu Mayang

Di sekitar Kepulauan Melayu, perahu Mayang sering digunakan untuk membawa muatan yang berat. Perahu jenis ini tidak mempunyai dek dan orang Eropah menggelarnya sebagai kora-kora. Selain itu, ia juga mempunyai keunikan yang tersendiri, berbeza dengan jenis perahu yang lain. Pada bahagian depannya mempunyai tiang dan buritannya melentur sama dengan bentuknya. Hakikatnya, perahu mayang terdiri daripada saiz yang agak besar dengan keluasan hampir 8 kaki, panjangnya terdiri dari 16 hingga 20 meter dan mempunyai sebuah bilik berbentuk rumah yang dibina menggunakan rotan, panjangnya pula menjangkau hampir separuh dari saiz perahu tersebut. Tambahan itu, lorong laluan juga ada dibina di kedua-dua belah gelegar tambahan yang disambung dengan rel. Sementara, dayung-dayung pula diletakkan di atas kabin dan berfungsi melalui papan-papan yang berlubang yang diikatkan pada kiri kanan perahu tersebut.

### d. Pencalang

Pencalang terdiri daripada jenis perahu orang Jawa. Ia merupakan salah satu daripada jenis perahu mayang yang besar dan mampu menampung antara 20 hingga 30

<sup>245</sup> Esa Khalid, Mohd Azhar Abd Hamid, (2004), *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China dan Jepun*, Johor : Universiti Teknologi Mara, hlmn 228

<sup>246</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn 23

tan. Kebanyakannya pencalang digunakan oleh para pedagang dari Jawa untuk menjalankan aktiviti perdagangan.<sup>247</sup> Pencalang mempunyai saiz yang agak besar, iaitu panjangnya antara 40 hingga 80 kaki, manakala lebarnya pula antara 6 hingga 11 kaki. Ia tidak mempunyai lunas dan dasarnya dibina dari sebatang kayu yang telah dikorek. Lazimnya juga, perahu ini didayungkan atau dikemudikan oleh pendayung seramai 20 hingga 30 orang.<sup>248</sup>

#### e. Jong

Jong merupakan perahu orang Melayu yang paling besar kerana memiliki saiz yang lebih besar berbanding dengan perahu-perahu yang wujud ketika itu, bahkan jong juga berupaya membawa sehingga 1000 tan dan 1000 orang. Menurut undang-undang laut, istilah jong juga merujuk kepada sejenis perahu.<sup>249</sup> Sementara itu, orang Cina pula mengenali jong yang besar sebagai *kun-lun-po* pada abad ketiga dan keempat. Biarpun ia dikenali di kalangan orang Melayu, namun ia tidak dibina di kawasan pelabuhan di Selat Melaka, malah lebih banyak dibina di Pegu, Selatan pantai Borneo dan Jawa. Jong adalah salah satu daripada barang dagangan orang Jawa yang tidak mampu dihasilkan dengan banyak, kebiasaannya hanya 10 buah dalam tempoh 10 tahun.<sup>250</sup> Jong juga pernah di kenali sebagai *juncō* di kalangan orang Portugis dan mereka begitu tertarik dengan saiz jong yang begitu besar daripada kapal sendiri ketika menjalankan aktiviti perdagangan.

<sup>247</sup> Horridge. A, (1981), *Op.cit*, hlmn 49-50

<sup>248</sup> Lee Kam Hing, (1986) *The Shipping List of Dutch Melaka : A Source for the Study of Coastal Trade and Shipping in the Malay Peninsula During the 17<sup>th</sup> and 18<sup>th</sup> Centuries* (dlm) Kapal dan Harta Karam, Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Negara Malaysia, Hlmn 64

<sup>249</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn 156

<sup>250</sup> Cortesao, A. (1967), *Suma Oriental Tom Pires*, London : Hakluyt Society, hlmn 195.

Jong mempunyai saiz yang agak besar dan berbentuk bulan sabit, malah jong dibina tanpa menggunakan sekeping besi hanya menggunakan kayu *dowells*, yang diikat teguh pada ikatan papan dan bingkainya. Tambahan itu, jong mempunyai haluan yang lebih rendah dengan pembukaan untuk menggantung sauh, manakala di bahagian belakangnya berbentuk melengkung dan meninggi. Ia terdiri daripada tiga tiang layar yang terdiri daripada tiang agung dan tiang topang, padanya terdapat jolong haluan serta dua batang kemudi di buritannya.<sup>251</sup> Pada tiang layarnya yang berbentuk tripod (kaki tiga) biasanya akan digantungkan layar tanjung (layar segi empat bujur) yang disengetkan ke arah sebelah. Selain itu, jong juga mempunyai kabin yang bersifat memanjang, hampir dua pertiga panjangnya dari belakang, namun demikian jong tidak mempunyai binaan tertentu di atasnya. Ini kerana ia merupakan sebuah kapal yang terbuka. Jong juga mempunyai geladak (lantai kapal) di bahagian buritannya dan kemudi disisinya.<sup>252</sup> Sementara pergerakan panduannya dikawal oleh kemudi yang menyerupai gelembung dan digantung di bahagian belakang.

Jong juga merupakan antara kapal yang banyak digunakan oleh orang Melayu dalam pelbagai siri peperangan, selain daripada digunakan untuk membawa barang dagangan. Hal ini dapat dilihat daripada sumber yang menyatakan bahawa Jong pernah digunakan oleh Iskandar Muda Mahkota Alam ketika menyerang Melaka pada tahun 1629 M. Kehebatan yang tergambar dari fungsi jong telah menyebabkan orang Portugis menggelarnya sebagai *Espanto del Mundo* (Penggegar Dunia). Jong tersebut mempunyai tiga tiang layar dan seratus buah meriam padanya. Walau bagaimanapun di dalam *Tuhfat al-Nafis* tidak ada tercatat penggunaan jong dalam pelbagai segi, terutamanya dari aspek pertahanan.

---

<sup>251</sup> Khamis Abas, (2004), *Op.cit*, hlmn 75

<sup>252</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn 159

Kehilangan dan kurangnya penggunaan jong pada abad ke17-18 M telah mendapat perhatian di kalangan ahli sejarawan untuk mengemukakan pelbagai kenyataan berkait dengan hal tersebut. Menurut Anthony Reid, beliau ada menyatakan bahawa kehilangan kapal tersebut adalah berpunca daripada kelajuannya yang lambat untuk melepaskan diri, bahkan sukar untuk dikendalikan serta kurangnya senjata ketika menentang Eropah.<sup>253</sup> Justeru itu, kemasuhan jong adalah disebabkan oleh orang Barat. Selain itu, terdapat juga pandangan lain yang menjelaskan bahawa kehilangan jong berkemungkinan adalah disebabkan kerana wujudnya monopoli perdagangan yang dikendalikan oleh Belanda. Oleh sebab itu, kapal-kapal yang bersaiz kecil lebih banyak digunakan oleh para pedagang tempatan untuk mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak Belanda pada ketika itu.

#### **f. Perahu tambang**

Perahu tambang merupakan salah satu daripada jenis perahu yang digunakan oleh masyarakat di Kuching khasnya. Dikenali dengan nama “tambang” adalah disebabkan oleh fungsinya yang sinonim untuk digunakan membawa penumpang secara berulang-alik.<sup>254</sup> Sesungguhnya perahu ini menjadi daya tarikan pelancong kerana dihiasi dengan pelbagai lukisan dan ukiran yang menarik, selain boleh mendapatkan perkhidmatan yang murah dan mudah. Bagi setiap perjalanan, hanya antara lapan hingga sepuluh orang sahaja dibenarkan membawa penumpang. Ini kerana untuk memastikan setiap penambang<sup>255</sup> mendapat hasil pendapatan yang sama.

---

<sup>253</sup> *Ibid*, hlmn 160

<sup>254</sup> Amran Abdullah, Hamidah Husain, (1993), *Tempat dan Binaan*, Petaling Jaya : Prisma Sdn. Bhd, hlmn 35

<sup>255</sup> Penambang ialah gelaran bagi pendayung perahu tambang

### **g. Perahu Bedar**

Perahu bedar<sup>256</sup> adalah sejenis perahu yang memiliki pelbagai macam kegunaan. Lazimnya ia digunakan oleh nelayan untuk pergi menangkap ikan, membawa penumpang dan mengangkut pelbagai muatan seperti perahu-perahu yang lain. Kemampuan perahu ini untuk membawa penumpang atau barang bergantung pada saiznya.<sup>257</sup> Ini kerana semakin panjang saiz perahu tersebut, semakin ramai penumpang yang mampu dibawa olehnya. Bahkan hampir kesemuanya bedar mempunyai kisi persegi tamat atau membuat dandan<sup>258</sup> padanya. Ia terdiri daripada dua jenis iaitu bedar kecil dan bedar besar, dimana perbezaan yang ketara dapat dilihat dari sudut ukuran panjang, pendeknya serta keluasan pada bahagian dadanya.

Perahu bedar kecil lazimnya digunakan untuk kegunaan sendiri. Manakala perahu bedar yang bersaiz besar pula, ia digunakan untuk mengangkat kargo dan para penumpang.<sup>259</sup> Bahkan ia sangat penting untuk masyarakat Pulau untuk menuju ke tanah besar bagi penduduk di sekitar muara. Tambahan itu, terdapat juga bangau pada perahu tersebut yang biasanya berbentuk seperti burung dan adakalanya berbentuk Raja Bota yang disertakan dengan ukiran awan larat.<sup>260</sup>

Keunikan perahu bedar dapat dilihat pada warna putih kain layarnya. Ia menjadi salah satu cara untuk mengelakkan daripada berlakunya perlanggaran, terutamanya pada waktu senja. Ini kerana warna putih itu mampu menghasilkan daya pantulan cahaya

---

<sup>256</sup> Perahu bedar dikenali juga dengan nama lain “perahu pegereh”.

<sup>257</sup> H. S Barlow, (2009), *Boats, boat building and fishing in Malaysia*, Kuala Lumpur : The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) hlmn 298

<sup>258</sup> Dandan ialah tambahan pada geladak perahu (supaya lebih luas).

<sup>259</sup> Rozaini Jusoh (2002), *Op.cit*, hlmn31

<sup>260</sup> \_\_\_\_\_, (1984), *Op.cit*, hlmn 24

yang lebih baik berbanding dengan warna yang lain.<sup>261</sup> Di samping itu, bahagian haluan perahu ini berbeza sedikit dengan kebanyakkan jenis perahu. Ini kerana bentuknya yang seperti muncung itik yang lebih pendek ataupun berbentuk sudu.<sup>262</sup> Kedudukan haluannya juga lebih tinggi daripada bahagian belakangnya. Lazimnya panjang perahu bedar antara 10m hingga 16m, dan tingginya antara 1.7m hingga 2m.

#### **h. Perahu baluk**

Baluk antara perahu kecil yang terkenal di kalangan orang Melayu. Ia terdiri daripada lima hingga enam orang sahaja anak perahu. Justeru itu, baluk banyak digunakan oleh pedagang kerana ia mudah dikendalikan.<sup>263</sup> Pelbagai fungsi yang dimainkan oleh perahu baluk ini, sama seperti jenis-jenis perahu yang lain. Antaranya digunakan untuk berdagang dan menangkap ikan di kawasan persisiran pantai atau sungai, ia tidak sesuai digunakan di kawasan laut yang besar. Di samping itu, baluk juga turut diguna pakai ketika dalam peperangan terutamanya pada abad ke 18.

Perahu baluk mempunyai satu tiang layar yang berbentuk tripod dengan layar tanjung (berbentuk segi empat bujur). Kebiasaannya layarnya akan disengetkan ke sebelah, mengikut arah angin. Tambahan itu, terdapat binaan di sebelah atasnya dan kemudinya terletak di buritan tetapi di bahagian sisinya. Selain itu, ia juga mempunyai jolong di buritan dan di haluannya<sup>264</sup>, sama seperti jenis perahu Melayu yang lain.

---

<sup>261</sup> Amran Abdullah, Hamidah Hussain, (1993), *Op.cit*, hlmn37

<sup>262</sup> Nor Sholihawati (2005) *Perusahaan Perahu Tradisi : Kajian kes di Pulau Duyong, Terengganu*, Universiti Malaya : Fakulti Sastera dan Sains Sosial, hlmn 40

<sup>263</sup> Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Op.cit*, hlmn 225

<sup>264</sup> *Ibid*, hlmn 162

### i. Padewakang

Padewakang merupakan versi patorani<sup>265</sup> yang lebih besar. Ia antara jenis-jenis perahu Melayu yang mempunyai saiz yang lebih besar. Kebiasaannya, ia membawa anak kapal melebihi 30 orang berbeza dengan perahu yang bersaiz kecil, hanya mempunyai anak perahu yang kurang daripada 20 orang. Namun demikian, perahu ini telah banyak menerapkan ciri-ciri kapal model barat, terutamanya pada bentuk buritan, dek dan pagarnya. Ini kerana dek dan pagar bukan merupakan ciri-ciri yang terdapat pada jenis perahu Melayu tradisional.

### j. Kora-kora

Kora-kora merupakan sejenis perahu perang bersaiz kecil dan panjang yang sering digunakan oleh Selatan Filipina. Ia berbentuk melengkung dengan jolong yang tinggi di haluan dan di buritannya, di samping mempunyai kemudi. Selain itu, kora-kora juga turut menggunakan layar yang berbentuk empat segi bujur (layar tanjung) yang dimiringkan dan kebiasaannya akan digantung pada tiang yang berbentuk tripod. Pada abad ke-18 dan ke-19M, kora-kora mempunyai antara 200 hingga 300 anak kapal yang terdiri daripada orang merdeka, orang berhutang, atau abdi, termasuklah pendayung.<sup>266</sup>

Perahu perang ini diperbuat daripada papan yang dipahat daripada kayu keras yang pejal. Pada bahagian sisinya akan disusun dengan papan lepang secara bertindih-tindih dan dicantumkan menggunakan pasak dari lunasnya hingga membentuk kulit perahu tersebut. Kemudian, pada papan lepang perahu tersebut akan dibentuk telinga

<sup>265</sup> Patorani adalah sejenis perahu yang banyak digunakan oleh para pedagang Bugis pada abad ke 18. Tiang haluan dan buritan perahu ini bersambung dengan lunasnya bagi membentuk satu lingkungan yang berterusan walaupun bahagian bawahnya rata. Sementara, papan lepangnya akan dicantumkan antara satu dengan yang lain menggunakan kun dan pasak-pasak kayu. Lihat Horrigde. A, hlmn 12.

<sup>266</sup> Ahmad Jelani Halimi, (1998), *Op.cit*, hlmn 167

(lugs) untuk mengikat papan itu dan mengelakkan daripada pasaknya tercabut. Selain itu, kora-kora ini juga mempunyai pelampung di kiri kanannya dan mempunyai beberapa cadik<sup>267</sup>. Kebiasaanya juga, sebuah bangunan akan dibina di atasnya untuk penjurit dan beberapa pelantaran dibina merentasi kayu penyambung cadik / bagi tempat pengayuh perahu.<sup>268</sup>

Kora-kora juga dikenali sebagai lanong di kalangan orang Melayu. Bagi orang Iranun, kora-kora digunakan untuk melanun pada abad ke 18 dan ke 19M di kawasan Selat Melaka. Malah turut diguna pakai untuk membawa barang dagangan yang diperolehi daripada kegiatan tersebut.

#### **k. Perahu temuai**

Perahu temuai sejenis perahu yang bersaiz kecil dan berukuran panjang. Ia sangat dikenali oleh masyarakat Iban, Kayan dan Kenyah, Sarawak. Perahu ini menjadi salah satu daripada alat pengangkutan yang sering digunakan dalam kehidupan seharian mereka, sama ada untuk bersiar-siar, ke sawah, ladang untuk menuai padi dan menyeberangi sungai.

Perahu temuai atau lebih dikenali sebagai ‘arok’ dalam bahasa Kayan memiliki ukiran dan hiasan yang unik,<sup>269</sup> misalnya ukiran berbentuk kepala naga dan burung kenyalang. Lazimnya perahu sedemikian akan digunakan dalam sesebuah perayaan atau perlumbaan.

---

<sup>267</sup> Cadik ialah kayu atau buluh yang dipasang di kiri kanan perahu supaya lebih seimbang.

<sup>268</sup> Horridge, A, (1981), *Op.cit*, hlmn 4-5

<sup>269</sup> Amran Abdullah, Hamidah Hussain, (1993), *Op.cit*, hlmn 41

## **I. Kakap**

Kakap merupakan sejenis perahu kecil yang berbentuk kanu yang adakalanya bercadek. Perahu ini kebanyakannya digunakan oleh lanun sebagai perahu bantuan atau tambahan bagi membuat serbuan di kawasan pendalaman. Selain itu, perahu ini turut digunakan ketika berperang dan dijadikan sebagai alat pengangkutan orang Melayu sebagai mana yang digambarkan apabila kakap ada digunakan untuk menyerang kedudukan Belanda di Pulau Guntung.

## **m. Perahu Jalur**

Perahu jalur adalah sejenis perahu masyarakat Melayu primitif<sup>270</sup> yang dicipta daripada jenis kayu yang bersifat keras seperti Cengal atau rasak. Lazimnya ia sering digunakan di kawasan pinggir sungai dan kawasan pendalaman untuk bekerja dan memancing. Menurut adat orang Melayu, sekiranya seseorang itu memperolehi ikan dengan menggunakan perahu jalur, maka ia tidak dibenarkan sama sekali dijual dipasar, bahkan hanya dijadikan sebagai hidangan untuk dirinya atau ahli keluarganya.<sup>271</sup> Tujuan lain juga adalah digunakan untuk mengangkut segala hasil pertanian dan barang keperluan cuma ianya tidak begitu ketara. Berbeza dengan perahu jalur yang lebih digunakan untuk tujuan pengangkutan biarpun bentuknya hampir sama dengan perahu jalur cuma padanya mempunyai papan timbal. Selain itu, perahu jalur juga dikenali sebagai perahu lumba.<sup>272</sup>

---

<sup>270</sup> H. Goring Dalton, (1926), “*Some Malay Boats and their Uses*”. JMBRAS. Vol IV 2, hlmn 192

<sup>271</sup> H.S Barlow, (2009), *op.cit*, Kuala Lumpur : The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS ), hlmn 2

<sup>272</sup> C.A Gibson Hill, *The Boats of Local Origin employed in the Malayan, Fishing Industry JMBRAS*, hlmn 158

Perahu jalur merupakan kapal yang terpantas dari kapal tempatan yang lain dengan mempunyai lunas yang panjang dan lurus. Lingginya pula dibuat berkepala jendul seperti paruh burung kakak tua diterbalikkan dan didirikan condong sedikit serta dibentuk tirus ke bawah, bersudut hampir tepat dengan lunas di kakinya.<sup>273</sup> Sementara ukuran panjangnya antara 7.3 m hingga 8.5 meter, dan lebar bukaan perutnya antara 1.2 m hingga 1.4 m lebar. Hakikatnya, perahu jalur ini bergerak dengan menggunakan layar untuk mengimbangi pelayaran ketika angin kuat,<sup>274</sup> sehingga mampu membawa tiga hingga empat orang ke laut untuk menangkap ikan terutamanya.

#### **n. Perahu Layar**

Perahu layar adalah sejenis perahu yang digunakan untuk perjalanan yang lebih jauh dan ia memerlukan penggunaan layar, sama ada sebatang, dua atau tiga batang untuk menggerakkan perahu tersebut. Sementara itu, jika perahu layar tenggelam, tiang layar akan timbul dan berfungi sebagai penyelamat. Perahu layar yang paling awal digunakan oleh masyarakat Melayu diperbuat daripada sejenis tikar kerucut yang dijahit dan dicantumkan bersesuaian dengan saiz perahu tersebut. Fungsi utama ia digunakan pada ketika itu adalah untuk tujuan pelayaran. Ini kerana pembuatannya yang terdiri daripada tikar kerucut telah menyebabkan layarnya bersifat lebih tahan dan mampu menahan dari mudah rosak akibat daripada tekanan angin yang sangat kencang.<sup>275</sup>

### **Kesimpulan**

Perkapalan merupakan antara elemen logistik yang perlu diambilkira ketika berlakunya perperangan. Selain berperanan dalam pertempuran, perkapanan juga

---

<sup>273</sup> Nor Sholihawati Mohamad (2005) *Op.cit*, hlmn 49

<sup>274</sup> C.A Gibson- Hill, (2009), *op.cit*, hlmn 297

<sup>275</sup> Nor Sholihawati Mohamad ( 2005) *Op.cit*, hlmn 42

merupakan alat pengangkutan yang terdiri daripada pelbagai fungsi terutamanya dalam aspek perdagangan, pelayaran, perlanunian dan dalam kegiatan kehidupan sehari-hari manusia. Biarpun perkапalan seperti perahu menjadi sebahagian daripada alat tradisional orang Melayu, namun tidak banyak maklumat yang diperolehi secara lengkap berkaitan dengan jenis perahu dan fungsinya terutamanya dalam kegiatan perang. Oleh itu, maklumat tentang perkапalan dalam penulisan ini hanya dapat dipaparkan secara umum dan ringkas supaya dapat memahami jenis-jenis perkапalan yang ada digunakan dalam peperangan yang nyata wujud dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* khasnya.

Kapal atau perahu merupakan teknologi yang diperlukan dari semasa ke semasa untuk memenuhi kehendak seseorang individu. Peranan kapal dapat dilihat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai satu keperluan untuk menjalankan pelbagai aktiviti seperti perdagangan dan peperangan. Terdiri daripada pelbagai jenis, saiz dan bentuk yang menarik mengikut fungsinya. Abad ke 18M telah memperlihatkan orang Melayu ada menggunakan perkапalan dan perahu dari Bugis, Cina dan Eropah. Di sini dapatlah diklasifikasikan jenis perkапalan atau perahu tersebut kepada beberapa item, seperti *perahu Melayu*; Balang, Bedar, Jalur, Kakap. *Perahu Bugis* ; Pinisi, pintak, *Perahu Orang Jawa* ; Pemayang, pencalang dan perahu lain-lain termasuk dari Selatan Filipina dan Barat ; kapal perang Inggeris. Berikut merupakan antara jenis kapal yang ditemui dalam teks Melayu yang digunakan dalam pelbagai bidang dan kegiatan hidup oleh para pelaut yang secara amnya, terdiri daripada nakhoda, jurumudi atau malim, jurubatu, senawi, tukang kanan dan kiri.

---

## **BAB EMPAT**

### **PEPERANGAN DALAM KARYA TUHFAT AL- NAFIS**

---

#### **4.1 Pengenalan**

Peperangan merupakan sebuah peristiwa yang melibatkan ramai manusia untuk mempertahankan diri, kawasan dan negara dari musuh, bahkan ada yang bertujuan untuk meluaskan kuasa dan pengaruh, menguasai kuasa dan takhta kerajaan atau sebagainya dalam satu jangka masa yang agak panjang. Hakikatnya dalam kesusasteraan Melayu ada memperkatakan tentang peperangan dalam kehidupan. Misalnya dapat dilihat dalam karya agung *Tuhfat al-Nafis* (*T.N*) yang merupakan salah satu teks Melayu yang banyak mencerminkan tentang kehidupan manusia.

Menurut naratif *T.N* terdapat banyak hal-hal kehidupan yang berkisarkan kepada peperangan terutamanya dalam bab yang kedua. Di samping itu ada disebutkan juga mengenai kisah raja-raja Melayu serta Bugis dan kepada segala anak-anak mereka itu. Terdapat lebih daripada sepuluh buah peristiwa perang yang berlaku di antara orang Bugis dengan Melayu khasnya. Oleh yang demikian, penyelidik merasakan perlu untuk membuat penilitian yang baru dengan menganalisa gambaran peperangan yang nyata wujud dalam *Tuhfat al-Nafis* supaya generasi masa kini dapat mengambil ikhtibar tentang kesan dan pengaruh dari peristiwa lepas yang berlaku dalam kehidupan masyarakat dahulu kala khususnya.

Memandangkan satu analisis kajian berkaitan dengan peperangan akan dilakukan terhadap teks *Tuhfat al-Nafis*, maka penyelidik akan mengklasifikasikan subjek perang tersebut kepada lima item utama untuk memudahkan analisis kajian

dilakukan iaitu, analisis terhadap punca kepada berlakunya peperangan, keduanya, analisis terhadap organisasi peperangan yang terlibat dalam perang tersebut. Seterusnya, analisis terhadap jenis senjata dan perkапalan yang digunakan ketika peperangan dan yang terakhir, analisis terhadap bentuk strategi yang dirancang dan dijalankan ketika menghadapi pertempuran tersebut.

#### **4.2 Punca peperangan dalam karya *Tuhfat al-Nafis***

Ternyata dalam teks *Tuhfat al-Nafis* ada dirakamkan lebih daripada sepuluh siri peperangan yang berlaku di kalangan orang Melayu dan Bugis khasnya dengan menanamkan matlamatnya yang tertentu. Hal ini jelas dapat dilihat dalam teks, bahawa politik, ekonomi, masalah sosial dan akhlak menjadi salah satu motif utama berlakunya peperangan. Selain itu, ada juga dinyatakan tentang pengaruh dan kuasa suku kaum masing-masing untuk menguasai negeri Melayu terutamanya pengaruh yang di bawa oleh orang Bugis dalam menerajui aspek perdagangan. Berikut adalah analisis kajian yang dilakukan terhadap karya teks *Tuhfat al-Nafis* berkaitan dengan punca yang menyebabkan berlakunya peperangan. Jelaslah di sini bahawa peperangan itu mampu tercetus disebabkan oleh sekelumit masalah. Identiti dan akhlak yang negatif juga melambangkan bahawa kepimpinan yang diterajui menjalankan kegiatan yang tidak sihat sama ada dalam bidang politik, sosial, ekonomi sehingga mampu mewujudkan suasana perang, akan tetapi harus diakui bahawa jika subjek tersebut dikendalikan dengan cara yang betul, maka secara tidak langsung ia dapat membantu dalam mengukuhkan sesebuah kerajaan.

**Jadual 4.1 : Analisis terhadap punca peperangan dalam karya T.N**

Subjek Umum	Subjek Khusus	No. Folio dalam Tuhfat al-Nafis
Motif Politik	Perluasan Kuasa	f.58
	Penaklukan kawasan	f.83
	Perebutan takhta kerajaan	f.139, f.166
	Pertahankan hak dan kedaulatan	f.53
Motif Ekonomi	Hutang Piutang	f.217, f.199
	Percukaian	f.70
	Rampasan Harta perang	f.246
	Rompakan	f.252
Sosial/ Akhlak masyarakat	Fitnah	f.228
	Memungkiri Perjanjian	f.213
	Perkahwinan	f.87,f.15,f.157
	Belot	f.4,f.55
	Tiada Persefahaman	f.183
	Pertikaian antara keluarga	f.183

	Tamak haloba	f.267
	Perselisihan faham	f.389,f.116
Kemasukan Kuasa-Kuasa Barat	—	f.227,f.232

Berdasarkan penelitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, jelaslah bahawa subjek di atas menjadi penyebab kepada berlakunya perang di antara orang Melayu dan Bugis khasnya. Apa yang diperolehi, ternyata orang Bugis lebih menonjol dalam mencetuskan perang. Ini kerana pengarang ingin mengangkat kewibawaan dan kedudukan orang Bugis daripada orang Melayu. Kedatangan orang Barat di Kepulauan Johor Riau juga turut menyumbang kepada berlakunya perang yang disebabkan oleh beberapa motif, antaranya masalah percakaian, pembahagian harta dan sebagainya. Hal ini terjadi disebabkan oleh faktor kedudukan orang Barat yang mempunyai kuasa dan kehebatan yang lebih tinggi daripada orang Melayu dan Bugis. Meskipun demikian, kedatangan orang Barat juga secara tidak langsung turut membantu para peserta yang terlibat dalam perang dari segi peralatan dan perkapalan yang canggih. Oleh yang demikian, penyelidik telah menyenaraikan beberapa bukti berdasarkan kepada teks yang menunjukkan punca perang yang melanda pada ketika itu.

### **Motif Politik**

#### **a) Perluasan kuasa**

Menjadi satu matlamat utama terutamanya di kalangan golongan pemerintah untuk meluaskan kuasanya di merata tempat. Meskipun matlamat tersebut murni tapi

jika digapai dengan cara permusuhan, berkemungkinan ia dapat merenggangkan hubungan di antara dua pihak. Ternyata dalam teks Melayu lama, ada menjelaskan hubungan sesama saudara mula kelihatan renggang akibat daripada perasaan tamak yang ingin merampas kuasa serta menakluk kerajaan saudaranya demi kepentingan sendiri. Situasi sedemikian ada dicatatkan secara jelas dalam *Tuhfat al-Nafis* dengan menyebut bahawa :

“...Apabila mangkat Sultan Safiuddin itu, maka mengantilah kerajaannya iaitu anaknya yang tua bergelarlah ia Sultan Zainuddin. Syahadan adapun saudaranya (Pangeran Agung) sangatlah tamaknya hendak menjadi raja didalam negeri Matan itu. Maka apabila sampai syaratnya dan kuasanya maka lalu dirampasnya kerajaan saudaranya itu, dilanggar pendalaman saudaranya...”<sup>276</sup>

Begitu juga yang berlaku dalam perang saudara di antara dua beradik putera Sultan Kedah (Raja Nambang dan Sultan Muhammad Jiwa), sebelum itu YDPM Kelana Jaya Putera telah mengangkat martabat putera Sultan Kedah yang tua sebagai YDP Kedah, akan tetapi selang beberapa lama kemudian Raja Nambang telah meminta pertolongan dari YDP Raja Kecik Siak untuk merampas kuasa dan haknya daripada saudaranya yang tua. Hal ini ada disebutkan dalam *Tuhfat al-Nafis* :

“... Raja Kedah yang mudanya yang berperang dengan saudaranya yang tua, yang dibantu oleh Yang Dipertuan Muda Riau serta saudaranya Opu-Opu itu. Maka tiadalah senang hatinya, maka dapatlah ia kuasa pula. Maka berkehendaklah ia pada memerangi akan saudaranya yang tua itu. Maka ia menyuruhlah ke negeri Siak minta pertantu kepada Yang Dipertuan Raja Kecik Siak. Maka Raja...”<sup>277</sup>

Jelaslah perang menjadi satu inisiatif untuk Raja Muda Kedah merampas kuasa dan darjah yang telah diberikan kepada saudaranya, Raja Tua. Oleh kerana sikap tamak telah menyelubungi dalam dirinya, maka Raja Muda Kedah telah meminta bantuan dari Opu-Opu Bugis untuk memerangi saudaranaya. Ternyata perebutan kuasa mampu merengangkan hubungan sesama saudara sendiri.

---

<sup>276</sup> *Tuhfat al-Nafis* ( f.58), hlmn 61

<sup>277</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.83), hlmn 86

### **b) Penaklukan kawasan**

Terdapat juga maklumat dalam karya ini yang mengatakan bahawa orang tempatan berusaha untuk mengeluarkan Bugis dari Johor Riau namun tidak berhasil. Oleh yang demikian, Raja Muda telah berhijrah ke Linggi untuk membina semula semangat dan kekuatan untuk merampas semula kawasan penempatannya. Di dalam *Tuhfat al-Nafis* ada menyatakan penjelasan tentang hal tersebut:

“...Hendak membuang Bugis-Bugis didalam Riau, kerana Bugis sudah hendak mengambil kerajaan (Raja) Johor. Sebab itulah Raja Muda dikeluarkan dari Riau, sekarang ada ia di Linggi lama-lama barangkali dapat kuasa dan kekuatan di situ, inilah baginda minta langgarkan Raja Muda di Linggi...”<sup>278</sup>

Orang Bugis pernah menguasai kerajaan Johor Riau terutamanya dalam aspek perdagangan. Oleh yang demikian, orang Melayu tempatan sentiasa berusaha untuk mengusir orang Bugis daripada terus menetap dan mendominasi kerajaan Johor Riau. Berbekalkan semangat dan kekuatan yang ada pada Raja Muda, beliau telah berazam untuk mengambil semula kerajaan tersebut di bawah naungan orang Melayu melalui peperangan.

### **c) Perebutan takhta kerajaan**

Merebut takhta dalam sesebuah kerajaan merupakan perkara lumrah yang sering berlaku di kalangan para pemimpin. Begitulah yang terjadi pada pengganti Sultan Mahmud sebagai Raja Siak, selepas sahaja kemangkatan Sultan Mahmud, Raja Ismail telah mengambil alih jawatan tersebut. Apabila perkara tersebut diketahui oleh bapa

---

<sup>278</sup> Tuhfat al-Nafis (f.139) hlmn 146

saudaranya (Raja Alam), tidak semena-mena beliau ingin merebut takhta itu dengan cara berperang. Beliau yang gemar merompak akhirnya telah berjanji untuk tidak melakukannya lagi sebagai syarat untuk mendapatkan bantuan dari Holanda ketika berperang. Hal ini ada dicatatkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*:

“... sebermula apabila Raja Alam mendengar khabar saudaranya Sultan Mahmud itu hilang, dan yang menggantikan kerajaannya Raja Ismail dan anaknya Muhammad Ali jadi Raja Muda, maka ia pun bersiaplah akan kelengkapannya ada kira-kira lima belas buah...”<sup>279</sup>

Bukti lain dapat ditemui ketika perjalanan menuju ke Johor, Raja Kecik telah meminta pertolongan daripada Opu-Opu Bugis di Bengkalis untuk turut serta menyerang Johor dengan matlamat untuk merampas takhta kerajaan ketika itu. Walau bagaimanapun Opu-Opu Bugis tidak menerima tawaran tersebut, lalu Raja Kecik meneruskan impiannya dengan mempengaruhi para pembesar kerajaan yang lain. Akhirnya Raja Kecik dapat merampas takhta kerajaan Johor dengan mendakwa dirinya sebagai putera Sultan Mahmud mangkat dijulang. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“.... Syahadan di dalam tengah-tengah bersiapkan alat peperangan itu, maka opu-opu anak raja bugis itu, tibalah ke Bengkalis datang dari mengembara, maka berjumpalah ia dengan Raja Kecik. Maka Raja Kecik pun pun megajak opu-opu itu melanggar Johor...maka opu itu pun berfikir, maka tiada berbetulan timu-timunya. Maka tiadalah ia mau. Maka didalihkannya hendak pergi ke Langat...”<sup>280</sup>

#### d) Pertahankan hak dan kedaulatan

Ternyata Raja Sulaiman dan Tengku Tengah telah berjaya menjatuhkan pemerintahan Raja Kecik dengan bantuan daripada opu-opu Bugis lima bersaudara. Namun Raja Kecik tetap tidak berpuas hati dan menaruh rasa cemburu kerana

---

<sup>279</sup> Tuhfat al-Nafis (f.166), hlmn 176

<sup>280</sup> Tuhfat al-Nafis (53), hlmn 56

Bugis-Bugis mula menetap di dalam negeri Johor selama-lamanya. Selepas daripada peristiwa tersebut, kerapkali telah berlakunya perperangan di Johor dengan tujuan untuk mempertahankan hak masing-masing dan menawan kerajaan tersebut.

### **Motif Ekonomi**

Ternyata siri perperangan yang dirakamkan dalam teks bukan hanya berpunca daripada aspek politik, tetapi dapat dikenalpasti dari sudut ekonomi atau “wang ringgit”. Hal ini dapat disaksikan melalui pengamatan dan penelitian yang dibuat terhadap teks *Tuhfat al-Nafis*.

#### **d) Hutang**

Berhutang adalah perkara biasa yang sering berlaku dalam kehidupan dan ia merupakan salah satu punca yang menyebabkan berlakunya perperangan. Buktinya dapat dilihat dalam satu keadaan, Raja Kedah tidak melunaskan hutangnya dengan Raja Haji sebanyak dua belas bahara ringgit. Memandangkan Raja Kedah enggan berunding, beliau telah bersiap sedia untuk berperang, maka Raja Haji juga tidak teragak-agak untuk melancarkan serangan di atas penghinaan mereka. Akhirnya kemenangan berpihak kepada orang Bugis Johor, lalu Raja Kedah telah berundur ke Kedah.

“....Syahadan bugis-bugis yang melanggar itu pun sampailah ke Alor Setar. Maka lalulah menyeberang ke pengkalan kapal... maka didalam perang itu dan di dalam tengah beramuk-amuk itu orang-orang Bugis pun sambil merebut-rebut membuka rantai yang merentang sungai itu maka lalu terbuka. Maka segala penjajab itu pun masuk ke dalam negeri Kedah dan yang setengah tinggal di kuala. Syahadan adapun YDP kedah apabila Raja Haji itu sudah masuk ke dalam negeri Kedah maka undurlah ia ke hulu Kedah...”<sup>281</sup>

---

<sup>281</sup> Tuhfat al-Nafis (f. 203), hlmn 217

### e) Cukai

Ternyata cukai merupakan salah satu kegiatan yang menjadi punca berlakunya perang seperti yang disebutkan dalam teks, Penghulu Linggi telah memusnahkan belat Bugis kerana mereka enggan membayar cukai sebab memukat di Linggi dan menyerahkan orang-orang Bugis tersebut kepada YDPM. Situasi tersebut telah membuatkan YDPM rasa tercabar, lalu beliau dan suku Bugis bertindak untuk menyerang orang-orang di Linggi. Ternyata kewibaan orang Bugis tidak dapat dinafikan dan akhirnya Bugis berjaya mengalahkan orang-orang di Linggi. Buktinya dapat dilihat dalam teks :

“...maka lalulah diambilnya belat itu, dibawanya kepada penghulu Linggi. Maka disuruh oleh penghulu linggi cencang-cencang belat itu. Kemudian disuruhnya hantarkan ke Selangor kepada Kelana Jaya Putera dan serta saudara-saudaranya opu-opu itu. Maka apabila sampailah suruhan penghulu Linggi itu serta belat-belat yang sudah bercencangkan itu kepada opu-opu itu, maka marahlah opu-opu tu kerana bongkaknya penghulu Linggi itu...maka ia pun berkerahlah anak buahnya membuat kubu dua tiga buah...”<sup>282</sup>

### f) Rampasan harta perang

Terdapat perjanjian yang telah dibuat oleh Piter Jakub (raja laut) dengan para pembesar di kepulauan Johor Riau berkaitan dengan rampasan harta perang. Adapun telah dipersetujui di antara dua pihak, namun berlaku pengkhianatan yang dibuat oleh Raja Tuha apabila beliau merampas segala harta perang tanpa menyerahkan kepada Tuan Piter Jakub. Hal ini ada dirakamkan dalam teks :

“... Kata sahib al-hikayat maka dapatlah raja laut itu khabar akan hal kelakuan Raja Tuha itu yang pekerjaan rampas-merampas yang keji-keji itu rampas akan segala harta benda Yang Dipertuan Muda itu.

---

<sup>282</sup> Tuhfat al-Nafis (f.70), hlmn 73

Maka kuranglah perkenannya pada hati raja laut itu akan fiil Raja Tuha itu. Maka lalulah di masukkannya di dalam perjanjian pada fasal yang ketiga, tersebut bunyinya...”<sup>283</sup>

### g) Rompakan

Pada abad ke 17 dan 18 M, lanun begitu giat menjalankan kegiatan rompakan di kepulaun Melayu. Sesungguhnya dalam teks *Tuhfat al-Nafis* ada menyentuh tentang sikap orang lanun yang berada di kawasan Tanjung Pinang. Pihak Holanda terpaksa berusaha untuk mengusir anasir-anasir tersebut dengan melancarkan serangan ke atas lanun tersebut.

“... Raja Indera Bongsu mengatakan perompak lanun di Kuala Riau / di belakang Riau. Maka diberinya tahu kepada ftur Holanda itu. Maka fetur pun menyuruh menyiapkan belah semangkanya dan satu keci perangnya kerana hendak mengeluari orang yang jahat-jahat itu. Maka di dalam hal itu lanun itu pun sudah masuk daripada Terusan maka hal itu di dalam negeri Riau pun gemparlah...”<sup>284</sup>

Di samping itu terdapat juga peristiwa perang yang berlaku di kalangan orang Siak sendiri kerana berani merompak di sebuah kawasan yang bernama Sambas. Hal ini telah dapat diketahui oleh sultan Sambas dan telah menyebabkan beliau serta angkatan tentera yang lain melancarkan serangan seperti yang dicatatkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* :

“... Sayid Ali balik ke Siak, dan Sayid Abd al-Rahman lalu berlayar ke Sambas merompak di kuala Sambas dapat sebuah wangkang, maka dibawanya ke Pulau Kembung. Syahadapan setelah didengarnya oleh Sultan Sambas disuruhnya anak pangeran Kayung memayar Sayid Abd al-Rahman itu kira-kira tiga puluh buah perahunya dan Sayid Abd al-Rahman itu sepuluh buah perahunya. Maka apabila berjumpa dengan angkatan Sayid Abd al-Rahman itu, maka lalulah berperang berbedil-bedilan dengan meriam lela rentaka terlalulah azmat bunyinya..”<sup>285</sup>

---

<sup>283</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.246), hlmn 267

<sup>284</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.252) hlmn 274

<sup>285</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.260), hlmn 282

Akibat daripada rompakan tersebut telah menyebabkan berlakunya perperangan di antara orang Siak dengan orang Sambas yang diketuai oleh Pangeran Kayung. Pangeran Kayung dan Temenggung telah mati ditikam dan mendapatkan empat buah perahu Sambas dan sebuah wangkang, sementara orang Siak bersorak keriangan di atas kemenangan mereka.

### **Motif masalah sosial dan akhlak masyarakat**

Masalah sosial masyarakat yang melibatkan hal-hal peribadi dan perselisihan faham di antara satu sama lain merupakan antara punca yang dapat dikenalpasti dalam teks. Hal ini dapat menimbulkan ketegangan sehingga adakalanya hubungan sesama ahli keluarga turut terjejas. Perperangan yang berpunca daripada masalah sosial dan akhlak ini dapat dilihat sepihmana yang terdapat dalam teks berikut :

#### **h) Fitnah**

Ternyata pengarang teks *Tuhfat al-Nafis* ada menzahirkan sikap iri hati atau khianat terhadap individu lain, sehingga hal ini dapat menimbulkan perkelahian dengan cara menabur fitnah belaka. Hal ini merujuk kepada Raja Haji yang difitnah, kononnya hendak memerangi Melaka sedangkan hal tersebut tidak benar. Apabila khabar berita tersebut sampai kepada Raja Haji, maka ia berasa amat marah dan mengambil tindakan untuk melakukan serangan ke atas Holanda.

“... maka banyaklah fitnah yang disampaikan orang-orang yang khianat kepada gebenor Melaka serta raja laut Piter Jakub Pemberam mengatakan Yang Dipertuan Muda (Raja Haji) hendak memukul negeri Melaka serta sudah siap kelengkapannya (konon). Maka berkatalah gebernur (raja) Melaka itu kepada Jakub Pemberam itu. “Raja Haji mau pukul Melaka mari kita pergi dahulu...”<sup>286</sup>

---

<sup>286</sup> Tuhfat al-Nafis (f.228), hlmn 246

Satu perjanjian telah dibuat di antara Gabernur Melaka dengan Raja Haji, namun surat tersebut telah dipulangkan semula kepada Gabenur Melaka kerana dikalangan mereka tidak dapat menerima isi perjanjian tersebut. Disebabkan itu, Gabenur Melaka berasa marah dan mengadakan mesyuarat bersama raja Laut, ternyata dalam perbincangan itu telah timbul fitnah yang mengatakan bahawa Raja Haji telah bersedia untuk menyerang Melaka. Justeru itu, serta merta kedua-dua pihak melakukan serangan untuk mempertahankan hak masing-masing.

### i) Memungkiri Perjanjian

Sesungguhnya habuan yang telah dijanjikan oleh pihak Kedah kepada opu-opu Bugis lima bersaudara di atas kemenangan yang diperolehi menerusi bantuan yang diberikan ketika berlakunya peperangan di antara Kedah tidak ditunaikan. Keadaan sedemikian menjadi berterusan sehingga sampai pada satu tahap, Bugis mengambil tindakan untuk berperang sebagai jalan terakhir. Hal ini ada disebutkan dalam teks :

“...apabila sudah makmur Kedah adalah belanja-belanja opu-opu melanggar Kedah dahulu itu patutlah hendak diganti. Serta ada pula perjanjian lain daripada itu iaitu lima belas bahara wang....., sudah berpuluh tahun belum juga raja Kedah menyempurnakan perjanjiannya itu...”<sup>287</sup>

Ketika kedah berada dalam situasi aman damai, satu pertempuran telah berlaku dengan bantuan daripada opu-opu Bugis lima bersaudara. Selepas daripada kejadian tersebut, satu konflik telah berlaku kerana sikap khianat. Raja Kedah yang tidak menunaikan

---

<sup>287</sup> Tuhfat al-Nafis (f.213) hlmn 199

janjinya untuk menyerahkan habuan yang sepatutnya diterima oleh opu-opu Bugis lima bersaudara.

Satu perjanjian telah termeterai di antara Raja Kecik dan Bugis supaya berdamai daripada berperang. Perjanjian ini telah dipersetujui akan tetapi Raja Kecik didapati telah memungkiri janji bila beliau turut serta dalam satu pertempuran melanggar Riau. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Johor dan Bugis terpaksa bersedia menghadapi serangan-serangan daripada Raja Kecik kerana Raja Kecik dan keturunannya sentiasa berusaha untuk merampas kerajaan Johor. Hal ini jelas disebutkan dalam teks :

“...Syahadan apabila sudah bersumpah itu, maka raja kecik pun bermohonlah pulang ke Siak, maka lalulah berlayar balik ke Siak... syahadan maka tiada berapa antaranya pada hijrat sanat 1139. Maka Raja Kecik itu mungkirlah pula akan sumpahnya itu, kerana pada sangkanya alah juga negeri Riau itu olehnya. Maka bersiaplah ia dengan segala kelengkapan...”<sup>288</sup>

#### j) Perkahwinan

Isu perkahwinan turut menjadi punca tercetusnya peperangan seperti yang disebutkan dalam teks Tuhfat al-Nafis bahawa Raja Bayang yang merupakan anak raja Minangkabau ingin mengahwini Raja Halimah, namun lamaran beliau telah ditolak oleh bapanya (Sultan Hassan). Lalu diperanginya Inderagiri untuk menuntut rasa malu beliau kerana lamarannya ditolak.

“... Syahadan adalah Raja Bayang itu hendak meminang ke Inderagiri akan putera Sultan Hasan Raja Inderagiri, bernama Raja Halimah. Maka tiada diterima oleh Sultan Hassan itu. Maka marahlah Raja Bayang itu. Maka keempat anak raja itu pergilah melanggar Inderagiri. Maka berperanglah Sultan Hassan itu dengan anak raja empat orang itu. Maka tiada berapa lamanya berperang itu, maka Sultan Hassan pun tewaslah...”<sup>289</sup>

---

<sup>288</sup> Tuhfat al-nafis (f.87), hlmn 89

<sup>289</sup> Tuhfat al-Nafis (f.157) hlmn 166

Ternyata kisah di atas menceritakan tentang peristiwa perang yang berlaku disebabkan oleh Sultan Hassan menolak lamaran Raja Bayang yang ingin meminang Raja Halimah. Maka berperanglah keempat anak raja itu melanggar Inderagiri sehingga memperolehi kemenangan, dan sultan Hasan mula berundur ke Gaong.

Begitu juga dengan peristiwa yang berlaku ke atas Tengku Tengah kerana pertunangannya di putuskan. Oleh yang demikian Tengku Tengah dan Raja Sulaiman telah meminta pertolongan dari Opu-Opu Lima Bersaudara supaya melancarkan serangan lantaran ingin menutup malunya.

“...bermuafakatlah berdua beradik dengan raja Bugis, mudah-mudahan mendapat jalan yang menghapuskan malunya itu. Maka relalah ia saudaranya Tengku Tengah itu menjadi isteri opu-opu itu. Syahadan tersebut di dalam siarah Siak, adalah yang Tengku tengah itulah yang sangat-sangat hendak menghapuskan kemaluannya itu... kemudian baharulah berjanji Raja Sulaiman dengan opu-opu itu jika hasil maksudnya yang opu-opu lima beradik itu, salah seoranglah yang menjadi Yang Dipertuan Muda turun-menurun...”<sup>290</sup>

Raja Kecik telah memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah. Oleh kerana ingin menutup aib malu Tengku Tengah, Raja Sulaiman bersama-sama opu-opu Bugis lima bersaudara telah bersepakat untuk melancarkan serangan ke atas Raja Kecik. Akhirnya kejayaan berpihak kepada orang Bugis (Raja Sulaiman dan Tengku Tengah), Opu Dahing Parani pula telah dinikahkan bersama Tengku Tengah sebagai ganjaran di atas bantuan yang diberikan. Maka Raja Kecik pun terus menerus berasa cemburu terhadap orang Bugis yang menetap di Johor dan sentiasa berusaha memasang strategi untuk melakukan serangan kembali.

---

<sup>290</sup> Tuhfat al-Nafis (f.57), hlmn 59

### k) Belot

Melihat kepada kandungan teks ini, ternyata sikap belot mampu mencetuskan pertelingkahan di antara dua pihak. Sikap ini dapat dilihat, bila mana Raja Majapahit mengetahui ada dikalangan orang-orang tempatan yang bersekutu dengan Raja Iskandar untuk mengenakan Sang Rajuna Tapa yang dikatakan bermukah tanpa asal usul periksa. Maka dari situ bermulalah perang di antara Raja Majapahit dengan Raja Iskandar Syah di Singapura.

“...kerana Majapahit pada masa itu berseteru dengan Raja Paduka Iskandar Syah itu. Maka apabila dapat ia jalan ada yang belot di dalam negeri Singapura itu. Maka Raja Majapahit pun datanglah melanggar ke Singapura. Maka Singapura pun alahlah kerana rakyat Jawa yang datang itu terlalu banyak...”<sup>291</sup>

Di samping itu, dapat juga dilihat dalam teks bahawa laksamana telah belot terhadap Sultan Abdul Jalil Riayat Syah kerana dipengaruhi oleh Raja Kecik yang mendakwa dirinya sebagai putera sultan mangkat di julang

“... maka melawanlah orang-orang negeri Johor itu berperanglah mananya yang sempat berbunuh-bunuhanlah sehari-hari itu. Maka banyaklah orang Johor belot kepada sebelah Minangkabau, kerana laksamana kepala perangnya telah belot... maka raja Muda pun mengamuklah...”<sup>292</sup>

Telah sedia maklum dalam peristiwa ini, Raja Kecik telah menipu rakyat Johor dengan mengaku dirinya sebagai putera Marhum Mangkat dijulang. Kemudian Raja Kecik masuk ke Johor, melancarkan serangan ke atasnya dengan orang Minangkabau. Orang Johor mula belot terhadap ketenteraan Minangkabau termasuklah laksama perang

---

<sup>291</sup> Tuhfat al-Nafis (f.4) hlmn 6

<sup>292</sup> Tuhfat al-Nafis (f.55), hlmn 57

Johor. Maka ini telah menyebabkan kekalahan bagi rakyat Johor, dan Sultan Abdul Jalil bersama para menteri terpaksa menyerah diri kepada Raja Kecik.

### **l) Tiada persefahaman**

Dalam sebuah kepimpinan perlu ada ketaatan dan kejujuran sebagai “*role model*” kepada rakyat. Namun apa yang terjadi di Pulau Karimun, Buru dan Kundur telah wujud satu perasaan pentingkan diri sendiri, tidak menanamkan sikap bekerjasama walaupun mendapat arahan dari pihak atasan seperti yang dinyatakan dalam teks Tuhfat al-Nafis :

“...Dan beberapa Yang Dipertuan Muda memberi surat dan suruh-menyuruh menyatakan hal-ehwal perbatasan itu, maka tiada juga Yang Dipertuan Selat mengikut. Maka inilah sebab pokok jadi pergaduhan dan perkelahian antara Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar dengan Sultan Husain. Maka masuklah pula pihak gebermen Holanda makin besarlah gaduhnya...”<sup>293</sup>

Hal ini merujuk kepada YDP Selat (Sultan Husain) yang tidak patuh kepada perintah YDPM Raja Jaafar, situasi tersebut telah menyebabkan pertempuran di antara dua pihak sehingga melibatkan campur tangan dari orang asing (gabenor Holanda). Oleh yang demikian, peperangan tersebut semakin rancak berlaku

### **m) Pertikaian antara keluarga**

Ternyata kuasa Bugis memang tidak dapat dinafikan lagi kehebatannya melalui siri peperangan yang dirakamkan dalam teks, seperti yang disebutkan oleh pengarang teks :

---

<sup>293</sup> Tuhfat al-Nafis (f.340), hlmn 369

“... perang Linggi tatkala Raja Kecik pergi ke Linggi membantu penghulu Linggi, berperang dengan opu-opu raja Bugis itu. Maka Raja Kecik itu pun tewaslah dan alah pula ia. Lalulah pergi ke Siak membuat negeri di Buantan serta berkukuh di situ...”<sup>294</sup>

Ketika berlakunya pertelingkahan di kalangan suku Bugis dengan YDPM Kelana Jaya dan penghulu Linggi. Penghulu Linggi telah meminta bantuan daripada Raja Kecik untuk menyerang kuasa Bugis, ternyata Raja Kecik telah berjaya dikalahkan oleh orang Bugis.

#### n) Tamak haloba

Perasaan hasad dengki yang disertai dengan tamak mampu mencetuskan perperangan di antara dua pihak. Seperti yang dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis* bahawa sikap tamak, mementingkan diri sendiri menjadi salah satu penyebab wujudnya perselisihan faham, dan tidak mustahil menjadi perangsang untuk mewujudkan situasi perang. Antaranya dapat dilihat dalam peristiwa tersebut.

“... lebih-lebih maklumlah di dalam dunia ini tiada sunyi daripada tamak dan loba. Di dalam hal itu berdengki-dengkianlah antara nikmat yang lebih akan nikmat yang kurang. Maka itulah jadi pokok perkelahian kerana dunia ini negeri yang picik tiadalah memenuhi nafsu seseorang... maka apabila berpanjanganlah perbantahannya antara kedua pihak maka jadilah Holanda serta Sultan Pontianak melanggar Yang Dipertuan Raja Ali didalam negeri Sukanada...”<sup>295</sup>

Petikan di atas ada menjelaskan tentang sikap tamak di antara Raja Ali dengan Holanda dan Sultan Pontianak. Masing-masing mempunyai sikap iri hati dengan kelebihan yang sedia ada sehingga menyebabkan perperangan sesama mereka. Maka dapat dinyatakan bahawa sikap tamak dalam diri individu tidak dapat menjamin sebarang perdamaian, bahkan hanya mampu mengeruhkan suasana.

---

<sup>294</sup> Tuhfat al-Nafis (f.183) hlmn 194

<sup>295</sup> Tuhfat al-Nafis (f. 267), hlmn7 289

### **o) Perselisihan faham**

Setiap negeri lazimnya dinaungi oleh seorang ketua yang bertindak selaku pemerintah yang menjaga keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Namun apa yang berlaku di Terengganu, terdapat dua pemerintah yang terdiri daripada Tengku Mansur dan Tengku Umar yang menggantikan Sultan Ahmad. Pemerintahan sebegini tidak tahan lama dan telah mengakibatkan perkelahian di antara dua pihak kerana tidak mempunyai persefahaman, seperti yang disebutkan dalam teks :

“...Tengku Mansur itu Yang Dipertuan Tua dan dijadikannya Tengku Umar itu Yang Dipertuan Besar. Maka memerintahlah keduanya di dalam satu negeri yang satu. Maka inilah jadi pokok perkelahian. Syahadan kata sahāib al-hikayat maka pada satu masa dan ketika maka berbantahlah antara kedua pihak orang Yang Dipertuan tua dengan orang Yang Dipertuan Besar...”<sup>296</sup>

Begitu juga yang melanda di Perak, perselisihan faham diantara YDPM Daeng Chelak dengan YDP Perak telah menyebabkan berlakunya pertempuran pada ketika itu. Walaubagaimana pun dalam teks *Tuhfat al-Nafis* tidak dinyatakan dengan jelas punca perselisihan tersebut.

“... Syahadan kemudian daripada itu maka berangkatlah pula Yang Dipertuan Muda ke Selangor. Maka apabila sampai ke Selangor, maka dapat pula perselisihan faham dengan Yang Dipertuan Perak sebab bersalah-salah faham dan bertukar tukar maksudnya . Maka Yang Dipertuan Muda pun berkeras dan tiada mau mengikut seperti maksud Yang Dipertuan Muda itu, maka Yang Dipertuan Muda marahlah, maka lalu dilanggarnya perak itu ...”<sup>297</sup>

---

<sup>296</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.389), hlmn 402

<sup>297</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.116) hlmn 119

## Kemasukan kuasa-kuasa Barat

Pada abad ke 17 dan ke 18 M ternyata kerajaan Melayu ketika itu sering dijajah oleh kuasa-kuasa asing. Bahkan ketika itu juga telah wujud perdagangan di alam Melayu kerana orang Barat memiliki pusat pentadbiran di Melaka. Meskipun telah wujud hubungan persahabatan dan perdagangan di antara dua pihak, namun perperangan turut dijadikan sebagai satu alat sekiranya berlaku pengkhianatan. Umpamanya dapat dilihat dalam perjanjian yang telah disepakati oleh kedua pihak (1758 M), telah disebutkan bahawa semua harta rampasan perang yang diperolehi oleh mana-mana pihak perlu dibahagi sama rata. Walau bagaimanapun apa yang jelas berlaku, Belanda telah mengkhianati perjanjian tersebut dengan tidak menyerahkan sebahagian hak kepada Raja Haji bila mana Belanda telah berjaya mengalahkan musuhnya. Justeru berlakulah perperangan di antara mereka, lantaran itu juga perjanjian yang telah dipersetujui terbatal.

“....menceterakan oleh orang tua-tua yang semasanya, iaitu Yang Dipertuan Raja Haji ada perjanjian konon dengan Kompeni Holanda, musuh kompeni Holanda, musuh Raja Haji. Adapun jika ada pekerjaan tangkap-menangkap, rampas-merampas musuhnya itu ada bahagiannya di dalam itu antara keduanya jika Raja Haji pun pekerjaan konon. Kemudian datanglah satu kapal musuh Holanda tu masuk ke dalam Riau berlabuh di Pulau Bayan ...maka datanglah satu kapal dari Melaka diperanginya kapal musuh itu oleh Holanda. Maka diambilnya kapal itu dengan segala muatannya dibawanya ke Melaka. Maka tiba-tiba tiada Raja Haji itu dapat bahagian di situ konon...”<sup>298</sup>

Perperangan terus melanda di kepulauan Melayu, bila mana Belanda ingin membawa masuk angkatan perangnya ke Riau. Hal ini berlaku kerana Belanda berdegil ingin membawa masuk angkatan perangnya ke dalam Riau walaupun selepas berunding

---

<sup>298</sup> Tuhfat al-Nafis (f.227), hlmn 244

dengan Raja Haji, justeru serangan terus dilancarkan ke atas Belanda dengan memastikan kemenangan berpihak ditangan orang Melayu.

“... kata satu kaul pula orang besarnya Holanda itu namanya Tuan Abo hendaklah bicara muafakat pula berhentilah perang mencari bicara yang baik serta hnedaik memasukkan satu kapal perang yang besarnya ke dalam Sungai Riau. Maka Raja Haji melaranglah, jikalau hendak bicara dan muafakat jangan dimasukkan kapal yang besar itu ke dalam Riau ini. Jawab Holanda “tidak mengapa, tidak kita membuat satu apa di dalam bicara ini. “maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun melaranglah juga.....”<sup>299</sup>

## Rumusan

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat dalam karya *Tuhfat al-Nafis*, didapati peperangan yang nyata berlaku dan dirakamkan dalam teks adalah disebabkan oleh masalah dalaman dan juga luaran. Antaranya dari sudut politik, lebih kepada perebutan takhta, perluasan kuasa. Sementara, dari segi ekonomi lebih menjurus kepada rampasan harta, rompakan para lanun, perdagangan, perhutangan, percukaian dan seumpamanya. Begitu juga masalah yang timbul dikalangan masyarakat sosial, di mana akhlak yang buruk seperti bersikap tamak, penipuan, fitnah, belot dan hal-hal peribadi seperti perkahwinan, penipuan dan darjat turut menyumbang kepada aktiviti perang seperti yang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*

Ternyata agenda politik seperti perluasan kuasa, perebutan takhta kerajaan dan penaklukan kawasan seperti yang ditemui dalam teks merupakan subjek atau pun konflik yang paling banyak mencetuskan peristiwa perang. Hal ini disebabkan oleh penglibatan golongan istana dalam peperangan lebih mendominasi teks *Tuhfat al-Nafis*, di samping itu pengarang lebih menonjolkan peranan dan usaha-usaha para pembesar

---

<sup>299</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.232), hlmn 250

dalam mengukuhkan kerajaan yang dibina serta menjaga maruah dan kepentingan suku kaum masing-masing.

Begitu juga dari aspek ekonomi yang tidak kurang hebatnya, harta benda dan wang ringgit turut memainkan peranan penting dalam mencetuskan serangan, terutamanya ketika perdagangan sedang berkembang pesat. Menerusi perdagangan juga pelbagai implikasi yang negatif muncul di kepulauan tersebut sehingga membawa kepada pertelingkahan, umpamanya percukaian, tamak, rompakan dan sebagainya.

Apabila wujudnya perdagangan di antara kuasa asing, maka secara tidak langsung peperangan dengan kuasa Barat juga telah mendapat tempat pada abad ke17 dan 18M. Situasi ini menjadi tegang apabila berlakunya pengkhianatan terhadap salah satu pihak, ternyata Belanda banyak bermain dengan tipu muslihat ketika berada di Riau sehinggalah pada akhirnya Belanda berjaya menakluk kerajaan Johor di bawah kuasanya melalui serangan yang dilaksanakan olehnya pada tahun 1784.

Walau bagaimanapun konflik yang lain turut menyumbang kepada pertelingkahan di antara dua pihak meskipun hanya sekelumit masalah, umpamanya kerana ditipu, difitnah, hal perkahwinan. Hal ini mencerminkan bahawa sikap atau pun akhlak yang negatif mampu merangsang untuk melancarkan peperangan. Namun jika dibandingkan hal tersebut dengan situasi pada masa kini, ternyata masalah tersebut masih mampu lagi dikawal dan diselesaikan oleh mana-mana institusi tertentu. Berbeza dengan abad ke 18 M dahulu, yang lebih menggalakkan perang dari berdamai untuk menyelesaikan satu permasalahan walaupun konfliknya kecil. Barangkali mereka lebih memilih jalan perang dari berdamai pada waktu itu adalah disebabkan sikap individu yang agresif untuk menjaga maruah dan kepentingan kaum masing-masing ketika itu terutamanya orang Bugis.

Peredaran masa telah memperlihatkan bahawa institusi ketenteraan yang ada pada masa kini lebih sistematik sehingga mampu melahirkan anggota ketenteraan yang terlatih untuk mengawal negara dan menjaga keamanan rakyat dengan lebih baik, berbanding dengan situasi sebelum ini yang hanya berjuang untuk membela nasib suku kaum tertentu daripada keamanan rakyat bersama dalam sesebuah negeri. Secara keseluruhan, hasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa di dalam teks *Tuhfat al-Nafis* tidak ada disebutkan berlakunya perang yang menyentuh hal ehwal keagamaan dan semangat nasionalisme yang tinggi untuk mencapai kemerdekaan. Kebanyakkannya punca perang yang dapat dikenalpasti lebih kepada menjurus kepada kepentingan kaum masing-masing dalam pelbagai sudut dan faktor. Kesimpulannya, masing-masing berusaha untuk membina dan mengukuhkan kerajaan, di samping ingin menampilkan kehebatan kaum tertentu.

#### **4.3 Organisasi ketenteraan dalam karya *Tuhfat al-Nafis***

Analisis teks *Tuhfat al-Nafis* ini menunjukkan bahawa dalam perang, peranan pelbagai golongan masyarakat seperti tentera, serdadu dan para pegawai kerajaan yang terdiri daripada pelbagai pangkat dan jawatan kerajaan termasuklah keturunannya seperti sultan, temenggung, laksamana dan sebagainya merupakan orang penting dalam kegiatan perang untuk melahirkan struktur sosial baru masyarakat yang berusaha untuk mengukuhkan kerajaan. Di samping itu, dalam teks ini juga pengarang lebih menumpukan kepada agenda orang istana yang mana setiap daripadanya berperanan dalam pertempuran dengan menanamkan matlamat yang tertentu terutamanya dalam menguasai sesebuah kerajaan. Perang menjadi satu elemen penting dalam politik kerajaan Melayu, justeru dalam teks ini pengarang lebih

memperlihatkan peranan para pemerintah yang terdiri dari golongan bangsawan dalam kegiatan perang. Meskipun di dalam teks tidak dicatatkan peranan jawatan tersebut dengan jelas, namun penonjolan mereka dalam peperangan cukup jelas membuktikan bahawa jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran turut berganding bahu bersama golongan masyarakat demi mempertahankan kerajaan dan negara. Berikut merupakan jadual analisis sebutan berkaitan dengan organisasi ketenteraan dalam karya *Tuhfat al-Nafis*.

**Jadual 4.2 : Analisis sebutan terhadap Organisasi Ketenteraan dalam karya T.N**

Kategori	Subjek Umum	Subjek Khusus	Jumlah sebutan	No. Folio dalam Tuhfat al-Nafis
Individu	Institusi Kesultanan Melayu (Jawatan Melayu)	Sultan	1195 kali	f.45, f.61,f.338, f.456,f.29,f.205
		Raja	3824 kali	f.132,f.14,f.134, f.154,f.407,f.418
		Bendahara	146 kali	f.163,f.13,f.242, f.215,f.44,f.161
		Temenggung	127 kali	f.28,f.41,f.309, f.312,f.403,f.74
		Panglima	114 kali	f.329,f.65,f.449, f.252,f.301,f.220
		Penghulu	37 kali	f.448,f.43,f.183 f.70,f.69,f.456
		Laksamanana	32 kali	f.62,f.277,f.54, f.410,f.63,f.11
		Hulubalang	16 kali	f.122,f.257,f.81 f.65,f.110,f.54
Jawatan Bugis		Yamtuan	83 kali	f.20,f.242,f.222 f.241,f.19,f.287
		Punggawa	61 kali	f.177,f.235,f.131 f.56,f.175

		Suliwatang	39 kali	f.150,f.200,f.203 f.172,f.201,185
		Gabenur	132 kali	f.186,f.323,f.357, f.268,f.185,f.236
		Residen	196 kali	f.435,f.447,f.341 f.395,f.408,f.419
		Jenderal	71 kali	f.331,f.324,f.418 f.269,f.88,f.329
		Piter Jakub	21 kali	f.240,f.228,f.246 f.262,f.253,f.245
		Elout	14 kali	f.357,f.312,f.408 f.312,f.408,f.349
		Komedan (komander/ Nakhoda kapal)	3 kali	f.439,f.449,f.416
		Walterbek (laksamana muda)	2 kali	f.312,f.336
		Tuan Abo	2 kali	f.231, f.228
		Serdadu	42 kali	f.449,f.230,f.336 f.351,f.319,f.231
		Lanun	25 kali	f.400,f.252,f.396, f.449,f.288,404
		Juak-juak	14 kali	f.112,f.63,f.221, f.396,f.127,f.415
Berkumpulan	-	Tentera	3 kali	f.439,f.426,f.444
		Orang laut	2 kali	f.335, f.436
		Askar (asykar)	1 kali	f.68

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, didapati bahawa beberapa jawatan di kalangan orang Bugis dan Melayu khasnya yang turut terlibat dalam siri peperangan yang nyata wujud dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Antaranya seperti sultan, raja,

Laksamana, Yamtuan Muda, Punggawa, suliwatang dan sebagainya. Di samping itu, organisasi yang dibentuk seperti askar, serdadu, tentera, keruis, lanun dan seumpamanya turut dirakamkan juga peranan serta sumbangannya dalam peperangan tersebut. Penonjolan kuasa-kuasa Barat seperti Belanda, Perancis dan sebagainya dalam peperangan juga turut membuktikan bahawa ketika itu telah wujud hubungan yang rapat di antara dua pihak. Hal ini disebabkan oleh kerana orang Barat mempunyai ketenteraan dan bekalan perang yang hebat serta kekuatan ekonomi yang teguh pada ketika itu.

Oleh yang sedemikian, analisis sebutan terhadap organisasi ketenteraan telah dibuat berdasarkan kepada teks T.N dengan mengklasifikasikan subjek kepada dua item iaitu secara individu dan secara berkumpulan.

### I. *Individu*

#### **Jawatan Orang Melayu (Institusi Kesultanan Melayu)**

##### a) **Sultan**

Sultan merupakan tunjang utama dalam mentadbir sebuah negara dan menjaga keamanan rakyat. Namun dalam aktiviti peperangan, lazimnya Sultan tidak akan turun padang menentang musuh tetapi beliau hanya akan memberi arahan. Memandangkan beliau adalah seorang pemimpin tertinggi dalam sebuah organisasi, adakalanya sultan juga akan turut terlibat dalam sebuah pertempuran. Hal ini ternyata dapat dilihat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* :

“ ...maka jadi perkelahianlah, maka Raja Kecik pun pergi melanggar **Sultan Abdul Jalil**. Maka Sultan Abdul Jalil pun membuat kubu di

Seluyut, maka berperanglah Minangkabau dengan Johor semula. Maka tiada berapa antaranya perang itu, maka alahlah kubu di Seluyut ...”<sup>300</sup>

Petikan teks *Tuhfat al-Nafis* ada menyebutkan bahawa Sultan Abdul Jalil antara pemimpin yang turut serta dalam peperangan, seperti yang disebutkan dalam petikan di atas bahawa Sultan Abdul Jalil telah membuat kubu untuk melindungi diri dari serangan, meskipun demikian Sultan telah mengalami kekalahan sehingga kubunya dimusnahkan oleh Raja Kecik dan beliau berundur ke Terengganu, sementara rakyat Johor ada sebahagiannya berpindah ke Melaka.

**b) Raja**

Ternyata raja juga turut terlibat dalam pertempuran. Ini berdasarkan kepada kajian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* bahawasanya terdapat 3824 kali ada disebutkan istilah raja yang secara tidak langsung terlibat dalam aktiviti perang. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... sudah Marhum Jaafar mangkat, dan putera yang bernama **Raja** Abd al-Rahman inilah yang disuruhnya pergi melanggar Bakung itu. Maka lalulah diperanginya tempat yang bernama Bakung itu. Maka bakung itu pun alah, maka dibinasakanlah oleh Raja Abd al-Rahman segala panglima-panglima yang di dalam Bakung itu dan dibakarnyalah Bakung itu...”<sup>301</sup>

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Raja terlibat dalam pertempuran, seperti Raja Abdul Rahman yang telah memerangi sebuah tempat yang bernama Bakung sehingga binasa kerana terdapat banyak perompak di kawasan tersebut.

---

<sup>300</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.61) hlmn 64

<sup>301</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.394), hlmn 396

Berikut merupakan bukti lain yang menunjukkan bahawa Raja juga turut serta dalam peperangan meskipun kebiasaannya Raja tidak akan bersama-sama di dalam medan peperangan. Hal ini dapat dilihat pada teks berikut :

“... Adapun **Raja** Andut dan Raja Abdul Samad apabila tiba ke Singapura maka lalulah berperang dengan Yang Dipertuan Raja Ismail di Singapura,sangat azmat bunyinya, legam-legum, berbedil-bedilan sangatlah sabur -menyaburnya gegak gempita...”<sup>302</sup>

Penyelidik juga mendapati bahawa Raja juga berperanan dalam memberi arahan supaya melancarkan serangan. Hal ini dapat dirujuk pada teks :

“... Maka **Raja** Abdullah pun berdatang sembah, “ Baiklah kita serbu saja malam-malam ke dalam Riau itu, kita amuk saja kerana Bugis itu tentu ia tiada menyangka, kerana kita lagi di dalam bicara.” Maka titah Yamtuan Raja Ismail, “ Apabila kita berlayar dari sini , tentu Bandar Amin itu mengikut kita...”<sup>303</sup>

### c) **Bendahara**

Bendahara merupakan jawatan kedua tertinggi selepas raja dan beliau juga dianggap sebagai penghulu bagi sekalian jemaah para pembesar. Oleh kerana kedudukan beliau yang tinggi, kebiasaannya Sultan akan menuntut keberanian dari bendahara untuk membantu menangani ancaman musuh. Dan hal ini jelas terbukti seperti yang ada dinyatakan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* :

“... Al-kisah maka tersebutlah perkataan Yang Dipertuan Selangor di dalam negeri Pahang. Maka muafakatlah pula dengan Datuk Bendahara Pahang serta orang-orang Pahang hendak melanggar Selangor semula. Maka apabila sudah putus muafakatnya serta rapatlah bicaranya, maka bersiaplah ia akan alat perkelahian...”<sup>304</sup>

Oleh kerana Orang Holanda bersikap tegas dan kasar kepada rakyat tempatan, pemerintah kerajaan Selangor telah bersepakat dengan Bendahara Pahang untuk

---

<sup>302</sup> Tuhfat al-Nafis (f.177) hlmn 188

<sup>303</sup> Tuhfat al-Nafis (f.177) hlmn 187

<sup>304</sup> Tuhfat al-Nafis (f.247) hlmn 268

melanggar Selangor. Lalu dibedilnya pada esok hari sehingga pihak Holanda terpaksa menutup pintu kotanya kerana tindakan agresif orang Pahang. Petikan di atas jelas menggambarkan bahawa bendahara secara tidak langsung terlibat sama dalam perperangan dan merupakan orang penting dalam membuat sesuatu keputusan.

#### d) Temenggung

Dalam siri perperangan yang dinyatakan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* ada disebutkan bahawa temenggung juga turut serta dalam perperangan. Dan berdasarkan kepada analisa yang dibuat terdapat 127 kali ada dinyatakan peranan temenggung dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“ .... Akhirnya istana itu terbakar. Kemudian baginda berpindah pula ke Riau, semayam di Riau.... Kemudian daripada itu Yang Dipertuan Muda pergi perang ke Batu Bahara, lalu ke Deli pada Hijrat sanat 1122 ...Lalulah pula menyuruh Datuk **Temenggung** perang ke Linggi iaitu pada hijrat sanat 1128...”<sup>305</sup>

Petikan di atas menjelaskan bahawa pada tahun 1128M, Datuk Temenggung terlibat dalam perperangan di Linggi. Banyak peristiwa perang yang berlaku selepas daripada istana musnah, musuh juga semakin banyak yang terdiri daripada Bugis, Minangkabau dan Patani. Oleh yang demikian, Temenggung dan sekutunya melancarkan serangan untuk mencari perdamaian.

Meskipun temenggung terdiri daripada para pembesar istana, namun penyelidik juga mendapati bahawa temenggung turut terlibat dalam menguruskan hal kematian. Hal ini dapat dilihat pada keratan teks yang berbunyi:

“... Maka tiada berapa hari geringnya, maka baginda itu pun mangkatlah ia. Maka apabila mangkat Sultan Ahmad itu, maka Yang

---

<sup>305</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.46) hlmn 49

Dipertuan Muda pun, serta datuk bendahara, dan datuk **temenggung**, serta raja-raja suku-suku Melayu pun dukacitalah berkabunglah segala orang-orang Riau. Maka Yang Dipertuan Muda serta temenggung bendahara pun mengerjakan jenazah...”<sup>306</sup>

Ketika Sultan Ahmad mangkat akibat sakit tenat, Yang Dipertuan Muda, Bendahara, Temenggung serta raja-raja berkabung seperti kebiasaan yang dilakukan dalam adat istiadat. Temenggung juga turut menguruskan jenazah Sultan dari mandi sehingga dimakamkan jenazahnya.

e) **Panglima**

Mengikut penilitian yang dibuat, didapati sebanyak 114 kali ada dinyatakan peranan panglima dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Terdapat bukti yang menunjukkan panglima turut terlibat dalam beberapa peristiwa perang seperti yang berlaku di Retih, raja bersama dengan panglima di kalangan orang lanun telah membuat amuk ke atas kubu orang Riau. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks:

“... Maka berperanglah legum-legam, maka tiada berketewasan antara kedua pihak. Kemudian daripada itu maka datanglah amuk orang-orang lanun iaitu rajanya dan **panglimanya** kepada kubu orang Riau itu pukul enam pagi...”<sup>307</sup>

Melihat kepada analisis yang dibuat, penyelidik juga mendapati bahawa panglima bukan sekadar menyertai perperangan, bahkan berperanan dalam menyediakan alat kelengkapan perang sebelum menghadapi pertempuran. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“... Syahadan kata sahibul al-hikayat sebermula adalah Engku **Panglima** Besar didalam negeri Retih berbuatlah ia akan dua benteng yang besar-besar serta mengatur meriam, mengumpulkan orang-

---

<sup>306</sup> Tuhfat al-Nafis (f.162), hlmn 171

<sup>307</sup> Tuhfat al-Nafis (f.448) hlmn 463

orangnya serta ia membeli ubat peluru di Singapura. Maka hendak menahan jika ada langgar Yang Dipertuan Muda...”<sup>308</sup>

Berdasarkan penilitian teks didapati panglima merupakan seorang general yang bertindak dalam menyiapkan segala kelengkapan untuk bertempur, seterusnya bersama-sama dalam menghadapi perang. Hal ini menunjukkan bahawa panglima merupakan orang kanan yang memainkan peranan penting dalam kegiatan perang selain daripada raja.

#### f) Penghulu

Berdasarkan penelitian terhadap teks, didapati sebanyak 37 kali ada disebutkan peranan penghulu dalam teks *tuhfat al-Nafis* seperti penghulu Abdul al-Majid yang dilantik menjadi ketua angkatan pertikaman orang-orang Bugis dalam sebuah perang. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“...lagi anak Raja Husain semuanya pergi belaka mana-mana yang patutnya dibawanya pergi perang. Dan ada juga membawa pertikaman Bugis-Bugis, adalah kepalanya kapitan Abd al-Karim dan **penghulu** Abd al-Majid...”<sup>309</sup>

Begini juga dengan bukti lain yang ditemui bahawa penghulu Linggi dipercayai telah terlibat dalam satu peristiwa perang Linggi. Beliau bersama-sama dengan Raja Kecik melawan opu-opu Bugis sehingga menyebabkan pihak Linggi tandus dan terpaksa beralih ke negeri Bantan untuk mengukuhkan kerajaannya seperti yang disebutkan dalam teks berikut:

“... Perang Linggi tatkala Raja Kecik pergi ke Linggi membantu **penghulu** Linggi, berperang dengan opu-opu raja Bugis itu. Maka

---

<sup>308</sup> Tuhfat al-Nafis (f.442) hlmn 457

<sup>309</sup> Tuhfat al-Nafis (f.448), hlmn 463

Raja Kecik pun tewaslah dan alah pula ia. Lalulah pergi ke Siak membuat negeri di Bantan, serta berkukuh di situ...”<sup>310</sup>

**g) Laksamana**

Laksamana ibarat ketua angkatan laut. Beliau banyak memainkan peranan menjaga keselamatan dan keamanan di kawasan perairan laut. Menurut teks *Tuhfat al-Nafis*, padanya terdapat sebanyak 32 kali ada disebutkan istilah laksamana. Berikut merupakan antara maklumat yang menunjukkan laksamana berkhidmat sebagai ketua angkatan laut dalam peperangan.

“... Adalah kepalanya **Laksamana** Nakhoda Sekam namanya, dititahkannya menyuruh silakan Sultan Abdul Jalil itu ke Riau, jikalau tiada mau, lawanlah berperang. Maka pergilahe segala angkatan itu kepalanya Nakhoda Sekam... Maka berperanglah Laksamana Nakhoda Sekam itu melanggar Kuala Pahang...”<sup>311</sup>

Selain itu berdasarkan kepada penelitian teks, ada disebutkan juga tentang kegiatan rompakan yang diterajui oleh Laksamana. Hal ini telah menunjukkan antara sikap negatif Laksamana sebagai orang penting dalam kepimpinan. Ini boleh dirujuk pada teks berikut :

“... iaitu meriam delapan puluh dan lela rentaka tiga ratus. Maka tetaplah baginda itu di Johor. Maka di dalam beberapa masanya mengeluarkan perompak- perompak pergi melanggar Melaka dan beberapa lanca-lanca Peringgi dapat. Adalah kepala perompak itu **Laksamana** Hang Nadim...”<sup>312</sup>

Di samping itu, penyelidik juga telah mengenalpasti bahawa Laksamana juga turut terlibat dalam peperangan, bahkan menjadi ketua dalam sesebuah angkatan ketenteraan. Hal ini merujuk kepada teks berikut :

<sup>310</sup> Tuhfat al-Nafis (f.182) hlmn 194

<sup>311</sup> Tuhfat al-Nafis (f.62) hlmn 65

<sup>312</sup> Tuhfat al-Nafis (f.10), hlmn 12

“... maka melawanlah orang-orang negeri Johor itu, berperang mananya yang sempat berbunuh-bunuhanlah sehari-hari itu. Maka banyaklah orang Johor belot kepada sebelah Minangkabau, kerana **laksamana** kepala perangnya telah belot...”<sup>313</sup>

#### **h) Hulubalang**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Terdapat sebanyak 16 kali ada dinyatakan peranan hulubalang dalam kegiatan perang. Hulubalang merupakan individu yang terlibat dalam peperangan. Misalnya dalam sebuah pertempuran menentang perompak, Panglima dan hulubalang diminta untuk menyerbu dan menentang perompak yang menceroboh di kawasan itu. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... maka Raja Singgora pun segeralah menyuruhkan orang-orangnya daripada **hulubalang** menterinya dan panglima-panglimanya serta beberapa ribu tenteranya hilir ke kuala akan melawan perompak yang menyerbu itu. Maka apabila sampailah mereka itu ke Kuala maka dilihatnya perompak itu sudah tiada lagi serta disuruhnya perahu-perahu perangnya keluar ke kuala...”<sup>314</sup>

Terdapat Hulubalang yang terlibat dalam pertempuran seperti dalam petikan, yang menjelaskan bahawa Hulubalang telah diarahkan untuk mengenalpasti dan menentang para perompak yang berani menyerbu masuk untuk melanggar Singgora dan merampas segala harta benda di situ. Namun dalam sekilip mata mereka telah melarikan diri tanpa sempat diperangi sehingga berlakunya perang lain yang melibatkan campur tangan bersama.

“... Maka Raja Kecik pun serta segala orang Minangkabau pun sampailah ke Pangkalan Rama lalulah naik ke jambatan dengan segala pendekar-pendekarnya dan **Hulubalang** menterinya, membunyikan

---

<sup>313</sup> Tuhfat al-Nafis (f.55), hlmn 57

<sup>314</sup> Tuhfat al-Nafis (f.257) hlmn 279

settinggar dan senapangnya. Maka melawanlah orang-orang negeri Johor itu, berperang mana -mana yang sempat berbunuh-bunuhanlah...”<sup>315</sup>

## Jawatan Orang Bugis

### a) Yamtuan

Yamtuan merupakan jawatan baru di dalam kerajaan Johor yang dipelopori oleh suku Bugis yang datang dari sebelah timur kepulauan Melayu iaitu Luwuk Sulawesi. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat oleh penyelidik berdasarkan kepada karya *Tuhfat al-Nafis*, didapati sebanyak 83 kali ada disebutkan gelaran Yamtuan dalam teks. Dimana, sebahagian darinya menyatakan tentang penglibatan Yamtuan selaku peneraju politik dalam mempertahankan negara melalui cara berperang. Hal ini dapat disaksikan pada teks :

“...pergilah angkatan Holanda itu bersama-sama angkatan **Yamtuan** Muhammad Ali itu melanggar negeri Selangor. Maka apabila sampai ke Negeri Selangor dengan kompeni Holanda itu. Maka tiada berapa lamanya berperang itu maka Selangor pun alahlah, maka Yang Dipertuan Muda Selangor pun undurlah ke Hulu Selangor berjalan ke Bernam...”<sup>316</sup>

Selaku Yamtuan Muda semestinya mereka memainkan peranan yang tinggi dalam setiap pertempuran khasnya. Seperti yang dicatatkan dalam teks bahawa Yamtuan Muhammad Ali bersama dengan Holanda pergi menyerang Selangor sehingga menyebabkan ramai yang terkorban dan orang Selangor terpaksa mengalah daripada terus bertempur. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa Yamtuan menjalankan sebahagian daripada tanggungjawabnya dalam kegiatan perang.

---

<sup>315</sup> Tuhfat al-Nafis (f.54) hlmn 57

<sup>316</sup> Tuhfat al-Nafis (f.241) hlmn 262

## b) Punggawa

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati sebanyak 150 kali ada dirakamkan peranan punggawa dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Punggawa atau lebih dikenali sebagai “*master shipbuilder*”<sup>317</sup> merupakan gelaran bagi seorang ketua (terutamanya orang Bugis) yang bertanggungjawab dalam bersama-sama mencipta dan menghasilkan sebuah kapal. Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dibuat dalam teks ternyata punggawa juga terlibat secara langsung dalam peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“...meriamnya pula. Maka lalulah dibedilnya perahu-perahu **punggawa**, dan perahu-perahu Dahing Madik. Maka lalulah berperang berbedil-bedil legum legam. Maka dikeremuni oleh beberapa kelengkapan siak, lalulah dirapatkannya perahu-perahu bugis itu...”<sup>318</sup>

Bukti lain yang terdapat pada teks yang menunjukkan punggawa terlibat dalam pertempuran dapat dilihat pada teks :

“... didengarnya negeri Johor telah berperang dengan Sultan Abd Jalil dengan Raja Kecik maka segeralah, maka segeralah ia masuk ke negeri Johor dengan segala kelengkapannya seperti **punggawa** indera guru serta juak-juaknya...”<sup>319</sup>

Ternyata petikan di atas menunjukkan bahawa punggawa juga turut terlibat dalam pertempuran seperti dalam peristiwa yang berlaku di Johor, Sultan Abd Jalil berlawan dengan Raja Kecik bersama-sama juak-juak, punggawa dan alat kelengkapan yang lain. Jelaslah bahawa khidmat punggawa diperlukan dalam peperangan.

---

<sup>317</sup> Gene Ammarell (1999) *Bugis Navigation*, U.SA : Yale University Southeast Asia Studies, hlmn 201

<sup>318</sup> Tuhfat al-Nafis (f.177) hlmn 187

<sup>319</sup> Tuhfat al-Nafis,(f. 56) hlmn 58

### c) Suliwatang

Mengikut analisis yang dibuat berdasarkan kepada teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati sebanyak 39 kali dirakamkan tentang penglibatan suliwatang dalam beberapa peristiwa peperangan yang dicatatkan dalam karya T.N. Hal ini dapat dibuktikan pada teks

“... mengatakan yang kita sudah berperang.” Maka sembah **suliwatang**, “Baiklah.” Maka suliwatang pun berkerahlah akan segala indera gurunya dan juak-juaknya, dan segala bugis-bugis yang banyak disuruhnya bersiap dan memakai pakaian perang ...”<sup>320</sup>

“... maka apabila sudah siap dan mustaib semuanya, maka naiklah **suliwatang** serta panglima-panglima Bugis yang banyak serta indera gurunya lalulah dilanggarnya kubu Batangau itu diamuknya. Dikeluari orang-orang Kedah...”<sup>321</sup>

Suliwatang adalah jawatan penting yang diberikan kepada orang Bugis. Berdasarkan petikan teks, suliwatang juga terlibat bersama-sama orang Bugis dalam menghadapi pertempuran dengan purata yang agak tinggi. Ini kerana pengarang ingin memaparkan peranan Suliwatang sebagai orang yang berjawatan di kalangan suku kaum Bugis.

### Jawatan Orang Barat

#### a) Residen

Berdasarkan penelitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, terdapat sebanyak 196 kali residen terlibat dalam siri peperangan. Residen merupakan wakil kerajaan British di tanah jajahan atau negeri di bawah naungan British<sup>322</sup>. Beliau juga

---

<sup>320</sup> Tuhfat al-Nafis (201), hlmn 215

<sup>321</sup> Tuhfat al-Nafis (f.202) hlmn 216

<sup>322</sup> Kamus Dewan Bahasa, edisi Keempat, (2007), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 1324

merupakan kuasa asing yang giat dalam aktiviti perdagangan, selain terlibat dalam perperangan.

“...maka marahlah Yang dipertuan Muda serta residen Riau. Maka musyawarahlah Yang Dipertuan Muda serta **residen** Riau akan pergi memerangi Panglima Besar itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun bersiaplah akan kelengkapan perang (mana-mana ala kadarnya perahu-perahu yang kecil-kecil yang boleh memakai meriam dan lela...”<sup>323</sup>

Jelaslah bahawa residen juga turut terlibat dalam kegiatan perang seperti yang dijelaskan dalam teks bahawa residen Riau akan bertindak untuk memerangi Engku Panglima Besar Retih yang mengatur segala kelengkapan dan orang-orangnya. YDPM telah bersepakat dengan residen Riau untuk bersiap sedia memerangi mereka dengan melantik Raja Muhammad Yusuf sebagai ketua perang.

### b) Gebernur (Gabenur)

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, didapati sebanyak 132 kali ada dinyatakan dalam *Tuhfat al-Nafis* berkaitan dengan penglibatan gabenur, selaku pemimpin yang mengetuai sepasukan angkatan. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... Maka Piter Jakub Pemberam pun bermusyawarahlah dengan **gebernur** Melaka hendak melanggar Selangor semula. Maka disuruhnyalah dua buah kapal perang menunggu Kuala Selangor (sekadar menantikan Piter Jakub Pemberam sahaja yang datang dengan angkatan yang banyak...”<sup>324</sup>

Holanda telah dikhabarkan bahawa Selangor akan melanggar Bukit, maka Piter Jakub telah berpaktat dengan gabenur Melaka supaya bersiap sedia dengan kelengkapan perang untuk melanggar Selangor semula. Ini menunjukkan kuasa asing juga turut memainkan peranan, sama ada dari segi membuat arahan mahu pun terlibat secara langsung dalam perperangan.

---

<sup>323</sup> Tuhfat al-Nafis (f.443), hlmn 457

<sup>324</sup> Tuhfat al-Nafis (f.249) hlmn 269

### c) Jenderal (General)

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat pada teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati sebanyak 71 kali ada dirakamkan tentang jenderal sebagai ketua dalam beberapa peristiwa perang seperti yang dinyatakan dalam teks.

“... dan panjang kecinya dua puluh satu depa, dan meriamnya sembilan sebelah panjang (meriamnya) enam hasta, dan berat pelurunya delapan pon ada serdadunya dan tamburnya dan serulingnya. Syahadan keci itulah yang diperintahkan oleh Gebernur **Jenderal** (Baron Pender Kapila) akan tempat Yang Dipertuan Muda pergi ke Terengganu...”<sup>325</sup>

Petikan ini menjelaskan bahawa sebagai General, ia juga secara tidak langsung turut serta dalam mempertahankan negara. Bahkan bukan sekadar menyertai, tetapi bertindak untuk mengawal anak buahnya dan alat kelengkapan ketika membuat serangan.

### d) Peter Jakub

Melihat kepada isi kandungan teks *Tuhfat al-Nafis* ada disebutkan peranan Peter Jakub sebagai ketua angkatan tentera laut Belanda yang turut menyertai beberapa peristiwa perang yang dirakamkan dalam teks tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam teks dengan sebutan sebanyak 21 kali, antaranya seperti berikut :

“... sebermula tersebutlah perkataan raja Melaka. Adapun gebernur Melaka apabila sudah selesai ia berperang itu dengan Raja Haji itu, maka muafakatlah ia pula dengan **Piter Jakub** Pemberam melanggar Selangor pula sebab kerana raja Selangor yang mengajak Raja Haji melanggar Melaka seolah-olah ialah yang membuat pokok perkelahian...”<sup>326</sup>

Bukti lain yang menunjukkan Piter Jakub sebagai individu yang terlibat dalam siri peperangan yang dinyatakan dalam teks adalah :

---

<sup>325</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.331), hlmn 359

<sup>326</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.241), hlmn 261

“... maka **Piter Jakub** dan Pemberam pun pergilah ke Riau dengan beberapa kapal perangnya. Maka apabila tiba ia ke Riau maka didapatinya segala orang-orang Melayu dan peranakan Bugis yang tinggal di dalam Riau sudahlah habis semuanya, hanyalah yang tinggal Cina-cina sahaja...”<sup>327</sup>

Petikan teks di atas jelas membuktikan bahawa Piter Jakub antara kuasa asing yang terlibat sama dengan orang Melayu dan Bugis dalam menghadapi peperangan. Dengan pengaruh dan kehebatan yang beliau ada, sudah pasti beliau akan turut serta dalam memperjuangkan haknya.

e) **Walterbek**

Berdasarkan kepada peneilitian yang dibuat pada teks, didapati peranan Walterbek sebagai laksamana muda ada dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata sebutan tentang *walterbek* ada disebutkan dalam teks sebanyak 2 kali.

“... maka di dalam tiada berapa antaranya maka angkatan gebermen Holanda pun datanglah ke Riau iaitu Sekebenakht **Walterbek** ialah yang menjadi raja di laut, dan satu komesaris iaitu kapitan Ilaut dengan kapal perang yang bernama Terum...”<sup>328</sup>

Peristiwa di atas menggambarkan bahawa Walterbek merupakan gabermen Holanda yang turun ke Riau untuk memasang meriam dan bendera bagi memberi penghormatan kepada Yang Dipertuan Muda kerana telah bermuafakat dengan raja laut dalam satu perjanjian. Selepas segala kelengkapan dipasang, maka angkatan gabermen Holanda pulang semula yang dipimpin oleh Walterbek. Kandungan teks ini menunjukkan bahawa Walterbek tidak terlibat dalam peperangan, tetapi namanya disebut atas sumbangan beliau dalam aspek yang lain.

---

<sup>327</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.253), hlmn 275

<sup>328</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.312), hlmn 338

**f) Ilaut / Elout**

Major Elout adalah seorang residen Riau, terdapat 14 kali sebutan istilah Elout di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Namun didapati bahawa sebutan tersebut tidak menggambarkan Elout pernah terlibat dalam mana-mana pertempuran, cuma terdapat maklumat yang menjelaskan bahawa Elout pernah berselisih faham dengan Engku sayid Muhammad Zain al-Kudsi, tetapi perselisihan terbut dapat dihentikan dengan perdamaian. Hal ini ada disebutkan dalam petikan berikut:

“... Adapun perselisihan antara residen Ilaut dengan Engku sayid Muhammad Zain al-Kudsi itu berdamailah semula. cucilah dengan berkirim-kirimkan surat daripada pihak sebelah-menyebelah seperti adat orang bersahabat-sahabatan pulang sediakala...”<sup>329</sup>

**g) Komedan (Komander)**

Mengikut analisis yang dibuat berdasarkan kepada teks *Tuhfat al-Nafis*, terdapat sebanyak 3 kali dinyatakan jawatan komander dalam teks tersebut cuma apa yang dapat diperlihatkan, peranannya tidak begitu jelas terlibat secara langsung dalam peristiwa perang yang nyata wujud dalam teks tersebut. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“...Maka apabila sampai ke Retih maka berperanglah pula ia semula legum-legum bahana meriamnya sebelah-menyebelah. Kemudian daripada itu maka musyawarahlah **komedan** kapal perang itu dengan Raja Husain hendak memintas sebelah belakang kubunya dinaikkan serdadu. Apabila putus musyawarah maka naiklah serdadu Holanda beratus-ratus serta...”<sup>330</sup>

Peristiwa perang di atas menunjukkan bahawa komedan juga terlibat secara langsung dalam pertempuran, seperti yang dirakamkan bahawa Komander telah bersepakat dengan Raja Husin untuk memintas dari sebelah belakang kubunya, kemudian disusun

---

<sup>329</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.358) hlmn 388

<sup>330</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.449) hlmn 464

pula para serdadu dengan senapangnya di kawasan yang sama. Ini menunjukkan salah satu usaha yang dimainkan oleh Komander, sama ada terdiri dari kuasa asing mahupun orang Melayu.

#### **h) Toger Abo**

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata ada disebutkan gelaran *Toger Abo* sebagai ketua angkatan perang Holanda yang melancarkan serangan ke atas Riau selama beberapa bulan. Meskipun dalam teks tidak dinyatakan peranan beliau ketika dalam peperangan, namun pengarang ada menyatakan bahawa *Toger Abo* adalah ketua angkatan perang. Berikut merupakan petikan teks yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dengan sebutan sebanyak 2 kali, iaitu :

“... Syahadan kata sahib al-hikayat maka ada kira-kira sembilan bulan lamanya berperang Riau kata setengah kaul adalah kira-kira sebelas bulan . Maka berbicaralah pula antara kedua pihak iaitu YDPM Raja Haji dengan Piter Jakub Pemberam. Kata satu kaul pula orang besarnya Holanda itu namanya **Tuan Abo** hendak bicara muafakat pula berhentilah perang mencari bicara yang baik serta hendak memasukkan satu kapal perang...”<sup>331</sup>

“... Syahadan adapun gebernur Melaka apabila Raja Haji memulangkan surat-surat perjanjian itu maka marahlah ia maka musyawarahlah ia dengan raja laut yang bernama Piter Jakub Pemberam, kata setengah kaul orang-orang besar Holanda nama kepala perang itu **Tuan Abo**...maka pergilah segala kelengkapan Holanda itu dengan beberapa kapal perang dan keci perang melanggar negeri Riau...”<sup>332</sup>

---

<sup>331</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.231), hlmn 249

<sup>332</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.228), hlmn 247

## **II. Berkumpulan**

### **a. Tentera**

*Tuhfat al-Nafis* antara karya yang banyak memaparkan tentang perang yang berlaku di kalangan orang Melayu dan Bugis. Semestinya penglibatan tentera amat diperlukan dalam setiap pertempuran sama ada terdiri daripada rakyat tempatan sendiri, mahupun yang diimport dari negeri lain. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat, terdapat sebanyak 3 kali ada dirakamkan tentang penglibatan pasukan tentera dalam teks T.N. Hal ini dapat dilihat pada teks:

“... lalulah ia mengumpulkan hulubalang menterinya serta beberapa rakyat **tenteranya**. Apakala sudah kumpul, lalulah ia melanggar kota Raja Kedah yang tuanya itu. Maka berperang besarlah dengan Yang dipertuan Muda Riau....”<sup>333</sup>

“... Maka raja Singgora pun segeralah menyuruhkan orang-orangnya daripada hulubalang menterinya dan panglima-panglimanya serta beberapa ribu **tenteranya** hilir ke kuala akan melawan perompak yang menyerbu itu. Maka apabila sampailah mereka itu ke kuala maka dilihatnya perompak itu sudah tiada lagi...”<sup>334</sup>

Telah sedia maklum bahawa peranan seorang tentera adalah menjaga keamanan negara. Begitu juga dalam teks *Tuhfat al-Nafis* yang mengangkat tentera sebagai orang penting dalam perang. Berdasarkan teks di atas, seramai ribu orang tentera termasuk hulubalang, panglima akan melawan perompak di kuala. Ini jelas menunjukkan kewibawaan seorang tentera sebagai orang kuat dalam perang.

---

<sup>333</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.81) hlmn 84

<sup>334</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.257) hlmn 279

### b. Askar (Asykar)

Mengikut analisis yang dibuat berdasarkan kepada teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati hanya sekali sahaja disebutkan tentang peranan askar. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“... tetapi adalah datangnya itu cukup dengan hulubalangnya dan menterinya serta dengan punggawanya, dan indera gurunya dan juak-juak, **asykar** dan tenteranya serta mereka itu mengharapkan opu-opu itu mendapat nama dan pangkat di tanah barat ini...”<sup>335</sup>

Begitu pun askar tidak banyak disebutkan dalam teks, namun ia juga antara sekumpulan manusia yang bersama-sama dalam menyertai perang. Namun dalam teks *Tuhfat al-Nafis* tidak menunjukkan ciri-ciri askar sebagai pengaman negara, malah ia hanya memberi gambaran umum bahawa askar hanya mengiringi opu-opu ketika datang ke Selangor

### c. Lanun

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, Sebanyak 25 kali ada dinyatakan penglibatan lanun-lanun dalam perang. Antaranya perang yang berlaku di Retih, dimana ramai lanun-lanun termasuk raja serta panglimanya yang mati akibat terkena bedilan. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“...berkubu di darat kerana melawan kubunya pula Maka berperanglah legum-legam, maka tiada berketewasan antara kedua pihak. Kemudian daripada itu maka datanglah amuk orang-orang **lanun** iaitu raja-rajanya serta panglima-panglimanya kepada kubu orang Riau itu pukul enam pagi. Maka beramuklah di dalam kubu bermati-matianlah orang Bugis enam tujuh orang, dan...”<sup>336</sup>

---

<sup>335</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.68) hlmn 71

<sup>336</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.448) hlmn 463

“... ada tiga belas orang sebab dibedil oleh anak-anak raja Riau, serta kapitan Melayu dengan terakulnya dari atas bangun-bangunan kubunya. Maka tiadalah tertahan lagi **Lanun** itu lalulah lari berhamburan bercerai-berai membawa lukanya. Adalah Lanun yang datang mengamuk itu kira-kira seratus orang banyaknya, maka apabila mati rajanya dan panglima...”<sup>337</sup>

Satu peristiwa perang telah disebutkan bahawa lanun turut serta dalam peperangan yang berlaku di Retih, seperti yang dicatatkan dalam teks bahawa lanun telah berperang dengan angkatan Riau sehingga akhirnya lanun kecundang, dan ramai yang terkorban dalam pertempuran tersebut.

#### d. Serdadu

Mengikut penelitian yang dibuat, penyelidik mendapati sebanyak 42 kali ada disebutkan tentang keterlibatan angkatan serdadu dalam karya T.N. Serdadu terdiri daripada pelbagai maksud iaitu, i. ikan, ii. kembang. Namun serdadu yang dimaksudkan dalam teks T.N adalah anggota tentera, askar atau prajurit.<sup>338</sup> Peranan serdadu ada diperlihatkan dalam siri peperangan yang dinyatakan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Hal ini dapat dilihat pada teks :<sup>339</sup>

“... maka berperanglah di Semabuk itu dengan beberapa hari beramuk-amukan gegak gempita bunyi senapang pemuras **serdadu** dan pemuras Bugis (seperti bunyi orang menggoreng bertih serta dengan sorak tempiknya dan segala Bugis dengan kilung musungnya dan bermati-matianlah dan berluka-lukaan sebelah menyebelah...”<sup>340</sup>

Serdadu merupakan sekumpulan yang terlibat dalam peperangan, seperti yang dinyatakan dalam teks bahawa di Semabuk telah berlaku satu pertempuran di antara orang Bugis dan Semabuk. Ternyata serdadu turut menyertai perang dengan membawa

<sup>337</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.448), hlmn 463

<sup>338</sup> Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi Keempat, (2007), op.cit, hlmn 1468

<sup>339</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.234) hlmn 252

<sup>340</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.234) hlmn 252

senapang pemurasnya. Ini jelas menunjukkan peranan serdadu ketika itu sangat penting dengan purata sebutannya yang banyak dalam teks *Tuhfat al-Nafis*

#### e. Juak-juak

Juak-juak disini merujuk kepada hamba raja yang mengiringi raja atau membawa alat kebesaran.<sup>341</sup> Berdasarkan kepada analisis yang dibuat dalam *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati sebanyak 14 kali ada dirakamkan tentang penglibatan juak-juak di dalam peperangan yang nyata wujud dalam teks tersebut. Hal ini dapat dilihat pada teks:

“... maka panglima Hassan pun banyaklah lukanya, maka tubuhnya pun lemahlah lalulah ia terduduk. Maka diperamaikan oleh **juak-juak** Yamtuan Raja Ismail itu, ada yang menetak, ada yang menikam. Maka panglima Hasan pun matilah. Maka bersoraklah segala orang Tanah Putih itu...”<sup>342</sup>

Satu pertempuran telah berlaku bila mana orang Tanah Putih ingin melanggar Siak kerana ingin merampas kedudukan Siak. Dalam masa yang sama, pelbagai alat kelengkapan telah disediakan dan disusun termasuklah juak-juak yang dipanggil untuk menyertai pertempuran ini kerana peranannya yang hebat ketika itu, disamping memenuhi kehendak Yamtuan Raja Ismail selaku pemimpin.

#### f. Orang laut

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Terdapat sebanyak 2 kali ada disebutkan gelaran orang laut dalam teks, namun ia tidak menunjukkan orang laut ini terlibat dalam peperangan. Bahkan hanya sekadar mengiringi para pembesar. Hal ini dapat dilihat pada teks:

---

<sup>341</sup> Kamus Dewan Bahasa, edisi Keempat, (2007), op.cit, hlmn 638

<sup>342</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.221), hlmn 239

“... apabila sudah mustaiblah sekaliannya itu maka raja laut pun datang ke Penyengat serta dengan segala orang besar-besarnya dan orang di darat dan **orang laut** iaitu raja laut serta orang kapal perangnya...”<sup>343</sup>

Jelas menunjukkan bahawa orang laut hanya bersama-sama dengan raja laut dalam satu adat istiadat yang dibuat untuk meraikan pihak Holanda kerana telah menyerahkan kerajaan Riau, Lingga, Johor, Pahang dan segala takluk daerahnya kepada Sultan Abdul Rahman Syah.

Selain daripada itu, ada juga disebutkan dalam teks bahawa orang laut juga telah dijemput untuk menyertai musyawarah tentang perlantikan gebermen. Ini kerana orang laut yang dimaksudkan disini adalah merupakan antara para pembesar Holanda. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... maka beraturlah segala anak raja-raja itu di hadapan balairung itu bersaf-saf, menantikan wakilnya gebermen serta orang besar-besarnya. Maka seketika lagi datanglah residen Riau serta orang besar-besar Holanda (orang darat dan **orang lautnya**). Maka apabila hampir ke balai itu dipasanglah meriam...”<sup>344</sup>

## Rumusan

Berdasarkan analisis yang dibuat dalam teks tersebut, jelaslah bahawa peristiwa perang yang nyata wujud dalam teks ada dicatatkan tentang penglibatan para pembesar yang terdiri dari pelbagai jawatan dan para pahlawan yang terdiri daripada rakyat tempatan melalui mana-mana pertubuhan institusi. Di sini dapatlah dirumuskan bahawa analisis kajian tersebut dapat digambarkan melalui pembahagian subjek (anggota ketenteraan) kepada dua komponen utama iaitu individu dan berkumpulan.

---

<sup>343</sup> Tuhfat al-Nafis (f. 335), hlmn 363

<sup>344</sup> Tuhfat al-Nafis (f 446), hlmn 461

Ternyata peranan para pembesar dalam merealisasikan kegiatan perang begitu penting sebagai tunjang utama. Meskipun sultan terutamanya tidak terlibat secara langsung dalam peperangan, namun setiap tindakan biarpun agenda yang akan dibuat untuk melancarkan serangan memerlukan kepada khidmat dan arahan daripadanya. Ini kerana kedudukannya yang tinggi dan sebagai lambang taat setia kepada pemimpin. Walaupun begitu tugasan tersebut akan diserahkan kepada penasihat yang terdiri daripada pelbagai jawatan penting seperti bendahara, laksamana, syahbandar dan sebagainya. Begitu juga dengan jawatan baru yang diwujudkan dalam kerajaan Johor, khasnya untuk suku Bugis seperti Yang dipertuan Muda, punggawa, suliwatang dan keturunannya. Kandungan teks ini pengarang lebih mengangkat kehebatan suku kaum bugis dalam teks T.N dengan memperlihatkan penglibatan mereka dalam siri peperangan tersebut. Disamping itu, tidak ketinggalan juga dinyatakan peranan kuasa asing seperti residen, general, gabenor, tuan Abo, Peter Jakub dan sebagainya yang turut serta dalam peperangan dengan cara menghulurkan bantuan melalui bekalan alat kelengkapan perang dan kekuatan fizikal yang dimiliki olehnya.

Berdasarkan kepada *Tuhfat al-Nafis* juga, didapati bahawa Sultan merupakan individu yang paling banyak disebutkan dengan jumlah sebanyak 1195 kali. Ini jelas menunjukkan betapa pentingnya kesultanan Melayu ketika itu sebagai individu yang memainkan peranan penting dalam kegiatan perang supaya memastikan ia berjalan dengan lancar dan sempurna. Sementara itu berdasarkan pada jawatan Bugis, Yamtuan merupakan individu/ jawatan yang paling ketara disebutkan peranannya dalam peperangan dengan jumlah kitaran sebanyak 83 kali. Ini menunjukkan bahawa ketua adalah jawatan yang amat penting dalam menerajui peperangan bersama anggota ketenteraan yang lain. Sementara penglibatan kuasa asing dalam peperangan di antara

orang Melayu dan Bugis, ternyata gabenor paling banyak dicatatkan penglibatannya dalam peperangan sebanyak 132 kali. Justeru, situasi ini telah menggambarkan wujudnya hubungan diantara dua kuasa iaitu kesultanan Melayu dengan orang Barat. Barangkali hubungan ini wujud disebabkan oleh aktiviti perdagangan, atau pun kerana kekuatan dan kelebihan yang dimiliki oleh kuasa asing dari aspek pertahanan.

Sementara tentera, askar, serdadu, juak-juak dan adalah kumpulan individu yang bergabung bersama-sama melalui pertubuhan tertentu sebagai anggota yang berperanan dalam menjaga keamanan dan keselamatan rakyat, negara. Apa yang didapati dalam teks tersebut, terdapat beberapa kumpulan yang terlibat secara langsung dalam siri peperangan yang dicatatkan padanya, antaranya seperti tentera, askar, serdadu yang merupakan kumpulan yang lebih bergerak aktif di sebelah darat. Manakala lanun, juak-juak, orang laut pula berusaha mengawal di bahagian perairan. Berdasarkan kepada teks tersebut, jelaslah di sini bahawa serdadu merupakan kumpulan yang begitu banyak disebutkan peranan dan khidmatnya ketika dalam peperangan dengan jumlah sebanyak 42 kali. Jelaslah di sini bahawa tidak banyak maklumat yang diperolehi tentang peranan pelbagai kumpulan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, namun demikian pengarang teks ada mencatatkan penglibatan mereka dalam kegiatan perang meskipun jauh lebih sedikit berbanding dengan golongan individu yang begitu banyak disebutkan dalam teks ini.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa peranan golongan individu dalam kegiatan perang terutamanya bagi yang berjawatan tinggi lebih banyak dinyatakan oleh pengarang teks. Ini kerana pengarang lebih memberikan tumpuan kepada peranan golongan berpangkat (individu) yang secara hakikatnya menjadi orang penting dalam pembentukan sosial masyarakat. Bahkan dalam setiap perlaksanaan memerlukan kepada keputusan yang dibuat oleh ketua pimpinan berbanding dengan

pelbagai kumpulan pasukan. Pernyataan ini selari dengan konsep Islam yang menekankan bahawa setiap pemimpin perlu memimpin rakyatnya dan sebagai masyarakat harus memberikan taat setia kepada para pemimpin meskipun ketika dalam pertempuran.

#### **4.4 Jenis-jenis senjata dalam karya *Tuhfat al-Nafis***

Teks *Tuhfat al-Nafis* ini menunjukkan bahawa dalam peperangan memerlukan kepada alat kelengkapan perang yang terdiri daripada senjata. Sememangnya peranan senjata mempunyai kaitan yang begitu sinonim dengan peperangan bertepatan dengan maksudnya, iaitu sebagai alat pertahanan atau serangan ketika dalam peperangan. Disini, penyelidik telah mengklasifikasikan senjata perang tersebut kepada dua fungsi utama, iaitu senjata ofensif dan defensif. Setiap daripadanya memainkan peranan yang penting sama ada untuk menyerang atau mempertahankan diri dari ancaman pihak musuh. Walau bagaimanapun jika dikaji secara terperinci tentang senjata, peranannya bukan sekadar dapat dilihat dalam peperangan, akan tetapi sangat meluas dalam pelbagai bidang. Berikut merupakan jadual analisis sebutan berkaitan dengan jenis-jenis senjata dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

**Jadual 4.3 : Analisis Sebutan Jenis-Jenis Senjata dalam Karya T.N**

Bentuk Senjata	Subjek Umum	Subjek Khusus	Jumlah Sebutan	No. Folio Dalam <i>Tuhfat al-Nafis</i>
Senjata Ofensif	Senjata Pendek	Keris	20 kali	f.225,f.229, f.131, f.211,f.306,f.259
		Halaman	6 kali	f.212,f.63,f.75, f.163,f.164,

	Sikin	2 kali	f.306, f.34
	Badik	2 kali	f.306, f.48
Senjata panjang	Pedang	14 kali	f.260,f.211,f.131, f.235,f.197,f.17
	Lembing	13 kali	f.133,f.202,f.398, f.211,f.67,f.235.
	Kelewang	3 kali	f.235,f.211,f.131
	Parang	2 kali	f.179, f.218
	Tombak	2 kali	f.131,f.67
	Kampilan	1 kali	f.449
Senjata Api	Meriam	123 kali	f.50,f.332,f.259 f.443,f.130,f.260
	Senapang	41 kali	f.254,f.71,f.398 f.116,f.69,f.102
	Lela	35 kali	f.88,f.130,f.211 f.107,f.95,f.167
	Bedil	29 kali	f.113,f.265,f.13 f.406,f.232,177
	Pemuras	20 kali	f.95,f.211,f.178 f.234,f.190,f.66
	Terakul	7 kali	f.319,f.109,f.66 f.201,f.116,f.69
	Setinggar	2 kali	f.54,f.110
	Pistol	1 kali	f.348
Lain-lain	Campak buang	2 kali	f.196,f.197

		Kilung musung	8 kali	f.234,f.210,f.235, f.201,f.228,f.202
Senjata Defensif	—	Baju Besi	3 kali	f.133,f.63,f.67
		Apilan	5 kali	f.105,f.278,f.286 f.210,f.261
		Baju lamina	1 kali	f.325
		Perisai	2 kali	f.197, f.260
		Cepiau	1 kali	f.142
		Rantai Besi	1 kali	f.200
		Seluar Rantai	1 kali	f.450

Dalam analisis kajian ini, jenis-jenis senjata tersebut akan diklasifikasikan kepada dua bahagian utama berdasarkan kepada fungsinya dalam peperangan, iaitu:

- i) Senjata Ofensif- terdiri daripada senjata panjang, senjata pendek dan senjata tempur jarak jauh. Senjata ini lebih bersifat kepada penyerangan.
- ii) Senjata Defensif – adalah alat yang bersifat pertahanan atau perlindungan diri, yang terdiri daripada baju zirah, rantai besi, perisai dan seluar rantai.

## **I. Senjata Ofensif**

### **a) SENJATA PENDEK / SENJATA TIKAM**

#### **i) Keris**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, keris hanya dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 20 kali dan didapati ia banyak digunakan sebagai alat untuk mempertahankan diri terutamanya ketika dalam perang. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“...maka apabila dekat dengan kubunya, maka kluarlah orang-orang Kelantan menyongsong dengan lembingnya. Maka lalu berperang, bertikamkan **keris** leming berlemparkan campak buangnya. Maka bermati-matian. Maka orang-orang Terengganu pun undurlah...”<sup>345</sup>

“... setelah Holanda mendengar hal yang demikian itu maka ia pun terkejut, maka lalulah dikeluarinya dengan serdadunya, maka lalu beramuk. Maka tiadalah sempat mengisi senapang lagi kerana orang Selangor sudah rapat menikamkan lemingnya dan **kerisnya**...”<sup>346</sup>

Kandungan teks banyak memaparkan tentang kegunaan keris dalam perang dan pertelingkahan seperti yang berlaku di antara Holanda dan orang Selangor, orang Selangor ada menggunakan keris untuk menikam Holanda pada waktu malam. Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa di dalam teks ada disebutkan mengenai keris dijadikan sebagai bingkisan hadiah. Hal ini terbukti dapat dilihat dalam teks :

“... ditulis dengan air emas serta membuat lela suntingnya berpicu semuanya dan suka pula ia membuat senjata yang dipakai di pinggang seperti **keris** dan badik dan sikin dan lainnya yang indah-indah perbuatannya yang belum raja-raja membuatnya yang bermacam-macam. Kemudian apabila sudah maka dijadikannya bingkisan...”<sup>347</sup>

---

<sup>345</sup> Tuhfat al- Nafis (keris) 196, hlmn 210

<sup>346</sup> Tuhfat al-Nafis (keris) 248, hlmn 266

<sup>347</sup> Tuhfat al-Nafis (keris) 306, hlmn 332

Keris merupakan satu keperluan yang penting ketika itu sebagai alat pertahanan diri. Apa yang diperolehi keris bukan sahaja menjadi senjata, bahkan digunakan dalam kehidupan seharian dengan kaedah yang lain. Seperti yang disebutkan dalam petikan teks, keris dijadikan bingkisan hadiah buat segala raja-raja, dengan diperbuatkan daripada bahan dan ukiran yang menarik.

## ii) **Halamang**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat halamang hanya digunakan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 6 kali dan ia digunakan untuk mempertahankan diri terutamanya ketika dalam perang. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“...dibunuh oleh baginda itu, maka baginda pun rebahlah lalu mangkat. Adapun Tengku Tengah apabila ia mendengar paduka ayahandanya sudah hilang itu, maka keluarlah ia dengan satu **halamangnya** ditetaknya pada Minangkabau yang tinggal-tinggal itu. Maka menjeritlah Laksamana Nakhoda Sekam ...”<sup>348</sup>

Penyelidik juga mendapati selain halamang digunakan dalam perang, ia juga turut digunakan dalam upacara adat-istiadat tertentu, antaranya adat istiadat pertabalan Sultan. Buktinya dapat dilihat dalam teks yang berbunyi :

“...Adalah yang berteriak mentaulahkan kerajaan itu, iaitu Kelana Jaya Putera, padahal ialah yang berteriak sambil berdiri, serta mengunus **halamangnya** katanya, "Barang tahu kiranya segala anak-anak Bugis dan Melayu, maka adalah hari ini Raja Sulaiman bergelar Sultan Sulaiman Badr al-Alam Syah menjadi raja..."”<sup>349</sup>

Ketika raja Sulaiman Badr al-Alam Syah ditabah menjadi raja menggantikan bapanya, Sultan Abdul Jalil. Maka satu upacara adat-istiadat telah diadakan, orang Bugis dan orang Melayu berhimpun dan berteriak sambil berdiri dan menghunus halamangnya. Ini

---

<sup>348</sup> Tuhfat al- Nafis (halamang) 63, hlmn 66

<sup>349</sup> Tuhfat al- Nafis (halamang) 75, hlmn 79

menunjukkan fungsi halaman ada juga digunakan ketika itu dalam pelbagai bidang, biarpun purata tentang sebutannya tidak banyak.

### iii) **Badik**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati badik ada dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 2 kali. Ternyata badik disini tidak dinyatakan sebagai senjata untuk pertempuran, hanya sekadar dijadikan sebagai bingkisan hadiah. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... membuat senjata yang dipakai di pinggang seperti keris dan **badik** dan sikin dan lainnya yang indah-indah perbuatannya yang belum raja-raja membuatnya yang bermacam-macam. Kemudian apabila sudah maka dijadikannya bingkisan perkiriman...”<sup>350</sup>

Petikan di atas tidak menggambarkan peranan badik dalam pertempuran, walau bagaimanapun penyelidik mendapati bahawa badik pernah dijadikan bingkisan hadiah seperti yang sering dilakukan oleh Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar suka membuat penjajab perang yang indah-indah diukir dan ditulis dengan air emas dan mencipta senjata seperti keris dan badik yang belum pernah dicipta oleh raja-raja.

### iv) **Sikin**

Berdasarkan kepada penilitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata sikin hanya dirakamkan sebanyak 2 kali dalam teks tersebut. Dan didapati sikin dijadikan sebagai hadiah untuk pemerintah. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... kemudian berjumpalah ia dengan Raja Ahmad, maka Raja Ahmad pun menghadiahkan dia **sikin** sebilah kepada Yang Dipertuan Kedah

---

<sup>350</sup> *Tuhfat al-Nafis* (badik) 306, hlmn 332

itu. Kemudian memberi hadiah pula Yang Dipertuan Kedah itu kepada Raja Ahmad satu jam kira-kira harga seratus...”<sup>351</sup>

Petikan teks menunjukkan sikin dijadikan sebagai bingkisan hadiah buat Yang Dipertuan Kedah. Tidak disebutkan pula dalam mana-mana teks yang menggambarkan ia digunakan dalam perang walaupun sikin antara senjata yang sering digunakan untuk melindungi individu.

**b) SENJATA PANJANG**

**i) Pedang**

Mengikut penelitian teks yang dibuat, sebanyak 14 kali senjata ini dirakamkan dalam T.N dan pedang banyak digunakan sebagai senjata pertahanan ketika dalam perang. Buktinya dapat dilihat pada teks :

“Beramuk-amukan mula-mulanya, berbedil-bedilan dengan meriam dan lela. Kemudian berapat berbedil-bedilan dengan senapang dan pemuras. Kemudian berapat bercencangkan kelewang dan **pedang** dan bertikamkan lembing tombak. Kemudian berapat bertikamkan keris pendek, ada yang bertikam bercengkeng pinggang sama seorang...”<sup>352</sup>

“...Maka beramuklah di dalam kubu itu berbedilkan senapang dan pemuras dan bertikamkan lembing dan bertetakkan kelewang dan **pedang** dan bertikamkan keris berkejar-kejaran dan berhambat-hambatan ke sana ke mari. Maka seketika lagi tewaslah orang Sanggau itu. Maka pecahlah perangnya itu bertaburanlah lari...”<sup>353</sup>

Ternyata pedang turut digunakan dalam pertempuran seperti yang berlaku di antara orang Bugis dan orang Sanggau. maka beramuklah kedua-dua pihak dengan berbedilkan senapang dan pemuras serta bertikamkan lembing, pedang dan keris. Berdasarkan

---

<sup>351</sup> Tuhfat al-Nafis (sikin)346, hlmn 376

<sup>352</sup> Tuhfat al- Nafis (pedang) 131, hlmn 137

<sup>353</sup> Tuhfat al-Nafis (pedang) 211, hlmn 226

kepada analisis yang telah dibuat dalam teks T.N, penyelidik mendapati bahawa pedang juga dijadikan sebagai lambang kebesaran kerajaan. Buktinya terdapat pada teks :

“...Marhum Mangkat di Julang. Lalulah diberi nama pula oleh Yamtuan Sakti, Raja Kecik, lalu disuruhnya turun ke pesisir laut kepada pihak Bengkalis dan Bukit Batu, serta diberinya **pedang** kebesaran yang bernama ‘Sapu Rajab’ serta diberinya pula cap di dalam itu sahlah anak Marhum Mangkat di Julang konon....”<sup>354</sup>

## ii) Lembing

Berdasarkan kepada penelitian terhadap teks *Tuhfat al-Nafis*, lembing hanya dirakamkan dalam teks tersebut sebanyak 13 kali dan didapati ia banyak digunakan ketika berlakunya perperangan. Buktinya dapat dilihat dalam teks :

“..Maka lalulah berperang Yang Dipertuan tua dengan Yang Dipertuan Besar itu berbedil-bedilan dengan meriam dan lela dan senapang, dan bertikamkan **lembing** bercampak buang bermati-matian pada malam hari, maka tiada sempat sampai siang. Maka Yang Dipertuan besar pun alahlah, lalulah ia ke Besut dan dari Besut lalu ke Kemaman...”<sup>355</sup>

“...gurunya serta Bugis-Bugis yang banyak itu, disuruhnya berkemas akan naik beramuk ke darat. Maka segala Bugis-Bugis itu pun bersiaplah akan segala pemurasnya dan terakulnya dan **lembing** benderangnya. Maka apabila sudah siap dan mustaib semuanya, maka naiklah suliwatang serta panglima-panglima Bugis yang banyak serta indera gurunya lalulah dilanggarnya kubu...”<sup>356</sup>

Walau bagaimanapun setelah analisis dibuat terhadap teks tersebut, penyelidik juga telah memperolehi maklumat berkaitan dengan penggunaan lembing sebagai pakaian rasmi ketika dalam pertempuran. Hal ini dapat dirujuk pada teks yang menjelaskan bahawa dalam pertempuran, orang Bugis dan Minangkabau menggunakan alat

---

<sup>354</sup> *Tuhfat al- Nafis* (pedang) 17, hlmn 19

<sup>355</sup> *Tuhfat al- Nafis* (lembing) 398, hlmn 402

<sup>356</sup> *Tuhfat al-Nafis* (lembing) 202, hlmn 216

kelengkapan seperti pedang, lembing, tombak dan bersiapkan baju rantai untuk menghadapi pertempuran. Jelaslah pedang ada digunakan dalam perang ketika itu.

“...Maka hari pun hujan lebat, maka sabur-menyalur. Maka beramuklah Minangkabau dengan Bugis di darat, adapun Minangkabau dengan pedang, dan Bugis dengan pemuras, dan **lembing** tombak, lagi pula berbaju rantai. Maka larilah segala Minangkabau ke tepi laut...”  
<sup>357</sup>

### iii) **Kelewang**

Berdasarkan analisis yang dibuat kelewang hanya dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 3 kali dan didapati ia hanya digunakan ketika berlakunya perang.

Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“...Maka apabila berapat maka lalulah beramuk-amukan dengan pedang dan lembing dan **kelewang** dan keris pendek. Maka bermati-matianlah antara keduanya dan berluka-lukaanlah antara kedua pihak. Maka tiada berapa antaranya tewaslah orang Melaka maka lalulah undur ....”<sup>358</sup>

Peristiwa perang yang berlaku di antara Selangor dan Melaka di Batang Tiga ini telah menggunakan kelewang sebagai sebahagian daripada alat kelengkapan perang. Berperanglah di antara sesama mereka dengan membawa alat kelengkapan perang masing-masing sehingga akhirnya Melaka kalah dan berundur semula ke Melaka.

“...Bugis Mempawah serta orang Riau dan orang Pontianak mengamuk kubu itu. Maka beramuklah di dalam kubu itu berbedilkan senapang dan pemuras dan bertikamkan lembing dan bertetakkan **kelewang** dan pedang dan bertikamkan keris berkejar-kejaran dan berhambat-hambatan ke sana ke mari. Maka seketika lagi tewaslah orang Sanggau itu...”<sup>359</sup>

---

<sup>357</sup> Tuhfat al- Nafis (lembing) 67, hlmn 70

<sup>358</sup> Tuhfat al- Nafis (kelewang) 235, hlmn 253

<sup>359</sup> Tuhfat al-Nafis (kelewang) 211, hlmn 226

Setelah dipersetuju untuk berperang, maka orang Bugis telah menyediakan kilung musung yang merupakan senjata orang Bugis khasnya sebagai alat kelengkapan perang, seperti yang digambarkan dalam teks bahawa Bugis dan orang Riau telah beramuk di dalam sebuah kubu dengan menggunakan pemuras, kilung musung, pedang dan senjata yang lain.

### iii) Tombak

Berdasarkan penelitian yang dibuat, tombak hanya dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 2 kali dan didapati ia digunakan ketika berlakunya perperangan. Buktiya dapat dilihat pada teks :

“...berbedil-bedilan dengan meriam dan lela. Kemudian berapat berbedil-bedilan dengan senapang dan pemuras. Kemudian berapat bercencangkan kelewang dan pedang dan bertikamkan leming **tombak**. Kemudian berapat bertikamkan keris...”<sup>360</sup>

“... Maka hari pun hujan lebat, maka sabur-menyalurah. Maka beramuklah Minangkabau dengan Bugis di darat, adapun Minangkabau dengan pedang, dan Bugis dengan pemuras, dan leming **tombak**, lagi pula berbaju rantai. Maka larilah segala Minangkabau ke tepi laut. Maka apabila perahu-perahu Bugis melihat Minangkabau lari ke tepi pantai itu, maka didekatkannya...”<sup>361</sup>

Disamping itu, penyelidik juga telah mengenalpasti bahawa tombak juga digunakan sebagai pakaian rasmi atau kelengkapan bagi orang Bugis dalam perperangan. Ternyata dapat dilihat pada teks :

“...Maka hari pun hujan lebat, maka sabur-menyalurah. Maka beramuklah Minangkabau dengan Bugis di darat, adapun Minangkabau dengan pedang, dan Bugis dengan pemuras, dan leming **tombak**, lagi pula berbaju rantai. Maka larilah segala Minangkabau ke tepi laut...”<sup>362</sup>

---

<sup>360</sup> *Tuhfat al- Nafis* (tombak) 131, hlmn 137

<sup>361</sup> *Tuhfat al-Nafis* (tombak) 67, hlmn 70

<sup>362</sup> *Tuhfat al- Nafis* (tombak) 67, hlmn 70

Secara kesseluruhannya, tombak memang digunakan dalam pertempuran, bahkan menjadi pakaian rasmi bagi orang Minangkabau, Bugis khasnya dalam menghadapi peperangan seperti yang disebutkan dalam petikan teks di atas. Adapun orang Minangkabau itu berbekalkan alat kelengkapan pedang, sementara Bugis dengan lembing, tombaknya.

#### v) Parang

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat parang hanya dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 2 kali dan didapati ia digunakan sebagai alat bantuan dalam menjalankan sesuatu hukuman. Buktinya dapat dilihat pada teks:

“... maka Panglima Lupuk pun mengambil **parang** Bugis yang panjang, lalu dibaringkannya kedua panglima itu, lalu disembelihnya. Maka putuslah kepala kedua panglima Siak itu. Maka digantungkannya oleh orang kedua kepala...”<sup>363</sup>

Panglima Lupuk dikatakan ingin menyelamatkan Raja Abdullah yang telah ditahan oleh Raja Helang akibat enggan mengalah dalam pertempuran. Selepas dibebaskan, panglima Lupuk telah naik ke perahu untuk bertikaman dengan panglima Tala. Akhirnya panglima menggunakan parang untuk memutuskan kepala Panglima Tala, kemudian digantung di bawah juang-juang.

Selain itu, penyelidik mendapati parang dijadikan sebagai barang dagangan atau pertukaran, akan tetapi maksud “parang” di sini merujuk kepada jenis kain buatan Cina. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“...seperti segala mangkuk pinggan dan piring yang halus-halus dan yang kasar-kasar beberapa gedung. Apalagi seperti kain perbuatan Cina seperti dewangga dan kimka dan belakang **parang** dan sitin beratus-ratus gulung dapatnya di dalam setahun angin. Dan segala

---

<sup>363</sup> Tuhfat al- Nafis (parang) 179, hlmn 189

tuan-tuan sayid pun banyaklah datang dari tanah Arab apalagi lebai Jawa ...”<sup>364</sup>

Yang Dipertuan telah memperolehi pelbagai macam barang dagangan dan memperolehi hasil-hasil daripada cukai. Antaranya pinggan mangkuk, kain dewangga, kimka, belakang parang dan sebagainya. Petikan di atas menjelaskan parang merupakan jenis kain yang diperbuat dari China, bukan digunakan dalam perang.

#### vi) Kampilan

Berdasarkan penelitian yang dibuat kampilan hanya dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak sekali sahaja dan ternyata ia hanya digunakan dalam perang. Buktiya dapat dilihat dalam teks:

“...orang-orang Riau pun menikamkan kerisnya dan lembingnya dan Lanun pun menetakkan **kampilannya**. Maka bunyi senapang serdadu pun menggerutuplah bunyinya maka banyaklah orang Lanun yang mati, ada kira-kira seratus tiga belas orang...”<sup>365</sup>

Kampilan antara senjata yang digunakan dalam perang, seperti yang disebutkan dalam teks bahawa orang lanun menggunakan kampilan. Walaupun purata sebutan tentang penggunaan kampilan rendah, namun kampilan masih lagi menjadi salah satu daripada alat kelengkapan perang yang digunakan pada abad itu.

#### c) SENJATA API

Senjata api merupakan senjata yang menggunakan alat peledak. Ia terdiri dari beberapa jenis senapang, meriam, bom dan sebagainya.<sup>366</sup> Lazimnya, senjata tersebut

<sup>364</sup> Tuhfat al- Nafis (parang) 218, hlmn 235

<sup>365</sup> Tuhfat al- Nafis (kampilan) 449, hlmn 465

<sup>366</sup> Kamus Dewan Edisi keempat (2007), *Op.cit*, hlmn 1453

sering dikaitkan dengan unsur peperangan melalui kekuatannya dalam mengawal benteng pertahanan negara. Antara jenis-jenis senjata api yang digunakan dalam pertempuran adalah seperti meriam, lela, rentaka, pemuras dan senapang.

### i) Meriam

Mengikut analisis yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati meriam dirakamkan dalam teks sebanyak 123 kali dan didapati meriam banyak digunakan dalam peperangan sebagai alat pertahanan ketika berperang. Hal ini terbukti dapat dilihat dalam teks:

“... apabila sampai ke tepi kubu lalulah dibedilnya dengan meriamnya serta naik mengamuk dengan senapang pemurasnya. Maka azmatlah bunyi bahana **meriam** bagi halilintar membelah bukit legum-legam dan senapang pemurasnya menggerutuplah seperti orang menggoreng bertih. Maka beramuklah masuk sekaliannya ke dalam kubu orang...”<sup>367</sup>

Petikan di atas menggambarkan bahawa meriam menjadi satu keperluan dalam peperangan. Peristiwa tersebut berlaku di antara Orang Perak dan Selangor kerana adanya pengkhianatan dalam perjanjian yang telah ditetapkan. Hal ini telah mengecewakan sebelah pihak kerana berani melanggar fasil perjanjian.

Selain daripada menjadi alat utama dalam peperangan, penyelidik juga telah ada mengenalpasti bahawa di dalam teks ada dinyatakan tentang penggunaan meriam dalam upacara adat-istiadat tertentu. Hal ini dapat dilihat dalam teks berikut :

“...Maka apabila bertemu tuan Raflis (maka) dihormatilah sebagaimana adat menghormatkan raja-raja dipasangkan **meriam** dan dipukulkan tambur dan lainnya. Kemudian maka baharulah...”<sup>368</sup>

---

<sup>367</sup> Tuhfat al-Nafis (meriam), 278, hlmn 301

<sup>368</sup> Tuhfat al- Nafis (meriam) 315, hlmn 342

Kebiasaannya meriam akan digunakan sebagai alat yang mengiringi adat-istiadat tertentu untuk meraikan individu, seperti dalam teks yang menjelaskan bahawa meriam telah dipasang dari pelbagai sudut untuk menghormati tuan Raflis yang datang sebagai tetamu. Ini menunjukkan bahawa meriam bukan sekadar digunakan dalam perperangan, bahkan menjadi satu keperluan dalam bidang yang lain.

## ii) Senapang

Mengikut penelitian teks yang dibuat, didapati sebanyak 41 kali senjata senapang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata senapang banyak digunakan ketika dalam perperangan. Buktiya dapat dilihat dalam teks:

“....sampan itu, kerana ia tiada berpendarat. Maka lalu dibedilnya oleh perahu besarnya dengan meriam dan lela, serta peluru penaburnya. Maka banyaklah sampan Raja Kecik rosak, sebab **senapang** berlawan dengan meriam. Syahadan apabila perahu besar Raja Kecik melihat sampan-sampannya berlawan dengan perahu besar Bugis itu, maka lalu dibedilnya dengan meriam...”<sup>369</sup>

Satu peristiwa perang telah berlaku di Linggi, di antara angkatan tentera Raja Kecik dan juga Bugis. Ternyata mereka ada menggunakan senapang ketika dalam pertempuran seperti yang dinyatakan pada petikan tersebut, kebanyakan sampan yang digunakan oleh Raja Kecik rosak akibat dibedil oleh meriam. Ini kerana tidak fungsi meriam dengan senapang tidak setara. Meskipun senapang banyak dinyatakan dalam teks sebagai alat kelengkapan perang, penyelidik juga telah menjumpai maklumat tentang senapang yang dijadikan antara salah satu daripada barang dagangan ketika itu. Hal ini dapat dilihat dalam teks T.N:

“... tiada berhenti kompeni Holanda payar-memayar keruhlah lautan itu. Syahadan adapun kompeni Inggeris selalulah juga membawakan, ubat bedil dan meriam dan **senapang** berjual beli di dalam negeri Melayu berpalu dengan dagangan negeri-negeri Melayu, demikianlah halnya sehari-hari adanya..”<sup>370</sup>

---

<sup>369</sup> *Tuhfat al-Nafis* (senapang) 71, hlmn 74

<sup>370</sup> *Tuhfat al-Nafis* (senapang) 254, hlmn 276

Petikan di atas menjelaskan orang Holanda sering datang ke negeri-negeri Melayu membawa senapang sebagai barang dagangan buat orang-orang di Kepulauan Riau, selain itu orang-orang Cina pula berusaha mengerjakan kebun-kebun gambir orang Melayu yang tinggal di situ.

#### iv) Bedil

Berdasarkan kepada penilitian teks, bedil dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 29 kali dan ternyata ia banyak digunakan ketika dalam perang sebagai alat pertahanan. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“...Maka tiada juga diperdulinya orang Siak akan **bedil** itu. Maka berkata Raja Musa, "Rapat! Rapat!" Maka dibedil oleh orang Kelantan dengan senapang tiada juga diperduli oleh orang Siak. Maka Raja Musa berkata, Rapat! Rapat!...”<sup>371</sup>

“...Muda pun marahlah, maka bertitah Yang Dipertuan Muda menyuruh mengisi meriam serta segala perahu-perahunya pun mengisi meriam belaka semuanya. Maka titah baginda suruh rapat **bedil**. Maka dirapatlah oleh panglima-panglima lalu dibedilnya. Maka Sultan Mahmud serta Daheng Matekuh pun membelah keluar lari. Maka tertinggal beberapa meriamnya dan...”<sup>372</sup>

Adapun didapati dalam peristiwa ini, telah berlaku satu perang di antara Yang Dipertuan Muda dengan Sultan Mahmud, Daheng Matekuh kerana kononnya ingin memerintah dan menguasai Muar. Lalu diacukan bedil sehingga menyebabkan pihak Sultan Mahmud beralah.

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat juga, bedil ada digunakan dalam upacara adat istiadat umpamanya dalam adat istiadat kemangkatan. Buktinya dapat dilihat dalam teks :

---

<sup>371</sup> Tuh fat al- Nafis (bedil) 197, hlmn 211

<sup>372</sup> Tuhfat al-Nafs (bedil) 115, hlmn 118

“...kapitan Melayu akan sedekah pada hari menanamnya itu serta dipasangkan meriam dengan beberapa pucuk **bedil** itu. Syahadan adalah ditanam jenazah Raja Haji al-Marhum itu di dalam kota Melaka di belakang kebun kompeni demikianlah halnya....”<sup>373</sup>

Bedil seperti meriam, bukan digunakan dalam kegiatan perang sahaja namun ia pernah juga digunakan dalam meraikan adat –istiadat tertentu. Seperti yang disebutkan dalam teks, ketika jenazah Raja Haji al-Marhum hendak ditanam, meriam dan beberapa pucuk bedil telah diipasang. sebagai tanda menghormati jenazah tersebut.

#### iv) Pemuras

Mengikut penelitian yang dibuat terdapat sebanyak 20 kali pemuras dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dan didapati ia banyak digunakan ketika berlakunya peperangan. Buktiya dapat dilihat dalam teks:

“...Kemudian berapat berbedil-bedilan dengan senapang dan **pemuras**. Kemudian berapat bercencangkan kelewang dan pedang dan bertikamkan keris pendek, ada yang bertikam bercengkang pinggang sama seorang. Maka sangat ramainya perang itu...”<sup>374</sup>

Pemuras turut digunakan dalam peperangan seperti yang dirakamkan dalam petikan teks bahawa orang-orang Siak, Siantan disuruhnya berbedil-bedilan dengan senapang dan pemuras. Di samping itu, ada juga pihak yang bercencangkan kelewang dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan pemuras juga sesuai digunakan untuk bertempur. Selain itu, diperolehi bahawa pemuras juga dijadikan sebagai bingkisan hadiah kepada pemerintah.

Hal ini terbukti dapat dilihat dalam teks :

“...Kemudian memberilah ia beberapa hadiah kepada Yang Dipertuan Muda iaitu senapang bertatahkan perak, dan **pemuras** bersangkur dan lainnya daripada sakhlat dan beledu dan kain benang emas serta

---

<sup>373</sup> Tuhfat al- Nafis (bedil) 239, hlmn 258

<sup>374</sup> Tuhfat al- Nafis (pemuras) 131, hlmn 137

beberapa hadiah kepada anak raja-raja dan orang besar-besar adanya...”<sup>375</sup>

v) **Lela**

Lela dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 35 kali. Ternyata lela banyak digunakan ketika dalam perperangan sebagai alat pertahanan. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“... dinaiki oleh Bugis lalu membedil kepada kubunya pula dan segala kelengkapannya pun makin rapat kepada kubu-kubu yang belum dapat itu, serta membedilkan meriam, **lela** rentaknya. Ada setengah-tengah Bugis membantu jalan darat melanggar kubu-kubu itu, maka rapatlah segala Bugis-Bugis itu melanggar maka dapatlah segala kubu-kubu itu...”<sup>376</sup>

Pertempuran yang menyaksikan antara Selangor dan Perak ada menggunakan lela rentaka untuk membedil kubu-kubu yang dibina oleh orang Perak. Peristiwa ini terjadi akibat berlakunya perselisihan faham di antara kedua belah pihak. Ini menunjukkan bahawa lela mempunyai kehebatan yang tersendiri setanding dengan meriam.

Di samping itu, penyelidik juga mendapati bahawa lela juga dijadikan sebagai bingkisan hadiah buat pemerintah, seperti yang dijelaskan dalam petikan Raja Jaafar adalah seorang yang memiliki kebolehan untuk mencipta penjajab perang, senjata seperti keris, badik. Begitu juga dengan lela, diukir, ditulis dan dipersiapkan, lalu dihadiahkan kepada para pembesar.

“... Dan demikian lagi Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu suka membuat penjajab perang yang indah-indah perbuatannya dengan diukir dan ditulis dengan air emas serta membuat **lela** suntingnya berpicu semuanya, dan suka pula ia membuat senjata yang dipakai di pinggang seperti keris dan badik dan sikin dan lainnya yang indah-indah... Kemudian apabila sudah maka dijadikan bingkisan...”<sup>377</sup>

---

<sup>375</sup> *Tuhfat al-Nafis* (pemuras) 308, hlmn 334

<sup>376</sup> *Tuhfat al-Nafis* (lela) 116, hlmn 119

<sup>377</sup> *Tuhfat al-Nafis* (lela) 306, hlmn 332

## vi) Setinggar

Mengikut analisis yang dibuat, didapati setinggar hanya 2 kali di rakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata setinggar ada digunakan sebagai alat kelengkapan ketika dalam peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“...pendekarnya dan hulubalang menterinya, membunyikan **setinggar** dan senapangnya. Maka melawanlah orang-orang negeri Johor itu, berperang mana- mana yang sempat berbunuh- bunuhlah ...”<sup>378</sup>

“... Maka dapatlah wangkangnya kota berjalan itu, dan sebuah selub Semarang itu, dan satu sampan kotaknya, dan berapa lagi meriam dan lela rentaka dan **setinggar** yang dapat. Syahadan perang itu sampailah malam. Kemudian apabila subuh-subuh hari Arba'a pada tujuh belas haribulan Rabi al-akhir, pada Hijrat sanat 1150, maka dilanggar... ”<sup>379</sup>

Berdasarkan petikan teks, setinggar ada digunakan dalam perang yang berlaku di antara angkatan Raja Alam dengan orang Riau, melawanlah sesama mereka sehingga Raja Alam tewas. Selepas daripada itu, segala kelengkapan telah dirampas oleh orang Riau, antaranya setinggar. ini menunjukkan bahawa setinggar turut digunakan dalam kegiatan perang

## vii) Terakul

Berdasarkan kepada pengamatan yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati sebanyak 7 kali ada dinyatakan penggunaan terakul dalam teks tersebut. Istilah terakul disini menggambarkan sebuah pemuras dalam bentuk pistol tangan. Lazimnya terakul digunakan oleh tentera berkuda kerana ia bersifat lebih ringan dan mudah dikendalikan.<sup>380</sup> Ternyata penggunaan terakul dapat dilihat pada teks :

“...kira-kira setengah orang- orangnya hendak lari ke hulu, maka dipintasi oleh Bugis-Bugis dari darat, lalulah dibedilnya dengan

---

<sup>378</sup> *Tuhfat al-Nafis* (setinggar) 54, hlmn 57

<sup>379</sup> *Tuhfat al-Nafis* (setinggar) 110, hlmn 113

<sup>380</sup> <http://ms.wikipedia.org/wiki/Pemuras> - 4 April 2010

pemurasnya dan **terakul**. Maka berterjunanlah pula turun ke perahunya...”<sup>381</sup>

“...lalu berperang dengan gegak-gempitanya, berbedil-bedilan dengan meriam dan lela rentaka, serta dirapati oleh Bugis-Bugis dengan sampan-sampan, (maka dibedilnya dengan **terakul** pemurasnya. Adapun anak-anak raja Bugis seperti Dahing Kamboja, dan Raja Said, dan Raja La M.p.a.’ A.w.n.k, adalah ia menjagakan kubu di Kota Rentang...”<sup>382</sup>

Satu pertempuran telah berlaku di kalangan orang Bugis dan juga Siak. Didapati mereka menggunakan terakul untuk membedil pihak musuh sehingga menyebabkan segala kelengkapan orang Siak banyak binasa. Jelas terakul adalah sebahagian daripada senjata yang diperlukan ketika bertempur.

## vii. Pistol

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dibuat, penyelidik mendapati sebanyak sekali sahaja dirakamkan pistol dalam teks *Tuhfat al-Nafis* dan ternyata ia tidak digunakan untuk berperang tetapi fungsinya adalah sebagai kiriman hadiah. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks :

“... dan Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah yang mendapat hadiah daripada satu anak raja Holanda yang bernama Hertokh, iaitu satu **pestul** bertatahkan perak yang pestul hadiah daripada satu basyah kepada Hertokh itu...”<sup>383</sup>

Meskipun fungsi pistol tidak begitu menonjol ketika dalam peperangan, namun senjata ini telah wujud pada abad ke 18 sebagai bungkusan hadiah untuk Raja Ali daripada pihak Holanda kerana hubungan persahabatan yang terjalin di antara mereka.

<sup>381</sup> Tuhfat al-Nafis, (terakul) 66, hlmn 70

<sup>382</sup> Tuhfat al-Nafis (terakul) 109. hlmn

<sup>383</sup> Tuhfat al-Nafis (pistol) 423, hlmn 433

#### d) SENJATA LAIN-LAIN

##### i) Campak buang

Mengikut analisis yang dibuat dalam *Tuhfat al-Nafis*, didapati campak buang ada dirakamkan dalam teks sebanyak 2 kali. Campak buang ialah sejenis senjata lembing yang diperbuat dari kayu.<sup>384</sup> Ia digunakan ketika dalam perang. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“...ia di Kelantan. Maka apabila dekat dengan kubunya maka keluarlah orang-orang Kelantan menyongsong dengan lembingnya. Maka lalu berperang, bertikamkan keris lembing berlemparkan **campak buangnya**. Maka bermati-matian. Maka orang-orang Terengganu pun undurlah...”<sup>385</sup>

“...Maka dibedil oleh orang Kelantan dengan senapang tiada juga diperduli oleh orang Siak. Maka Raja Musa berkata, "Rapat! Rapat!" Maka direjam pula oleh orang Kelantan dengan **campak buangnya**. Maka orang Siak pun mengata, "Rapat! Rapat!" Syahadan tersebut di dalam siarah Siak apabila orang Kelantan melihat orang Siak mara membabi buta...”<sup>386</sup>

Campak buang atau lebih dikenali dengan lembing ada digunakan dalam perang yang berlaku di antara orang Siak dan Kelantan. Didapati orang Kelantan telah menggunakan untuk merejam pihak musuh. Namun begitu penggunaan campak buang tidak menonjol pada abad tersebut, berkemungkinan disebabkan banyak lagi senjata lain yang lebih sesuai digunakan untuk menghadapi perang.

##### ii) Kilung musung

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat dari teks, kilung musung hanya dirakamkan sebanyak 8 kali dalam *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata ia banyak digunakan sebagai senjata dalam perang biarpun menurut satu maklumat yang diperolehi

<sup>384</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Op.cit, hlmn 240

<sup>385</sup> Tuhfat al- Nafis (campak buang) 196, hlmn 210

<sup>386</sup> Tuhfat al-Nafis (campak buang) 197, hlmn 211

dalam “Makalah Motif Pantun Sabah” ada menjelaskan tentang maksud kilung yang merupakan salah satu alat untuk menangkap ikan<sup>387</sup> tapi dalam konteks teks sejarah ini, ia lebih merujuk kepada senjata yang digunakan oleh orang bugis dalam perang. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“...hari beramuk-amukan gegak-gempita bunyi senapang pemuras serdadu dan pemuras Bugis seperti bunyi orang menggoreng bertih serta dengan sorak tempitnya dan segala Bugis dengan **kilung musungnya** dan bermati-matianlah dan berluka-lukaan sebelah-menyebelah. Maka tiada berapa lamanya berperang itu...”<sup>388</sup>

“... bahananya seperti bunyi halilintar bunyi pemuras dan senapang pun menggerutuplah seperti bunyi bertih, serta dengan sorak tempiknya dan segala Bugis dengan **kilung musungnya**. Syahadan adalah kira-kira dua hari lamanya maka kubu Tayan pun alahlah sebab banyak orang-orangnya mati dan luka dan beberapa pula panglima-panglimanya terkerat...”<sup>389</sup>

Malah terdapat juga bukti dalam teks yang menunjukkan ia menjadi senjata pelengkap bagi orang bugis ketika berperang. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“...Maka apabila bertemu kedua pihak lalulah berperang beramuk-amukan azmatlah bunyinya gegak-gempita tiada kedengaran apa lagi serta dengan sorak tempiknya, adapun Bugis dengan **kilung musungnya**. Maka seketika lagi berperang itu bermati-matianlah dan berluka-lukaan antara kedua pihak itu. Maka punggawa pun menyuruhkan orangnya mara mengamuk berebut meriam...”<sup>390</sup>

Kandungan teks Tuhfat al-Nafis menunjukkan bahawa kilung musung digunakan sebagai alat kelengkapan perang terutamanya bagi orang Bugis yang menyertai perang. Seperti yang disebutkan dalam petikan teks di atas, di Melaka telah berlaku pertempuran di antara Orang Melayu, Bugis melawan Holanda. Apabila kedua pihak mula berperang, terdengarlah bunyi kilung musung digunakan oleh orang Bugis

<sup>387</sup> Makalah Motif Pantun Sabah, <http://donlokns.blogspot.com>, (13 Mac 2009)

<sup>388</sup> Tuhfat al- Nafis (kilung musung) 234, hlmn 253

<sup>389</sup> Tuhfat al-Nafs (kilung musung) 209, hlmn 225

<sup>390</sup> Tuhfat al- Nafis (kilung musung) 235, hlmn 254

menentang pihak musuh. Ini menunjukkan kilung musung ada disebutkan penggunaannya dalam teks tersebut.

## ***II. Senjata Defensif***

### **a) Perisai**

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat dari teks dan didapati penggunaan perisai hanya sebanyak dua kali sahaja dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata ia merupakan antara alat kelengkapan yang dibawa dan digunakan sebagai senjata pertahanan ketika berlakunya perang. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“...yang bersama-sama dengan Raja Musa itu orang baik-baiknya dua belas orang, dan orang petikamannya tengah dua ratus orang, ada yang membawa pemuras dan ada yang membawa pedang **perisai**, ada yang membawa benderang. Kemudian maka bersalawat Raja Musa tiga kali, maka baharulah menempuh berlari mara...”<sup>391</sup>

Perisai menjadi senjata defensif yang utama ketika berperang. Seperti yang disebutkan dalam petikan bahawa angkatan tentera yang bersama-sama dengan Raja Musa menyediakan pelbagai kelengkapan untuk bertempur, antaranya perisai yang menjadi alat untuk melindungi diri dari tembakan, tikaman dan seumpamanya. Jelas bahawa perisai amat diperlukan sejak dahulu lagi.

### **b) Apilan**

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat terhadap teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati bahawa apilan turut digunakan ketika dalam perang. Apilan

---

<sup>391</sup> *Tuhfat al-Nafis* (perisai) 197, hlmn 211

di sini merujuk kepada perisai yang terdapat pada meriam, ternyata juga sebanyak lima kali ada disebutkan penggunaan apilan dalam teks. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks :

“... esok kita berperang, kita rapatkan sekali segala penjajab-penjajab kita, serta kita lapis **apilan** kita pada malam ini tebal-tebal dan cari kayu tinggi-tinggi naikkan lela yang kecil-kecil ke atas kayu-kayu itu itu bedilkan ke dalam kubunya itu...”<sup>392</sup>

“...maka sayid Abd al-Rahman pun terlalu sangatlah marahnya lalu bersiapkan perahu-perahu mengenakan **apilan** malam-malam hari hendak melanggar Cina-Cina itu minta ia kepada Sultan hendak melanggar Cina di dalam Pontianak itu...”<sup>393</sup>

Apilan merupakan satu lagi perisai yang digunakan ketika menghadapi peperangan. Di dalam teks ada dinyatakan bahawa apilan pernah digunakan untuk melindungi diri dari serangan orang Cina pada waktu malam. Hal ini menunjukkan bahawa ia pernah digunakan dan menjadi sebahagian alat kelengkapan perang yang penting.

### c) **Baju Rantai**

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat dari teks dan didapati penggunaan baju rantai<sup>394</sup> hanya sebanyak tiga kali sahaja dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata ia digunakan sebagai alat perlindungan diri ketika berlakunya peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“... maka sabur-menyalurah, maka beramuklah Minangkabau dengan Bugis di darat, adapun Minangkabau dengan pedang, dan Bugis dengan pemuras dan lembing (tombak), lagi pula **berbaju rantai**. Maka larilah segala Minangkabau ke tepi laut...”<sup>395</sup>

“... maka apabila sudah habis fikirannya lalulah ia menyuruh empat orang panglimanya **berbaju rantai** serta dengan beberapa orang pergi

<sup>392</sup> *Tuhfat al-Nafis* (apilan) 210, hlmn 226

<sup>393</sup> *Tuhfat al-Nafis* (apilan) 261, hlmn 282

<sup>394</sup> Baju rantai, kata nama lain dikenali sebagai baju zirah

<sup>395</sup> *Tuhfat al-Nafis* (baju rantai) 67, hlmn 70

mengamuk kenaikan baginda itu. Maka pada ketika Minangkabau datang mengamuk, baginda itu lagi di atas tikar sembahyangnya...”<sup>396</sup>

Baju rantai adalah seragam yang dipakai ketika dalam peperangan. Jelas seperti yang disebutkan dalam teks bahawa para panglima perang yang terdiri dari pelbagai suku menggunakananya, antaranya orang Minang dan Bugis ada menggunakan baju rantai dengan pemuras, lembing ketika berperang.

**d) Baju lamina**

Baju lamina merupakan sejenis baju besi yang dipakai oleh pahlawan. Walaubagaimanapun penyelidik telah menemui istilah tersebut hanya sekali sahaja dalam teks *Tuhfat al-Nafis* dan fungsi baju tersebut tidak digunakan dalam peperangan sepetimana yang dirakamkan dalam teks. Berikut merupakan sebutan baju lamina dalam teks:

“...Adapun gabernur jeneral naiklah pada keretanya kuda empat dan ada pula Holanda dua orang yang bermisai dan berjanggut terlalulah ramusnya memakai **baju lamina** seperti rupa perak berkuda putih sepasang serta menghunus pedangnya, ialah yang dahulu berjalan daripada kereta...”<sup>397</sup>

**e) Cepiau**

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dibuat, ternyata penggunaan cepiau ketika dalam peperangan ada dirakamkan dalam teks. Cepiau ada disebutkan hanya sekali sahaja dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai alat kelengkapan perang. Hal ini dapat dijelaskan dalam teks yang menyatakan bahawa serdadu ada menggunakan cepiau dan kasut ketika terlibat dalam peperangan.

---

<sup>396</sup> Tuhfat al-Nafis (baju besi) 63, hlmn 66

<sup>397</sup> Tuhfat al-Nafis (baju lamina ) 325, hlmn 353

“... maka banyaklah mati sebelah menyebelah. Adapun pakaian serdadu yang mati itu seperti **cepiau-cepiau** dan kasut-kasutnya jika sekiranya digandar, dua tiga gandar. Kemudian berhentilah perang. Kemudian perang pula iaitu Yang Dipertuan Muda menyuruh melanggar Peringgit...”<sup>398</sup>

#### f) Seluar Rantai

Berdasarkan penilitian teks yang dibuat, didapati hanya sekali sahaja disebutkan dalam T.N berkaitan dengan penggunaan seluar rantai sebagai senjata perlindungan diri ketika berlakunya peperangan. Buktinya dapat dilihat pada teks:

“... di situlah diletakkan hingga sampai hancur, kerana waktu ia sudah mati diambil oleh Holanda dibawanya ke sekocinya. Adalah pakaianya **seluar berantai** dan pendingnya emas bujur telur keris terapang emas...”<sup>399</sup>

Seluar berantai menjadi seragam utama dalam pertempuran. Meskipun di dalam teks tidak begitu ketara penggunaannya, namun ia juga ada disebutkan sebagai sistem pertahanan diri individu. Seperti yang dinyatakan dalam teks, Panglima besar telah memakai seluar berantai dan pendingnya ketika sedang berperang, melawan pihak Holanda. Peperangan tersebut telah menyebabkan panglima tersebut mati di tempat kejadian, lalu Holanda mengambilnya dan membawa segala seragam dan kelengkapan perang bersama-sama untuk diserahkan kepada orang Riau. Meskipun penggunaannya tidak begitu menyerlah pada abad tersebut, namun ia pernah juga digunakan oleh Orang Melayu, Bugis ketika dalam pertempuran.

---

<sup>398</sup> Tuhfat al-Nafis (cepiau)142, hlmn 151

<sup>399</sup> Tuhfat al- Nafis (seluar rantai) 450, hlmn 465

## Rumusan

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, secara keseluruhan penyelidik mendapati terdapat sebanyak 27 jenis senjata yang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* dengan fungsinya yang tertentu. Penyelidik telah merumuskan bahawa senjata tersebut dapat diklasifikasikan kepada dua komponen utama berdasarkan kepada peranannya dalam perang, iaitu senjata ofensif dan senjata defensif. *Senjata ofensif* terdiri daripada senjata pendek, senjata panjang dan senjata tempur jarak jauh. Manakala *senjata defensif* pula, ianya terdiri daripada senjata yang bersifat pertahanan seperti baju rantai, rantai besi, seluar rantai dan perisai.

Dalam kategori *senjata ofensif*, ternyata senjata api lebih banyak dicatatkan penggunaannya dalam *Tuhfat al-Nafis* sebagai alat yang digunakan dalam peperangan dengan jumlah sebanyak 7 jenis, iaitu lela, meriam, senapang, bedil, pemuras, setinggar, terakul, pistol. Berbeza pula dengan senjata panjang hanya sebanyak 6 jenis, iaitu pedang, parang, lembing, kelewang, tombak, dan kampilan. Sementara senjata pendek pula turut dirakamkan penggunaannya sebanyak 4 jenis iaitu keris, halamang, sikin dan badik. Selain itu, telah dikenalpasti 2 jenis senjata lain yang turut digunakan oleh orang Bugis sebagai alat ofensif, iaitu kilung musung dengan sebutan penggunaannya sebanyak 8 kali dan campak buang pula sebanyak 2 kali.

- *Senjata panjang* ; senjata yang memiliki laras yang panjang. Dikatakan setiap daripadanya mempunyai kekuatan dan hikmah tersendiri untuk mempertahankan diri dari serangan musuh. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan dalam teks tersebut, senjata panjang yang dapat dikenalpasti terdiri daripada lembing, tombak, parang, kampilan, tombak, pedang dan kelewang. Ternyata pedang lebih mendominasi

berbanding senjata yang lain sebanyak 14 kali ada dirakamkan penggunaannya terutama dalam peperangan. Selain itu, ia juga menjadi lambang kebesaran bagi sesebuah kerajaan dan sering digunakan dalam upacara atau adat istiadat tertentu; majlis perasmian. Adakalanya pedang akan dititipkan dengan emas, tembaga, perak pada pangkal bilah matanya sebagai bingkisan hadiah. Manakala bagi senjata yang paling kurang disebutkan dalam kumpulan senjata panjang ini adalah kampilan dengan purata sekali sahaja.

**Senjata Pendek;** senjata yang lazimnya berukuran sezengkal hingga panjangnya setapak kaki. Menurut kepercayaan orang Melayu, ia dikatakan mempunyai banyak hikmah dan rahsia biarpun pendeknya hanya sezengkal tapi sukar untuk dikalahkan. Merupakan juga senjata sulit yang susah diketahui musuh, tetapi senang dibawa ke mana sahaja. Analisis yang dibuat dalam teks T.N, mendapati ada 4 jenis senjata pendek dirakamkan penggunaannya iaitu keris, halamang, sikin dan badik. Ternyata *keris*<sup>400</sup> yang merupakan senjata yang begitu terkenal dengan kuasa sakti dan tuah darjatnya telah banyak digunakan dalam siri peperangan yang dinyatakan dalam *Tuhfat al-Nafis* dengan jumlahnya sebanyak 20 kali berbanding dengan senjata yang lain. Sementara yang paling sedikit disebutkan penggunaannya dalam kumpulan senjata pendek ini adalah badik dan sikin dengan purata sebanyak 2 kali.

- **Senjata Api;** Senjata yang memerlukan kepada ubat peledak seperti senapang, meriam, dan seumpamanya. Seterusnya memerlukan kepada peluru untuk meletup dan meledak. Apa yang didapati penggunaan meriam begitu ketara disebutkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dengan jumlahnya sebanyak 123 kali. Ini disebabkan oleh fungsinya yang hebat dan mendapat kedudukan yang istimewa terutamanya di kalangan orang istana seperti

---

<sup>400</sup> senjata bermata dua yang tajam (bilahnya lurus dan berkelok-kelok). Lihat kamus dewan edisi keempat, hlmn 760

yang ada dicatatkan dalam sastera Melayu klasik bahawa kedudukan meriam begitu istimewa sehingga ada di kalangan masyarakat Melayu yang menghormatinya serta mengaitkannya dengan pelbagai kepercayaan. Sementara pistol pula hanya sekali sahaja dinyatakan penggunaannya dalam kumpulan jenis-jenis senjata api.

Berbalik pula kepada senjata defensif, didapati hanya 7 jenis senjata yang telah digunakan ketika berperang, iaitu perisai, baju besi dan baju lamina, rantai besi, apilan, cepiau dan seluar rantai. Ternyata baju besi (baju zirah) adalah senjata defensif yang paling tertinggi disebutkan walaupun hanya 3 kali, berbanding dengan senjata yang lain dengan purata hanya sekali, dua sebutan sahaja. Meskipun secara umumnya penggunaan senjata defensif tidak begitu banyak disebutkan dalam teks tersebut, namun secara tidak langsung ia juga menjadi pelengkap kepada anggota ketenteraan untuk mempertahankan diri dari serangan.

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan senjata api telah mendapat tempat di kalangan orang Bugis dan Melayu ketika dalam peperangan. Meskipun terdapat keperluan lain yang memerlukan kepada penggunaan senjata tersebut, namun sebutan tentang penggunaan senjata dalam peperangan tetap mendominasi karya sejarah ini. Ini kerana dalam karya tersebut banyak menceritakan tentang pelbagai peristiwa perang. Apa yang uniknya juga, penyelidik telah menemui penggunaan istilah parang sebagai nama bagi sejenis kain yang dihasilkan oleh Cina. Situasi ini menunjukkan bahawa telah wujud akvititi perdagangan ketika itu diantara orang Melayu dengan negara luar, sekaligus sebagai satu cara untuk meningkatkan sumber ekonomi dan menjalankan hubungan baik dengan negara-negara luar. Disamping itu penyelidik turut menemui senjata baru yang digunakan oleh orang Bugis ketika dalam peperangan iaitu kilung musung yang merupakan salah satu alat untuk

menangkap ikan tapi dari sudut konteks ayat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata ia lebih merujuk kepada senjata yang digunakan oleh orang Bugis dalam peperangan. Begitu juga dengan penemuan senjata campak buang yang bermaksud sejenis senjata lembing yang diperbuat daripada kayu. Ternyata senjata tersebut turut digunakan oleh suku Bugis ketika dalam peperangan.

#### **4.5 Jenis-jenis perkapalan dalam karya *Tuhfat al-Nafis***

Analisis teks *Tuhfat al-Nafis* ini menunjukkan bahawa perkapalan menjadi satu elemen penting dalam peperangan. Meskipun dalam teks ada disebutkan tentang fungsi kapal dalam perdagangan, terdapat juga maklumat tentang peranan kapal dalam aspek pertahanan sebagai salah satu alat kelengkapan yang digunakan dalam peperangan. Ini disebabkan oleh isi kandungan teks yang banyak mencatatkan tentang susur galur peperangan yang terdiri daripada pelbagai peristiwa. Antara jenis kapal yang telah ditemui daripada teks *Tuhfat al-Nafis* terdiri daripada perahu orang Melayu, perahu Bugis, kapal-kapal dari kuasa asing seperti Barat, Cina dan sebagainya. Berikut merupakan jadual analisis kajian berkaitan dengan jenis perkapalan yang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

**Jadual 4.4 : Analisis sebutan terhadap jenis perkapalan dalam karya T.N**

<b>Subjek Khusus</b>	<b>Jenis Perahu</b>	<b>Jumlah Sebutan</b>	<b>No. Folio Dalam <i>Tuhfat al-Nafis</i></b>
	Balang	1 kali	f.217
	Bedar	2 kali	f.99, f.229
	Berik	6 kali	f.448,f.352,f.331 f.333,f.349

Perahu yang digunakan oleh orang Melayu	Dendang	1 kali	f.9
	Gurab (Gorab/ Grab) : istilah Arab	16 kali	f.62,f.71,f.64 f.229,f.109,f.72
	Jalur	1 kali	f.109
	Kakap	15 kali	f.150,f.117,f.168 f.300,f.178,f.334
	Kapal	186 kali	f.182,f.355,f.239 f.439,f.218,f.168
	Keci	63 kali	f.334,f.329,f.218 f.276,f.50,f.229
	Lancang	1 kali	f.393
	Layar	4 kali	f.67,f.289,f.147 f.238
	Penjajab	74 kali	f.229,f.65,f.97 f.126,f.334,f.283
	Perahu	144 kali	f.185,f.333,f.71 f.92,f.6,f.425
	Sampan	33 kali	f.231,f.92,f.232 f.109,f.71,f.154
	Sekoci	9 kali	f.332,f.230,f.337 f.231,f.312,229
	Sekunar	16 kali	f.441, f.416,f.409, f.443,f.353,f.448
	Selub	7 kali	f.189,f.168,f.109 f.110,f.147,f.227
	Katar	6 kali	f.435, f.438,f.439 f.351
	Keruis	4 kali	f.395,f.421,f.447 f.409

	Semangka	4 kali	f.252,f.322,f.248
	Tambang	2 kali	f.344,f.51
Perahu buatan cina	Senat	2 kali	f.168,f.118
	Wangkang	24 kali	f.250,f.303,f.275 f.255,f.148,f.266
Perahu Bugis	Pinisi	1 kali	f.322
	Pintak	1 kali	f.65
Perahu orang Jawa	Pemayang	1 kali	f.182
	Pencalang	4 kali	f.168,f.49,f.90 f.89
Perahu Siam	Tob	3 kali	f.218,f.118,f.218
Kapal laut Turki	Feluka	1 kali	f.346
Selatan Filipina	Kora-kora (kura)	1 kali	f.65
	Berangai	1 kali	f.252
Kapal / perahu Perang Eropah	Kapal perang Inggeris.	10 kali	f.289,f.404,f.265 f.407,f.406,f.258
	<i>Silibis</i>	2 kali	f.436,f.435
	<i>Utrik</i>	1 kali	f.246
	<i>Warstik</i>	1 kali	f.331
	<i>Walmena</i>	1 kali	f.312
	<i>Dolphijn</i>	1 kali	f.328

	Menuar	1 kali	f.289
	Terum	1 kali	f.312

Analisis sebutan di atas menunjukkan bahawa perkапalan menjadi asset penting dalam kehidupan seharian manusia. Meskipun kajian hanya memfokuskan kepada fungsi kapal dalam kegiatan perang, namun didapati juga daripada teks *Tuhfat al-Nafis* bahawa kapal digunakan dalam perdagangan, alat pengangkutan awam dan sebagainya. Kepelbagaiannya jenis perkапalan yang dirakamkan dalam teks menggambarkan bahawa abad ke 18 telah memperlihatkan tentang penciptaan kapal yang unik dan bermanfaat, malah mendapat pengaruh luar dari segi buatannya. Disamping itu, adanya perkапalan ini juga menyaksikan bahawa ketika itu, kuasa asing telah masuk ke Alam Melayu, terutamanya di Riau untuk menjalankan perdagangan.

### i. Kapal

Mengikut analisis yang dibuat dalam *Tuhfat al-Nafis*, didapati perkапalan ada dirakamkan dalam teks sebanyak 186 kali. Kapal ialah sejenis bahtera atau perahu besar yang mempunyai geladak. Ia digunakan ketika dalam peperangan sebagai alat kelengkapan perang. Bukti dapat dilihat dalam teks:

“... Dan ada juga membawa pertikaman Bugis-Bugis, adalah kepalanya kapitan Abd al-Karim namanya, dan Penghulu Abd al-Majid. Adapun angkatan sebelah pihak gebermen Holanda iaitu satu **kapal** api perang nama komedannya bernama Tuan Keruf, dan satu berik Hai, dan satu sekunar Padang dan tiga buah kapal itu kira-kira adalah lima enam ratus orang bangsa orang putih ... ”<sup>401</sup>

---

<sup>401</sup> *Tuhfat al-Nafis* (kapal) 448, hlmn 463

Selain daripada itu, penyelidik juga telah dapat mengenalpasti bahawa kapal bukan sekadar digunakan ketika berperang dan berdagang sahaja, bahkan ternyata ia juga digunakan sebagai alat pengangkutan untuk membawa jenazah pada ketika itu. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... Adalah sebelum lagi ditanam jenazah Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu maka ditaruhnya di dalam peti hendak dibawanya ke Betawi, sudah sedia **kapal** akan membawa jenazah baginda al-Marhum itu, maka menantikan keesokan harinya sahaja. Maka pada malam itu keluarlah memancar ke atas seperti api pancar ke atas daripada peti...”<sup>402</sup>

Jelaslah bahawa kapal merupakan alat pengangkutan yang penting untuk digunakan dalam kehidupan. Umpamanya seperti petikan di atas yang menjelaskan bahawa kapal telah digunakan oleh rakyat untuk mengangkat jenazah Yang Dipertuan Muda Raja Haji akibat terkena tembakan senapang dalam pertempuran. Kemudian disusuli pula dengan dentuman meriam sebagai lambang adat istiadat pra raja dan pembesar ketika mangkat.

## ii. Gurab

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, gurab adalah diantara jenis-jenis perahu yang turut membantu pelayaran para ketenteraan dalam menghadapi musuh. Gurab yang berasal daripada istilah Arab iaitu Grab, merupakan perahu yang digunakan oleh orang Melayu dan ia dicipta mengikut model kapal Arab. Terdapat sebanyak 16 kali disebutkan di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, dan ia diperlukan dalam setiap peperangan sebagai alat kelengkapan sebelum berperang. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“dan orang-orangnya. Maka tewaslah Raja Kecik perang hari ini. Syahadan sebermula adalah pada sekali perangnya Kelana Jaya Putera

---

<sup>402</sup> Tuhfat al-Nafis (kapal) 239,hlmn 258

mengatur perangnya berbahagi dua, yang dua puluh **gurab** itu berperang sambil undur ke kuala rupa-rupa tewas dikerjakanlah oleh Bugis-Bugis itu waktu hampir-hampir malam...”<sup>403</sup>

“... angkatan yang keluar dari negeri Riau itu pergi berlayar masing-masing dengan hadapannya. Sebermula adapun opu-opu itu apabila sampai ke Selangor, lalulah membuat kelengkapan **gurab** tiga puluh buah banyaknya, akan jadi perahu perangnya, serta dicukupkannya dengan alat senjata sekali dan ubat pelurunya semuanya...”<sup>404</sup>

Setibanya Opu-Opus Bugis ke Selangor, mereka telah membuat kelengkapan untuk menghadapi peperangan, antaranya menyediakan gurab sebanyak tiga puluh buah sebagai perahu perang dan alat senjata untuk menghadapi pertempuran. Dalam peristiwa ini opu-opu Bugis bertindak untuk mengusir Raja Kecik yang melarikan diri ke Lingga. Ternyata dalam pertempuran ini, orang-orang Bugis menghadapi kekalahan dan segala kelengkapan telah dirampas oleh Raja kecil.

### iii. Keci<sup>405</sup>

Mengikut analisis yang dibuat, pengkaji mendapati keci hanya dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 63 kali dan ternyata. Keci adalah sejenis kapal layar empat persegi yang turut digunakan ketika dalam peperangan. Buktiya dapat dilihat dalam teks:

“... Maka sekoci yang banyak itu pun lepaslah ke laut maka kapal-kapal dan **keci** pun datanglah langgarnya ke darat membedilkan meriamnya. Maka lalulah berperang pula dengan penjajah itu bertembak-tembakan legum-legam seperti bunyi halintar membelah bukit...”<sup>406</sup>

<sup>403</sup> *Tuhfat al-Nafis* (*gurab*) 71, hlmn 75

<sup>404</sup> *Tuhfat al-Nafis* (*gurab*) 68, hlmn 72

<sup>405</sup> Keci merupakan sebuah kapal besar bertiang dua yang panjangnya lebih kurang 60m.

<sup>406</sup> *Tuhfat al-Nafis* (*keci*) 231, hlmn 249

Jelas diperlihatkan dalam teks bahawa keci merupakan alat pengangkutan yang digunakan dalam peperangan seperti yang dirakamkan, keci ada digunakan oleh orang Holanda untuk berbedil-bedilan, selain daripada itu sekoci juga telah digunakan bersama-sama dengan senapang ketika dalam pertempuran. Sememangnya keci sesuai digunakan dalam peperangan.

#### iv. Katar

Menerusi pengamatan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata penyelidik telah mendapati bahawa penggunaan katar ada dijelaskan dalam teks sebagai kapal yang bertiang satu untuk mengangkut barang. Meskipun demikian, sebanyak 5 kali disebutkan penggunaan katar dalam peperangan pada ketika itu seperti yang disebutkan dalam teks bahawa residen Riau yang terlibat dengan peperangan bersama Yang Dipertuan Muda telah menggunakan sekunar dan katar ketika melanggar serdadu Holanda.

“... maka dibantu oleh residen Riau iaitu sebuah sekunar perang dan **katar** perang. Maka berperanglah legum-legam di Pulau Karimun itu. Kemudian di dalam tiada berapa hari maka berperang itu tiada juga beralahan...”<sup>407</sup>

Katar antara kelengkapan yang digunakan dalam peperangan, seperti yang dirakamkan dalam teks bahawa residen Riau telah menghantar katar perangnya kepada orang Yang Dipertuan Muda untuk terus mara dalam pertempuran.

#### v. Jalur

Berdasarkan penilitian, didapati jalur hanya digunakan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak sekali. Jalur ialah sejenis perahu yang dibuat dari sebatang kayu yang

---

<sup>407</sup> Tuhfat al-Nafis (katar) 351, hlmn 381

dibelah dua, dikorek isi tengahnya dan dibentuk seperti perahu. Penyelidik juga mendapati bahawa ia dijadikan sebagai pengangkutan utama ketika dalam peperangan. Buktinya dapat dilihat dalam teks.

“Maka Raja Alam serta Raja Emas dan Dahing Matekuh pun, undurlah ke Sungai Tarum, lalu hendak berbuat kubu. Maka Yang Dipertuan Muda pun murka lalu pergi sendiri menarik-menarik **jalur-jalur**, dan penjajab dari Simpang Kiri. Maka teruslah penjajab ke Sungai Tarumlah. Maka lalu Yang Dipertuan muda serta punggawa Tarum melanggar kubunya dan perahunya yang ada....”<sup>408</sup>

Berikut ada menjelaskan bahawa jalur dan penjajab telah dipersiapkan untuk menghadapi perang pada esok harinya. Namun, orang Tarum bertindak lebih awal dengan melanggar kubu dan perahu yang dimudikkan buat sementara di sungai Tarum. Oleh yang demikian, serangan secara mendadak telah berlaku pada hari tersebut juga.

#### vi. Kakap

Berdasarkan penelitian yang dibuat, penyelidik mendapati kakap ada dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 15 kali. Kakap yang merupakan sejenis perahu kecil dan rendah telah banyak digunakan ketika dalam peperangan sebagai alat pertahanan. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“... Mahmud Raja Buang itu, sudah tiada diberi oleh Holanda masuk ke dalam Siak itu lagi maka ia pun marahlah. Maka lalu ia mudik ke dalam Siak ke Pulau Gontong, dengan empat buah **kakap**, orangnya ada seratus orang. dilanggarnya jambatan dengan kakapnya. Maka fetur Holanda itu pun terkejut, maka lalu ia berjalan ke jambatan, bertanyakan perahu siapa itu...”<sup>409</sup>

Peperangan di atas menceritakan tentang satu peristiwa perang yang berlaku di antara Holanda dengan orang Siak yang lari dari Pulau Gontong kerana diamuk oleh Sultan Mahmud di Melaka. Ketika itu kakap ada digunakan oleh angkatan tentera Raja Bujang untuk melanggar benteng yang dibuat oleh Holanda. Selain itu, kakap juga turut

<sup>408</sup> Tuhfat al-Nafis (jalur) 110, hlmn 112

<sup>409</sup> Tuhfat al-Nafis (kakap) 127, hlmn 133

dijadikan sebagai barang dagangan dengan tujuan untuk memenuhi alat kelengkapan perang terutamanya. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“... perahu Raja Ahmad itu dibayar seribu ringgit, dan adalah perahu itu dibeli Raja Ahmad kepada Pangeran Syarif Hasan Palembang empat ratus ringgit, dan **kakap** sebuah jadilah banyaklah untungnya. Syahadan pelayaran Raja Ahmad tiada berapa lamanya maka sampailah ia ke Lingga...”<sup>410</sup>

#### vi. Sekoci

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat, sekoci hanya dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 9 kali dan penyelidik mendapati ternyata ia banyak diperlukan dalam peperangan sebagai alat pertahanan diri. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“...Setelah hampir ke Pulau Penyengat maka segala serdadu Holanda pun sudah masing-masing turun ke sekocinya hendak balik ke kapal. Maka penjajab pun tiba maka lalulah berperang **sekoci** dengan penjajab pula berbedil-bedilan senapang dengan pemurasnya. Seketika berperang itu maka pecahlah sekocinya tiga buah, habis mati orang-orangnya. Maka sekoci yang...”<sup>411</sup>

Sekoci antara alat pengangkutan yang digunakan dalam kegiatan perang. Biarpun dalam teks tidak banyak disebutkan penggunaannya, namun ia ada digunakan oleh orang Holanda seperti yang dirakamkan dalam teks. Sebagaimana yang disebutkan bahawa sekoci Holanda telah diserang oleh penjajab dengan dibedilnya oleh senapang dan pemurasnya. Sebanyak tiga buah sekoci yang binasa, dan selebihnya kembali ke kapal untuk meneruskan peperangan menentang orang Melayu, Bugis dan Siantan.

---

<sup>410</sup> Tuhfat al-Nafis (kakap) 328, hlmn 356

<sup>411</sup> Tuhfat al-Nafis (sekoci) 230, hlmn 249

## ix. Berangai<sup>412</sup>

Mengikut analisis yang dibuat, didapati sekali sahaja senjata ini dinyatakan dalam T.N dan ternyata peranan berangai bukan hanya sekadar digunakan untuk berperang, malah ia juga merupakan sejenis perahu untuk merompak sehingga mampu mencetuskan peperangan.<sup>413</sup> Buktinya dapat dilihat pada teks:

“...dan maka apabila selesailah mereka itu daripada muafakatnya dan musyawarahnya maka berlayarlah mereka itu ke Riau. Adalah kira-kira kelengkapannya **berangai** dan penjajab kira-kira dua tiga puluh buah lebih kurang sedikit tiadalah dapat tentunya kerana tiada tersebut di dalam siarah...”<sup>414</sup>

## x. Pencalang

Pencalang merupakan sejenis perahu besar yang digunakan untuk mengangkut barang-barang dagangan. Berdasarkan kepada penilitian yang dibuat, pencalang ada dinyatakan dalam *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 4 kali. Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati pencalang tidak digunakan ketika berperang tetapi disebutkan sebagai perahu untuk berdagang. Buktinya dapat dilihat dalam teks :

“... maka tiadalah lain pekerjaannya melainkan membesarakan perniagaan di dalam negeri Riau. Maka datanglah beberapa perahu dagang dari jauh-jauh. Datangla kapal dan keci-keci dari Benggal, membawa dagangan Benggal berpuluhan-puluhan buah.... selub dan senat dan tiang sambung dan **pencalang** berpuluhan-puluhan buah dan apalagi perahu Bugis...”<sup>415</sup>

Didapati pencalang tidak digunakan ketika berperang, tapi ia digunakan untuk berdagang. Dalam teks ada disebutkan bahawa Dahing Kemboja gemar bermiaga sehingga banyaklah perahu dan kapal-kapal yang datang ke negeri Riau untuk menjalankan aktiviti perdagangan, termasuklah pencalang.

<sup>412</sup> Berangai merupakan sejenis kapal orang Filipina yang seiras dengan kapal lanun.

<sup>413</sup> Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat, *op.cit*, hlmn 166

<sup>414</sup> *Tuhfat al-Nafis* (berangai) 252, hlmn 274

<sup>415</sup> *Tuhfat al-Nafis* (pencalang) 168, hlmn 179

## **xi. Tob**

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata penggunaan tob ada dirakamkan dalam teks tersebut, akan tetapi ia tidak digunakan dalam kegiatan perang dan pengarang lebih menonjolkan peranan tob sebagai kapal dagang. Buktinya dapat dilihat dalam teks :

“... pada masa inilah negeri Riau itu ramai, serta dengan makmurnya dan segala dagang daripada negeri jauh-jauh pun datanglah dan berapa kapal-kapal dari Benggal membawa apiun dan lain dagangan dan perahu-perahu dagang pun di Kuala Riau, daripada kapal-kapal dan keci-keci dan selub dan senat dan wangkang dan **tob** siam...”<sup>416</sup>

Bukti lain yang menunjukkan penggunaan tob sebagai kapal dagang dalam teks adalah seperti berikut :

“...Yang Dipertuan Muda serta raja-raja Bugis dan Melayu pun banyaklah mendapat hasil-hasil dan cukai-cukai dan antara-antaranya Cina wangkang itu dan **tob** Siam seperti segala mangkuk pinggan dan piring yang halus-halus...”<sup>417</sup>

Tob di sini jelas menunjukkan bahawa ia tidak digunakan ketika berperang, malah digunakan sebagai alat pengangkutan untuk menjalankan kegiatan perdagangan, seperti yang disebutkan dalam teks bahawa di Kepulauan Riau menjadi tempat aktiviti perdagangan yang maju sehingga banyak kapal-kapal dagang dapat dilihat berada di situ, termasuklah tob yang merupakan kapal Siam.

## **xii. Wangkang**

Mengikut analisis yang dibuat dalam *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati wangkang ada dicatatkan sebanyak 24 kali dalam teks tersebut. Wangkang adalah

---

<sup>416</sup> Tuhfat al-Nafis (tob) 119, hlmn 121

<sup>417</sup> Tuhfat al-Nafis (tob) 218, hlmn 234

sejenis perahu besar, tetapi lebih kecil daripada jong.<sup>418</sup> Berdasarkan kepada penilitian, ia dijadikan sebagai sebahagian daripada alat kelengkapan perang. Buktinya dapat dilihat pada teks :

“... maka alahlah Pangeran Kayung itu lalulah ia undur lari dan Pangeran Kayung dan Pangeran Temenggungnya mati ditikam oleh orang Siak dan dapatlah perahu sambas empat buah dan **wangkang** sebuah...”<sup>419</sup>

Petikan di atas menjelaskan bahawa wangkang telah dirampas oleh orang Sambas yang sebelumnya pernah dicuri oleh Sayid Abdul Rahman dan angkatannya .Hal ini disebabkan oleh Pangeran Kayung dan Pangeran Temenggung ditikam dalam peristiwa perang tersebut.

### xiii. Selub

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati selub dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 7 kali dan ternyata ia ada digunakan ketika dalam peperangan sebagai sebahagian daripada alat kelengkapan berperang. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“.... Kemudian Raja Haji pun membelilah sebuah perahu layar sirik, iaitu **selub**, maka lalu dibawanya ke Selangor. Maka apabila sampai ke Selangor maka perahu itu pun ditutuhnya diperbuatnya penjajab, amat indah-indah perbuatannya, serta dengan teguhnya akan jadi perahu perang...”<sup>420</sup>

Selub merupakan antara perahu yang digunakan untuk kegiatan perang, seperti yang disebutkan dalam teks bahawa Raja Haji telah pergi ke Asahan untuk membeli selub ini, lalu dititipkan dengan penjajab dan keunikannya yang terserlah sebagai perahu perang.

<sup>418</sup> Kamus Dewan Bahasa, *op.cit*, hlmn 1800

<sup>419</sup> *Tuhfat al-Nafis* (wangkang) 260, hlmn 283

<sup>420</sup> *Tuhfat al-Nafis* (selub) 147, hlmn 156

#### **xiv. Senat<sup>421</sup>**

Mengikut analisis yang dibuat terdapat sebanyak 2 kali disebutkan senat dalam *Tuhfat al-Nafis* dan penyelidik mendapati senat tidak dicatatkan fungsinya sebagai perahu perang, malah ia lebih berperanan dalam bidang perdagangan. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“...kepala hijau, dan kepala merah, berpuluhan-puluhan buah, dan datang pula tob-tob dari Siam membawa dagangan Siam berpuluhan-puluhan buah, dan datang pula perahu dari Jawa, selub dan **senat** dan tiang sambung dan pencalang berpuluhan-puluhan buah dan apalagi perahu dari Bugis berpuluhan-puluhan buah pedewakan apalagi perahu-perahu rantau-rantau...”<sup>422</sup>

Senat disebutkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, bahawa ia tidak digunakan ketika dalam peperangan, tetapi ia digunakan untuk berdagang. Dalam teks ada disebutkan bahawa Dahing Kemboja gemar bermiaga sehingga banyaklah perahu dan kapal-kapal yang datang ke negeri Riau untuk menjalankan aktiviti perdagangan, termasuklah senat yang menjadi aset untuk mereka menjalankan perniagaan.

#### **xv. Sampan**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati terdapat sebanyak 33 kali disebutkan penggunaan sampan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Sampan banyak memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari manusia. Walau bagaimanapun, ternyata dalam T.N ada mencatatkan keperluan sampan sebagai sebahagian daripada alat kelengkapan ketika mana berlakunya peperangan. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

---

<sup>421</sup> Senat adalah jong Cina. Lihat Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 1445

<sup>422</sup> *Tuhfat al-Nafis* (senat) 118, hlmn 121

“... seketika lagi berperang itu Bugis-Bugis pun turun ke **sampan**, membawa terakulnya dan pemurasnya, lalu dipintasnya sebelah peminggangnya perahu-perahu Minangkabau itu, lalulah dirapatkannya ...”<sup>423</sup>

“...beberapa kelengkapan menyobok ke Riau. Maka pada ketika itu padahal opu-opu itu sudah mengaturkan juak-juaknya empat puluh orang iaitu orang baik-baik, diberinya seorang sebuah **sampan**, disuruhnya berjaga sepanjang laut itu malam-malam, disuruhnya hidupkan api tiap-tiap sampan itu ...”<sup>424</sup>

### xviii. Penjajab

Penjajab adalah sejenis kapal perang orang Bugis yang dikenali sebagai perahu perang, malah ia juga turut digunakan dalam kegiatan lanun di kalangan orang Balangi. Berdasarkan kepada pemerhatian, penyelidik mendapati sebanyak 74 kali penggunaan penjajab disebutkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dan didapati penjajab telah digunakan dalam peperangan sebagai kapal perang orang Bugis terutamanya. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“... keci Holanda mendarat ke sebelah pihak Pulau Los, maka angin pun lemahlah dikeluari oleh **penjajab** ada enam tujuh buah. Maka lalu berperang legum-legam azmatlah bunyinya bahana meriam itu. Maka seketika berperang itu hampirlah tewas keci itu hampir-hampir dapat...”<sup>425</sup>

Pertempuran yang melibatkan Holanda dan orang Bugis telah menyebabkan banyak keci-keci musnah. Ternyata penjajab juga digunakan ketika itu dan ini menunjukkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, bahawa penjajab banyak digunakan terutamanya dalam peperangan oleh orang Bugis. Selain itu, terdapat bukti lain yang menunjukkan penjajab menjadi alat pengangkutan yang utama bagi orang Bugis ketika menghadapi pertempuran, antaranya seperti petikan teks berikut.

“.... Maka sekoci yang banyak itu pun lepaslah ke laut maka kapal-kapal dan keci pun datanglah langgarnya ke darat membedilkan

<sup>423</sup> *Tuhfat al-Nafis* (sampan) 65, hlmn 69

<sup>424</sup> *Tuhfat al-Nafis* (sampan) 73, hlmn 76

<sup>425</sup> *Tuhfat al-Nafis* (penjajab) 229, hlmn 248

meriamnya. Maka lalulah berperang pula dengan **penjajab** itu bertembak-tembakan legum-legam seperti bunyi halintar membelah bukit. Maka seketika berperang itu maka tiada juga berketewasan antara kedua pihak itu...”<sup>426</sup>

### xi. Keruis

Mengikut kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati sebanyak 4 kali dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* tentang penggunaan keruis dalam siri perperangan yang nyata wujud dalam teks. Hal ini dapat dilihat pada teks<sup>427</sup> :

“... apabila tiba ke Riau maka disambutlah oleh Residen Riau dengan hormat, dipasangkannya meriam di atas bukit dan di aturkan **keruis** membedilnya semuanya dan di pulau penyengat pun demikian juga memasang meriam di atas bukit serta segala cina-cina ke laut...”

“... Yang Dipertuan Muda Raja Abd al-Rahman akan beberapa kelengkapan ada kira-kira berpuluhan-puluhan buah penjajab Riau dengan Lingga dan lain panglima-panglima Galang dan **keruis** Holanda pun ada juga bersama. Maka berkumpullah ke dalam Lingga segala angkatan itu. Maka apabila sudah mustaib maka menyuruhlah Yang Dipertuan Muda melanggar Inuk itu...”<sup>428</sup>

### xix. Perahu

Mengikut analisis yang dibuat, didapati bahawa penggunaan perahu begitu ketara dalam perperangan yang ada dinyatakan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Bahkan penyelidik juga mendapati sebanyak 144 kali disebutkan istilah perahu dalam karya agung T.N ini. Hal ini terbukti apabila melihat kepada teks *Tuhfat al-Nafis* :

“...baharulah dibalas. Maka berperanglah berbedil-bedilan **perahu** dengan kubu itu, mati seorang panglima Yang Dipertuan Selangor. Maka dirapati oleh orang-orang Selangor. Maka kubu-kubunya pun

<sup>426</sup> *Tuhfat al-Nafis* (penjajab) 231, hlmn 249

<sup>427</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.421), hlmn 430

<sup>428</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.395), hlmn 397

dapatlah, maka orangnya pun lari ke hulu, maka tiadalah berketauhan...”<sup>429</sup>

“... banyaklah sampan Raja Kecik rusak, sebab senapang berlawan dengan meriam. Syahadan apabila **perahu** besar Raja Kecik melihat sampan-sampannya berlawan dengan **perahu** besar Bugis itu, maka lalu dibedilnya dengan meriam. Maka kena kawannya sendiri, sebab ia di tengah-tengah ...”<sup>430</sup>

Peristiwa di atas menggambarkan perang di Linggi yang berlaku antara Raja Kecik dan Bugis. Banyak perahu telah digunakan untuk melawan sampan-sampan Raja Kecik, lalu Raja Kecik membedil perahu besar Bugis untuk membala dendam kepada pihak musuh. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa perahu telah digunakan sebagai pengangkutan utama, dan telah terbukti bahawa perahu banyak digunakan dalam peperangan dengan jumlah purata yang paling banyak disebutkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Disamping itu, perahu juga digunakan dalam kegiatan perdagangan sebagai alat pengangkutan. Buktiya dapat dilihat pada teks :

“... Maka tiadalah lain pekerjaannya melainkan membesarakan perniagaan di dalam negeri Riau. Maka datanglah beberapa **perahu** dagang dari jauh-jauh, datanglah kapal dan keci-keci dari Benggal, membawa dagangan Benggal berpuluhan-puluhan buah, dan dari Cina datang pula wangkang-wangkang kepala hijau...”<sup>431</sup>

## xx. Kura-Kura (kora)

Kura-Kura disini bukan bermakna seekor binatang, akan tetapi merupakan sejenis kapal perang lama. Penyelidik mendapati bahawa dalam *Tuhfat al-Nafis* ada menyebutkan tentang penggunaan Kura-Kura ketika dalam peperangan. Hal ini dapat dilihat pada teks :

<sup>429</sup> *Tuhfat al-Nafis* (perahu) 278, hlmn 301

<sup>430</sup> *Tuhfat al-Nafis* (perahu) 71, hlmn 74

<sup>431</sup> *Tuhfat al-Nafis* (perahu) 168, hlmn 179

“...dan beberapa perahu-perahu Bugis seperti pintak dan **kura-kura** dan beberapa lagi sampan-sampan kecil-kecil. Adalah orang- orang Bugis serta Bugis juak-juaknya yang empat puluh ada kira-kira seribu dan adalah Bugis yang empat puluh itu kepalanya dua orang...”<sup>432</sup>

Riau, di Pulau Pengujan telah mengikat perang dan mengatur segala kelengkapan perang dengan menyusun perahu-perahu seperti kura-kura, sampan kecil untuk bersedia dalam menghadapi perang. Begitu juga dengan para peserta yang terlibat telah dikenalpasti dari awal sebelum bertempur. Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa kura-kura telah dipilih sebagai alat kelengkapan perang cuma yang jelas, fungsinya tidak begitu ketara digunakan pada abad tersebut.

#### xxi. Berik

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, didapati sebanyak 6 kali ada dinyatakan penggunaan berik dalam teks tersebut. Berik berasal dari bahasa Kuno (arkaik) yang bermakna kapal layar dan ternyata dalam T.N ada disebutkan fungsinya sebagai kapal layar dan ia tidak sesuai digunakan dalam peperangan. Ini terbukti dalam teks :

“...ke Terengganu dengan keci perang itu. Adapun **berik** Riau iaitu tempat gundik Yang Dipertuan Muda, adalah yang membawanya Datuk Syahbandar Abdullah dan seorang puteranya Yang Dipertuan Muda yang bernama Raja Mahmud...”<sup>433</sup>

“... daripada pekerjaan itu maka Raja Ahmad pun baliklah turun ke Jawi. Maka mengantarlah segala masyayikh di dalam negeri Makkah itu hingga sampai ke Jeddah. Maka lalulah naik kapal **berik** Turki nakhodanya nama Syed Muhammad Ali menyewa pula sebelah kurung kapal itu juga. Maka lalulah berlayar ke negeri Jawi....”<sup>434</sup>

<sup>432</sup> *Tuhfat al-Nafis* (kura-kura) 65, hlmn 68

<sup>433</sup> *Tuhfat al-Nafis* (berik) 331, hlmn 360

<sup>434</sup> *Tuhfat al-Nafis* (berik) 349, hlmn 379

## **xxii. Pintak**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* didapati hanya sekali sahaja disebutkan istilah pintak. Dimana pintak adalah sejenis perahu Bugis yang turut digunakan ketika berlakunya peperangan. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“...dan beberapa perahu-perahu Bugis seperti **pintak** dan kura-kura dan beberapa lagi sampan-sampan kecil-kecil. Adalah orang-orang Bugis serta Bugis juak-juaknya yang empat puluh ada kira-kira seribu dan adalah Bugis yang empat puluh itu kepalanya dua orang...”<sup>435</sup>

## **xxiii. Kapal Perang Inggeris**

Mengikut penelitian yang dilakukan, penyelidik mendapati sebanyak 10 kali ada dinyatakan penggunaan kapal perang Inggeris di dalam siri peperangan yang terdapat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Hal ini dapat dilihat pada teks :

“... Ampun Tuanku, patik dibedil oleh **kapal perang Inggeris** itu dekat kuala perahu patik pun pecah-belah kena peluru sebesar nyiur / sebutir nyiur/ berkupas. Lalu patik berenang lari ke darat, lalu patik sampai ke mari dan perahu...”<sup>436</sup>

Kapal Inggeris dikatakan telah memasuki Kepulauan Riau dengan membedil perahu-perahu Melayu yang berlayar. keadaan ini telah menyebabkan para pembesar tidak berpuashati dengan tindakan pihak Inggeris dan berhasrat untuk menyerang kembali dengan meminta bantuan dari pihak Lingga dan sebagainya. Jelaslah disini bahawa kapal perang Inggeris juga mendapat perhatian dalam teks dengan purata yang sederhana dan digunakan dalam kegiatan perang.

---

<sup>435</sup> *Tuhfat al-Nafis* (pintak) 65, hlmn 68

<sup>436</sup> *Tuhfat al-nafis* (kapal perang Inggeris) 406, hlmn 413

#### **xxiv. Balang**

Balang adalah sejenis perahu layar yang bertiang dua. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati balang hanya sekali sahaja disebutkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, akan tetapi ia tidak merujuk kepada sejenis perahu atau kapal, malah balang di sini lebih merujuk kepada “bekas” air mawar yang diperbuat daripada emas dan perak. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“....diperbuat di negeri Cina dan seperti tepak dan **balang** air mawar daripada emas dan perak diperbuat di negeri Benila yang berkarang bertatahkan intan dan yang berserodi. Dan adapun pinggan mangkuk dan cawan teh...”<sup>437</sup>

Perdagangan menjadi satu aktiviti yang semakin bergiat aktif di Kepulauan Riau, pelbagai barang dagangan yang di bawa masuk dari pelbagai tempat dan negara. Antaranya balang air mawar yang diperbuat dari emas dan perak di negeri Benila. Dengan penemuan istilah “balang” dalam teks, ternyata ia tidak merujuk kepada sejenis kapal balang, malah merupakan barang dagangan semata-mata. Lagipun hanya sekali sebutan sahaja berkaitan dengannya di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Ini jelas menggambarkan balang tidak disebutkan sebagai kapal perang, tetapi bekas yang dicipta dari emas dan perak.

#### **xxv. Bedar**

Berdasarkan kepada pemerhatian teks yang dibuat, didapati penggunaan bedar ada dirakamkan dalam sebanyak 2 kali sahaja. Hal ini jelas dapat dilihat dalam teks :

“...Syahadan kata sahib al-hikayat adalah yang memerintahkan perang itu iaitu Yang Dipertuan Muda Raja Haji sendiri adalah ia berkayuh satu sampan **bedar** yang panjang. Adalah ia berdiri tengah-tengah sampan bersiar-siar, maka berkayuhlah ia memeriksa segala kelengkapan apa-apa yang kekurangan...”<sup>438</sup>

---

<sup>437</sup> *Tuhfat al-Nafis* (Balang) 217, hlmn 234

<sup>438</sup> *Tuhfat al-Nafis* (bedar) 229, hlmn 247

Jelaslah bahawa bedar di sini merujuk kepada sebuah sampan yang digunakan oleh Yang Dipertuan Muda untuk memeriksa segala kelengkapan yang diatur sebelum menghadapi perperangan. Tiada sebarang bukti yang menunjukkan bedar digunakan dalam pertempuran, malah hanya dua kali sahaja disebutkan dalam teks tentang penggunaan bedar yang bersifat umum.

## **xxvi. Lancang**

Lancang merupakan sejenis perahu perang yang mempunyai haluan berbentuk runcing, layarnya berbentuk tiga segi dan lazimnya mempunyai dua tiang layar. Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat, penyelidik mendapati hanya sekali sahaja ada dinyatakan penggunaan lancang di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Selain digunakan untuk berperang, lancang juga turut digunakan dalam aktiviti melanun atau merompak. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... pergi merompak pada masa kerajaan Yang dipertuan Muda Raja Jaafar itu iaitu jarang dengan perahu penjabanya yang besar-besar, melainkan dengan perahu **lancang-lancang** dan kakap-kakap jua dan kebanyakannya bedar-bedar...”<sup>439</sup>

Raja Merkung dan Raja Merasan adalah raja Lanun yang merupakan ketua perompak yang sangat berpengaruh dan sering menaiki lancang untuk melakukan rompakan seperti yang dirakamkan dalam teks bahawa mereka telah pergi merompak di sebuah kerajaan Yang Dipertuan Muda Raja dengan lancangnya dan kakapnya. Sememangnya dalam teks tidak disebutkan lancang digunakan dalam pertempuran, sebaliknya digunakan untuk merompak.

---

<sup>439</sup> Tuhfat al-Nafis (Lancang) 393, hlmn 396

## **xxvii. Sekunar**

Mengikut penelitian yang dibuat, didapati sebanyak 16 kali sampan sekunar ada dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata ia turut digunakan ketika dalam perperangan. Buktinya dapat dilihat dalam teks:

“... adalah pada masa itu kelengkapan gebermen Holanda di dalam Riau ada sebuah kapal api perang namanya Tuan Keruf, dan satu keci perang dan satu **sekunar** perang serta keruis-keruis ...”<sup>440</sup>

“.... Maka apabila Yang Dipertuan Muda itu sampai ke Pulau Karimun itu, lalu berperang. Maka dibantu oleh residen Riau iaitu dengan sebuah **sekunar** perang dan katar perang. Maka berperanglah legum-legam di Pulau Karimun itu. Kemudian di dalam tiada berapa hari maka berperang itu tiada juga beralahan...”<sup>441</sup>

YDPM telah bersiap sedia dengan alat kelengkapan perang, membina benteng pertahanan, membuat kubu, menyusun penjabat ketika berperang di Pulau Karimun. Disamping itu, mereka juga memerlukan khidmat bantuan dari residen Riau dengan menyediakan sekunar dan katar perang. Ini menunjukkan sekunar antara jenis sampan yang sesuai digunakan dalam pertempuran dan ia sudah pun dimiliki oleh masyarakat ketika itu.

## **xxviii. Tambang**

Berdasarkan kepada penelitian teks yang dibuat, tambang adalah diantara jenis-jenis perahu yang turut dirakamkan penggunaannya dalam *Tuhfat al-Nafis* cuma fungsinya tidak memperlihatkan untuk kegiatan berperang, akan tetapi lebih kepada urusan perkhidmatan dan perhubungan, iaitu membawa penumpang secara berulang-alik khasnya. Terdapat sebanyak 2 kali ada disebutkan fungsi perahu tambang di dalam teks T.N . Buktinya dapat dilihat dalam teks:

---

<sup>440</sup> *Tuhfat al- Nafis* (Sekunar) 443, hlmn 457

<sup>441</sup> *Tuhfat al-Nafis* (sekunar) 351, hlmn 381

“... maka lalulah hendak pergi haji ke Singapura mencari kapal **tambang** di Singapura pergi ke negeri Arab. Maka mengantarlah paduka kakanda baginda itu Engku Putri serta Datuk Syahbandar...”<sup>442</sup>

Tambang merupakan pengangkutan yang tidak disebutkan dalam teks sebagai alat kelengkapan perang, akan tetapi penyelidik telah menemui tambang digunakan untuk menghantar Raja Ahmad menunaikan Haji. Beliau telah mencari kapal tambang di Singapura untuk pergi ke negara Arab bagi melaksanakan nazarnya. Jelas di dalam teks tambang tidak disebutkan sebagai kapal perang, tetapi digunakan untuk keperluan lain.

#### **xxix. Pinisi**

Perahu pinisi adalah sejenis perahu orang Bugis dan ada dicatatkan pada abad ke19, pinisi telah digunakan di Malaysia. Ini kerana pinisi pada asalnya merupakan sekunar Indonesia.<sup>443</sup> Terdahulunya palari merupakan model terawal bagi jenis perahu pinisi dan kapal ini dikatakan mampu membawa kargo antara 2 hingga 10 tan.<sup>444</sup> Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, terdapat hanya sekali sahaja disebutkan di dalam teks *Tuhfat al-Nafis* berkaitan dengan penggunaan perahu pinisi, akan tetapi ianya tidak digunakan dengan tujuan perang. Buktinya dapat dilihat dalam teks :

“... adalah perahunya empat buah yang pergi itu pertama kenaikan Yang dipertuan Muda iaitu penjab berkepala gambar gajah, kedua perahu Raja Ahmad iaitu **pinis**, ketiga perahu putera-putera Yang dipertuan Muda iaitu belah semangka...”<sup>445</sup>

Petikan teks ini menjelaskan bahawa kapal pinisi digunakan untuk membawa Sayid Mustafa dan Sayid Abdullah pergi bermusyawarah ke Betawi . Tidak menunjukkan sebarang tanda yang jelas bahawa pinisi digunakan dalam kegiatan perang, malah hanya

<sup>442</sup> *Tuhfat al-Nafis* (tambang) 344, hlmn 373

<sup>443</sup> H.S Barlow, (2009), *Op.cit*, hlmn 365

<sup>444</sup> Gene Ammarell, (1999), *Bugis Navigation*, op.cit, hlmn 57

<sup>445</sup> *Tuhfat al-Nafis* (pinisi) 322, hlmn 350

sekali sahaja disebutkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Jelaslah bahawa pinisi bukan sebuah perahu yang digunakan untuk bertempur, tetapi digunakan dalam kehidupan sehari-hari.

### **xxx. Pemayang**

Mengikut kepada pemerhatian yang dibuat berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati hanya sekali sahaja dirakamkan tentang penggunaan pemayang dalam teks tersebut, akan tetapi pemayang di sini tidak dinyatakan untuk berperang. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks:

“... maka lalulah Raja Musa masuk berjudi melawan Cina itu, maka banyaklah menang. Kemudian baharulah ia membeli **pemayang** sebuah, harganya ada dua tiga puluh rial lebih kurang sedikit. Maka dapatlah pula ia orang-orang disitu...”<sup>446</sup>

### **xxxi. Semangka**

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dibuat oleh penyelidik, didapati sebanyak 4 kali ada dirakamkan penggunaan semangka dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Semangka yang dimaksudkan bukan merujuk kepada buah tembikai tetapi adalah sejenis perahu yang digunakan ketika menghadapi pertempuran dan dikenali sebagai semangka kerana bentuk kapalnya yang berkeluk. Hal ini dapat dilhat dalam teks tentang peranannya dalam peperangan :

“...maka banyaklah Holanda-Holanda itu mati lalu ia turun ke kecinya mana-mana yang hidup, ada yang turun ke sebelah **semangka** belayarlah ia ke Melaka, mana-mana yang hidupnya. Kata satu kaul adalah keci itu sangkut maka dikerumunkan oleh perangai-perangai itu...”<sup>447</sup>

---

<sup>446</sup> *Tuhfat al-Nafis* (pemayang) 182, hlmn 192

<sup>447</sup> *Tuhfat al-Nafis* (semangka) 252, hlmn 274

Peristiwa perang yang berlaku di Tanjung Pinang ini telah menggambarkan satu pertempuran yang sangat hebat antara Lanun dan Holanda. Apabila para lanun mendarat, maka pihak Holanda pun bergerak rapat kepada pihak musuh dengan sehingga Holanda sendiri banyak yang mati dan mereka terpaksa beralih dan berpindah ke sampan semangka. Ini menunjukkan bahawa semangka juga mempunyai fungsi dalam kegiatan perang, walaupun penonjolan tentang peranan sampan tersebut tidak jelas.

### **xxxii. Dendang**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, penyelidik mendapati dendang ada disebutkan penggunaannya dalam teks *Tuhfat al-Nafis* hanya sekali sahaja. Dendang merupakan sejenis perahu yang sering digunakan dalam peperangan di laut. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... Adalah laksamananya bernama Hang Nadim, ialah menjadi raja laut. Adalah perahunya bernama **dendang**. Panjangnya tiga belas depa, bermeriam dua sehaluan, sunting rentaknya sepuluh sebelah dan tahan turutnya dua. Dan pengapit laksamana itu Seri Bija...”<sup>448</sup>

Dendang di sini merujuk kepada kapal yang dinaiki oleh laksamana Hang Nadim (raja laut) yang mengiringi Sultan Ala al-Din Riayat Syah yang keluar dari Pahang ke Johor Baharu dengan beberapa kelengkapan, antaranya kapal dendang yang panjangnya kira-kira tiga belas depa, runting rentaka sepuluh sebelah, meriam dua hala dan tahan turutnya dua. Tidak disebutkan fungsi kapal dendang tersebut dalam petikan teks dengan jelas dan didapati hanya sekali sahaja dendang disebutkan dalam teks .

---

<sup>448</sup> *Tuhfat al-Nafis* (dendang) 9, hlmn 10

### **xxxiii. Layar**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati istilah layar ada dirakamkan dalam teks sebanyak 4 kali. Layar pada teks bukan hanya sekadar merujuk kepada kain penampung angin untuk melayarkan perahu<sup>449</sup>, akan tetapi layar juga adalah sejenis perahu yang turut digunakan ketika berperang. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“...Kemudian Raja Haji pun membelilah sebuah **perahu layar** sirik iaitu selub, maka lalu dibawanya ke Selangor. Maka apabila sampai ke Selangor, maka perahu itupun diutuhnya diperbuatnya penjajab, amat indah-indah perbuatannya serta dengan diteguhkannya akan jadi perahu perang...”<sup>450</sup>

Peristiwa di atas menunjukkan layar merupakan antara pengangkutan yang disebutkan dalam teks. Petikan di atas ada menjelaskan perahu layar dijadikan sebagai perahu perang, tetapi tiada sebarang maklumat yang menjelaskan ia digunakan dalam pertempuran.

### **xxxiv. Warstik**

Ternyata penyelidik ada menemui catatan tentang penggunaan kapal perang *Warstik* di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Meskipun tidak dinyatakan fungsinya ketika dalam peperangan, namun penyelidik mendapati kapal tersebut ada digunakan sebagai alat pengangkutan untuk mengambil Baginda Sultan Abdul Rahman Syah di Terengganu. Hal ini dapat dilihat dalam teks berikut :

“.....Maka Yang Dipertuan Muda pun musyawarahlah dengan residen Riau akan berangkat ke Terengganu akan mengambil baginda Sultan Abd al-Rahman Syah. Maka putuslah muafakat itu maka ada satu keci perang gebermen, nama panglima perangnya Kernil Parpir dan nama

---

<sup>449</sup> Kamus Dewan Bahasa, edisi Keempat, (2007) op.cit, hlmn 902

<sup>450</sup> *Tuhfat al-Nafis* (layar) 147, hlmn 156

keci perang itu **Warstik** dan tiga hospirnya seorang namanya Hurstir...<sup>451</sup>

Jelas petikan tersebut menunjukkan bahawa kapal Warstik ada disebutkan dalam kandungan teks *Tuhfat al-Nafis*. Meskipun demikian, ia tidak digambarkan sebagai perahu perang tetapi sebagai satu keperluan bagi residen Riau untuk bertemu dengan Sultan Abdul al-Rahman As-Syah.

#### *xxxv. Silibus*

*Silibis* merupakan kapal perang dari Betawi yang digunakan dalam peperangan. Namun demikian pengarang tidak ada menyatakan dalam teks tentang penggunaannya dalam peperangan tetapi sekadar disebutkan sebagai kapal perang yang digunakan dalam pelayaran. Kenyataan tersebut ada disebutkan sebanyak 2 kali. Hal ini dapat dilihat dalam teks berikut :

“... pada lima belas hari bulan Safar hari Ahad, maka datanglah satu kapal api perang dari Betawi namanya *Silibis* masuk ke negeri Riau berlabuh di Tanjung Pinang serta membawa satu komesaris namanya Tuan Mejur William...<sup>452</sup>

“... pada keesokan harinnya pada hari Arbaa jam pukul tujuh, maka berlayarlah komesaris tu serta satu lagi tuan orang putih yang alim pada ilmu bahasa Melayu, namanya Tuan Pende Wal. Maka berlayarlah keduanya dengan kapal api perang nama *Silibis* ke Singapura. Maka apabila sampai ke Singapura maka pergilah keduanya itu kepada gubernur Singapura ...<sup>453</sup>

Jelas berdasarkan petikan di atas bahawa Silibus tidak digunakan dalam pertempuran ketika itu walaupun ia merupakan antara kapal perang orang Eropah. Dalam teks ini menunjukkan silibus digunakan oleh orang barat untuk belayar ke Singapura, mencari Sultan Mahmud bagi memaklumkan jawatannya telah dipecat. Kesimpulannya silibus turut digunakan untuk aktiviti lain selain daripada pertempuran

<sup>451</sup> *Tuhfat al-Nafis* (Warstik) 331, hlmn 359

<sup>452</sup> *Tuhfat al-Nafis* (Silibis) 435, hlmn 447

<sup>453</sup> *Tuhfat al-Nafis* (silibis) 437, hlmn 449

### **xxxvi. Walmena**

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat dalam teks, penyelidik mendapati kapal perang *Walmena* yang diterajui oleh angkatan Belanda ada disebutkan penggunaannya dalam peristiwa perang yang dicatatkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Hal ini dapat dilihat dalam teks seperti berikut :

“... maka angkatan gebermen Holanda pun datanglah ke Rdiau iaitu Sekebenakht Walterbek, ialah yang menjadi raja laut dan satu komesaris iaiu kapitan laut dengan kapal perang yang bernama Terum dan satu lagi kapal perang bernama **walmena**, itulah yang besarnya dan lain-lainnya itu kecl-kecl. Maka apabila tiba didalam pelabuhan maka memasanglah ia meriam dua puluh satu. Maka di balas pula...”<sup>454</sup>

### **xxxvii. Terum**

Terum merupakan sejenis kapal perang yang digunakan untuk berperang seperti yang dicatatkan dalam teks, tetapi hanya sekali sahaja disebutkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

“... maka angkatan gebermen Holanda pun datanglah ke Riau iaitu Sekebenakht Walterbek, ialah yang menjadi raja laut dan satu komesaris iaiu kapitan laut dengan kapal perang yang bernama **terum** dan satu lagi kapal perang bernama *Walmena*, itulah yang besarnya dan lain-lainnya itu kecil-kecil. Maka apabila tiba didalam pelabuhan maka memasanglah ia meriam dua puluh satu. Maka di balas pula...”<sup>455</sup>

Berdasarkan teks di atas gabenor Holanda bersama raja laut telah datang ke Riau untuk menjalinkan hubungan di antara kaum kerabat di Riau dengan menaiki Terum. Kemudian, satu perjanjian telah dibuat tanda persetujuan untuk menyatukan dua pihak. Maka jelas bahawa kapal tersebut digunakan sebagai alat pengangkutan semata-mata,

---

<sup>454</sup> *Tuhfat al-Nafis (Walmena)* 312, hlmn 338

<sup>455</sup> *Tuhfat al-Nafis (Terum)* 312, hlmn 338

tiada anasir yang menunjukkan ia digunakan untuk berperang meskipun terum merupakan kapal perang orang Eropah.

### **xxxviii. *Utrik***

Berdasarkan peniltian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, didapati kapal perang *utrik* ada disebutkan dalam teks. Walau bagaimanapun kapal tersebut tidak dinyatakan penggunaannya dalam peperangan dan hanya sekali sahaja dirakamkan seperti dalam teks berikut :

“... syahadan adapun membuat perjanjian itu di dalam kapal perang yang bernama **Utrik** demikianlah adanya. Maka selesailah daripada berjanji itu serta dengan surat perjanjian serta tanda tangannya sebelah menyebelah. Maka baliklah raja laut itu ditinggalkannya seorang fetur...”<sup>456</sup>

Utrik merupakan sebuah kapal Inggeris yang hanya digunakan sebagai tempat membuat perjanjian seperti yang disebutkan dalam teks. Satu perjanjian telah dibuat antara Raja laut dengan Sultan Mahmud untuk meletakkan satu kompeni Inggeris menetap di Riau supaya dapat memperbanyakkan hasil dan meramaikan rakyat di negeri Riau. oleh itu, jelas bahawa tidak ada disebutkan

### **xxix. *Feluka***

Feluka merupakan sejenis kapal Turki. Melalui pengamatan yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* ada disebutkan penggunaan feluka, akan tetapi ia tidak digunakan dalam peperangan, bahkan disewa oleh Raja Ahmad untuk pergi ke Jeddah seperti yang dicatatkan dalam teks bahawa feluka telah disewa oleh Raja Ahmad untuk baylor ke Jeddah bersama dengan kapitannya yang bernama Husain.

---

<sup>456</sup> *Tuhfat al-Nafis* (*utrik*) 246, hlmn 267

“... maka raja Ahmad pun belseyarlah ke Jeddah menyewa satu kapal Turki bernama **Feluka**. Adalah nama kapitannya itu, iaitu kapitan Husain. Yang disewa oleh Raja Ahmad itu sebelah kurung ( kapal itu) sekira boleh tempat orang dua belas...”<sup>457</sup>

#### **xl. Dolfin**

Berdasarkan kepada penilitian teks, didapati penggunaan kapal dolfin ada dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Ternyata sekali sahaja disebutkan penggunaan dolfin dalam teks, tetapi ia tidak dijelaskan ketika berlakunya peperangan. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks :

“... Maka di dalam hal itu Engku Sayid Muhammad Zain al-Kudsi pun mintalah kepada gebernur jeneral ia hendak balik ke Riau. Maka dibenarkan oleh gebernur jeneral dan ditumbangkannya dengan satu kapal perang yang baharu datang dari Eropah namanya **dolfin** meriamnya dua lapis. Maka belseyarlah Engku Sayid itu balik ke Riau...”<sup>458</sup>

Penggunaan kapal dolphin dalam teks tidak disebutkan secara jelas dalam kegiatan perang meskipun kapal dolphin merupakan salah satu daripada kapal perang. Ia hanya dinyatakan sebagai kapal yang digunakan oleh orang Eropah ketika baru masuk ke Riau. Mungkin penemuan ini tidak menepati kehendak kajian, cuma yang jelas kapal perang dolphin ini ada disebutkan penggunaannya dalam teks tetapi tidak digunakan dalam peperangan.

#### **xli. Menuar**

Menuar adalah sejenis kapal Inggeris, penyelidik mendapati bahawa penggunaan menuar ada dirakamkan dalam satu peristiwa seperti yang dinyatakan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*.

---

<sup>457</sup> *Tuhfat al-Nafis* (feluka) 346, hlmn 376

<sup>458</sup> *Tuhfat al-Nafis* (dolphin) 328, hlmn 357

“... apabila ia masuk ke jajahan Riau itu antara Lobam dan Terkulai, maka berjumpa dengan satu kapal perang Inggeris **menuar**. Maka segala penjajah itu memukul gendang dan tawak-tawak maka disangka oleh kernal kapal perang itu perompak atau orang jahat-jahat. Maka lalulah ditarisnya dengan meriam yang dua tiga lapis itu legum-legam seperti halilintar membelah bukit, dan pelurunya pun berkabutlah...”<sup>459</sup>

Adapun disebutkan tentang kapal menuar dalam teks tersebut, didapati penggunaan kapal menuar dalam peperangan tidak dinyatakan sama sekali, seperti dalam petikan di atas ada menjelaskan bahawa menuar digunakan oleh orang Inggeris dan mereka ada melepaskan das tembakan kepada penjajah yang diketuai oleh Sayid Ali kerana menyangka bahawa penjajah tersebut dinaiki oleh para perompak atau orang jahat. Ini jelas menunjukkan bahawa menuar tidak ada kaitan dengan peperangan, hanya disebutkan sahaja penggunaan kapal menuar dari sudut lain.

## Rumusan

Berdasarkan kepada pemerhatian dan pengamatan yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa jenis kapal, perahu atau sampan yang digunakan sebagai alat pengangkutan ketika berlakunya peperangan. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 33 jenis kapal yang dirakamkan dalam teks. Jenis perkapalan ini terdiri daripada perahu orang Melayu, Bugis, Jawa dan Selatan Filipina dan kapal-kapal perang dari kuasa asing seperti Eropah, Belanda.

Secara keseluruhannya, penulis mendapati perahu antara pengangkutan perang yang begitu ketara penggunaannya dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, diikuti oleh kapal dan seterusnya sampan. Walau bagaimanapun jika dilihat dari sudut peperangan, kapal merupakan satu keperluan yang begitu banyak dicatatkan dengan kitaran sebanyak 186 kali. Namun demikian, kapal adalah istilah umum yang merujuk kepada semua jenis-jenis kapal, berbeza dengan penjajah yang merupakan salah satu daripada jenis kapal

---

<sup>459</sup> Tuhfat al-Nafis (menuar) 289, hlmn 312

yang turut dicatatkan penggunaannya sebanyak 74 kali. Manakala, jenis perahu seperti balang, berangai, jalur, lancang, pinisi, pintak, pemayang dan kora antara perahu yang hanya sekali sahaja dirakamkan penggunaannya dalam peperangan. Sungguhpun penggunaan kapal atau perahu ada disebutkan dalam teks sebagai alat pengangkutan, perdagangan dan dalam kegiatan sehari-hari, namun ternyata penonjolan fungsi kapal dalam peperangan lebih jelas disebutkan. Hal ini telah memperlihatkan bahawa kapal antara satu keperluan yang amat diperlukan pada satu ketika dahulu.

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa perkapan menjadi satu elemen yang sangat penting dalam peperangan. Peggunaan kapal-kapal perang Eropah serta aneka bentuk kapal orang Melayu yang terdiri daripada model barat jelas memaparkan telah wujud hubungan perdagangan diantara dua kuasa pada ketika itu. Sekaligus meletakkan perkapan ke arena yang lebih tinggi untuk digunakan dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pelabuhan dan seumpamanya.

#### **4.6 Strategi peperangan dalam karya *Tuhfat al-Nafis***

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat, *Tuhfat al-Nafis* turut menjelaskan pelbagai bentuk strategi perang yang digunakan dalam peperangan. Ternyata bentuk strategi perang yang dirakamkan dalam *Tuhfat al-Nafis* merangkumi strategi yang bersifat defensif dan ofensif. Strategi tersebut dirancang dan dibina sama ada dikawasan darat, mahupun perairan untuk memastikan serangan yang dibuat berjalan dengan lancar dan sistematik serta menjadikan matlamat sesuatu perang itu tercapai melalui kebijaksanaan ahli ketenteraannya dalam mengatur strategi.

Berikut merupakan antara bentuk-bentuk strategi yang telah dapat dikenal pasti oleh penyelidik dalam karya *Tuhfat al-Nafis*. Antaranya seperti :

- Strategi membina benteng pertahanan

- Strategi menjalin perikatan tentera
- Strategi penyerangan secara terus-menerus (melulu)
- Strategi pengepungan
- Strategi mengatur posisi yang strategik
- Taktik menerapkan unsur penipuan
- Pengintipan

#### a) Strategi membina benteng pertahanan

Strategi membina benteng pertahanan amat popular digunakan dalam peperangan di darat. Berdasarkan penelitian terhadap teks *Tuhfat al-Nafis*, didapati strategi pertahanan ada digunakan dalam beberapa peristiwa perang. Sebagai contoh, persiapan awal telah dibuat dengan membina kubu, sekiranya Holanda berkeras juga untuk menakluk dan menguasai Riau. Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... Maka bersiaplah Yang Dipertuan Muda berbuat **kubu** dan mengatur meriam pada bukit-bukit serta menyiapkan penjajab serta mengumpulkan rakyat-rakyat dan menyediakan makanan dan ubat peluru...”<sup>460</sup>

“...Maka adalah Arung Belawah tinggal diam di Tanjung Pinang, dan di atas bukitnya iaitu resyidin kapitan Gones itu diam serta berbuat ia **benteng** tanah-tanah sahaja dahulu, serta dipagarnya teguh-teguh ditaruhnya meriam di atas benteng itu serta beberapa banyak serdadunya. Syahadan kata sahib al-hikayat...”<sup>461</sup>

Petikan teks di atas menjelaskan tentang satu peristiwa perang yang berlaku di antara Arung Belawah dan Holanda. Sebelum pertempuran itu berlangsung, Holanda yang di ketuai oleh Kapitan Gones telah bersiap sedia dengan membuat benteng-benteng pertahanan yang teguh dengan meriam dan serdadu yang banyak. Ternyata strategi ini sepatutnya diaplikasikan supaya lebih bersedia untuk menghadapi sebarang ancaman.

---

<sup>460</sup> Tuhfat al-Nafis (f.309), hlmn 335

<sup>461</sup> Tuhfat al-Nafis (f.318), hlmn 345

### **b) Strategi menjalin perikatan tentera**

Lazimnya dalam peperangan akan melibatkan pihak lain untuk membantu pihak tertentu dalam mempertahankan haknya. Selain itu untuk memastikan pencapaian utama diperolehi. Strategi ini dijalankan melalui cara bergabung tenaga dengan mana-mana angkatan tentera untuk membendung ancaman dan menangani serangan dari pihak musuh. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa perang tertentu yang nyata wujud dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafīs*.

“... maka alahlah Sultan Muhammad Zainuddin, lalu keluar daripada negeri dengan anak isterinya membawa dirinya ke Banjar, minta bantu kepada Sultan Banjar pada mengambil kerajaannya itu kembali semula...”<sup>462</sup>

Perebutan takhta di antara Pangeran Agung dengan Sultan Muhamad Zainuddin telah menyebabkan berlakunya perang di kerajaan Matan. Akibat daripada sikap tamak Pangeran Agung untuk merampas takhta saudaranya dari menjadi raja, beliau telah melakukan serangan secara melulu dan ia telah menyebabkan Sultan Muhammad Zainuddin menyerah kalah dan membawa dirinya ke Banjar. Di Banjar, Sultan telah meminta bantuan dari angkatan tentera Banjar untuk merampas semula haknya. Melalui strategi ini, ia mampu membantu pihak Sultan Muhammad Zainuddin mendapatkan jawatannya semula.

### **c) Strategi penyerangan secara terus-menerus**

Telah sedia maklum bahawa peperangan sering berlaku dalam satu jangka masa yang sangat panjang dan hal ini secara tidak langsung akan memberikan kesan negatif kepada sesbuah negara dari pelbagai sudut, seperti kedudukan ekonomi

---

<sup>462</sup> Tuhfat al-Nafīs (f.58), hlmn 61

semakin merosot, penduduk tempatan hidup dalam keadaan gelisah, ketakutan serta tidak tenteram.

Oleh sebab itu, salah satu daripada bentuk strategi yang telah dipilih oleh orang Melayu Bugis dalam perang adalah melakukan serangan secara terus menerus demi kepentingan melindungi sesebuah kawasan, negara dan sebagainya. Strategi ini juga melibatkan masa dan tempat yang dianggap paling sesuai untuk menjamin kejayaan. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“... syahadan keesokan harinya sahaja, maka orang-orang Terengganu pun melanggarlah kubu orang Kelantan. Adalah banyak kubunya tengah tiga puluh dan besarnya satu. Adalah orang melanggarnya lima ribu. Syahadan apabila orang Kelantan melihat orang Terengganu itu, maka dilembingnya. (katanya, “ datanglah mari orang Terengganu, jodohnya orang Kelantan).” Maka maralah orang Terengganu maka dibedil...”<sup>463</sup>

Ternyata dalam peristiwa perang di atas orang Terengganu telah melancarkan serangan secara mendadak ke atas kubu orang Kelantan, walaupun demikian orang Kelantan terus mencabar orang Terengganu dalam serangan tersebut, maka orang Terengganu tidak teragak-agak untuk terus mara ke hadapan dengan membedil orang Kelantan demi menjaga maruah dan kubu pertahanan mereka. Ini membuktikan bahawa dalam perang, strategi tersebut penting untuk memastikan diri dan sistem pertahanan lebih terjamin dan selamat sebelum diserang oleh pihak musuh terlebih dahulu.

#### d) Strategi Pengepungan

Pengepungan kebiasaannya merupakan salah satu bentuk strategi yang dirancang dan dibina untuk menghancurkan semangat dan kekuatan pertahanan musuh di sesuatu tempat yang strategik. Ternyata sejak dahulu lagi strategi ini telah digunakan dalam

---

<sup>463</sup> Tuhfat al-Nafis (f.197), hlmn 210

pertempuran. Hal ini terbukti apabila dalam karya T.N ada menyebutkan tentang penggunaan strategi ini dalam beberapa peristiwa perang yang nyata wujud dalamnya.

“... maka seketika beramuk-amukan itu, maka segala serdadu yang beribu-ribu itu pun mengepunglah kubu yang besar tempat semayam Yang dipertuan Muda itu. Maka bersaf-saflah ia mengelilingi kubu itu. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun bertitah menyuruhnya mengamuk...”<sup>464</sup>

“... maka Raja Kecik pun larilah ke hulu dengan orang-orangnya. Maka diikut oleh Bugis hingga sampai kepada suatu tempat yang bernama Sinapalan. Maka naiklah Raja Kecik ke darat, dan Bugis pun naik pula. Maka berperanglah pula disitu beramuk-amukan. Maka terkepunglah Raja Kecik itu hampir-hampir tewas...”<sup>465</sup>

“... dan mana-mana yang tenggelam tinggallah ia sepanjang jalan laut itu berhanyutan. Maka naiklah Raja Kecik ke Pulau Bayan kerana ada kubunya memang disitu, dan segala perahu-perahunya berkeliling di situ setengah orangnya naik ke darat...”<sup>466</sup>

#### e) Strategi mengatur posisi yang strategik

Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, Orang Melayu dan Bugis bijak menyusun posisi dan strategi ketika menghadapi peperangan. Melalui cara ini, sekumpulan angkatan tentera itu dapat digunakan kekuatannya dengan baik ketika bertempur melalui perpaduan usaha di bawah pimpinan seorang ketua yang bertanggungjawab. Hal ini dapat dilihat dalam teks:

“... apabila opu-opu itu melihat hal yang demikian itu maka dibahaginalah kelengkapan itu pula dua bahagi, dan satu bahagi merebut naik ke Tanjung Pinang diperbuatnya kubu di situ membedil ke Pulau Bayan, dan satu bahagi berdayung masuk mudik ke hulu Riau, jangan dihiraukan bedil...”<sup>467</sup>

---

<sup>464</sup> Tuhfat al-Nafis (f.237), hlmn 256

<sup>465</sup> Tuhfat al-Nafis (f.75), hlmn 78

<sup>466</sup> Tuhfat al-Nafis (f.67), hlmn 69

<sup>467</sup> Tuhfat al-Nafis (f.66) hlmn 69.

Petikan di atas menceritakan tentang peristiwa perang yang berlaku di antara orang Bugis dengan Minangkabau. Pelbagai strategi telah dirancang dan disusun oleh opu-opu Bugis untuk menghadapi peperangan, antaranya alat kelengkapan telah dibahagi kepada dua bahagian. Pertamanya diarahkan untuk membuat kubu di Tanjung Pinang, sementara yang kedua diarahkan supaya berdayung ke hulu Riau untuk memasang bedil. Jelaslah di sini bahawa dalam peperangan memerlukan kepada strategik yang sistematik supaya apa yang dirancang lebih teratur dan tidak menjadi kucar-kacir.

Bukti lain yang ditulis oleh pengarang tentang penyusunan strategi yang baik dalam peperangan, bahkan sudah dipersiapkan sekali alat kelengkapan perang yang diperlukan ketika perang.

“...Esok kita berperang kita rapatkan sekali segala penjajab-penjajab kita, serta kita lapis apilan kita pada malam ini tebal-tebal dan cari kayu tinggi-tinggi naikkan lela yang kecil-kecil ke atas kayu-kayu itu bedilkan ke dalam kubunya itu." Maka jawab segala orang tua-tua, "Mana-mana titah Tuanku kedua sehaja...”<sup>468</sup>

“... kelana jaya putera mengatur perangnya berbahagi dua, yang dua puluh gurab itu berperang sambil berundur itu waktu hampir-hampir malam. Yang sepuluh buah itu berperang di bahagi dua, enam buah melanggar dan mengamuk kubu Linggi itu dan yang empat buah menantikan...”<sup>469</sup>

Teknik peperangan menunjukkan bahawa segala helah peperangan juga turut dilakukan dengan penuh bijak. Hal ini memperlihatkan bahawa serangan yang bakal dilakukan bukan dianggap sebagai serangan yang melulu atau serangan yang tidak bersedia. Umpamanya seperti menerapkan tipu muslihat kepada individu tertentu, memperdaya dengan pelbagai bentuk, memberi suntikan semangat, meletakkan nilai dan ganjaran kepada individu yang terlibat dalam perang.

---

<sup>468</sup> Tuhfat al-Nafis (f.210), hlmn 226

<sup>469</sup> Tuhfat al-Nafis (f.71), hlmn 75

### **f) Taktik menerapkan tipu daya / muslihat**

Terdapat beberapa peristiwa perang yang nyata wujud dalam teks *Tuhfat al-Nafis* yang menunjukkan taktik ini digunakan supaya dapat mengambil perhatian pihak tertentu supaya belot terhadap pasukannya. Malah ada juga yang menggunakan taktik ini dengan tujuan untuk melemahkan pihak lawan melalui muslihat tertentu. Bentuk strategi ini dapat dilihat dalam teks berikut :

“... seorang dari menterinya yang pandai memujuk-mujuk dan menipu-nipu iaitu memasukkan pertipuan kepada hati-hati rakyat di situ dengan perkataan yang manis serta mengatakan pula ... syahadan apabila selesaiyah berjalan tipu hikmat itu, maka Raja Kecik pun datanglah beberapa kelengkapan hendak melanggar Johor itu...”<sup>470</sup>

### **g) Pengintipan**

Begitu juga dengan taktik pengintipan yang digunakan sebagai persediaan awal menghadapi pertempuran. Malah taktik ini juga bertujuan untuk memperolehi maklumat tertentu secara rahsia dan memudahkan strategi lebih mudah dirancang dan dibentuk, sekaligus sebagai jaminan untuk memperolehi kejayaan. Di samping itu, kegiatan mengintip ini juga perlu dilancarkan untuk menghidu dan mengetahui gerak-geri pihak lawan serta kekutan mereka dan senjatanya.<sup>471</sup> Hal ini dapat dilihat dalam teks :

“... apabila ia mendengar khabar Holanda datang ke Riau dengan angkatan, disuruhnyalah dengan beberapa orang yang mengintai-intai ke Riau. Maka dapatlah ia khabar ia hal gebermen Holanda mengambil Riau tiada dengan perang...”<sup>472</sup>

---

<sup>470</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.54) hlmn 56

<sup>471</sup> Muhammad Yusof Hashim, (1993), *Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia : Satu Telaah Awal (dalam) Tamadun Melayu*, jilid 1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 22

<sup>472</sup> *Tuhfat al-Nafis* (f.314) hlmn 340.

Ternyata dalam siri peperangan yang berlaku di Johor Riau telah menggunakan taktik pengintipan untuk memperolehi maklumat. Seperti yang dikatakan, sekiranya Holanda datang ke Riau dengan cara kekerasan, maka mereka perlu bertindak terlebih awal. Oleh kerana untuk lebih bersedia dalam bertempur, mereka telah mengintip untuk mendapatkan maklumat sama ada benar Holanda tiba atau tidak, ternyata Holanda datang ke Riau, namun mereka datang dengan cara baik. Maka peperangan tidak dijalankan kerana Holanda datang melalui cara persahabatan.

**h) Menerapkan unsur penipuan**

Menjadi tradisi bagi golongan pemerintah untuk mengambil hak masing-masing dengan pelbagai cara. Antaranya dengan memastikan rakyat bersepakat supaya memperjuangkan hak tertentu. Ternyata keadaan ini ada disebutkan dalam teks dengan menekan rakyat supaya mengikuti arahan, malahan akan dikenakan hukuman sekiranya individu tidak mematuhi peraturan.

“.... Memasukkan penipuan kepada hati-hati rakyat disitu, dengan perkataan yang manis serta mengatakan pula Yang ini Raja Kecik dengan sebenar-benarnya putera marhum mangkat dijulang. Sekarang ini adalah ia hendak berangkat ke Johor hendak mengambil pusakanya menjadi raja. Maka barangsiapa rakyat yang tidak mau mengikut kepadanya, nanti ditimpa daulat Marhum...”<sup>473</sup>

Petikan di atas menjelaskan tentang strategi penipuan yang dikenakan ke atas rakyat untuk meminta bantuan daripada rakyat supaya percaya dan bersama-sama dengan Raja Kecik untuk merampas takhtanya, yang kononnya merupakan anak kepada putera Marhum mangkat dijulang. Kebijaksanaan Raja Kecik memberikan pelbagai jenis kain kepada rakyat juga telah membuatkan rakyat mudah untuk menerima tawaran untuk

---

<sup>473</sup> Tuhfat al-Nafis (f.54), hlmn 56

bersama-sama berjuang dengan Raja Kecik meskipun itu hanya satu muslihat semata-semata.

## Rumusan

Berdasarkan kepada penemuan bentuk-bentuk strategi yang digunakan dalam siri peperangan yang dicatatkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, ternyata strategi yang dibentuk mempunyai rencananya yang tersendiri. Bahkan penyelidik merasakan penggunaan strategi tersebut menjadi begitu penting untuk memastikan kelangsungan hidup atau kemasuhan sesebuah negara. Strategi yang cuba dinyatakan oleh pengarang hakikatnya bersifat seiring, dimana ada dijelaskan penggunaan strategi ketika perang di darat, mahupun di kawasan perairan. Hal tersebut jelas memperlihatkan bahawa usaha yang dibuat oleh sesebuah organisasi ketika itu sesuai dengan keadaan dan persekitaran pada zaman tersebut.

Pada abad ke 18M, gambaran tentang keadaan dan persekitaran ketika itu tidak dibayangkan dengan pembangunan yang tinggi-tinggi, jauh berbeza dengan pencapaian dan kemajuan yang diperolehi pada masa kini. Justeru strategi yang cuba dilakukan pada ketika itu lebih strategik dan bersesuaian. Walau bagaimanapun, tiada masalah jika generasi masa kini cuba mempraktikkan bentuk-bentuk strategi dahulu untuk kegiatan perang pada masa akan datang kerana keberkesanannya telah terbukti seperti yang dicatatkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Sekurang-kurangnya sistem pertahanan yang ada pada masa kini dapat membina strategi yang lebih baik berdasarkan pengalaman yang telah sedia ada sebelum ini dengan sistem kawalan dan keselamatan yang lengkap pada masa kini.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa analisis terhadap subjek-subjek tersebut amat bermakna untuk memperkuuhkan lagi penyelidikan dalam bidang kajian ini. Kesemua elemen tersebut perlu dilihat dan diselidiki untuk mendapatkan satu gambaran peristiwa perang dalam teks *Tuhfat al-Nafis* dengan lebih mendalam sama ada dari sudut ketenteraannya, kepimpinannya, pertahanan, alat kelengkapannya dan kaedah peperangan yang berhubungkait dengan taktik dan strategi.

Pertamanya, penyelidik dapat merumuskan bahawa peristiwa perang yang cuba digambarkan dalam teks tersebut ternyata melibatkan ramai pihak yang terdiri daripada orang Melayu dan Bugis sendiri, sama ada yang berjawatan tinggi mahupun rakyat tempatan. Kedudukan Johor yang strategi telah menjadikannya sebagai salah satu pusat perdagangan yang hebat pada ketika itu, banyak kuasa-kuasa asing dari Barat, Arab, Cina yang masuk ke Kepulauan Johor Riau untuk menjalankan kegiatan tersebut. Dalam ketika sibuk menjalankan perdagangan, telah wujud juga pelbagai masalah di antara mereka sehingga mampu mencetuskan peperangan yang sangat hebat, bahkan terdapat juga pihak yang terpaksa meminta bantuan dari pihak luar untuk menghulurkan bantuan sama ada dari segi peralatan, mahupun perkapanan.

Melihat kepada alat kelengkapannya yang digunakan, ternyata orang Melayu dahulu kala memang hebat bermain senjata sehingga mampu menewaskan pihak musuh dengan sebilah keris, berbeza dengan masa kini yang memiliki teknologi dan peralatan yang canggih untuk mempertahankan negara. Dari segi penciptaan juga telah membuktikan bahawa orang Melayu kita memiliki kemahiran yang sangat tinggi sehingga mampu menghasilkan kapal dengan mengikut model dari pengaruh luar seperti Cina, Arab dan

Barat. Adakalanya, dalam perperangan orang Melayu dan Bugis memerlukan kepada perkhidmatan dari orang Eropah terutamanya untuk membantu dari segi penyediaan alat kelengkapan. Ini kerana perang yang dijalankan mengambil masa yang agak panjang dan terdiri daripada ramai peserta. Dengan adanya alat kelengkapan yang baik, ia dapat mengurangkan masalah ketika menghadapi serangan nanti.

Peperangan yang melanda ternyata bukan hanya melibatkan kawasan di darat semata-mata, seringkali disebutkan juga oleh pengarang bahawa terdapat beberapa strategi yang dipasang di kawasan perairan. Ini menunjukkan bahawa peristiwa perang yang melanda melibatkan tempat yang strategik dengan dipersiapkan pelbagai bentuk strategi supaya serangan yang dijalankan tidak melulu, tetapi berjalan dengan baik. Jelaslah bahawa strategi menjadi sangat penting sebagai persiapan menghadapi serangan dan ianya juga melambangkan kepakaran para peserta perang dalam merancang, menyusun strategi untuk memudahkan perang dilaksanakan. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh orang Melayu dan Bugis khasnya untuk menghadapi peperangan adalah sangat efisyen meskipun keadaannya jauh berbeza dengan sekarang. Bahkan semangat yang diperlihatkan untuk memperjuangkan hak masing-masing terbukti telah mendominasi punca berlakunya perperangan sama ada melalui dasar perluasan kuasa, perebutan takhta, ekonomi dan sebagainya. Ternyata peristiwa perang yang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* memberikan gambaran yang sangat jelas sama ada dari sudut motif perang, penglibatan para peserta dan jawatan tertinggi, alat kelengkapan yang terdiri daripada kapal dan senjata serta bentuk strategi yang disusun mengikut keperluan dan bersesuaian dengan tempat. Sesungguhnya teks tersebut menjadi salah satu sumber sejarah yang boleh digunakan untuk generasi akan datang.

## BAB 5

### PENUTUP

---

#### 5.1 Kesimpulan

Peperangan merupakan satu agenda yang sering dirancang dan memerlukan daya usaha yang tinggi sama ada dari sudut mental atau fizikal untuk mencapai matlamat tertentu. Melalui jalan peperangan juga telah membuktikan bahawa tamadun mampu dibina walaupun subjek tersebut sering dipandang dari sudut yang negatif sebagai satu alat untuk mencapai kepentingan tertentu terutamanya berkaitan dengan penindasan dan kekejaman. Meskipun demikian, berdasarkan kepada kajian yang dibuat ternyata peperangan itu tidak boleh dilihat sebelah mata dan diukur dari sudut yang negatif sahaja. Ini kerana banyak perkara yang memungkinkan ia terus berlaku dalam kehidupan, antaranya sebagai satu strategi untuk pertahanan diri, perluasan kuasa dan pembangunan negara sama ada dari sudut politik, ekonomi dan sebagainya. Namun demikian adalah lebih baik peperangan itu dihindari kerana kesannya yang begitu mendalam kepada seseorang individu, sekaligus membantutkan kemajuan negara dan masa depan masyarakat terganggu.

Ternyata pandangan tersebut selari dengan bukti-bukti yang ditemui dalam teks *Tuhfat al-Nafis* bahawa peperangan yang nyata wujud dalam teks banyak mempengaruhi kehidupan orang Melayu dan Bugis ketika itu. Bahkan jika dilihat dari pelbagai sudut, bahawa peranan dan sikap negatif yang dimainkan oleh para pemerintah juga akan turut mengundang kepada pertempuran. Dalam masa yang sama kuasa-kuasa

luar secara tidak langsung akan bertindak dengan mengambil peluang yang ada untuk memecahbelahkan sesebuah negara dan kaum. Teryata sikap agresif yang wujud dalam sesebuah kaum mampu mencetuskan perang dengan tujuan untuk menunjukkan kehebatan kaum tertentu melalui pelbagai cara, umpamanya perebutan takhta, penaklukan kawasan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kononnya dengan perang ia dapat menjaga kepentingan suku kaum masing-masing dan mempertahankan kedudukan sesebuah kerajaan. Hal ini jelas ada dirakamkan oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis*, Raja Ali Haji yang mengangkat kehebatan dan kekuasaan orang Bugis sebagai orang yang sangat agresif dalam mempertahankan kedudukannya.

Campurtangan kuasa-kuasa Barat dalam kerajaan Johor Riau mula kelihatan menerusi aktiviti perdagangan, meskipun demikian sikap ketidak adilan, tamak dalam memperolehi harta, pembahagian harta yang tidak seimbang, tidak jujur dalam perniagaan telah menyebabkan hubungan baik yang terjalin ini menjadi permusuhan. Merujuk kepada teks *Tuhfat al-Nafis* juga, jika diteliti kuasa Barat ini telah berjaya menawan beberapa buah kerajaan untuk berada di bawah naungan pemerintahan mereka. Dalam masa yang sama, kuasa asing ini juga tidak terlepas dalam memberi bantuan dan sumbangan idea untuk membantu orang Melayu, Bugis menghadapi pertempuran. Hal ini jelas menggambarkan bahawa secara tidak langsung, kuasa Barat juga bersama-sama dengan orang Melayu, Bugis menyertai perang. Keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa perang terjadi berpunca daripada sikap manusia yang tidak mampu dikawal. Hal ini bertepatan dengan ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa berlakunya kerosakan di muka bumi ini adalah kerana perbuatan manusia itu sendiri. Menerusi analisis yang dibuat dari teks *Tuhfat al-Nafis*, golongan istana yang berpangkat merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam melancarkan serangan. Ini kerana purata keseluruhan motif perang itu disebabkan

oleh unsur-unsur seperti pentadbiran, kepimpinan yang melibatkan jawatan berpangkat dan secara tidak langsung dapat memberi implikasi yang baik dalam pembentukan negara serta keselamatan lebih terjamin.

Peristiwa perang yang dirakamkan dalam teks *Tuhfat al-Nafis* banyak memperlihatkan penggunaan senjata yang dijadikan sebagai alat kelengkapan perang. Disamping itu, senjata yang disebutkan dalam teks juga digunakan untuk kehidupan seharian dalam pelbagai bidang, antaranya sebagai barang dagangan, bingkisan hadiah dan sebagainya. Senjata merupakan warisan tradisi negara yang diangkat kedudukannya dari segi penggunaannya. Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa senjata merupakan satu elemen penting dalam sistem pertahanan dan perlindungan diri demi menjaga keamanan sejagat. Secara keseluruhan, berdasarkan kepada penelitian teks *Tuhfat al-Nafis* dapatlah disimpulkan bahawa senjata yang digunakan dalam peristiwa perang tersebut terdiri daripada dua sifat yang berbentuk defensif dan ofensif. Ternyata penggunaan senjata ofensif lebih mendominasi ketika itu dengan purata hampir 20 jenis dan meriam merupakan alat yang begitu hebat pada waktu itu untuk melancarkan serangan. Meskipun demikian, senjata defensif turut dibawa dan digunakan dalam perang sebagai alat untuk melindungi dan mempertahankan diri dari serangan pihak musuh. Senjata ofensif yang dimaksudkan terdiri daripada pakaian seragam perang, seperti baju besi, seluar rantai, apilan, baju lamina dan yang paling utama, angkatan tentera juga menggunakan perisai bersama-sama dengan senjata tertentu.

Selain menjadi alat kelengkapan perang, ia juga digunakan sebagai barang dagangan yang mampu menjana pembangunan ekonomi sesebuah kerajaan. Malah mampu menyumbang ke arah perluasan kuasa serta hubungan diplomatik antara pihak luar. Kapal juga adalah antara alat kelengkapan perang yang dirakamkan dalam teks

*Tuhfat al-Nafis*. Sesungguhnya kapal yang digunakan ketika itu terdiri dari pelbagai jenis yang mendapat pengaruh luar dari segi pembuatannya. Selain daripada itu, terdapat beberapa kapal perang dari Arab, Eropah, Cina yang turut dicatatkan penggunaannya di kalangan orang Melayu dan Bugis umumnya dalam melancarkan serangan. Meskipun perkapalan ketika itu tidak sehebat teknologi masa kini, namun ia dapat membantu menggerakkan anggota ketenteraan dalam melancarkan serangan dengan lebih sistematik, bahkan dengan kemudahan yang ada pada masa itu juga dapat meningkatkan sumber ekonomi sesebuah kerajaan dari segi penciptaanya.

Tidak lengkap rasanya ketika bertempur tanpa strategi, hanya bergantung kepada pelaku dan alat kelengkapan semata-mata. Semestinya strategi perlu disusun dan dirancang untuk memastikan peperangan berjalan dengan lancar seiring dalam mencapai objektif perang, seperti yang dibuktikan oleh orang Melayu dan Bugis dalam peperangan, mereka mempunyai pelbagai ragam dan bentuk strategi untuk diaplikasikan bersesuaian dengan kedudukan, bahkan ianya juga melambangkan kebijaksanaan anggota ketenteraan itu sendiri dalam merancang, menyusun strategi untuk menentukan kelangsungan hidup atau kemasuhan negara serta keamanan rakyat. Jelaslah bahawa kemenangan yang diperolehi dalam peperangan turut dipengaruhi daripada bentuk strategi yang dirancang dan perlu mendapat kerjasama yang baik di kalangan sesama anggota ketenteraan.

Oleh sebab itu, sebagai generasi masa kini seharusnya perlu menyedari dan membuka mata untuk menerima bahawa peperangan itu tidak sama sekali dirancang dengan mudah, bahkan memerlukan kepada elemen-elemen tertentu untuk memastikan objektif perang itu tercapai, dan perlu diketahui juga bahawa perang itu bukan satu perkara yang diingini oleh setiap manusia, malah perang akan terus berlaku kerana

setiap daripadanya mempunyai agenda tersendiri sama ada untuk kepentingan individu atau pun hak bersama.

Diharap dengan berbekalkan kepada analisis kajian berdasarkan kepada teks ini, masyarakat dapat menghayati peperangan yang melanda di kalangan orang Melayu khususnya untuk membina semangat dan mengambil iktibar dari sudut perspektif yang positif. Selain itu, dapat menyedari bahawa pada dasarnya terdapat banyak catatan lama dari pelbagai manuskrip tulisan tangan yang membicarakan tentang pelbagai aspek terutamanya yang menjurus kepada perihal kehidupan manusia. Oleh yang demikian, hal tersebut telah menunjukkan dan membuktikan bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan antara sumber persuratan yang boleh dipercayai dan bersifat sejarah, bahkan masyarakat masa kini digalakkan untuk membuat penilitian dan penyelidikan berkaitan dengan peperangan terutamanya dalam teks Melayu lama yang menjadi sebahagian daripada sumber sejarah yang begitu penting dalam kehidupan.

## **5.2 Cadangan dan saranan**

Berdasarkan dari apa yang diperbincangkan, di sini penyelidik akan mengemukakan beberapa saranan yang diiktirafkan perlu dan bersesuaian dengan tajuk yang dibahaskan :

- ❖ Pihak tertentu hendaklah menganjurkan lebih banyak lagi seminar atau pameran berkaitan dengan manuskrip Melayu untuk mengangkat kualiti dan martabat teks Melayu lama sebagai salah satu sumber sejarah yang begitu penting bagi generasi masa akan datang.
- ❖ Menggalakkan lebih banyak kajian dilakukan berdasarkan teks Melayu lama untuk mengupas isi kandungan yang terdiri dari pelbagai tema dan subjek sebagai langkah untuk memperkenalkan teks tersebut menjadi sumber sejarah yang boleh dipercayai.
- ❖ Media massa sama ada media cetak atau media elektronik perlu memainkan peranan bersama dengan memaparkan sesuatu maklumat berkaitan dengan teks Melayu lama, terutamanya kepada masyarakat Melayu tentang sumber sejarah yang menjadi warisan kaum Melayu khasnya.
- ❖ Diharapkan juga, pada masa akan datang terdapat banyak lagi usaha pengkajian yang berdasarkan kepada teks- teks sejarah seperti manuskrip dari aspek yang lain, selain daripada sudut peperangan berdasarkan Tuhfat al-Nafis kerana teks sejarah lama banyak mencerminkan tentang kehidupan manusia.

- ❖ Selain itu juga, penyelidik menyarankan agar manuskrip-manuskrip ini dapat diterbitkan untuk dijadikan sebagai rujukan atau panduan kepada masyarakat kerana isi kandungannya yang begitu banyak memperkatakan tentang ciri-ciri khas kehidupan manusia. Di samping itu, menambahkan lagi koleksi buku yang ada di pasaran.
  
- ❖ Memberi galakan kepada generasi masa kini untuk terlibat dalam aktiviti yang bersifat pertahanan diri seperti PLKN sebagai langkah mempertahankan dan melindungi diri.
  
- ❖ Mencadangkan supaya mahasiswa dapat menghasilkan satu penyelidikan berkaitan peperangan dengan membuat perbandingan sumber di antara koleksi rujukan barat dengan alam Melayu.
  
- ❖ Menyarankan supaya generasi masa kini menganalisis maklumat perang dari aspek yang pelbagai, tidak hanya terikat kepada punca, peserta, alat kelengkapan dan strategi, bahkan lebih daripada itu.
  
- ❖ Mengambil pengajaran dan ikhtibar dari pelbagai peristiwa sebagai langkah persediaan menghadapi peperangan untuk diaplikasikan pada masa akan datang.
  
- ❖ Pihak negara juga dapat menambah baik sistem pertahanan negara sama ada dari segi strategi peperangan untuk menjaga keamanan negara, meskipun peralatan dan alat kelengkapan yang digunakan pada abad ke 18 tidaklah sehebat masa kini.